

KEBERKESANAN PENDEKATAN
ISLAMIC PROJECT© SEBAGAI KAEDAH
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
TERKINI PENDIDIKAN AKHLAK DALAM
KALANGAN GURU SERTA MURID
PRASEKOLAH KEMAS DI NEGERI
KELANTAN

UMP

MAZENI BINTI ISMAIL

اونيورسيتي مليسيا قهغ

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

DOKTOR FALSAFAH

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

PENGESAHAN STATUS TESIS DAN HAK CIPTA

Nama : MAZENI BINTI ISMAIL

Tarikh Lahir : 04. 11.1980

Tajuk : KEBERKESANAN PENDEKATAN *ISLAMIC PROJECT*© SEBAGAI
KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TERKINI
PENDIDIKAN AKHLAK DALAM KALANGAN GURU SERTA
MURID PRASEKOLAH KEMAS DI NEGERI KELANTAN

Sesi Akademik : SEMESTER II 2019/2020

Saya mengaku bahawa tesis ini diklasifikasikan sebagai:

- SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1997)
- TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh ogganisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan)
- AKSES TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis yang akan diterbitkan sebagai akses terbuka dalam talian (Teks Penuh)

Saya mengaku membenarkan tesis ini disimpan di Perpustakaan dengan syarat-syaratgunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Pahang
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi .

Disahkan oleh :

801104035786

NEW K/P No.
Tarikh :

Dr. Hj Hasmadi bin Hj. Hassan

Nama Penyelia
Tarikh :

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG



PENGESAHAN PENYELIA

Saya mengakui bahawa telah menyemak tesis ini dan pada pendapat saya tesis ini adalah memadai dari aspek, skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Doktor Falsafah.

Nama Penyelia : DR.HJ HASMADI BIN HJ.HASSAN
Jawatan : PENSYARAH KANAN
Tarikh : 17.08.2020

اونيورسيتي ملايسيا قهغ

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG



PENGESAHAN PELAJAR

Saya dengan ini mengaku bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah asli melainkan petikan yang telah dijelaskan sumbernya. Saya juga mengaku bahawa hasil kerja ini tidak pernah dikemukakan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Malaysia Pahang atau mana-mana institusi lain.

Nama : MAZENI BINTI ISMAIL

No.Matrik : PBS13007

Tarikh : 17.08.2020

UMP

اونيورسيتي مليسيا قهغ

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

KEBERKESANAN PENDEKATAN *ISLAMIC PROJECT*© SEBAGAI KAEDAH
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TERKINI PENDIDIKAN AKHLAK
DALAM KALANGAN GURU SERTA MURID PRASEKOLAH KEMAS DI
NEGERI KELANTAN



MAZENI BINTI ISMAIL

UMP

Tesis yang dikemukakan sebagai memenuhi syarat
untuk penganugerahan

Doktor Falsafah

اونيورسيتي ملايسيا قهق

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Pusat Sains Kemanusiaan

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

OGOS 2020

DEDIKASI

**Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang
Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala pujian
atas limpah dan kurnia Allah s.w.t Tuhan semesta alam. Selawat dan salam
kepada junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.**

Ayahanda Ismail Daud dan Allahyarhamah Bonda Mesah Yusuff

Semoga Allah merahmati ayahanda dan bonda berdua dunia akhirat.

Suami saya, Mohd Rosmadi Mat Isa,

Anak-anak saya Nurul Anis Athirah, Muhammad Mu'az,

Muhammad Huzaifah, Aisyah Zaharah dan Muhammad Yusuf

Kalian semua adalah pendorong semangat dan sumber inspirasiku

Buat kakakku, adik-adik yang dikasihi, sahabat-sahabat seperjuangan dan

Para pendidik yang sentiasa mencurahkan ilmu tanpa jemu

**Terima kasih atas segala-galanya. Hanya Allah s.w.t yang mampu membalas jasa
kalian**


PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah, kesyukuran dipanjatkan kehadiran Allah SWT dengan limpah kurnia dan InayahNya saya telah berjaya menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Selawat dan salam buat Baginda Rasul junjungan Muhammad s.a.w., ahli keluarga, sahabat-sahabat beginda, para tabi' dan tabi'in serta pengikut seruan baginda.

Sekalung penghargaan dan terima kasih buat Dr. Hj Hasmadi bin Hj Hassan pensyarah dan penyelia bagi kajian tesis ini. Segala jasa dan kudrat akal fikiran dan tunjuk ajar selama ini dibalas dengan ganjaran yang baik dan berkekalan kebaikan itu hingga ke jannah. Semoga jasa kalian akan diberi kebaikan. Terima kasih juga diucapkan kepada Dekan Pusat Sains Kemanusiaan, Pegawai Pusat Sains Kemanusiaan yang banyak membantu sepanjang saya menuntut ilmu di Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Semoga dengan sumbangan dalam menyiapkan tesis ini memberi sedikit sebanyak memberi manfaat pada masa hadapan. In shaa Allah.



اونيورسيتي مليسيا قهغ

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

ABSTRAK

Islamic Project© ialah kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dibina untuk menerapkan pendidikan akhlak kanak-kanak prasekolah yang merangkumi adab-adab dalam perbualan, pergaulan dan sebagainya. Matlamat kajian ini adalah untuk membina dan menilai keberkesanan penggunaan kaedah *Islamic Project*© oleh guru prasekolah dalam membantu meningkatkan perkembangan akhlak murid prasekolah di Tabika-tabika KEMAS negeri Kelantan. Kajian ini melibatkan dua kaedah penyelidikan, iaitu kuantitatif dan kualitatif. Kajian ini melibatkan tiga fasa. Fasa pertama melibatkan analisis kajian-kajian lepas dan analisis keperluan kajian. Fasa kedua pula ialah fasa pembinaan Modul *Islamic-Project*© berdasarkan Teknik Delphi Terubah Suai. Manakala fasa ketiga merupakan fasa penilaian. Fasa ini melibatkan 50 orang dari kumpulan intervensi dan 50 orang dari kumpulan kawalan. Keberkesanan intervensi ini dinilai menggunakan Model Penilaian 4 Tahap Kirkpatrick. Hasil kajian mendapati struktur dan kandungan modul *Islamic Project*© ini mencapai tahap kepuasan yang amat tinggi (CVI = 0.95). Hasil analisis ANCOVA juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi semua perbandingan dalam kumpulan intervensi dan kawalan, di mana min pengetahuan murid meningkat dalam kumpulan yang menerima intervensi. Hasil kajian juga menunjukkan terdapat peningkatan yang signifikan pada perubahan skor sikap antara kumpulan intervensi dan kawalan berdasarkan masa ($f\text{-stat}=420.47$, $p\text{-value}<0.001$) dan terdapat peningkatan yang signifikan pada perubahan skor amalan antara kumpulan intervensi dan kawalan berdasarkan masa ($f\text{-stat}=112.20$, $p\text{-value}<0.001$). Guru-guru yang telah ditemubual juga mendapati modul *Islamic Project*© ini, dapat meningkatkan pembelajaran melalui (1) penyiasatan termasuk bertanya soalan, motivasi, pemerhatian dan perbincangan, (2) kerja berpasukan termasuk, mengambil berat antara satu sama lain dan (3) komunikasi termasuk aktif berkomunikasi, perkongsian, interaksi sosial dan bercerita. Modul *Islamic Project*© ini juga sebenarnya telah diterimapakai di kebanyakan Tabika KEMAS negeri Kelantan sebagai salah satu kaedah yang berkesan dalam mendidik serta mengasuh akhlak dalam kalangan murid-murid prasekolah.

اوتنيور سيني مليسيا فهدغ
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

(Kata kunci : Pendekatan Projek, *Islamic Project* ©, Akhlak, Prasekolah)

ABSTRACT

Islamic Project © is a teaching and learning method built to inculcate the education of preschool children which includes manners in conversation, socializing and so on. The aim of this study is to develop and evaluate the effectiveness of the use of Islamic Project © methods by preschool teachers in helping them to improve the morale of preschool students in the Kelantan state. This study involves two research methods, quantitative and qualitative. This study involved three phases. The first phase involves analysis of past studies and analysis of research needs. The second phase is the construction phase of the Islamic-Project Module © based on the Delphi Modified Technique. The third phase is the evaluation phase. This phase involved 50 people from the intervention group and 50 from the control group. The effectiveness of the intervention was assessed using Kirkpatrick's 4-Level Rating Model. The results showed that the structure and content of this Islamic Project © module reached a very high level of satisfaction (CVI = 0.95). The ANCOVA analysis also showed that there was a significant difference in all comparisons between the intervention and control groups, where the mean of students' knowledge is increased in the intervention group. The results also showed a significant increases in the change of attitude scores between the intervention and control groups over time (f-stat = 420.47, p-value = <0.001) and there was a significant increases in the change in practice scores between the intervention and control groups over time (f-stat = 112.20, p-value = <0.001). The teachers who have been interviewed also found that the module of Islamic Project ©, could enhance the learning through (1) investigation including asking questions, motivations, observations and discussions, (2) teamwork including, concern for each other and (3) communication including active communication, sharing, social interaction and storytelling. This Islamic Project © module has also been widely adopted in most KEMAS in Kelantan as an effective method of educating and nurturing morals among preschool students.

اونيور سیتی ملیسیا قهغ

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

(Keywords: Project Approach, Islamic Project ©, Morals, Preschools)

KANDUNGAN

DEKLARASI

TAJUK

DEDIKASI

PENGHARGAAN

ii

ABSTRAK

iii

ABSTRACT

iv

KANDUNGAN

v

SENARAI JADUAL

xiv

SENARAI RAJAH

xix

SENARAI SIMBOL

xxi

SENARAI SINGKATAN

xxii

SENARAI LAMPIRAN

xxiv

BAB 1 PENDAHULUAN

1

1.1 Pengenalan

1

1.2 Latar Belakang Masalah

3

1.3 Penyataan Masalah


4

1.4 Matlamat & Objektif Kajian

6

1.5 Soalan Kajian

6



اونيورسيتي ملپسيا قهق

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

1.6	Hipotesis Kajian	7
1.7	Rasional Kajian	8
1.8	Kepentingan Dan Sumbangan Kajian	9
1.9	Batasan Kajian	10
1.10	Definisi Istilah	11
1.10.1	Tabika	11
1.10.2	Kanak-kanak Prasekolah	11
1.10.3	<i>Islamic-Projek©</i>	11
1.10.4	KEMAS	11
1.10.5	Akhlak	12
1.10.6	Pendekatan Projek	12
1.10.7	Modul	12
1.10.8	Pendekatan	13
1.10.9	Kesahan	13
1.10.10	Keberkesanan	13
1.11	Organisasi Tesis	14
1.12	Model Kajian	14
1.13	Rumusan	16

BAB 2 SOROTAN KAJIAN	17
2.1 Pengenalan	17
2.2 Gambaran Keseluruhan Pendekatan Projek	17
2.3 Sorotan Kajian Yang Lepas	20
2.3.1 Pendekatan Pengajaran Guru Terhadap Kanak-kanak Luar Negara	20
2.3.2 Intervensi Pengajaran dan Penglibatan Kanak-kanak	24
2.3.3 Pendekatan Pembelajaran 'Hands-On' terhadap Kanak-kanak	31
2.3.4 Kesan Pengajaran Pembentukan Akhlak Kanak-kanak Dari Aspek Pengetahuan, Sikap dan Amalan.	34
2.4 Teori-teori Berkaitan	41
2.4.1 Teori Perkembangan Kognitif Piaget	41
2.4.2 Teori Sosial Budaya Vygotsky	42
2.4.3 Perbandingan Teori	43
2.4.4 Kerangka Teori	44
2.5 Pembangunan Model Intervensi <i>Islamic-Projek</i> ©	45
2.6 Model Kumpulan Psychoeducational	46
2.7 Analisis Keperluan	47
2.8 Penilaian Keberkesanan Intervensi	49
2.8.1 Penilaian Model Kirkpatrick	49
2.9 Teknik Delphi Terubah Suai	51

2.10	Kesimpulan	53
BAB 3 METODOLOGI		55
3.1	Pengenalan	55
3.2	Reka Bentuk Kajian	56
3.2.1	Kerangka Metodologi Kajian	58
3.3	Kaedah Penyelidikan Secara <i>Mix Method</i>	60
3.3.1	Semakan Modul Asas Pengajaran Pendidikan Islam KEMAS	60
3.3.2	Pembangunan dan Pengesahan Modul	60
3.3.3	Panel Pakar Delphi	61
3.3.4	Pengumpulan Data Delphi	63
3.3.5	Data Analisis Teknik Delphi Terubah Suai	65
3.4	Analisis Keperluan Kajian	66
3.4.1	Pengesahan Modul <i>Islamic-Project</i> ©	67
3.4.2	Carta Alir Proses Pembangunan dan Validasi Modul <i>Islamic-Project</i> ©	69
3.4.3	Pengesahan Pembangunan Modul <i>Islamic-Project</i> ©	70
3.5	Penilaian Keberkesanan Modul <i>Islamic-Project</i> ©	81
3.5.1	Carta Alir Berdasarkan Intervensi Modul <i>Islamic-Project</i> ©	81
3.5.2	Prosidur Kajian	83


3.5.3	Alat Kajian	83
3.6	Pengumpulan Data	85
3.6.1	Pengumpulan Data Kumpulan Intervensi Bagi Guru	86
3.6.2	Pengumpulan Data Bagi Murid-murid	87
3.7	Populasi dan Sampel Kajian	88
3.8	Tempat Kajian	89
3.8.1	Senarai Tabika Kumpulan Intervensi	90
3.8.2	Senarai Tabika Kumpulan Kawalan	90
3.9	Pemilihan Sampel	92
3.10	Pengiraan Saiz Sampel	92
3.11	Instrumentasi Kajian	94
3.11.1	Instrumen Kajian Fasa 1 : Analisa Keperluan dan Gaya Pengajaran Guru	94
3.11.2	Instrumen Fasa 2 : Instrumen Delphi	96
3.11.3	Instrumen Fasa 3 : Penilaian Keberkesanan (Kirkpatrics Four Levels of Evaluation (1959)	97
3.12	Analisis Data	100
3.12.1	Kaedah Kajian Kuantitatif	100
3.12.2	Kaedah Kajian Kualitatif	102
3.12.3	Kaedah Pemilihan Sampel Kualitatif	102
3.12.4	Kaedah Pengumpulan Data	103

3.12.5	Kebolehpercayaan Soalselidik	104
3.12.6	Instrumen Kajian- Temubual dan Protokol Temubual	105
3.12.7	Prosedur Kajian dan Pengumpulan Data	105
3.13	Kesimpulan	107
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		108
4.1	Pengenalan	108
4.2	Data Demografi	109
4.3	Analisis Soal Selidik	110
4.3.1	Apakah Pemahaman Guru terhadap Pengajaran Pendekatan Projek Akhlak (Sebelum Bengkel)	111
4.3.2	Apakah Tahap Pemahaman Guru terhadap Pengajaran Pendekatan Projek Akhlak (Sebelum Bengkel)	114
4.4	Apakah Pemahaman Guru Terhadap Pengajaran Pendekatan Projek ? (Selepas Bengkel)	114
4.4.1	Tahap Pemahaman Guru terhadap Pengajaran Pendekatan Projek (Selepas Bengkel)	114
4.4.2	Apakah Tahap Pemahaman Guru terhadap Pengajaran Pendekatan <i>Islamic Project</i> (Selepas Bengkel)	118
4.4.3	Perbandingan Pemahaman Guru terhadap Pendekatan <i>Islamic-Project</i> ©	119
4.5	Apakah Gaya Pengajaran Guru Prasekolah yang Paling Dominan yang digunakan dalam Pembentukan Akhlak Murid Tabika KEMAS?	120

4.5.1	Analisis Dekskriptif Gaya Pengajaran Pakar	120
4.5.2	Analisis Dekskriptif Gaya Pengajaran Autoriti Formal	122
4.5.3	Analisis Dekskriptif Gaya Pengajaran Responden Fasilitator	123
4.5.4	Analisis Dekskriptif Gaya Pengajaran Responden Delegator	124
4.5.5	Analisis Dekskriptif Gaya Pengajaran Model Personal	125
4.5.6	Analisis Keseluruhan Gaya Pengajaran Yang Paling Dominan digunakan oleh Guru-guru sebelum menggunakan <i>Islamic-Project</i> ©	126
4.6	Pembinaan dan Pembangunan Modul <i>Islamic-Project</i> © Untuk Guru	127
4.6.1	Hasil Dapatan Kajian Berdasarkan Semakan Modul dan Analisis Keperluan	127
4.6.2	Hasil Dapatan Kajian	130
4.6.3	Modul Untuk Guru-guru	137
4.6.4	Rumusan Kadar Maklumbalas dan Keputusan Setiap Delphi Yang Dijalankan.	137
4.6.5	Keputusan Validasi Untuk Modul <i>Islamic-Project</i> ©	143
4.7	Carta Alir Berdasarkan Intervensi Modul <i>Islamic-Project</i> ©	149
4.8	Permulaan Berdasarkan Ciri-ciri Sosiodemografi Guru-guru	150
4.9	Tahap 1 Kickpatrick : Tindakbalas Guru Terhadap Program Intervensi <i>Islamic-Project</i> ©	151
4.10	Tahap 2 Kickpatrick : Pengetahuan Guru	152
4.11	Tahap 3 Kickpatrick : Analisis Skor Sikap Guru	155

4.12	Tahap 3 Analisis Keseluruhan Skor Amalan Guru	158
4.13	Tahap 4 Kickpatrick : Pengetahuan Murid	161
4.14	Tahap 4 Kickpatrick : Sikap Murid	164
4.15	Tahap 4 Kickpatrick : Analisis Keseluruhan Skor Amalan Murid	168
4.16	Tahap 4 Kickpatrick : Analisis Data Kualitatif	171
4.16.1	Temubual Berstruktur	171
4.16.2	Data Demografi Responden	171
4.16.3	Penerangan Mengenai Penemuan Data Kualitatif	172
4.16.4	Tembual Guru-guru Yang Terlibat	175
4.17	Kesimpulan	180
BAB 5 PERBINCANGAN , RUMUSAN DAN CADANGAN		181
5.1	Pengenalan	181
5.2	Ringkasan Kajian	181
5.3	Perbincangan Hasil Kajian	184
5.3.1	Perbincangan Hasil Dapatan Kajian Analisis Keperluan	184
5.3.2	Perbincangan Hasil Kajian Gaya Pengajaran Guru yang Paling Dominan dan Tahap Pemahaman Pendekatan <i>Islamic-Project</i> ©	186
5.3.3	Perbincangan Dapatan Fasa Rekabentuk dan Pembangunan Modul <i>Islamic-Project</i> ©	187
5.4	Perbincangan Dapatan Fasa Penilaian Kepenggunaan	192

5.4.1	Keberkesanan Intervensi	192
5.5	Kekuatan Kajian ini	206
5.6	Limitasi dan Cadangan	210
5.7	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	213
5.8	Kesimpulan	214
RUJUKAN		215
LAMPIRAN		233



اونيورسيتي مليسيا قهغ
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	Kajian Pendekatan Pengajaran Guru Luar Negara	23
Jadual 2.2	Intervensi Dan Kajian Penglibatan Kanak-Kanak Di Malaysia	29
Jadual 2.3	Kesan Pengajaran Guru Terhadap Pembentukan Akhlak Kanak-Kanak (Pengetahuan, Sikap Dan Amalan).	41
Jadual 2.4	Soal Selidik Pandangan Modul Oleh Guru	48
Jadual 3.1	Senarai Nama Pakar Delphi Yang Terlibat	62
Jadual 3.2	Data Ciri-Ciri Pakar Panel	62
Jadual 3.3	Skala Penilaian Soal Selidik Delphi	66
Jadual 3.4	Soal selidik Pandangan Modul Oleh Guru	67
Jadual 3.5	Pengiraan Tahap Pengesahan Kandungan	68
Jadual 3.6	Senarai <i>Islamic Project</i> ® Yang Dibina	72
Jadual 3.7	Konsep-Konsep Dalam Modul <i>Islamic Project</i> ®	72
Jadual 3.8	Tentatif Program Modul <i>Islamic Project</i> ®	76
Jadual 3.9	Rumusan Modul Latihan <i>Islamic Project</i> ® Untuk Guru	78
Jadual 3.10	Data Bilangan Guru Dan Kanak-Kanak Tabika KEMAS	88
Jadual 3.11	Nama Tabika Yang Terlibat (Kumpulan Intervensi)	89
Jadual 3.12	Lokasi Tabika	90
Jadual 3.13	Nama Tabika Yang Terlibat (Kumpulan Kawalan)	90
Jadual 3.14	Jadual Penentuan Saiz Sampel (Krejcie & Morgan, 1970)	93
Jadual 3.15	Jumlah Guru Dan Bilangan Responden	93
Jadual 3.16	Soal Selidik Pandangan Modul Oleh Guru	95

Jadual 3.17	Analisis Pembahagian Item Soal Selidik Gaya Pengajaran Guru	96
Jadual 3.18	Borang Soal Selidik Delphi	96
Jadual 3.19	Maklum Balas Program Intervensi	98
Jadual 3.20	Analisis Pembahagian Item Soal Selidik Pengetahuan, Sikap Dan Amalan Guru	98
Jadual 3.21	Skala Likert 5 Mata	99
Jadual 3.22	Analisis Pembahagian Item Soal Selidik Pengetahuan, Sikap Dan Amalan Murid	99
Jadual 3.23	Skala Tahap Pencapaian Murid	100
Jadual 3.24	Analisis Statistik Bagi Soalan Kajian	101
Jadual 3.25	Pemarkatan Skor Tahap Pemahaman	102
Jadual 3.26	Peserta Yang Terlibat Dalam Pendekatan Kualitatif	103
Jadual 3.27	Keputusan Analisis Nilai Kebolehpercayaan Soal Selidik	105
Jadual 4.1	Latar Belakang Responden	109
Jadual 4.2	Analisis Soal Selidik Pemahaman Guru Sebelum Bengkel Pengajaran Pendekatan Projek Akhlak.	111
Jadual 4.3	Analisis Tahap Pemahaman Guru Terhadap Pengajaran Pendekatan <i>Islamic Project</i> © (Sebelum Bengkel)	114
Jadual 4.4	Analisis Pemahaman Guru Terhadap Pengajaran Pendekatan Projek Akhlak. (Selepas Bengkel).	115
Jadual 4.5	Analisis Tahap Pemahaman Guru Terhadap Pengajaran Pendekatan <i>Islamic Project</i> © (Selepas Bengkel)	118
Jadual 4.6	Perbandingan Pemahaman Guru Terhadap Pendekatan Projek <i>Islamic Project</i> © . (Sebelum Dan Selepas Bengkel)	119

Jadual 4.7	Taburan Maklumbalas Terhadap Setiap Item Gaya Pengajaran Pakar.	120
Jadual 4.8	Taburan Maklumbalas Terhadap Setiap Item Gaya Pengajaran Autoriti Formal.	122
Jadual 4.9	Taburan Maklumbalas Terhadap Setiap Item Fasilitator	123
Jadual 4.10	Taburan Maklumbalas Terhadap Setiap Item Delegator	124
Jadual 4.11	Taburan Maklumbalas Terhadap Setiap Item Model Interpersonal.	125
Jadual 4.12	Analisis Gaya Pengajaran Guru Yang Paling Dominan Sebelum Bengkel.	126
Jadual 4.13	Keperluan Analisis Pandangan Modul Oleh Guru	128
Jadual 4.14	Struktur Dan Isi Kandungan Asas Modul <i>Islamic Project</i> ©	131
Jadual 4.15	Senarai Perkataan Bahasa Melayu Yang Dicadangkan Oleh Pakar.	137
Jadual 4.16	Senarai Komponen Dan Penyataan Tahap Min Yang Diperolehi	139
Jadual 4.17	Senarai Yang Dihapuskan Daripada Modul <i>Islamic Project</i> © (Versi Kedua).	143
Jadual 4.18	Keseluruhan Dan Individu <i>Content Validation Indeks</i> (CVI)	143
Jadual 4.19	Senarai Cadangan Dan Pindaan Semasa Mesyuarat Validasi Kandungan.	144
Jadual 4.20	Struktur Dan Kandungan Modul <i>Islamic Project</i> ©.	145
Jadual 4.21	Ciri-Ciri Sosiodemografi Dan <i>Baseline</i> , Intervensi Dan Kumpulan Kawalan Guru-Guru	150

Jadual 4.22	Penilaian Penerimaan Guru Terhadap Modul Latihan <i>Islamic Project</i> ©	151
Jadual 4.23	Perbandingan Pengetahuan Guru Dalam Setiap Kumpulan Rawatan Dan Kawalan Berdasarkan Masa (Kesan Masa)	153
Jadual 4.24	Perbandingan Pengetahuan Guru Di Antara Dua Kumpulan Rawatan Tanpa Masa (Kesan Rawatan).	154
Jadual 4.25	Perbandingan Min Pengetahuan Guru Antara Dua Perbezaan Kumpulan Rawatan Berdasarkan Masa (Kesan Masa- Interaksi Rawatan)	154
Jadual 4.26	Perbandingan Sikap Dalam Setiap Kumpulan Rawatan Berdasarkan Masa (Kesan Masa)	156
Jadual 4.27	Perbandingan Sikap Di Antara Dua Kumpulan Rawatan Tanpa Masa (Kesan Rawatan)	15
Jadual 4.28	Perbandingan Amalan Guru Dalam Setiap Kumpulan Rawatan Berdasarkan Masa (Kesan Masa)	159
Jadual 4.29	Perbandingan Amalan Guru Antara Dua Kumpulan Rawatan Tanpa Masa (Kesan Rawatan)	160
Jadual 4.30	Perbandingan Min Amalan Guru Antara Dua Perbezaan Kumpulan Rawatan Berdasarkan Masa (Kesan Rawatan Masa)	160
Jadual 4.31	Perbandingan Pengetahuan Murid Dalam Setiap Kumpulan Rawatan Dan Kawalan Berdasarkan Masa (Kesan Masa)	162
Jadual 4.32	Perbandingan Pengetahuan Murid Antara Dua Kumpulan Rawatan Tanpa Masa (Kesan Rawatan)	163
Jadual 4.33	Perbandingan Min Pengetahuan Murid Antara Dua Kumpulan Rawatan Berdasarkan Masa (Rawatan Kesan Masa)	163


Jadual 4.34	Perbandingan Sikap Murid Dalam Setiap Kumpulan Rawatan Berdasarkan Masa (Kesan Masa)	165
Jadual 4.35	Perbandingan Sikap Murid Di Antara Dua Kumpulan Rawatan Tanpa Masa (Kesan Rawatan)	166
Jadual 4.36	Perbandingan Min Sikap Antara Dua Perbezaan Kumpulan Rawatan Berdasarkan Masa (Rawatan Kesan Masa)	166
Jadual 4.37	Perbandingan Amalan Murid Dalam Setiap Kumpulan Rawatan Dan Kawalan Berdasarkan Masa (Kesan Masa)	168
Jadual 4.38	Perbandingan Amalan Murid Antara Dua Perbezaan Kumpulan Rawatan Tanpa Masa (Kesan Rawatan)	169
Jadual 4.39	Perbandingan Min Amalan Murid Antara Dua Perbezaan Kumpulan Rawatan Berdasarkan Masa (Kesan Rawatan Masa)	169
Jadual 4.40	Latarbelakang Responden Temubual Bersemuka	172
Jadual 4.41	Analisis Tema, Subtema Temubual Responden	173
Jadual 5.1	Matrik Kaedah Penilaian KirkPatrick	205

اونيورسيتي ملايسيا قهغ

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

SENARAI RAJAH

Rajah 1. 1	Model Kajian	15
Rajah 2.1	Fasa Pelaksanaan dalam Pendekatan Projek. Sumber Helm dan Katz (2001)	20
Rajah 2.2	Teori Konstruktivis Sosial Vygotsky	43
Rajah 2.3	Model Penilaian Kirkpatrick (Kirkpatrick & Kirkpatrick, 2006).	50
Rajah 3.1	Kerangka Metodologi Kajian	59
Rajah 3.2	Rumusan Proses Pengumpulan data menggunakan Pusingan Teknik Delphi.	64
Rajah 3.3	Carta Pusingan Teknik Delphi Terubah Suai	65
Rajah 3.4	Carta Alir 3 Langkah Dalam Membangunkan Dan Mengesahkan <i>Islamic Project</i> ®.	69
Rajah 3.5	Fasa Pelaksanaan dalam Pendekatan Projek. Sumber Helm dan Katz (2001).	79
Rajah 3.6	Kajian <i>Islamic Project</i> ® berdasarkan CONSORT Carta Alir (Consolidated Standards of Reporting Trials)	82
Rajah 3.7	Dua Alat Penilaian Utama Dalam Kajian	83
Rajah 3.8	Enam Langkah Analisis Tematik Braun and Clarke (2006).	106
Rajah 4.1	Plot Pelarasan Pengetahuan Skor Guru Untuk Kumpulan Intervensi Dan Kumpulan Kawalan	155
Rajah 4.2	Plot Menunjukkan Pelarasan Sikap Skor Guru Untuk Kumpulan Intervensi Dan Kumpulan Kawalan	158
Rajah 4.3	Plot Menunjukkan Pelarasan Amalan Skor Guru Untuk Kumpulan Intervensi Dan Kumpulan Kawalan	161
Rajah 4.4	Plot Menunjukkan Pelarasan Pengetahuan Skor Murid Untuk Kumpulan Intervensi Dan Kumpulan Kawalan	164
Rajah 4.5	Plot Menunjukkan Pelarasan Skor Sikap Murid Untuk Intervensi Dan Kumpulan Kawalan	167




اونيورسيتي ملايسيا قهغ

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

SENARAI SIMBOL

N	-	Populasi
f	-	Kekerapan
n	-	Sampel
%	-	Peratus
<	-	Lebih kecil
F	-	Taburan
>	-	Lebih besar
H_0	-	Hipotesis



اونيورسيتي ملايسيا قهغ

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

SENARAI SINGKATAN

KSPK	-	Kurikulum Standard Prasekolah
BPK	-	Bahagian Perkembangan Kurikulum
PPA	-	Pembinaan Pembangunan Akhlak
DPM	-	Diploma Pendidikan Malaysia
DSKP	-	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
KEMAS	-	Jabatan Kemajuan Masyarakat
FPG	-	Falsafah Pendidikan Guru
FPK	-	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPM	-	Fail Perkembangan Murid
TABIKA	-	Taman Bimbingan Kanak-kanak
IPG	-	Institut Pendidikan Guru
JPN	-	Jabatan Pelajaran Negeri
KBAT	-	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
TABIKA	-	Taman Bimbingan Kanak-kanak
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
ABM	-	Alat Bantu Mengajar
RPH	-	Rancangan Pengajaran Harian
MQF	-	Malaysian Qualifications Framework
PBS	-	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
ABP	-	Amalan Bersesuaian Perkembangan
PDM	-	Pendidikan di Malaysia
PdP	-	Pengajaran dan Pembelajaran

PdPc	-	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PGB	-	Pengetua dan Guru Besar
PIBG	-	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PK	-	Penolong Kanan
PPD	-	Pejabat Pelajaran Daerah
PPPM	-	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PPPM	-	Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid
SGM	-	Standard Guru Malaysia
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPPBS	-	Sistem Penilaian Pentaksiran Berasaskan Sekolah
STPM	-	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
TMK	-	Teknologi Maklumat dan Komunikasi



اونيورسيتي مليسيا قهغ

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A:	Soal Selidik	233
Lampiran B:	Senarai Panel Pakar Validasi	256
Lampiran C:	Pengesahan Isi Kandungan (Soal Selidik)	257
Lampiran D:	Pengesahan Kandungan Intervensi Modul <i>Islamic Project</i> ©.	259
Lampiran E:	Soal Selidik Pos Penilaian Program	260
Lampiran F:	Soal Selidik Gaya Pengajaran Guru	262
Lampiran G:	Soal Selidik Pengetahuan , Sikap Dan Amalan Guru	265
Lampiran H:	Jadual Program Intervensi	269
Lampiran I:	Surat Kebenaran	271
Lampiran J:	Garis panduan Soalan Temubual Guru Untuk Fasilitator	272
Lampiran K:	Penilaian Kandungan Modul Asal	273
Lampiran L:	Surat Kelulusan Kajian	276
Lampiran M:	Modul <i>Islamic Project</i> ©	279

اونيورسيتي ملايسيا قهغ

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhasrat membantu semua kanak-kanak warganegara menyedari bakat masing-masing, meneroka kebolehan yang ada dan memastikan mereka berada pada laluan yang betul bagi mencapai potensi sebenar. Hasrat ini perlu didahului dengan usaha bagi memastikan setiap kanak-kanak mendapat peluang dan akses yang sama dalam pendidikan, tanpa mengira latar belakang, dan dapat belajar dalam persekitaran yang paling sesuai. Pendekatan pendidikan ini berupaya membantu murid mengembangkan kemahiran yang diperlukan dalam menghadapi cabaran abad ke-21. Pendekatan ini dapat melatih generasi muda Malaysia supaya bersikap lebih ingin tahu serta mencari penyelesaian sendiri, mengemukakan pertanyaan dan mencari jawapan, sanggup berfikir dengan pendekatan baharu, mereka bentuk penyelesaian baharu, dan mencipta peluang baharu.

Malaysia kini sedang memasuki fasa 15 tahun yang kedua ke arah mencapai Wawasan 2020 (Hasrat menjadi sebuah negara maju mengikut acuan sendiri). Selaras dengan itu, salah satu agenda penting kerajaan adalah untuk membangunkan satu sistem pendidikan bertaraf dunia. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempunyai tanggungjawab yang amat besar dalam membangunkan modal insan yang bersifat menyeluruh, progresif, bermoral dan beretika tinggi selain daripada melahirkan modal insan berpengetahuan dan berkemahiran.

Pendidikan prasekolah merupakan asas dalam memberi pengetahuan dan kemahiran awal kepada kanak-kanak berumur lima hingga enam tahun. Pada peringkat umur ini kanak-kanak mudah untuk menyerap pengetahuan dan kemahiran yang diberikan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Pengetahuan dan kemahiran awal yang diberikan mestilah berdasarkan perkembangan yang bersesuaian dengan peringkat umur kanak-kanak supaya ia mudah diterima dan menjadikan pembelajaran lebih bermakna dan berkesan. Dalam menjayakan visi ini, tenaga kerja

yang berpengetahuan, kompeten dan berdisiplin serta mempunyai daya kreativiti yang tinggi merupakan ramuan penting yang tidak dapat dielakkan. Disamping itu juga aspek produktiviti yang tinggi melalui penggunaan kepelbagaian kemahiran, inovasi, kreativiti dan peningkatan kecekapan bagi melahirkan bakat atau modal insan terbaik menjadi agenda yang diutamakan ke arah merealisasikan Wawasan 2020. MEB yang dilancarkan oleh Dato' Seri Najib Tun Razak dan Visi 2057 yang telah dicetuskan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi sememangnya mempunyai nada yang serupa, iaitu menjurus kepada lahir dan membina modal insan berkualiti tinggi demi menjayakan Wawasan 2020.

Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, gelombang 3 (2021-2025): Beranjak ke arah kecemerlangan dengan peningkatan keluwesan operasi. Pada permulaan Gelombang 3, semua sekolah, guru dan pengetua atau guru besar perlu menunjukkan prestasi melebihi standard minimum. Oleh itu, Kementerian akan memberikan tumpuan kepada meningkatkan keluwesan operasi untuk memupuk budaya kepimpinan rakan setugas bagi pembangunan kecemerlangan profesional. Kementerian juga akan menganjukkan kebanyakan sekolah kepada model pengurusan berasaskan sekolah dan membangunkan model kejayaan sekolah berdasarkan inovasi dalam pengajaran. Matlamat Kementerian adalah untuk membangunkan sistem pengekalan kemajuan sendiri yang mampu untuk mencetuskan inovasi dan meningkatkan pencapaian yang lebih tinggi.

Pendekatan projek merupakan satu kaedah pembelajaran dijalankan dalam tempoh tertentu, melibatkan kutipan maklumat, analisis data dan pelaporan. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam pendekatan ini dapat menarik minat kanak-kanak. Ia termasuk proses siasatan yang berlaku melalui aktiviti kumpulan kecil di bilik darjah (Katz dan Chad, 2000). Ciri-ciri pendekatan projek ini ialah kanak-kanak meneroka dan menyiasat melalui persekitaran, pembelajaran yang kaya dengan pengetahuan baru serta memberi peluang kepada mereka untuk mengaplikasikan kemahiran asas semasa melakukan aktiviti projek.

Dalam pengajaran secara sistematik kanak-kanak prasekolah dibantu untuk memperolehi kemahiran asas manakala dalam pendekatan projek kanak-kanak prasekolah diberi peluang untuk menggunakan kemahiran dalam konteks yang bermakna. Selain itu mereka akan melibatkan diri secara aktif dalam merancang dan melaksanakan

penyiasatan, menggunakan pengetahuan dan kemahiran serta membuat keputusan dan pilihan aktiviti yang akan dijalankan (Katz dan Chard, 2000).

Pendekatan projek menekankan tindakbalas guru kepada kanak-kanak secara individu dan secara berkumpulan (Katz dan Chard, 2000). Melalui pendekatan ini perkembangan sosial dan akhlak kanak-kanak meningkat melalui aktiviti bekerjasama dan kolaborasi bersama guru, rakan sebaya dan orang yang lebih dewasa. Kanak-kanak juga akan berkomunikasi secara lisan dan bukan lisan semasa aktiviti projek dilaksanakan.

Oleh itu pengkaji berminat untuk membuat kajian ini menggunakan modul yang dibina iaitu Modul *Islamic Project*© bertujuan untuk membantu meningkatkan akhlak, kemahiran sosial kanak-kanak di prasekolah dan diharap kajian ini dapat memberi sumbangan serta sokongan kepada guru-guru prasekolah untuk melaksanakan pendekatan ini dalam pengajaran mereka.

1.2 Latar Belakang Masalah

Pendekatan projek merupakan pendekatan yang sudah lama dilaksanakan dalam pendidikan awal kanak-kanak di negara-negara barat. Menurut Katz dan Chard (1992) pendekatan ini menjadi terkenal di United State apabila ia disokong dan dilaksanakan oleh Dewey dan Kilpatrick. Pendekatan ini menyediakan pelbagai faedah terhadap pembelajaran dan perkembangan potensi kanak-kanak di peringkat awal.

Selain itu, ia juga menyediakan matlamat utama dengan menggalakkan kanak-kanak berfikir, mempunyai estetika, kepekaan moral dan meliputi semua aspek dalam bidang intelektual (Katz dan Chard,1989). Sebagai guru prasekolah, kita mengetahui bahawa kurikulum prasekolah seharusnya memberi tumpuan terhadap topik yang diajar supaya ia relevan dengan budaya dan persekitaran kanak-kanak. Proses pengajaran dan pembelajaran perlu menggabungkan pendidikan formal dan pendidikan bukan formal. Kurikulum di prasekolah juga seharusnya memberi peluang kepada kanak-kanak untuk sentiasa membina strategi agar dapat mengatasi kegagalan dan tidak berputus asa untuk mencuba lagi. Sikap keyakinan diri dan tidak mudah berputus asa perlu dipupuk di peringkat awal lagi supaya mereka mampu untuk mengatasi setiap masalah dalam kehidupan harian.

Menurut Kilpatrick (1918) kefahaman pada peringkat lebih rendah sebagai kaedah komprehensif dan menjadi asas untuk memajukan kecekapan pada peringkat yang lebih tinggi. Pengetahuan yang diperolehi di peringkat rendah ini memberi kesan yang positif terhadap pembelajaran mereka kelak apabila aktiviti yang dilakukan merupakan aktiviti 'hands-on' (Smidt, 2007). Selain itu pendekatan ini juga menyediakan konteks di mana sifat ingin tahu dan keyakinan kanak-kanak dapat diluahkan dan memberi peluang mereka belajar dengan gembira dan bermotivasi (Katz dan Chard 2000).

1.3 Pernyataan Masalah

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) meletakkan Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai sebagai salah satu aspek yang dikembangkan di prasekolah agar murid dapat mengamalkan nilai Islam dalam kehidupan seharian. Hasil temubual yang dijalankan ke atas guru di prasekolah, di dapati murid-murid masih lemah dalam mengamalkan amalan-amalan harian dan memerlukan bimbingan guru. Pendekatan oleh guru pada hari ini, masih menggunakan hafalan dan penerangan dalam pengajaran Pendidikan Islam. Kanak-kanak merasakan pembelajaran mereka kurang bermakna, tidak mencabar dan tidak relevan dengan kehidupan seharian (Aminah Ayob, 2012; Norazilawati Abdullah, Nik Azmah Nik Yusuff, & Rosnidar Mansor, 2012).

Kajian terhadap pengajaran guru oleh Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) pada tahun 2011 mendapati bahawa hanya 12% daripada pengajaran melaksanakan lebih banyak amalan terbaik pedagogi iaitu menyampaikan ilmu pada standard yang tinggi, 38% pula berada pada standard yang memuaskan, manakala 50% menunjukkan bahawa pengajaran yang disampaikan tidak memuaskan. Oleh itu usaha perlu dilipat gandakan bagi meningkatkan kemahiran pedagogi guru agar pengetahuan dan kemahiran baharu yang dihasratkan dapat disampaikan kepada murid. Abdullah Ishak (1995) menegaskan antara matlamat Pendidikan Islam ialah untuk mengembangkan rohani dan jasmani bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Faridah Che Husain & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim (2006) seterusnya menjelaskan hal ini bahawa kefahaman guru mengenai perkembangan manusia merupakan perkara penting dalam pendidikan khususnya pendidikan akhlak.

Menurut Beneke dan Ostrosky (2009) panduan untuk menyediakan rancangan pengajaran dalam pendekatan projek tidak disediakan kepada guru-guru. Oleh itu guru-

guru prasekolah merasa tidak yakin untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran menggunakan pendekatan terbaharu, ini kerana mereka tidak disediakan bahan rujukan untuk membantu mereka melaksanakannya dengan baik dan berkesan di prasekolah (Azizah Zain dan Abdul Aziz Abdul Shukor, 2010). Menurut Azizah Zain, Zaharah Osman & Halim Masnan (2017), mendapati guru selama 12 tahun mengajar di prasekolah yang selalu digunakan adalah pendekatan bertema dan tidak mempunyai panduan seperti modul pendekatan projek untuk dijadikan panduan dalam melaksanakannya.

Kerajaan juga telah menetapkan dasar dalam pendidikan prasekolah melalui Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang dilaksanakan pada tahun 2010 bagi memastikan perkembangan holistik kanak-kanak, pembelajaran berkesan, pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna serta kemahiran asas untuk pendidikan sepanjang hayat dapat dicapai (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2010). Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) ini diperkenalkan bagi memastikan pendidikan prasekolah disampaikan secara sistematik dan berkualiti. Oleh itu, pelbagai pendekatan telah dicadangkan untuk memberi pendidikan yang sistematik dan berkualiti kepada kanak-kanak prasekolah. Antara pendekatan tersebut ialah pendekatan projek. Dalam kajian ini sebuah modul dibina untuk mencapai hasrat ini iaitu Modul Projek Akhlak.

Menurut Hassan Langgulung (2001) serta Kamarul Azmi Jasmi dan Ab Halim Tamuri (2007), guru berperanan menyampaikan ilmu Fardu Ain secara menyeronokkan kepada murid prasekolah sebagai persediaan untuk kehidupan seterusnya yang serba mencabar. Pengajaran & Pembelajaran Pendidikan Islam pula merupakan satu proses bertujuan mengubah tingkah laku murid ketika guru dan murid berinteraksi dengan mata pelajaran.

Walaupun pendekatan projek ini terkandung dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) dan perlu dilaksanakan tetapi masih terdapat guru-guru prasekolah yang tidak melaksanakan pendekatan ini kerana kurang pendedahan dan pengetahuan tentang cara-cara melaksanakan pendekatan tersebut (Clark, 2006). Guru-guru lebih suka menggunakan pendekatan bertema. Ini kerana terdapatnya bahan rujukan yang membantu mereka melaksanakan pengajaran dengan lebih berkesan seperti modul pengajaran yang diterbitkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Seharusnya kanak-kanak dicorak dengan nilai-nilai adab Islam dan

budaya ketimuran sekalipun berdepan dengan era globalisasi. Tanamkan nilai-nilai murni ke dalam jiwa anak-anak yang diibaratkan seperti kain putih kerana mereka merupakan generasi pelapis kita pada masa hadapan. Mereka memang perlu dididik menjadi generasi ulul albab yang boleh mencorak masa depan mereka menjadi pemimpin yang ulung dan khalifah yang baik untuk menjaga amanah Allah di bumi ini (Nor Fauzan Kassim, 2015).

Oleh yang demikian, satu kajian yang mendalam perlu dilaksanakan bertujuan untuk mendapatkan data yang signifikan sebagai bukti serta implikasi bahawa pendekatan *Islamic Project*© yang dibangunkan dan yang telah diulang uji ini dapat memberi manfaat kepada semua yang terlibat dalam industri pendidikan awal kanak-kanak khususnya guru-guru prasekolah sebagai salah satu kaedah yang dapat membantu pendidikan dan perkembangan akhlak yang positif di kalangan murid prasekolah di Malaysia.

1.4 Matlamat dan Objektif Kajian

Matlamat umum kajian ini adalah untuk membina dan menilai keberkesanan *Islamic Project*© untuk guru prasekolah bagi membantu mempertingkatkan perkembangan akhlak murid prasekolah di Tabika-tabika KEMAS Negeri Kelantan. Manakala objektif khusus kajian ini adalah;

- a. Mengenal pasti gaya pengajaran guru prasekolah yang paling dominan yang digunakan dalam pembentukan akhlak murid Tabika KEMAS.
- b. Membina dan mencadangkan Modul *Islamic Project*© untuk guru prasekolah dalam pembentukan akhlak murid Tabika KEMAS di negeri Kelantan.
- c. Menilai keberkesanan penggunaan Modul *Islamic Project*© oleh guru prasekolah dalam pembentukan akhlak murid Tabika KEMAS di negeri Kelantan.
- d. Menilai keberkesanan hasil pembelajaran murid Tabika KEMAS dari aspek pengetahuan, sikap dan amalan terhadap pembentukan akhlak murid Tabika KEMAS negeri Kelantan

1.5 Soalan Kajian

Terdapat empat soalan kajian dalam kajian ini, iaitu :

- a. Apakah gaya pengajaran guru prasekolah yang paling dominan yang digunakan dalam pembentukan akhlak murid Tabika KEMAS?
- b. Apakah langkah-langkah yang efektif dalam membina Modul *Islamic Project*© untuk guru prasekolah dalam pembentukan akhlak murid Tabika KEMAS di negeri Kelantan?
- c. Sejauh manakah keberkesanan penggunaan Modul *Islamic Project*© oleh guru prasekolah dalam pembentukan akhlak murid Tabika KEMAS di negeri Kelantan.
- d. Sejauh manakah keberkesanan Modul *Islamic Project*© terhadap hasil pembelajaran murid Tabika KEMAS dari aspek pengetahuan, sikap dan amalan?

1.6 Hipotesis Kajian

Terdapat 6 hipotesis dalam kajian ini iaitu :

1.6.1 Ho 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian bagi pengetahuan menggunakan Modul *Islamic Project*© dalam skor min *baseline*, 2 minggu dan 3 bulan dan kumpulan eksperimen dengan umur.

1.6.2 Ho 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian bagi amalan menggunakan Modul *Islamic Project*© dalam skor min *baseline*, 2 minggu dan 3 bulan dan kumpulan eksperimen dengan umur.

1.6.3 Ho 3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian bagi sikap menggunakan Modul *Islamic-Project*© dalam skor min *baseline*, 2 minggu dan 3 bulan dan kumpulan eksperimen dengan umur.

1.6.4 Ho 4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian hasil pembelajaran murid Tabika KEMAS dari aspek sikap menggunakan Modul *Islamic Project*© dalam skor min *baseline*, 2 minggu dan 3 bulan dan kumpulan eksperimen dengan umur.

1.6.5 Ho 5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian hasil pembelajaran murid Tabika KEMAS dari aspek Amalan menggunakan Modul *Islamic Project*© dalam skor min *baseline*, 2 minggu dan 3 bulan dan kumpulan eksperimen dengan umur.

1.6.6 Ho 6: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian hasil pembelajaran murid Tabika KEMAS dari aspek Pengetahuan menggunakan Modul *Islamic Project*© dalam skor min *baseline*, 2 minggu dan 3 bulan dan kumpulan eksperimen dengan umur.

1.7 Rasional Kajian

Inovasi dalam pengajaran di prasekolah menggunakan pendekatan projek mempunyai ciri-ciri di mana kanak-kanak melakukan pembelajaran secara *hands-on* iaitu mereka melakukan sendiri aktiviti dengan bimbingan guru.

Rasional kajian ini dijalankan kerana pengkaji berminat untuk mendalami dan melaksanakan pendekatan yang memberi kesan kepada pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak prasekolah. Melalui kajian ini satu pendekatan baharu tentang amalan pedagogi yang berkesan kepada guru-guru prasekolah dalam menjalankan aktiviti pengajaran di prasekolah. Sumbangan besar dalam kajian ini adalah Modul Projek *Islamic Project*© yang dibina oleh pengkaji berdasarkan pendekatan projek yang mempunyai kelainan dalam pelaksanaan aktiviti. Ini kerana kanak-kanak akan melaksanakan aktiviti-aktiviti adab-adab akhlak terhadap topik yang mereka pilih.

Selain itu tajuk kajian ini dipilih kerana pendekatan ini adalah relevan kepada pendidikan yang menekankan modal insan. Ini adalah amat bersesuaian dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) bagi mencapai aspirasi etika dan kerohanian iaitu setiap kanak-kanak akan mempunyai asas moral yang kukuh untuk menghadapi pelbagai cabaran kehidupan dan membantu mereka untuk berani membuat keputusan yang tepat.

Selaras dengan aspirasi tersebut, pengajaran dan pembelajaran melalui Modul Projek Akhlak di prasekolah perlu dikaji dan diberi pendedahan kepada guru sebagai salah satu bentuk pedagogi yang perlu dijadikan amalan oleh guru dalam pengajaran prasekolah dan kajian ini juga memberi sumbangan yang besar kepada penyelidikan sedia ada.

1.8 Kepentingan Dan Sumbangan Kajian

Gaya pengajaran dalam pendidikan merupakan satu perkara yang perlu diberi keutamaan oleh semua para pendidik di seluruh dunia. Guru dan pendidik sentiasa meningkatkan strategi pengajaran yang berkesan dengan menjalankan pelbagai aktiviti supaya pembelajaran bersama murid-murid lebih menarik, bermakna, mengembirakan serta berkaitan dengan kehidupan sebenar. Berdasarkan kajian-kajian lepas didapati guru-guru masih lagi memerlukan bahan bimbingan dan latihan bagi meningkatkan keyakinan diri dan kefahaman dalam meningkatkan kualiti mutu pengajaran terutamanya berkaitan dengan amalan kerohanian, nilai dan sikap di awal usia.

Kajian ini juga diharap dapat menarik perhatian pihak-pihak tertentu dan berkaitan dengan membantu guru-guru dalam meningkatkan akhlak murid dengan pendekatan yang baharu. Pendidikan awal pada kanak-kanak ini yang akan menentukan sikap pelajar pada masa hadapan. Nilai insaniah dalam kalangan murid sekolah perlu dipupuk sejak dari kecil lagi.

Hasil kajian ini juga akan dapat memberi dapatan yang berguna mengenai keperluan dan kebaikan pendekatan *Islamic Project*© yang lebih praktikal, fleksibel dan ekonomikal. Diharapkan pembangunan dan penyelidikan yang lebih meluas dan mendalam boleh dijalankan oleh pihak yang berminat khususnya dalam bentuk aplikasi elektronik. Dapatan kajian ini boleh dijadikan sumber idea ke arah tindakan proaktif dalam membangunkan model-model *Islamic Project*© tertentu selaras dengan keperluan negara amnya meningkatkan kerohanian dalam diri pelajar disemua peringkat lapisan masyarakat.

Bagi semua Institusi-institusi Pengajian Tinggi (IPT), pihak Kementerian Pendidikan Malaysia khasnya untuk peningkatan aspek kerohanian, sekolah di Malaysia. Ia juga boleh menggunakan dapatan kajian ini bagi memberikan sokongan dan bantuan kepakaran mereka kepada pihak yang berminat dan bersedia untuk menggunakan pendekatan *Islamic Project*©. IPT yang ada juga hendaklah bersikap lebih terbuka dan mesra masyarakat. Ini seterusnya akan dapat menanam sikap serta persepsi yang positif masyarakat terhadap pendekatan *Islamic Project*©. Permasalahan masyarakat terhadap keruntuhan moral remaja ini juga mungkin dapat diatasi. Pihak Kementerian Pendidikan juga mungkin boleh membangunkan modul-modul *Islamic Project*© yang boleh

digunakan mengikut keperluan dalam bidang pendidikan. Kerjasama pihak kementerian Pendidikan dengan industri sangat penting dalam usaha memajukan di persekitaran tempat kerja demi membangunkan modal insan yang kualiti dan pekerja berpengetahuan.

Menerusi sorotan kajian dan hasil kajian yang diperolehi oleh penyelidik akan membina dan mengetengahkan sebuah model konseptual dan modul *Islamic Project*© bagi tujuan penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran serta panduan untuk guru menjadi fasilitator dalam meningkatkan pembelajaran murid bagi pengajaran Pendidikan Islam.

Cadangan model ini, dapat memberikan sumbangan dan manfaat yang berguna kepada guru kearah mengatasi beberapa kelemahan berkaitan dengan pengetahuan, sikap dan amalan akhlak di kalangan kanak-kanak sekaligus bersama-sama menjayakan pendekatan *Islamic Project*© selaras dengan usaha kerajaan bagi kanak-kanak mempunyai asas moral yang kukuh mendepani pelbagai cabaran kehidupan.

Kajian ini yang dilihat ada hubungkaitnya dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) bagi mencapai aspirasi etika dan kerohanian iaitu setiap kanak-kanak akan mempunyai asas moral yang kukuh untuk mendepani pelbagai cabaran kehidupan dan membantu mereka dengan berani membuat keputusan yang tepat.

Ini dapat memberi gambaran awal mengenai pendekatan baharu dalam pengajaran Pendidikan Islam. Mana-mana kekurangan atau kelemahan yang mungkin wujud berkaitan pendekatan *Islamic Project*© mungkin dapat dikenal pasti terlebih dahulu dan boleh diatasi segera oleh mana-mana pihak berkaitan.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk membantu guru mempelbagaikan pendekatan dalam pengajaran bagi meningkatkan akhlak murid prasekolah. Kajian ini terbatas kepada Tabika KEMAS yang dipilih sahaja. Hanya kelas guru prasekolah sahaja dipilih untuk dikaji. Jumlah responden dalam kajian ini juga melibatkan guru prasekolah dan kanak-kanak yang dipilih berdasarkan penguasaan mereka dalam beberapa kemahiran. Guru dipilih berdasarkan pengalaman, umur dan telah mendapat latihan asas perguruan di Maktab dan daripada institusi lain. Kajian ini juga fokus kepada pendidikan akhlak murid-murid prasekolah dan terdapat beberapa topik atau tajuk yang dipilih sahaja

diberikan tumpuan bagi meningkatkan penguasaan mereka. Tajuk-tajuk ini juga dipilih berdasarkan aras taksonomi bloom dari aras rendah ke tinggi.

1.10 Definisi Istilah

1.10.1 Tabika

Tabika adalah singkatan nama bagi Taman Bimbingan Kanak-kanak. Ia merupakan program yang memberi peluang pendidikan awal bagi kanak-kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun. Program ini adalah dibawah Jabatan KEMAS Malaysia.

1.10.2 Kanak-kanak Prasekolah

Menurut Na'imah Yusoff (2005), Kanak-kanak prasekolah ialah kanak-kanak yang berumur dalam lingkungan umur lima hingga enam tahun, iaitu mereka yang dilahirkan pada umur 1997 dan sedang mengikuti pendidikan awal di pusat prasekolah.

1.10.3 Islamic-Project©

Islamic-Project© ialah pendekatan pengajaran yang baru digunakan oleh guru dalam pengajaran akhlak bagi meningkatkan akhlak kanak-kanak prasekolah. *Islamic-Project©* adalah modul projek Pendidikan Islam yang merangkumi adab-adab, pergaulan, percakapan dan tutur kata kanak-kanak prasekolah. Aktiviti-aktiviti yang terkandung dalam modul ini adalah berasaskan fasa pendekatan projek dan teknik pengajaran dan pembelajaran terkini sesuai dengan pendidikan alaf 21.

1.10.4 KEMAS

KEMAS, Jabatan Kemajuan Masyarakat dikenali dengan nama (KEMAS) yang merupakan singkatan daripada 'Kemajuan Masyarakat'. KEMAS pada asalnya dikenali dengan nama Bahagian Pelajaran Dewasa. Ia ditubuhkan secara rasmi oleh YAB Tun Abdul Razak Bin Hussien pada tahun 1961 melalui satu majlis yang diadakan di Rumah Persekutuan. Rasional penubuhan Bahagian Pelajaran Dewasa pada waktu tersebut diwujudkan setelah negara mencapai Kemerdekaan pada 1957 di mana satu banciaan yang

telah dilakukan pada tahun yang sama dan didapati seramai 1,868,948 orang dewasa dan 2,379,213 orang kanak-kanak yang berumur antara 10 hingga 14 tahun tidak tahu membaca dan menulis.

1.10.5 Akhlak

Menurut Zulfahmi & Wan Hasmah (2014), akhlak menurut Ibnu Miskawaih pula adalah satu tindakan hasil gerak hati tanpa memerlukan seseorang berfikir, sama ada melalui tabiat semula jadi atau melalui latihan dan kebiasaan .

Menurut Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi dan Muhammad Azhar Zailaini (2016), akhlak merupakan salah satu elemen utama dalam proses kehidupan seseorang Muslim. Seorang guru yang berakhlak mulia akan mudah mendidik muridnya supaya berkelakuan baik. Akhlak bermaksud budi pekerti, perangai, tingkah laku dan tabiat.

1.10.6 Pendekatan Projek

Menurut Marrison G.S (2014), adalah suatu kaedah pengajaran yang mendalam terhadap sesuatu topik dijalankan oleh kanak-kanak secara individu ataupun berkumpulan. Pendekatan projek ini melibatkan kanak-kanak ke lapangan menyiasat dunia sebenar berkaitan dengan topik yang dipelajari. Pembelajaran akan menjadi lebih bermakna dengan pelbagai persoalan dan pertanyaan yang dihasilkan oleh mereka sendiri. Takrif akhlak menurut Ibnu Miskawaih pula adalah satu tindakan hasil gerak hati tanpa memerlukan seseorang berfikir, sama ada melalui tabiat semula jadi atau melalui latihan dan kebiasaan (Zulfahmi & Wan Hasmah 2014).

1.10.7 Modul

Modul adalah suatu bahan yang digunakan untuk mengajar individu yang mana mengikut panduan dan arahan guru, mempelajari bahan-bahan pelajaran melalui panduan bahan bercetak atau perisian computer dan seterusnya menyempurnakan kerja kursus mengikut unit yang disediakan (Mook Soon Sang 2013).

Menurut Sidek dan Jamaludin (2005), modul adalah satu unit pengajaran dan pembelajaran yang membincangkan sesuatu tajuk tertentu secara sistematik dan

berurutan bagi memudahkan pelajar belajar bersendirian supaya dapat menguasai sesuatu unit pembelajaran dengan mudah tepat.

1.10.8 Pendekatan

Menurut Mok Soon Sang (2013), pendekatan merupakan cara atau langkah-langkah yang diambil bagi memulakan dan melaksanakan tugas. Di dalam konteks pendidikan, konsep pendekatan bermakna cara mendekati sesuatu, misalnya objektif pelajaran yang ditentukan untuk pengajaran dan pembelajaran.

1.10.9 Kesahan

Pallant (2005), menyatakan ianya satu penunjuk yang menunjukkan darjah ujian diukur, dimana ia sepatutnya mengukur. Kesahan adalah sejauhmana ia mengukur apa yang anda bercadang untuk mengukur (Bordens & Abbot, 2001). Ia juga dinyatakan sebagai setakat mana ukuran set langkah-langkah yang betul mewakili konsep pengajian, yang ia adalah bebas daripada apa-apa kesalahan sistematik atau bukan rawak. Kesahan adalah berkenaan dengan proses bagaimana konsep ditakrifkan oleh ukuran, manakala kebolehpercayaan berkaitan dengan konsisten ukuran (Hair, Black, Babin dan Anderson, 2010). Kesahan ditakrifkan sebagai keberkesanan sesuatu instrumen dalam mengukur binaan yang direka untuk diukur (borg & Gall, 1989). Pada pendapat Anastasi dan Urbina (1997) pula, kesahan merujuk kepada persetujuan rapat di antara sesuatu ujian dengan kriteria tingkah laku yang diukur oleh ujian tersebut.

1.10.10 Keberkesanan

Menurut Kamus Dewan (Edisi Keempat, 2005), maksud keberkesanan ialah menimbulkan hasil (kesudahan dan sebagainya) yang diharapkan membawa kepada sesuatu perubahan (perkembangan), efektif atau mendatangkan sesuatu pengaruh kepada pemikiran (sikap, watak dan sebagainya) seseorang atau sesuatu golongan dan lain-lain (seperti mengubah sikap, membangkitkan sesuatu kecenderungan atau perasaan dan sebagainya). Keberkesanan bagi kajian ini merujuk kepada kebolehan modul yang dibina meningkatkan pencapaian pelajar dalam penguasaan konsep-konsep biologi (nutrisi) berdasarkan aktiviti di dalam modul dan diuji melalui ujian pra dan pasca.

1.11 Organisasi Tesis

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab yang utama. Bab satu mengandungi pengenalan, latar belakang masalah, pernyataan masalah, tujuan dan objektif kajian, soalan kajian, rasional kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, skop kajian, kerangka konseptual, model kajian serta definisi istilah yang digunakan dalam kajian ini.

Sorotan kajian-kajian lepas dimuatkan dalam bab dua. Ia merangkumi kajian-kajian penyelidik terdahulu, teori-teori dan model-model berkaitan, disamping pendapat, andaian dan sebagainya. Bab tiga pula mengandungi kaedah atau metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Ia meliputi reka bentuk kajian, populasi, sampel dan tempat kajian, instrumentasi, prosedur kajian, analisis data serta rumusan.

Dalam bab empat pula, hasil atau dapatan kajian dikemukakan berdasarkan soalan-soalan kajian. Manakala Bab Lima meliputi rumusan kajian secara am, perbincangan dan rumusan hasil kajian, cadangan-cadangan serta kesimpulan. Model konseptual bagi penambahbaikan modul Pendidikan Islam di kalangan guru-guru prasekolah juga ada dikemukakan penyelidik di dalam bab ini sebagai salah satu usaha dan cadangan kearah memperbaiki dan meningkatkan gaya pengajaran guru dan hasil pembelajaran murid yang baik dengan menggunakan pendekatan *Islamic Project*© dalam pengajaran akhlak kanak-kanak di Tabika.


1.12 Model Kajian

Berdasarkan rajah 1.1, terdapat dua pembolehubah yang digunakan iaitu;

- i. Pembolehubah tidak bersandar (tetap) yang diwakili oleh latar belakang responden atau ciri-ciri demografi seperti umur, jantina, taraf perkahwinan, pengalaman mengajar, kelulusan akademik.
- ii. Manakala pembolehubah bersandar pula diwakili oleh domain akhlak yang terdiri dari pengetahuan, sikap dan amalan.

Model ini amat bersesuaian untuk diaplikasikan dalam penyelidikan ini kerana ciri-cirinya dan boleh mengukur pembelajaran murid-murid prasekolah. Penyelidik menggunakan metod kajian untuk meninjau tahap peningkatan hasil pembelajaran murid berdasarkan kepada enam aspek pengetahuan, sikap dan amalan. Teori ini juga sesuai


digunakan dalam kajian ini kerana manusia murid-murid memerlukan ciri-ciri dalam teori ini untuk menuju kearah pembelajaran alaf 21.



Rajah 1.1 Model Kajian

1.13 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini menunjukkan aspek-aspek penting yang berkaitan dengan topik yang dipelajari dan menjelaskan kepentingan kajian ini. Bab ini juga menerangkan pernyataan masalah, objektif, soalan kajian, hipotesis, mendefinisikan istilah kajian dan menggambarkan keseluruhan bab dua ini. Kajian yang telah dijalankan ini diharapkan dapat menjawab secara langsung tentang objektif dan persoalan kajian.



اونيورسيتي مليسيا قهغ

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Di dalam bab ini, beberapa aspek utama berkaitan dengan kajian ini akan diberi penekanan oleh penyelidik seperti pengajaran dan pembelajaran pendekatan projek, teori-teori pembelajaran, dan sebagainya. Perkara-perkara tersebut sangat penting kepada penyelidik bagi tujuan memberi kefahaman yang luas dan mendalam terhadap permasalahan yang hendak dikaji. Disamping itu juga, teori, model dan kajian-kajian lepas juga boleh dijadikan garis panduan dan gambaran awal kepada penyelidik dalam membina kerangka teoritikal dan model kajian sebelum kajian sebenar.

2.2 Gambaran Keseluruhan Pendekatan Projek

Pendekatan projek mula diperkenalkan di tadika negara-negara barat pada tahun 1890 (Beneke, 2010). Pendekatan ini adalah berasaskan falsafah seorang pendidik Amerika iaitu John Dewey pada tahun 1859 hingga 1952. Menurut idea Dewey, pendidikan adalah pembinaan semula pengalaman (Branscombe et. al., 2003). Dewey telah melaksanakan pendekatan ini di sebuah makmal sekolah di University Of Chicago yang diasaskan sendiri olehnya pada tahun 1896 (DuCharme, 1993). Kurikulum di sekolah yang diasaskan oleh Dewey ini mengandungi tiga elemen yang berkaitan dengan perkembangan intelek iaitu kajian sosial, sains, dan komunikasi. Aktiviti yang dijalankan di sekolahnya adalah berdasarkan kepada minat kanak-kanak. Dalam setiap aktiviti yang dijalankan, kanak-kanak dan guru akan bekerjasama mengumpul bahan dan buku untuk menyelesaikan masalah berdasarkan topik yang dikaji. Kemahiran asas seperti membaca, menulis, arimetik dan berkomunikasi diaplikasikan oleh kanak-kanak semasa menjalankan aktiviti projek untuk mendapatkan maklumat.

Dewey (1938) berpendapat pengetahuan bukanlah sesuatu yang mutlak, tetap dan abadi tetapi adalah perkembangan interaksi yang berlaku antara seseorang dengan persekitarannya. Interaksi kanak-kanak dengan persekitarannya berlaku melalui interaksi

dengan orang dewasa dan rakan sebaya (Branscombe et. al., 2003). Apabila masalah timbul mereka cuba menyelesaikan masalah tersebut berdasarkan pengalaman berinteraksi dengan persekitaran. Apabila Dewey berpindah ke Universiti Columbia, pendekatan ini telah dipopularkan oleh rakan seperjuangannya iaitu Willian H. Kilpatrick dan dikenali sebagai Kaedah Projek.

Kilpatrick (1918) banyak memberi sumbangan dan idea-idea terhadap pelaksanaan dan pembangunan kaedah projek. Kilpatrick dalam penulisannya pada tahun 1819 “The Project Method” mendefinisikan projek sebagai aktiviti yang dilakukan sendiri oleh kanak-kanak dan mempunyai matlamat dalam situasi sosial. Kilpatrick menegaskan kualiti dalam projek akan meningkat sekiranya projek itu dilakukan secara berdikari oleh kanak-kanak. Dalam kaedah projek yang diperkenalkan oleh Kilpatrick terdapat empat fasa pelaksanaannya iaitu matlamat, perancangan, pelaksanaan dan penilaian. Menurut beliau minat kanak-kanak perlu menjadi panduan kepada guru dan pengajaran berlaku berdasarkan minat tersebut (Yi, 2010). Berbeza dengan pendapat Dewey iaitu guru merupakan pembimbing yang membantu kanak-kanak meneroka perkara logik secara saintifik.

Pada penghujung 1980, dua orang guru dari Amerika Utara, Lillian Katz dan Sylvia Chard mula menjalankan usaha untuk mengembangkan pendekatan ini kepada guru-guru pendidikan awal (Krogh dan Slentz, 2011). Pada tahun 1989 Katz dan Chard telah menerbitkan sebuah buku “Engaging Children Minds: The Project Approach” dengan bertujuan membantu guru-guru merancang dan melaksanakan pendekatan projek. Mereka percaya pendekatan projek dapat memupuk sikap bertanggungjawab kepada komuniti dalam kalangan kanak-kanak. Sikap ini akan membantu mereka untuk menghadapi kehidupan sebenar dengan lebih baik. Dalam model pendekatan projek oleh Katz dan Chad, minat kanak-kanak merupakan kandungan utama dalam pengajaran dan pendekatan ini membantu meningkatkan perkembangan kanak-kanak dalam kognitif dan sosial.


Perbincangan, kerja lapangan dan persembahan merupakan ciri-ciri penting yang terdapat dalam pendekatan projek (Katz dan Chard, 2000). Aktiviti projek menggalakkan kanak-kanak untuk berfikir dan menyelesaikan masalah. Kanak-kanak akan belajar kemahiran dan memperolehi pengetahuan dalam konteks yang bermakna melalui aktiviti projek berbanding dengan aktiviti yang melibatkan hafalan dan latih tubi (Hertzog, 2007).

Pendekatan projek adalah sama kandungannya dengan pendekatan tematik dalam pendekatan bersepadu tetapi berbeza dalam penekanannya terhadap aktiviti penyiasatan dan penyelesaian masalah (Helm, Beneke dan Steinheimer, 1998). Kanak-kanak akan bermotivasi melakukan aktiviti melalui pengalaman pembelajaran yang mana akan mendorong mereka untuk memperbaiki kesilapan sehingga berjaya. Aktiviti dalam projek juga mendorong kanak-kanak untuk bersoaljawab untuk mendapat lebih banyak maklumat tentang topik yang mereka minati. Melalui projek juga kanak-kanak berpeluang untuk meneroka minat, melakukan sendiri, membuat pilihan dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran dengan bimbingan guru (Branscombe et. al., 2003). Menurut Cook (2006) pembelajaran merupakan cara kanak-kanak bertindak melalui peluang yang terdapat di persekitaran mereka untuk membina pengetahuan sama ada melalui penemuan, penyiasatan atau penerokaan.

Rajah 2.1 menunjukkan fasa-fasa dalam pendekatan projek. Menurut Katz dan Chard (2000) pendekatan projek mengandungi tiga fasa. Dalam fasa satu, topik yang dipilih adalah berdasarkan minat kanak-kanak melalui perbincangan atau berdasarkan topik yang diperkenalkan oleh guru. Dalam fasa kedua pula guru lebih menekankan kebolehan kanak-kanak untuk mempelajari pengetahuan dan maklumat baru. Guru akan membimbing kanak-kanak untuk menguasai kemahiran menyiasat bersesuaian dengan umur mereka. Kanak-kanak akan meneroka maklumat baru melalui sumber-sumber yang diperolehi semasa penyiasatan dan mengasimilasikan pengetahuan baru melalui interaksi bersama pakar, rakan dan guru. Akhir sekali dalam fasa ketiga, kanak-kanak akan mengukuhkan pemahaman baru mereka terhadap topik yang dikaji. Mereka akan berkongsi penemuan dan pemahaman melalui nyanyian, sajak, lakonan lukisan atau persembahan 3D yang mana membantu mereka untuk menggabungkan pemahaman mereka sepenuhnya terhadap topik yang telah disiasat.

Terdapat tiga komponen yang perlu dititikberatkan semasa proses melaksanakan aktiviti dalam pendekatan projek. Komponen tersebut adalah kandungan, proses dan produk (Clark, 2006). Dalam aktiviti projek, guru akan menggabungkan topik yang berkaitan dengan dunia sebenar dalam kandungan pengajarannya supaya kanak-kanak dapat mempersembahkan produk berdasarkan maklumat yang diperolehi. Walaubagaimanapun guru lebih terdorong untuk menggunakan kaedah lama iaitu

pengajaran sistematik yang sering digunakan dalam proses melaksanakan projek (Clark, 2006).



Rajah 2.1 Fasa Pelaksanaan dalam Pendekatan Projek.

Sumber: Helm dan Katz (2001)

2.3 Sorotan Kajian Lepas

Tracey (2012) mengatakan sorotan kajian merupakan fakta atau pernyataan dalam kajian-kajian lepas yang digunakan untuk menyokong objektif kajian yang dilakukan. Sorotan kajian juga mempunyai kesahan dan bukannya hanya rekaan dapatan semata-mata. Beberapa kajian lepas telah diambil bagi dijadikan sebagai rujukan dan fakta bagi melaksanakan kajian ini.

2.3.1 Pendekatan Pengajaran Guru Terhadap Kanak-kanak Luar Negara

Richards dan Rodgers (2014) mengatakan pendekatan merujuk kepada bagaimana sesuatu subjek matapelajaran itu diajar untuk mencapai objektif pembelajaran. Biggs (2011), setiap pendekatan pembelajaran yang digunakan perlu menggambarkan pandangan atau perspektif mengenai objektif pembelajaran yang dijalankan di dalam kelas. Spodek dan Saracho (2014) menyatakan pendekatan pembelajaran yang berjaya boleh diketahui apabila kanak-kanak dapat berinteraksi dan memberikan kerjasama yang baik apabila menjalani sesi pembelajaran tersebut.

Kajian pertama yang dijadikan rujukan bagi pendekatan pengajaran guru adalah kajian yang dijalankan oleh Beers (2016) kaedah dan teori yang sesuai diaplikasikan terhadap kanak-kanak oleh guru mereka bagi mewujudkan sesi pembelajaran yang

berkesan. Guru pendidikan awal adalah penting bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang berkualiti terhadap kanak-kanak. Oleh itu guru pendidikan awal kanak-kanak perlu sentiasa bersedia dalam menjalankan tugas sebagai seorang pendidik seterusnya berperanan sebagai perangsang kognitif kanak-kanak yang baik (Deiner, 2012; Darling-Hammond & Bransford, 2012; Korthagen, 2004; Morrison, 1988; Brophy, 1986).

Hasil kajian Beers (2016) mendapati persediaan guru dan pemilihan pendekatan pengajaran yang betul akan memberikan kesan pembelajaran dan perkembangan kognitif yang baik terhadap kanak-kanak. Guru perlu membuat persediaan pengajaran bagi dijadikan sebagai panduan pembelajaran terhadap kanak-kanak (Darling-Hammond, 2014; Hattie, 2012; Darling-Hammond & Baratz-Snowden, 2007). Beers (2016) turut menyatakan kekurangan pengetahuan dalam kaedah pengajaran guru mengakibatkan proses pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dilaksanakan secara berkesan terhadap kanak-kanak. Guru perlu mengetahui konteks pembelajaran yang berkesan bagi sesi mewujudkan sesi pengajaran dan pembelajaran yang efektif terhadap pelajar termasuk kanak-kanak (Laurillard, 2013; Biggs, 2011).

Merujuk kajian yang dijalankan oleh Roberts (2016) kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru terhadap murid. Fokus kajian yang dijalankan adalah berkaitan pengalaman guru dan pedagogi pengalaman pembelajaran yang digunakan terhadap pelajar. Keputusan kajian menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dalam keutamaan pelajar antara pedagogi pengalaman dan pedagogi tradisional yang digunakan (Dittfurth, 2015; Yuzer, 2014; Justice & Teresa, 2001). Tetapi dapatan ini berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Burge, Gibson dan Gibson (2012) yang menyatakan terdapat perbezaan antara pedagogi pengalaman dan pedagogi tradisional terhadap pelajar. Begitu juga dengan pendapat Roberts (2016) turut menyatakan guru haruslah menggunakan pendekatan yang berbeza terhadap murid walaupun pedagogi yang digunakan terhadap muid adalah berbentuk tradisional. Roberts menyatakan sebagai contohnya menggunakan kaedah pembelajaran melalui bermain terhadap pelajar (Li & Lam, 2013; Akahara, 2013; Singer, Golinkoff, & Hirsh-Pasek, 2006; Kirk, 2005). Kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah penting bagi mewujudkan sesi pembelajaran yang berkesan terhadap pelajar (Hall, Cremin, Comber & Moll, 2016; Vu, Fredrickson, & Moore, 2016; Barkley, Major & Cross, 2014; Cole, 2008; Butcher, 2005). Kajian ini juga dijalankan bagi meningkatkan kesedaran terhadap pendidik agar mempelbagaikan

kaedah pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas (Gyamera, 2014; Zhou, 2011; Levin & Wadmany, 2008).

Kajian seterusnya yang dijadikan rujukan adalah kajian yang dijalankan oleh Chokera (2016) mengenai 'The Effects of a Music Methods Course on Kenyan Pre-Service Generalist Primary School Teachers' Perceived Confidence and Competence to Teach Music'. Kajian ini telah melibatkan 30 orang guru prasekolah di Kenya. Kajian ini dijalankan bagi mengkaji kesan penggunaan kaedah muzik terhadap guru pelatih sebagai persediaan mengajar muzik di prasekolah. Kursus ini telah dijalankan selama lapan minggu. Data kajian telah dikumpul menggunakan 'Primary Teacher Music Confidence Scale' (PTMCS), 'Music Teaching Efficacy Belief Survey' (MTEBS), dan 'Music Experience Questionnaire' (MEQ).

Dapatan kajian Chokera (2016) mendapati terdapat perubahan yang signifikan terhadap keberkesanan pengajaran oleh guru pelatih selepas menjalani kursus muzik selama lapan minggu. Kursus latihan telah memberikan kesan yang baik terhadap persediaan pengajaran guru pelatih di dalam kelas (Moats, 2014; Peebles & Mendaglio, 2014; Allday, Neilsen-Gatti & Hudson 2013; Loreman, Sharma & Forlin, 2013). Kajian ini turut mendedahkan bahawa kaedah pengajaran yang telah dilakukan oleh guru yang mengalami latihan pengajaran tersebut telah dapat membentuk sikap dan perasaan yang positif dalam kalangan kanak-kanak (Wellington, 2015; Skaalvik & Skaalvik, 2010; Sheridan, Williams, Sandberg & Vuorinen, 2011). Kursus yang diberikan juga telah meningkatkan kecekapan dan keyakinan guru pelatih untuk mengajar muzik di dalam kelas (Vass & Deszpot, 2017; Biasutti, 2010; Vannatta-Hall, 2010).

Kajian seterusnya yang dijadikan rujukan adalah kajian yang telah dijalankan oleh Pearce (2015) mengenai 'Prediction of Preservice Teachers' Knowledge and Reading of Children's Literature within a Teacher Preparation Program'. Kajian ini menekankan pendedahan pembacaan di peringkat awal kanak-kanak. Bakal guru perlu bersedia bagi mewujudkan pembelajaran berkesan mengenai penguasaan bacaan terhadap kanak-kanak (Wilhelm, 2016; Armbruster 2010). Pendedahan awal mengenai literasi sangat penting dalam kalangan awal kanak-kanak (Yusoff, Hashim & Othman, 2014; McNamara & Danielle, 2012; Armbruster, 2010). Kajian ini turut menyatakan orang sekeliling seperti pendidik, rakan dan ibu bapa turut memainkan peranan terhadap perkembangan literasi kanak-kanak (Rizalina, 2014; Hart, 2013; Buckingham, 2013; Teale, 1986).

Merujuk jadual 2.1, pada pendapat penyelidik, pendekatan projek ini amatlah baik jika dilaksanakan dalam pengajaran. Ini kerana guru tidak mempunyai rujukan yang khas dalam pendekatan projek. Peranan guru amat penting dalam proses pengajaran ini bersesuaian dengan kajian yang dijalankan oleh Galbally (2014). Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan antara pengetahuan pedagogi dan keyakinan pengajaran guru di dalam kelas dengan pencapaian murid (Yunus, 2016; Phang, Abu, Ali & Salleh, 2014; Harris & Sass, 2011; Bruce et. al., 2010; Rubie-Davies, 2010).

Hasil kajian ini turut memberi kesan kepada guru dan bakal guru serta murid-murid mengenai pengetahuan pedagogi dan keyakinan guru dalam sesi pembelajaran akan membantu meningkatkan penguasaan literasi kanak-kanak (Mohamad Tuzana, 2014; Loughran, 2013; Dierking & Fox, 2013).

Jadual 2.1 Kajian Pendekatan Pengajaran Guru Luar Negara

Penulis	Tahun	Hasil Kajian
Galbally	(2014)	Terdapat hubungan antara pengetahuan pedagogi dan keyakinan pengajaran guru di dalam kelas dengan pencapaian murid
Wellington	(2015)	Kaedah pengajaran yang telah dilakukan oleh guru yang mengalami latihan pengajaran tersebut telah dapat membentuk sikap dan perasaan yang positif dalam kalangan kanak-kanak
Skaalvik & Skaalvik, Sheridan, Williams, Sandberg & Vuorinen	(2010) (2011)	Persediaan guru dan pemilihan pendekatan pengajaran yang betul akan memberikan kesan pembelajaran dan perkembangan kognitif yang baik terhadap kanak-kanak
Beers	(2016)	
Spodek dan Saracho	(2014)	Pendekatan pembelajaran yang berjaya boleh diketahui apabila kanak-kanak dapat berinteraksi dan memberikan kerjasama yang baik apabila menjalani sesi pembelajaran tersebut.

Secara kesimpulannya, sorotan kajian ini menjadi titik tolak bagi pengkaji menjalankan kajian ini adalah terdapat hubungan yang positif antara pengetahuan pedagogi dan keyakinan murid. Melalui perhubungan yang positif ini pencapaian murid akan meningkat. Begitu juga dengan kajian-kajian yang dijalankan oleh pengkaji lepas mengenai persediaan guru, pendekatan pengajaran dan kaedah pengajaran dilakukan ini dapat membantu meningkatkan pencapaian murid. Oleh itu, pengkaji mendapatkan cadangan dan hasil kajian ini untuk membangunkan kaedah dan pendekatan pengajaran yang baharu untuk meningkatkan pencapaian murid.

2.3.2 Intervensi Pengajaran dan Penglibatan Kanak-kanak.

Terdapat beberapa kajian yang telah dijadikan sebagai rujukan dalam menjalankan kajian ini, antaranya adalah kajian yang telah dilakukan oleh Norazizah, Sopia dan Noor Ashikin (2016) mengenai 'Pembelajaran Secara Inisiatif Kanak-kanak Menerusi Pendekatan Projek: Dari Tumbuh-tumbuhan Ke Sekaki Payung'. Kajian yang dilakukan oleh Norazizah, Sopia dan Noor Ashikin (2016) adalah menggunakan pendekatan projek bagi melihat bagaimana kanak-kanak meneroka dan membina pengetahuan mengenai perkara dalam kehidupan seharian mereka. Kajian yang dilakukan adalah berbentuk kajian kes yang dilakukan melalui kaedah pemerhatian. Data diperolehi melalui rakaman video, analisis dokumen dan analisis temubual.

Kajian yang dilakukan oleh Norazizah, Sopia dan Noor Ashikin (2016) melibatkan seorang guru dan 20 orang kanak-kanak. Hasil kajian yang dilakukan oleh Norazizah, Sopia dan Noor Ashikin mendapati kaedah pendekatan projek telah dapat membantu kanak-kanak dalam meningkatkan pengetahuan terutamanya mengenai konsep asas sains. Dapatan kajian ini turut disokong oleh Helm dan Katz (2016) yang menyatakan pendekatan projek membolehkan kanak-kanak menjadi penyiasat muda yang memperolehi pelbagai maklumat dan pengetahuan melalui pendekatan yang digunakan. Sargent (2014) dan Richardson (2013) turut menyatakan pendapat yang sama iaitu pendekatan projek membolehkan kanak-kanak meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan pemahaman mereka.

Hasil kajian yang dilakukan oleh Norazizah, Sopia dan Noor Ashikin (2016) turut mendapati guru memainkan peranan penting sebagai pemudah cara atau fasilitator terhadap kanak-kanak. Hal ini kerana guru perlu membimbing dan membantu kanak-kanak dalam memahami sesuatu perkara. Dapatan kajian ini turut disokong oleh Helm

(2015) yang mengatakan guru perlu menjadi pemudah cara dalam sesi pembelajaran kanak-kanak. Spodek dan Saracho (2014) turut menyatakan perkara yang sama iaitu guru perlu menjadi pemudah cara dalam melaksanakan strategi pembelajaran kanak-kanak. Hal ini kerana guru boleh merangsang kognitif, pemikiran dan rasa ingin tahu kanak-kanak. Pendapat ini turut disokong oleh Hart (2013) yang mengatakan guru perlu menjadi fasilitator yang baik dalam kalangan kanak-kanak. Hart (2013) menyatakan peranan guru sangat penting dalam merangsang perkembangan kanak-kanak.

Tinjauan kajian turut dilakukan terhadap kajian yang dilakukan oleh Haryati dan Ismartoyo (2016) mengenai 'Penerapan Media Konkrit Dalam Pembelajaran Projek Untuk Mengembangkan Kognitif Pada Pendidikan Anak Usia Dini Di TK Kelompok B'. Kajian ini dilakukan bagi mengetahui kelebihan penggunaan media konkrit dalam pendekatan projek bagi meningkatkan perkembangan kognitif kanak-kanak seterusnya mewujudkan sesi pembelajaran yang menyeronokkan. Kajian ini juga dilakukan bagi merangsang pemikiran kanak-kanak supaya lebih kreatif dan inovatif melalui pendekatan projek yang digunakan (Suastiningsih, et. al., 2017; Huda, 2014).

Kajian yang dijalankan oleh Haryati dan Ismartoyo (2016) ini telah memilih tema sains (tumbuhan) untuk dilaksanakan dalam pendekatan projek. Kajian ini berfokus kepada tanaman herba dan sayur-sayuran. Hasil kajian mendapati penggunaan pendekatan projek bertema seperti tema sayur-sayuran dapat membantu meningkatkan perkembangan kognitif kanak-kanak (Van Oers & Duijkers, 2013; Wridt, 2010; Shriver, Hildebrand & Austin, 2010). Kajian ini turut menyatakan kepelbagaian kaedah dalam sesi pembelajaran kanak-kanak dapat membantu meningkatkan perkembangan kognitif kanak-kanak dengan baik, (Bjorklund & Causey, 2017; Richter, et. al., 2017; O'Donnell & Kirkner, 2014).

Tinjauan seterusnya dilakukan terhadap kajian yang dijalankan oleh Astuti (2016) mengenai 'Kesan Penggunaan Metode Projek Untuk Motivasi Dalam Anak Keluarga B Panti Dewi Tanjungtirto Kalitirto Bad Sleman Yogyakarta'. Kajian ini dijalankan bagi mengetahui pengaruh penggunaan pendekatan projek terhadap pembentukan motivasi kanak-kanak bagi mengikuti aktiviti pembelajaran (Blair & Raver, 2014; Clements & Sarama, 2014; Hwang, Hung & Chen, 2014). Kajian ini dijalankan terhadap dua kelompok kanak-kanak yang berbeza iaitu 'a' dan 'b' bagi kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Hasil kajian menunjukkan bahawa kaedah pendekatan projek yang digunakan telah dapat mempengaruhi dan membentuk motivasi pembelajaran terhadap

kanak-kanak (Taat & Abdullah, 2016; Lichtenberg, Lachmann & Fosshage, 2016; Richards & Rodgers, 2014).

Kajian yang dilakukan oleh Noor Miza (2015) mengenai 'Pembinaan Modul Berasaskan Pendekatan Projek Untuk Meningkatkan Kemahiran Berkomunikasi Murid Tadika' turut dijadikan sebagai rujukan dalam menjalankan kajian ini. Kajian ini dijalankan bagi membina modul berbentuk pelaksanaan pendekatan projek untuk meningkatkan kemahiran komunikasi murid prasekolah menggunakan Modul PProKom iaitu Modul yang berasaskan Pendekatan Projek untuk Kemahiran Komunikasi. Kajian ini telah memberi penekanan terhadap perkembangan komunikasi kanak-kanak menggunakan kaedah pendekatan projek.

Hasil kajian Noor Miza (2015) mendapati Modul PProKom dapat membantu guru menghasilkan proses pembelajaran secara aktif dalam kalangan kanak-kanak. Dapatan kajian Noor Miza turut menyatakan penggunaan pendekatan projek dapat menggalakkan kanak-kanak berinteraksi secara positif. Lim dan Lam (2015) turut menyatakan perkara yang hampir sama iaitu pembelajaran yang bermakna seperti pembelajaran yang menggunakan pendekatan projek akan mewujudkan komunikasi pembelajaran yang baik antara satu sama lain dalam kalangan kanak-kanak. Mendoza (2015) turut menyatakan perkara yang sama iaitu pembelajaran bertema seperti pendekatan projek dapat meningkatkan pembacaan dan komunikasi kanak-kanak.

Hasil dapatan kajian Noor Miza juga (2015) mengatakan penggunaan pendekatan projek juga membolehkan sesi pembelajaran yang menyeronokkan dalam kalangan kanak-kanak dibentuk. Hal ini secara tidak langsung dapat menarik minat kanak-kanak untuk belajar di dalam kelas. Dapatan Noor Miza ini turut disokong oleh Gordon dan Browne (2016) yang mengatakan penggunaan pendekatan projek membolehkan guru melaksanakan sesi pembelajaran yang kreatif seterusnya dapat merangsang pengetahuan dan maklumat kanak-kanak. Sesi pembelajaran menggunakan kaedah projek akan membolehkan kanak-kanak berasa seronok dalam melakukannya (Helm & Katz, 2016; McFarlane & Wroe, 2015; Cole, 2008).

Seterusnya, kajian yang telah dijadikan rujukan adalah kajian yang telah dijalankan oleh Azizah Zain (2015) mengenai 'Pelaksanaan Modul Projek Penyiasatan Dalam Meningkatkan Komunikasi Dan Kemahiran Sosial Kanak-Kanak Prasekolah'. Kajian yang dijalankan oleh Azizah ini adalah untuk melihat keberkesanan pelaksanaan

modul projek terhadap perkembangan komunikasi, kemahiran sosial dan penglibatan kanak-kanak melalui aktiviti 'hands-on'. Kajian yang dijalankan oleh Azizah melibatkan sepuluh orang kanak-kanak prasekolah. Dapatan kajian diperolehi melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen menggunakan perisian Atlas Ti.0.7.

Dapatan kajian Azizah Zain (2015) menunjukkan penggunaan Model Projek Penyiasatan telah dapat meningkatkan komunikasi kanak-kanak dengan guru, rakan dan persekitaran mereka. Dapatan kajian juga menunjukkan komunikasi yang berlaku ketika aktiviti yang dijalankan dapat meningkatkan kefahaman seterusnya dapat memupuk minat kanak-kanak terhadap pembelajaran. Hart (2013) turut menyatakan penggunaan pendekatan projek membolehkan kanak-kanak meningkatkan komunikasi mereka dengan baik. Pendekatan pembelajaran yang berbeza terhadap kanak-kanak seperti penggunaan pendekatan projek akan membantu kanak-kanak meningkatkan kemahiran komunikasi dan interaksi sosial dengan baik, (Cohen & Lotan, 2014; Hart, 2013; Wren, 2006).

Tinjauan seterusnya dilakukan terhadap kajian yang dijalankan oleh Lestarinigrum (2015) mengenai 'Penerapan Metode Proyek untuk Meningkatkan Ketrampilan Sosial Anak dalam Bekerjasama Pada Anak Didik Kelompok B2 Di TK Kreatif Zaid Bin Tsabit Kecamatan Nlegok Kabupaten Blitar'. Kajian ini dilakukan bagi meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak di tadika. Kajian telah dilakukan secara berperingkat iaitu sebanyak tiga peringkat yang berbeza. Hasil kajian menunjukkan pada peringkat ketiga kemahiran sosial kanak-kanak meningkat sebanyak 85% dan ini merupakan peningkatan yang besar terhadap kanak-kanak.

Dapatan kajian Lestarinigrum (2015) mendapati pendekatan projek dapat meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak (Wiyani, 2014; Nurhasanah & Rudiyanto, 2013; Christianti, 2011). Pendekatan projek dikatakan dapat meningkatkan kecekapan sesi pengajaran dan pembelajaran guru terhadap kanak-kanak (Kurtz, Silverman & Draper, 2016; Biggs, 2011). Pendekatan projek juga dikatakan dapat meningkatkan kerjasama kanak-kanak dengan kanak-kanak lain. Hal ini seterusnya dapat meningkatkan perkembangan sosial kanak-kanak dengan baik (Hershkowitz, Lamb, Katz & Malloy, 2015; Mayar, 2013; Locke, Campbell & Kavanagh, 2012).

Kajian Palupi (2013) mengenai 'Pengaruh Metode Proyek Terhadap Perkembangan Kecerdasan Naturalis Anak Di TK A Paud Saymara Sukoharjo' turut dijadikan rujukan. Kajian ini dilakukan bagi mengetahui keberkesanan penggunaan

pendekatan projek bagi meningkatkan kecerdasan naturalis kanak-kanak di tadika. Dapatan kajian mendapati kecerdasan naturalistik kanak-kanak meningkat selepas kaedah pendekatan projek dijalankan (Hung, Hwang & Huang, 2012; Bas & Beyhan, 2010). Hasil kajian mendapati kaedah pembelajaran melalui pendekatan projek dapat meningkatkan kecerdasan naturalis kanak-kanak di tadika (Yaumi & Sirate, 2014; Newcombe & Frick, 2010).

Sorotan kajian turut dilakukan terhadap kajian yang dijalankan oleh Khasanah (2013) mengenai 'Upaya Meningkatkan Kemampuan Kerja Sama Melalui Metode Proyek Pada Anak Kelompok B Di KB Al Hidayah Tanggalkan Sringin Jumantono Kabupaten Karanganyar Tahun Pelajaran 2012/2013'. Kajian ini dilakukan bagi meningkatkan keupayaan kerjasama antara kanak-kanak dengan menggunakan kaedah pendekatan projek. Hasil kajian Khasanah (2013) mendapati kerjasama antara kanak-kanak telah dapat ditingkatkan melalui penggunaan kaedah pembelajaran pendekatan projek (Jeganathan, 2016; Yaumi & Sirate, 2014; Newcombe & Frick, 2010). Oleh itu hasil kajian ini mendapati penggunaan kaedah pendekatan projek dapat meningkatkan keupayaan kerjasama kanak-kanak (Hung, Hwang & Huang, 2012; Bell, 2010).

Berdasarkan Jadual 2.2 di dapati kajian-kajian lepas di Malaysia lebih fokus kepada tunjang perkembangan sains, bahasa dan literasi dan lain tidak fokus kepada pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Kajian oleh Norazizah, Sopia dan Noor Ashikin (2016) mengenai sains dan kajian Azizah Zain (2015) adalah berdasarkan tunjang bahasa literasi. Begitu juga dengan kajian yang lain dijalankan lebih membincangkan tunjang lain, ianya tidak fokus kepada tunjang Pendidikan Islam. Melalui kaedah pendekatan projek ini, ilmu Pendidikan Islam dapat ditingkatkan dengan lebih bermakna ini kerana kanak-kanak mengalami sendiri berdasarkan fasa-fasa yang telah ditetapkan dalam pendekatan projek.

Secara kesimpulannya, pengkaji juga membina modul yang akan berbeza dengan kajian sebelum ini kerana penilaian yang digunakan adalah Model Penilaian Tahap 4 Kirkpatrick yang belum digunakan oleh mana-mana kajian Pendidikan Islam di Malaysia. Kajian sebelum ini juga banyak melibatkan kajian kualitatif berbanding kuantitatif. Oleh itu, penyelidik akan menjalankan kajian secara mix-method iaitu menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Ini akan menjadikan kajian yang dijalankan lebih sistematik dan teratur berdasarkan model yang digunakan oleh pengkaji.

Jadual 2.2 Intervensi dan Kajian Penglibatan Kanak-Kanak di Malaysia

Penulis (Tahun)	Tajuk, Tunjang Pembelajaran	Tujuan Kajian	Kaedah Kajian	Hasil Kajian	Lokasi	Intervensi, Strategi, Kandungan	Catatan
Norazizah, Sopia dan Noor Ashikin (2016)	Pembelajaran Secara Inisiatif Kanak-kanak Menerusi Pendekatan Projek: Dari Tumbuh-tumbuhan Ke Sekaki Payung. Tunjang : Sains.	Merangsang kognitif, pemikiran dan rasa ingin tahu kanak-kanak.	kualitatif	Pengetahuan kanak-kanak mengenai konsep asas sains turut bertambah menerusi aktiviti projek yang dijalankan.	Sebuah Tabika negeri Perak, Malaysia	Pendekatan Projek Perspektif teoritikal dan amalan terbaik	Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan , 5 (1). pp. 78-95. ISSN 2289-3032
Azizah Zain (2015)	Pelaksanaan Modul Projek Penyiasatan Dalam Meningkatkan Komunikasi Dan Kemahiran Sosial Kanak-Kanak Prasekolah. Tunjang: Bahasa dan Literasi	Keberkesanan perlaksanaan modul projek terhadap perkembangan komunikasi, kemahiran sosial dan penglibatan kanak-kanak melalui aktiviti 'hands-on'.	Etnografi berdasarkan Teori Konstruktivisme dan Teori Interaksionisme.	Kajian ini berjaya menghasilkan Modul Projek Penyiasatan yang dapat meningkatkan komunikasi dan kemahiran sosial kanak-kanak prasekolah	Prasekolah di sebuah sekolah di daerah Kota Setar	Modul Projek Penyiasatan	

Jadual 2.2 Sambungan

Penulis (Tahun)	Tajuk, Tunjang Pembelajaran	Tujuan Kajian	Kaedah Kajian	Hasil Kajian	Lokasi	Intervensi, Strategi, Kandungan	Catatan
Noor Miza Binti Abdul Rahman (2015)	Pembinaan Modul Berasaskan Pendekatan Projek Untuk Meningkatkan Kemahiran Berkomunikasi Murid Tadika Tunjang: Bahasa dan Literasi	Bertujuan untuk membina sebuah modul pengajaran sebagai panduan guru prasekolah untuk melaksanakan pendekatan projek.	Kualitatif Pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen	Pendekatan Projek dapat menggalakkan murid menguasai kemahiran berkomunikasi	Reka bentuk kajian kes ke atas dua Tadika Islam Negeri Pulau Pinang	Modul PProKom Model Pengajaran ASSURE	
Penyelidik /Kajian ini	Pembinaan Modul Berasaskan Pendekatan Projek Untuk Meningkatkan Pengetahuan, amalan dan sikap Murid Tadika Tunjang Kerohanian, Nilai dan Sikap	Bertujuan membina modul untuk meningkatkan akhlak murid prasekolah	Kuantitatif, kualitatif, pemerhatian dan temubual	Pendekatan Projek dapat meningkatkan pencapaian akhlak murid	Mix-method	Kirkpatrick Model Teknik Delphi Terubah Suai	Terdapat perbezaan dari aspek pendekatan dan kaedah yang digunakan. Kajian juga dijalankan ke atas Akhlak Murid

2.3.3 Pendekatan Pembelajaran *Hands On* Terhadap Kanak-kanak.

Ali dan Man (2011) mengatakan pembelajaran secara ‘hands on’ melibatkan pengalaman pelajar sepenuhnya yang mana dapat meningkatkan keupayaan murid untuk berfikir secara kritikal. Richards dan Rodgers (2014) mengatakan strategi pengajaran ‘hands – on’ merujuk kepada sebarang aktiviti fizikal yang melibatkan penggunaan peralatan dan bahan yang berlaku ketika proses pengajaran dan pembelajaran.

Bagi sorotan kajian untuk pembelajaran secara ‘hands on’, tinjauan kajian yang telah dijalankan terhadap Rukiyah, Marlina dan Kanedi (2017) mengenai ‘Child Science Skill Improvement through Hands-On Learning Activities in Kindergarten with Limited Human Resources and Facilities’. Kajian yang dilakukan oleh Rukiyah, Marlina dan Kanedi adalah berbentuk kajian kes. Kajian ini melibatkan 17 orang kanak-kanak lelaki. Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan pelaksanaan pembelajaran yang menarik bagi meningkatkan kemahiran dan kefahaman proses sains walaupun menggunakan peralatan yang terhad di tadika. Kajian ini mendedahkan kanak-kanak kepada aktiviti ‘hands-on’ menggunakan pelbagai bahan untuk diteroka (Wlodkowski & Ginsberg, 2017; Mohr-Schroeder, et. al., 2014). Kajian ini dinilai melalui borang pemerhatian dan lembaran kerja kanak-kanak.

Kajian yang dijalankan oleh Rukiyah, Marlina dan Kanedi (2017) ini mendapati melalui penggunaan pendekatan kemahiran dapat mengembangkan pengetahuan kemahiran sains kanak-kanak secara efektif dan berkesan walaupun menggunakan peralatan yang terhad. Kajian ini menunjukkan pendekatan pembelajaran yang diluar kebiasaan akan menghasilkan kesan yang lebih efektif terhadap kanak-kanak (Kolb, 2014; Li & Lam, 2013). Cara pengajaran guru yang diluar kebiasaan seperti pembelajaran secara efektif akan membantu meningkatkan kefahaman kanak-kanak dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan (Fries, 2015; Chae, 2014).

Sorotan seterusnya dilakukan terhadap kajian Galbrait (2016) mengenai ‘Effects of the Good Behavior Game on Physical Activity’ turut dilakukan. Kajian ini dilakukan bagi mengetahui kesan pelaksanaan aktiviti fizikal terhadap kanak-kanak terutamanya melibatkan kesihatan kanak-kanak (Parizkova, 2016; Chow, McKenzie & Louie, 2015; Drotar, 2014). Kajian Galbrait telah dilakukan bagi menilai waktu rehat kanak-kanak tanpa sebarang aktiviti dan waktu rehat kanak-kanak yang dilakukan berselang seli

aktiviti fizikal. Kajian ini dilakukan terhadap kumpulan kanak-kanak yang berbeza iaitu satu kumpulan kanak-kanak yang waktu rehatnya tidak melakukan sebarang aktiviti dan satu kumpulan lagi kanak-kanak yang melakukan aktiviti fizikal seperti bermain semasa waktu rehat.

Keputusan kajian Galbrait (2016) mendapati kumpulan kanak-kanak yang melakukan aktiviti permainan semasa rehat aktif berbanding dengan kumpulan kanak-kanak yang tidak melakukan sebarang aktiviti fizikal semasa rehat. Keputusan kajian Galbrait juga mendapati tahap kesihatan kanak-kanak yang melakukan aktiviti fizikal semasa rehat lebih baik berbanding kanak-kanak yang tidak melakukan aktiviti semasa rehat (Cliff, et. al., 2016; Donnelly, et. al., 2016). Galbrait menyatakan dalam kajiannya, pihak sekolah haruslah mencari inisiatif untuk meningkatkan dan melaksanakan aktiviti fizikal terhadap kanak-kanak semasa waktu rehat (Driskell, 2017; Hind, et. al., 2014; Strampel, et. al., 2014). Hal ini bagi meningkatkan perkembangan positif kesihatan kanak-kanak.

Sorotan kajian turut dilakukan ke atas kajian yang dijalankan oleh Ekwueme, Ekon & Ezenwa-Nebife (2015) mengenai 'The Impact of Hands-On-Approach on Student Academic Performance in Basic Science and Mathematics'. Kajian ini dijalankan bagi menentukan kesan pendekatan 'hands-on' terhadap prestasi akademik pelajar dan pandangan pelajar melalui pendekatan yang digunakan ini. Hasil kajian mendapati terdapat peningkatan positif terhadap prestasi pembelajaran Sains dan Matematik pelajar melalui penggunaan pendekatan pembelajaran secara 'hands-on', (Fulton, 2012; Ergül, R., et. al., 2011; FitzPatrick, Finn & Campisi, 2011). Pelajar juga dikatakan lebih berminat untuk belajar Sains dan Matematik dengan menggunakan kaedah pembelajaran secara 'hands-on', (Normaliani, Jamal & Suyidno, 2016; Nelly Ezatul Fazlina, 2012; Ahmad Nurulazam, Zurida & Mohd Ali, 2007).

Sorotan seterusnya dilakukan terhadap kajian Tsai (2014) mengenai 'Predictors of Hands-On Learning: Students' Problem Approach Attitude, Problem Solving Confidence, and Problem Solving Style Relevant to Parental Monitoring'. Kajian ini dilakukan bagi mengetahui masalah yang dialami pelajar serta kaitannya dengan pemantauan ibu bapa. Pendekatan pembelajaran 'hands-on' telah mendapati pemantauan ibu bapa berkait rapat dengan masalah yang dialami pelajar. Hasil kajian juga mendapati pendekatan pembelajaran secara 'hands-on' merupakan satu kaedah yang boleh

digunakan untuk mengatasi masalah sosial dan masalah pembelajaran (Savery, 2015; Anggareni, Ristiati & Widiyanti, 2013; Allen, Donham & Bernhardt, 2011; Biggs, 2011).

Hasil kajian yang dilakukan oleh Tsai (2014) mendapati pendekatan pembelajaran secara tidak langsung mempunyai hubung kait dengan sikap murid. Hal ini seterusnya telah memberi kesan terhadap masalah murid, kaedah penyelesaian masalah, gaya penyelesaian masalah dan hubung kaitnya dengan pemantauan ibu bapa terhadap pelajar. Hasil kajian juga mendapati penggunaan pembelajaran secara 'hands-on' boleh mengatasi masalah pembelajaran yang berlaku dalam kalangan murid (Khaeroningtyas, Permanasari & Hamidah, 2016; Rasidayanty, 2014; Fink, 2013; Corter, et. al., 2011). Pendekatan ini seterusnya dapat membentuk sikap dan perilaku murid yang lebih baik, (Hancock, Jorgensen & Swanson, 2013; Hendrix, Eick & Shannon, 2012).

Kajian seterusnya yang dijadikan rujukan adalah kajian yang dijalankan oleh Spivack (2014) mengenai 'The Impact of Policy on Practice in Elementary Physical Education in the Bergling School Division in Virginia'. Kajian ini dilakukan bagi mengetahui tahap pengetahuan guru pendidikan jasmani dan tahap pelaksanaan aktiviti fizikal terhadap kanak-kanak. Kajian Spivack mendapati guru pendidikan jasmani tidak mendapat latihan dan kursus yang cukup untuk melaksanakan aktiviti bersama kanak-kanak (Metzler, 2017; Lonsdale, et. al., 2013; Ericsson, 2011). Hal ini kerana pihak sekolah menganggap aktiviti fizikal dan pendidikan jasmani tidak penting dilaksanakan terhadap kanak-kanak. Kurang pendedahan dan pengetahuan pihak sekolah mengenai pendidikan fizikal terhadap kanak-kanak telah menyebabkan aktiviti fizikal tidak dapat dilaksanakan dengan baik di sekolah, (Tunggak, Ngadi & Naim, 2015; Zainudin, 2014; Kirk, 2012; Flory & McCaughtry, 2011).

Spivack (2014) turut mendapati keutamaan pembelajaran telah diberikan terhadap subjek-subjek lain yang dianggap lebih sukar dan lebih penting terhadap kanak-kanak. Sehubungan dengan itu guru pendidikan jasmani tidak diberi pendedahan yang lebih meluas menyebabkan mereka mengalami kekurangan kecekapan dalam membimbing dan melaksanakan subjek pendidikan jasmani, (Kohl, et. al., 2012; Rainer, Copley, Jarvis & Griffiths, 2012; Fortier, Duda, Guerin & Teixeira, 2012). Masa pembelajaran guru pendidikan jasmani turut dikurangkan. Hal ini telah melibatkan aktiviti fizikal tidak dilaksanakan dengan baik terhadap kanak-kanak di sekolah. Guru-guru juga tidak mampu

melaksanakan aktiviti fizikal bersama-sama kanak-kanak dengan baik (Roth, Zittel, Pyfer & Auxter, 2016; Diamond, 2012; Fedewa & Ahn, 2011).

2.3.4 Kesan Pengajaran Terhadap Pembentukan Akhlak Kanak-kanak Dari Aspek Pengetahuan, Sikap dan Amalan.

Akhlak yang baik penting dalam mewujudkan pembelajaran yang berkesan terhadap kanak-kanak (Suhana, Ahmad Marzuki dan Azman, 2017; Zulaiha Ali Othman, Roslan Ahmad, Umi Nadzrah Ali Othman & Zurina Muda, 2016). Akhlak di sini merujuk kepada perlakuan, watak dan perangai kanak-kanak. Kajian pertama yang dijadikan sebagai rujukan bagi akhlak adalah kajian yang dijalankan oleh Medina (2017). Medina telah menjalankan kajian mengenai ‘The Effects Classroom Experiences and Student Conduct Have on a Teacher's Self-Efficacy in Schools with Positive Behavior Interventions and Supports (PBIS)’. Kajian ini dijalankan bagi melihat keberkesanan penggunaan kaedah ‘Positive Behavior Interventions and Supports’ (PBIS) oleh guru dalam membentuk tingkah laku positif kanak-kanak. Kajian ini juga dijalankan bagi melihat pemahaman guru terhadap pedagogi pembelajaran yang digunakan di dalam kelas serta kesannya terhadap peningkatan prestasi pembelajaran kanak-kanak.

Dapatan hasil kajian Medina (2017) menunjukkan pelaksanaan kaedah PBIS telah memberikan kesan positif terhadap kaedah pengajaran guru dan pembentukan tingkah laku kanak-kanak. Pemahaman guru terhadap pedagogi pembelajaran yang digunakan seperti kaedah PBIS telah membantu guru untuk merancang dan membentuk tingkah laku positif kanak-kanak di dalam kelas (Dana & Yendol-Hoppey, 2014; Eng, 2014; Loughran, 2013; Darling-Hammond, 2012). Dapatan kajian mendapati penglibatan, strategi pengajaran, pengurusan kelas dan kemahiran guru akan memberi kesan terhadap pembentukan tingkah laku kanak-kanak di dalam kelas (Ismail & Mohamad, 2017; Durlak, et. al., 2011; Parkay, Stanford & Gougeon, 2010). Penemuan dari kajian ini juga mendedahkan bahawa guru boleh membentuk tingkah laku kanak-kanak dengan memberikan dorongan, pujian, penghargaan yang positif, dan ganjaran perlakuan baik terhadap mereka (Arifatun, 2015; Gebbie, Ceglowski, Taylor, & Miels, 2012; Dutton, Varjas, Meyers, & Collins, 2010).

Kajian seterusnya yang dijadikan rujukan adalah kajian yang dijalankan oleh Soetari (2017) dengan kajian yang bertajuk ‘Pendidikan Karakter dengan Pendidikan

Anak untuk Membina Akhlak Islami'. Kajian ini dijalankan kerana kelemahan kognitif dan keruntuhan moral yang dialami oleh masyarakat Indonesia kini. Kajian ini dijalankan bagi memberi kesedaran kepada semua pihak tentang pentingnya bidang pendidikan untuk membentuk peribadi dan perlakuan mulia manusia (Anggraeni, Yoto & Basuki, 2016; McIlpatrick et. al., 2014). Hal ini bagi membentuk masyarakat madani yang mempunyai daya saing tinggi untuk hidup dan memacu dunia dalam era globalisasi kini.

Kajian Soetari (2017) menekankan pendidikan merupakan senjata utama dalam pembentukan akhlak manusia yang baik tidak mengira usia. Pendidikan dikatakan memainkan peranan yang besar dalam membina perlakuan dan sikap yang baik dalam kalangan masyarakat (Othman, Noh, Lubis, & Hassan, 2017; Li, & Lam, 2013). Sebagai contohnya umat Islam perlu menggabungkan aqidah, syariah dan moral dalam membentuk tingkah laku umat yang baik. Oleh itu Soetari mengatakan pendidik merupakan individu yang memainkan peranan penting dalam pembentukan tingkah laku manusia (Schechner, 2017; Knowles, Holton III & Swanson, 2014). Namun, Soetari juga menyatakan tugas ini tidak hanya dilakukan oleh pendidik sahaja malah semua kelompok masyarakat termasuk ibu bapa, rakan, adik-beradik, jiran dan lain-lain lagi.

Kajian oleh Hidayati (2014) turut dijadikan sebagai rujukan. Hidayati menjalankan kajian mengenai 'Penanaman Nilai-nilai Pendidikan Agama Islam Pada Anak Usia Dini di PAUD Harapan Bangsa 03 Lanji Patebon Kendal tahun ajaran 2013-2014'. Kajian ini dijalankan kerana kekurangan penerapan nilai moral dalam kalangan kanak-kanak. Kajian ini menggunakan tiga kaedah yang berbeza menurut agama Islam bagi menerapkan nilai moral terhadap kanak-kanak. Hasil kajian Hidayati mendapati guru memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk perilaku berakhlak baik seseorang kanak-kanak (Zakaria, Ahmad Munawar & Noranizah, 2012; Farrington et. al., 2012; Gest & Rodkin, 2011). Hal ini kerana guru merupakan 'role model' terhadap kanak-kanak dan menjadi ikutan dan tauladan terbaik kepada mereka (Nilson, 2016; Suhid, 2014; Goodison, 2013).

Kajian seterusnya yang dijadikan rujukan adalah kajian yang dijalankan oleh Wanja (2014) mengenai 'Influence of Religious Education on Moral Development of Pre-School Children in Limuru Zone, Kiambu County'. Kajian ini dijalankan bagi mengetahui pengaruh pendidikan agama terhadap perkembangan moral kanak-kanak (Jennings & Niemi, 2015; Noddings, 2013; Durkheim, 2012; Sudrajat, 2011) prasekolah

di Zon Limuru, Kiambu. Kajian ini dijalankan berdasarkan kepada teori perkembangan moral Kohlberg. Dapatan kajian menunjukkan peribadi guru seperti jantina, umur dan kelayakkan tidak mempengaruhi perkembangan moral kanak-kanak, metodologi pengajaran juga sama tidak mempengaruhi (Newman & Newman, 2017; Smith, Cowie & Blades, 2015; Zainudin, 2014).

Namun, dapatan kajian Wanja (2014) menegaskan bahawa pengalaman guru prasekolah, sikap ibu bapa dan kandungan pembelajaran mempengaruhi perkembangan moral kanak-kanak prasekolah. Wanja juga mengatakan pihak kerajaan melalui Kementerian Pelajaran perlu menawarkan latihan dalam perkhidmatan kepada semua guru terutamanya mereka yang kurang mendapat latihan prasekolah asas (Makmun, Mahamod, Taib & Haron, 2016; Oakes, Lipton, Anderson & Stillman, 2015; Darling-Hammond, 2015). Guru juga hendaklah menggunakan pendekatan pengajaran yang lebih melibatkan aktiviti kanak-kanak bersama. Pelaksanaan sesi pembelajaran dan pengajaran yang berkesan boleh membentuk perilaku bermoral kanak-kanak di prasekolah (Pui, 2014; Ellis, S., & Gauvain, 2013; Trawick-Smith & Dziurgot, 2011).

Kajian seterusnya yang dijadikan rujukan adalah kajian yang dijalankan oleh Zakaria, Ahmad Munawar dan Noranizah (2012) mengenai 'Faktor Persekitaran Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri'. Kajian ini dijalankan bagi mengetahui faktor persekitaran sosial yang boleh mempengaruhi pembentukan perilaku seseorang individu. Kajian Zakaria, Ahmad Munawar dan Noranizah (2012) mendapati persekitaran sosial kanak-kanak amat mempengaruhi pembentukan perilaku kanak-kanak tersebut. Persekitaran sosial kanak-kanak seperti ibu bapa, guru, rakan, jiran, sekolah dan lain-lain cukup signifikan dalam pembentukan jati diri dan perlakuan kanak-kanak (Zainudin, 2014; Epstein & Karweit, 2014; Hart, 2013; Eccles & Roeser, 2011).

Kajian terakhir yang dijadikan rujukan akhlak adalah kajian mengenai Maila Dinia, Nur Surayyah dan Husni (2012) mengenai 'School Culture and the Moral Development of Children'. Kajian ini menerangkan tentang pengaruh persekitaran sosial terhadap perkembangan moral kanak-kanak. Perkembangan kanak-kanak saling berkaitan dengan masyarakat sekeliling terutamanya keluarga, rumah, sekolah dan komuniti (Newman & Newman, 2017; Hart, 2013; Alavi, K., et. al. 2012; Sharif & Roslan, 2011). Oleh kerana kanak-kanak banyak menghabiskan masa mereka di sekolah, maka perkembangan moral kanak-kanak banyak dipengaruhi ketika mereka berada di sesi

persekolahan. Budaya sekolah yang positif akan membentuk keyakinan dan sikap kanak-kanak yang lebih positif dan begitulah sebaliknya (Deal & Peterson, 2016; Clark, 2015; Levine, 2012; Shahrulanuar, 2011).

Berdasarkan sorotan kajian di atas, pembentukan akhlak kanak-kanak banyak dipengaruhi persekitaran sekeliling mereka. Persekitaran terdekat kanak-kanak seperti ibu bapa, adik beradik, pihak sekolah, guru dan rakan amat mempengaruhi pembentukan perilaku positif (Baker-Jamieson, 2016; Anuar & Norhaidawati, 2015; Sharp, 2014; Caffaro, 2013; Carrasquillo & London, 2013; Musa & Majid, 2013). Kebanyakan kajian di atas menyatakan guru dan ibu bapa merupakan individu yang paling mempengaruhi pembentukan akhlak yang baik kanak-kanak. Oleh itu ibu bapa dan guru perlu saling berganding bahu untuk membentuk tingkah laku positif kanak-kanak.

Kolb (2014) menyatakan pengalaman pembelajaran di dalam kelas akan memberikan impak yang besar terhadap perkembangan sosial kanak-kanak. Kajian pertama yang dijadikan rujukan bagi pembentukan sosial kanak-kanak ini adalah kajian yang dijalankan oleh Syed Mohd Zain dan Syarifah Ratna Sari (2015) mengenai 'Kajian Kes Tahap Perapatan dan Rasa Selamat dalam Kalangan Kanak-kanak di Sebuah Prasekolah'. Kajian ini dijalankan bagi menentukan tahap perapatan yang wujud antara kanak-kanak dan guru di prasekolah bagi aktiviti pembelajaran dan bukan pembelajaran. Dapatan kajian mendapati tahap rasa selamat yang dialami oleh kanak-kanak di prasekolah adalah pada tahap rendah dan tahap tidak bebas (Voepel-Lewis, et. al., 2015; Lonigan, Farver, Phillips & Clancy-Menchetti, 2011; Choi, 2011). Keadaan ini mengakibatkan hubungan sosial guru dan kanak-kanak adalah renggang dan boleh menjejaskan prestasi pembelajaran kanak-kanak (Mior Khairul Azrin, 2016; Fisher, Godwin & Seltman, 2014; Sufean, 2014; Shutts, Kinzler & DeJesus, 2013; Meiklejohn, J., et. al., 2012; Spilt, Koomen & Thijs, 2011).

Kajian kedua yang dijadikan rujukan adalah kajian yang dijalankan oleh Gablinkske (2014) mengenai 'A Case Study of Student and Teacher Relationships and the Effect on Student Learning'. Kajian ini menerangkan hubungan sosial guru dan pelajar sangat penting dalam pembentukan sesi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di dalam kelas. Dapatan kajian menunjukkan interaksi sosial antara guru dan pelajar perlu dibentuk bagi mewujudkan persekitaran yang berkesan dalam kalangan pelajar (Sharifah Nor & Aliza, 2016; Zakaria, Ahmad Munawar & Noranizah, 2012; Chen

& Bryer, 2012; Hostetter & Busch, 2012; Kuh, Kinzie, Schuh & Whitt, 2011). Interaksi sosial antara guru dan pelajar ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Hubungan ini juga memberikan impak terhadap tahap prestasi pembelajaran pelajar di dalam kelas. Hubungan sosial yang positif perlu dalam pembentukan sesi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Kajian seterusnya yang dijadikan rujukan adalah kajian yang dijalankan oleh Rizalina (2014) mengenai 'Peranan Guru Dan Ibu Bapa Merangsang Perkembangan Sosioemosi Kanak-Kanak Melalui Aktiviti Bermain'. Kajian yang dijalankan oleh Rizalina (2014) ini bertujuan untuk mengenal pasti peranan guru dan ibu bapa dalam merangsang perkembangan sosioemosi kanak-kanak melalui aktiviti bermain. Namun, Rizalina menyatakan guru haruslah memainkan peranan dalam mewujudkan sesi pembelajaran yang berkesan melalui aktiviti bermain untuk mewujudkan interaksi positif kanak-kanak (Hong, Shaffer & Han, 2017; Hancock, Ledbetter-Cho, Howell & Lang, 2016; Barrett, Huber & Reynolds, 2014). Sosio emosi kanak-kanak turut berkembang melalui sokongan ibu bapa mereka. Secara keseluruhannya, kerjasama antara guru dan ibu bapa sangat penting untuk merangsang perkembangan sosioemosi kanak-kanak (Ellis & Gauvain, 2013; Webster-Stratton, Reinke, Herman & Newcomer, 2011; Hornby & Lafaele, 2011). Ini menunjukkan guru memainkan peranan penting dalam sesi pembelajaran sebagai pemudahcara dalam kelas.

Sorotan kajian seterusnya dilakukan terhadap kajian yang dijalankan oleh MacFarlane dan Woolfson (2013) mengenai 'Teacher Attitudes and Behavior toward the Inclusion of Children with Social, Emotional and Behavioral Difficulties in Mainstream Schools: An Application of the Theory of Planned Behavior'. Kajian ini telah menggunakan 'The Theory of Planned Behavior' (TPB) untuk mengkaji hubungan antara sikap dan tingkah laku guru dengan perkembangan sosial, emosi dan tingkah laku kanak-kanak. Kajian yang dijalankan menunjukkan kursus dan latihan yang diberikan kepada guru telah dapat membentuk perlakuan, emosi dan hubungan sosial yang baik antara guru dan kanak-kanak (Aisyah & Ag, 2015; Weinberg & Gould 2014; Alavi, et. al., 2012). Oleh itu kursus dan latihan pendidikan perlu bagi membina keyakinan guru untuk mengajar dengan baik di dalam kelas (Richards & Rodgers, 2014; Buabeng-Andoh, 2012; Darling-Hammond, 2012).

Kajian seterusnya dilakukan terhadap kajian yang dijalankan oleh Bridgeland, Bruce dan Hariharan (2013) mengenai 'The Missing Piece: A National Teacher Survey on How Social and Emotional Learning Can Empower Children and Transform Schools. A Report for CASEL'. Kajian Bridgeland, Bruce dan Hariharan menyatakan pembelajaran sosial dan emosi akan melibatkan perkembangan kesedaran sosial, kesedaran diri, pengurusan diri dan bertanggungjawab (Weissberg & Cascarino, 2013; Sadri, 2012; Huitt, 2011; Durlak, et. al., 2011). Kajian mereka turut menyatakan kemahiran pengajaran berkesan boleh dipupuk dan diajar dalam kalangan guru bagi mewujudkan sesi pembelajaran yang berkesan terhadap pelajar (Sharifah Nor & Aliza, 2016; Borich, 2016; Eng, 2014; Saion, 2014; Tomlinson, 2014).

Dapatan kajian Bridgeland, Bruce dan Hariharan (2013) mendapati guru sekolah biasanya memahami, menghargai dan menyokong pembelajaran sosial dan emosi pelajar. Dapatan kajian mereka juga menunjukkan pembelajaran sosial dan emosi yang dijalankan oleh guru akan membantu pelajar mencapai prestasi dan kehidupan yang baik (Patty, Wijono & Setiawan, 2016; Shor, 2012; Biggs, 2011). Dapatan kajian mereka turut menyatakan guru perlu mengenalpasti kaedah utama yang boleh digunakan untuk melaksanakan pembelajaran sosial dan emosi yang berkesan dalam kalangan pelajar. Perkembangan sosial dan emosi amat ditekankan kerana memberi kesan terhadap prestasi pembelajaran pelajar (Lewallen, et. al., 2015; Mega, Ronconi & De Beni, 2014; Azizi & Nurfaizah, 2011).

Kajian terakhir yang dijadikan rujukan adalah kajian yang dijalankan oleh Jaslinah (2012) mengenai 'Perkembangan Kemahiran Sosial Kanak-Kanak Melalui Bermain: Satu Kajian Kes Di Sebuah Prasekolah'. Kajian dilakukan bagi melihat keberkesanan aktiviti bermain untuk merangsang perkembangan sosial kanak-kanak. Hasil kajian mendapati aktiviti bermain dapat meningkatkan kemahiran sosial dalam kalangan kanak-kanak (Eime, et. al., 2013; O'Keeffe & Clarke-Pearson, 2011). Namun begitu aktiviti bermain ini perlu dipantau oleh pihak guru dan ibu bapa bagi membentuk aktiviti bermain sambil belajar dengan lebih berkesan. Oleh itu kajian ini turut menyatakan sesi pembelajaran yang dilaksanakan melalui kaedah bermain perlu dilaksanakan dengan lebih giat agar dapat merangsang perkembangan sosial kanak-kanak

dengan baik (Ke, 2014; McLachlan, Flear, & Edwards, 2013; Webster-Stratton, Reinke, Herman & Newcomer, 2011).

Perkembangan sosial kanak-kanak boleh dibentuk melalui aktiviti pembelajaran di dalam kelas (Li & Lam, 2013; Yeager & Dweck, 2012; Shor, 2012). Namun, sesi pembelajaran yang dijalankan haruslah lebih efektif, kreatif dan kritis. Hal ini bagi mendorong kanak-kanak untuk terlibat dan terdorong melakukan aktiviti pembelajaran itu bersama-sama bagi meningkatkan interaksi sosial mereka (Wlodkowski & Ginsberg, 2017; Wilson, 2012; Biggs, 2011). Perkembangan sosial boleh dibentuk melalui kaedah dan cara yang berkesan.

Secara kesimpulannya, merujuk Jadual 2.3, penyelidik berpendapat, kajian-kajian lepas ini membincangkan aktiviti pembelajaran dan pemahaman guru adalah amat penting dalam pedagogi bagi meningkatkan interaksi sosial kanak-kanak. Namun begitu, kajian-kajian ini lebih fokus kepada interaksi sosial. Oleh itu, pengkaji memilih mengkaji berdasarkan domain pengetahuan, amalan dan sikap kanak-kanak diprasekolah. Berdasarkan sorotan kajian di dapati kajian banyak dijalankan ke atas bidang sains, matematik bahasa melayu dan bidang lain tetapi tidak menjurus kepada akhlak kanak-kanak. Pendidikan Islam dari aspek akhlak masih lagi menggunakan kaedah yang lama hafalan. Merujuk kajian-kajian lepas ini berdasarkan hasil kajian inilah membuatkan pengkaji membina satu modul yang baharu untuk meningkatkan pencapaian murid dari aspek akhlak.

Oleh itu juga pengkaji telah menjalankan intervensi baharu untuk meningkatkan pencapaian kanak-kanak dan membantu guru dalam pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah baru dan bersistematik. Modul yang dibina berbeza dengan yang lain kerana menggunakan pendekatan *Islamic Project*©, Model Kirkpatrick dan menggunakan teknik Delphi Terubahsuai.

Jadual 2.3 Kesan Pengajaran guru Terhadap Pembentukan Akhlak Kanak-Kanak (Pengetahuan, sikap dan amalan).

Penulis (Tahun)	Hasil Kajian
Maila Dinia, Nur Surayyah dan Husni (2012)	Pengaruh persekitaran sosial terhadap perkembangan moral kanak-kanak.
Medina (2017).	Guru dalam membentuk tingkah laku positif kanak-kanak. Pemahaman guru terhadap pedagogi pembelajaran yang digunakan di dalam kelas serta kesannya terhadap peningkatan prestasi pembelajaran kanak-kanak.
Li & Lam, 2013; Yeager & Dweck, 2012; Shor, 2012).	Aktiviti pembelajaran itu bersama-sama bagi meningkatkan interaksi sosial
Puhi, (2014)	Guru juga hendaklah menggunakan pendekatan pengajaran yang lebih melibatkan aktiviti kanak-kanak bersama. Pelaksanaan sesi pembelajaran dan pengajaran yang berkesan boleh membentuk perilaku bermoral kanak-kanak di prasekolah.
Ellis, S., & Gauvain, (2013) Trawick-Smith & Dziurgot, (2011).	

2.4 Teori-teori Yang Berkaitan.

Kajian ini melibatkan beberapa teori antaranya Teori Konstruktisme dan Teori Interaksionalis. Teori konstruktisme yang dipelopori oleh Jean Piaget dan Semiovich Vygotsky lebih menekankan kepada pembelajaran yang menyediakan pengalaman konkrit dan bermakna kepada kanak-kanak. Pengalaman ini akan diperolehi melalui aktiviti bersoaljawab yang membantu kanak-kanak membina konsep dan pengetahuan baru dan ia diperkukuhkan lagi melalui penerokaan dan penyiasatan.

2.4.1 Teori Perkembangan Kognitif Piaget.

Dalam usaha untuk memahami bagaimana kanak-kanak meningkatkan kepintaran mereka, Piaget (1972) mencadangkan perkembangan kognitif kanak-kanak bermula daripada dilahirkan sehingga remaja. Terdapat empat tahap dalam perkembangan tersebut (i) sensori motor, (ii) pra operasi, (iii) operasi konkrit dan (iv) operasi formal. Menurut Piaget (1962), kanak-kanak prasekolah berada pada tahap pra operasi iaitu boleh berfikir

dan menggunakan perkataan ataupun simbol yang mewakili objek dan peristiwa di sekeliling mereka.

Piaget (1969) menegaskan bahawa ciri-ciri perkembangan pada peringkat ini bergantung kepada perwakilan secara konkrit, perkembangan bahasa dan penyerapan pengetahuan. Perwakilan konkrit dalam kajian ini merujuk kepada aktiviti penerokaan dan penyiasatan yang dilakukan oleh kanak-kanak untuk mendapatkan maklumat mengenai topik yang dikaji. Dalam kajian ini, bahan-bahan konkrit digunakan pada setiap fasa untuk memberi pengalaman dan pengetahuan kepada mereka.

2.4.2 Teori Sosial Budaya Vygotsky.

Kajian ini adalah mengenai pelaksanaan Pendekatan Projek Akhlak kepada kanak-kanak 5-6 tahun yang mengikuti Kurikulum Standard Prasekolah di beberapa buah KEMAS di Kota Bahru Kelantan.

Kajian ini membuat andaian bahawa kanak-kanak kecil mampu membina (construct) pemahaman, kemahiran, dan minat jika mereka terlibat secara langsung dalam melaksanakan projek Akhlak ini. Andaian ini di buat berlandaskan teori konstruktivisme sosial Vygotsky (1978). Walaupun Piaget adalah pengasas teori konstruktivisme kognitif, tetapi dalam kajian ini, teori Vygotsky adalah lebih relevan, kerana aktiviti pembelajaran dilakukan dalam suasana kolaboratif (dalam kumpulan), dan bukannya secara individu. Konsep ini selaras dengan pandangan Vygotsky bahawa kanak-kanak membina pengetahuan dan pemahaman melalui interaksi sosial (dengan individu yang lebih banyak pengetahuan atau more knowledgeable others [MKO]), bimbingan guru (scaffolding) dan pendedahan kepada pengalaman di luar daripada zon perkembangan proksimal (ZPD) mereka (DeVries & Zan, 1995; Hendricks, 1997; Katz, 1993). Pandangan ini diulas dengan lebih jelas oleh Edwards (2005), katanya:

“A teacher in the early childhood classroom will aid and support the child in their own discovery and initiative through a concept called, the zone of proximal development (ZPD). The ZPD allows a child to tackle a problem that is sufficiently novel to attract and maintain a child’s attention, yet not so difficult that the solution cannot be perceived.”

Dalam teori konstruktivis sosial Vygotsky, guru adalah ko-konstruktor dan bertindak sebagai MKO kepada kanak-kanak. Guru memberi peluang kanak-kanak berinteraksi dan bercakap menggunakan bahasa yang betul, sama ada untuk bertanya soalan mengenai apa yang mereka ingin tahu atau mengeluarkan idea mengenai reka cipta yang mereka ingin hasilkan.

Menurut Vygotsky, melalui interaksi sosial inilah kanak-kanak membina pemahaman yang lebih baik mengenai perkara yang mereka sedang pelajari. Kewujudan MKO dalam kumpulan membantu kanak-kanak belajar daripada satu sama lain. Bimbingan scaffolding oleh guru memperkukuhkan lagi pembentukan construction ilmu pengetahuan dan pemahaman kanak-kanak. Tugasan projek yang mencabar dan bertaraf tinggi (contohnya kanak-kanak berbincang dan berfikir mengenai adab-adab makan, adab dengan jiran, makanan halal dan haram membuatkan kanak-kanak berfikir kenapa tidak boleh makan khinzir dan sebagainya) dapat memberikan pengalaman pembelajaran yang optimum dalam ZPD kanak-kanak, sekaligus mengupayakan potensi kanak-kanak ke tahap yang tinggi.

2.4.3 Perbandingan Teori Konstruktivis Vygotsky dan Teori Piaget




Rajah 2.2 Teori Konstruktivis Sosial Vygotsky sebagai landasan kajian (berbanding teori Piaget)

Berdasarkan rajah 2.2 merujuk kepada perbandingan diantara dua teori iaitu Jean Piaget dan Lev Vygotsky. Berpegang kepada teori Vygotsky, modul yang dibina telah disesuaikan dengan ZPD kanak-kanak 5-6 tahun. Manakala guru telah dilatih untuk memainkan peranan sebagai pembimbing dan ko-konstruktor atau MKO yang hanya memberi bimbingan scaffolding kepada kanak-kanak dan bukan membuatkan projek itu untuk kanak-kanak. Guru dilatih untuk memberi peluang kepada kanak-kanak meneroka, bertanya, menyasat, dan mengalami sendiri perkara yang sedang dipelajari. Melalui proses ini, kanak-kanak membina pemahaman mengenai konsep pendekatan akhlak yang berkaitan.

2.4.4 Kerangka Teori

Kerangka teori dalam kajian ini menjelaskan pelaksanaan Modul *Islamic Project*© di prasekolah berlandaskan teori Konstruktivisme dan teori Interaksionalis. Tokoh yang berperanan dalam Teori Konstruktivisme adalah Jean Piaget dan Vygotsky. Konstruktivisme adalah teori pembelajaran yang mencadangkan kanak-kanak membina pengetahuan secara individu melalui interaksi dengan orang ataupun bahan (Piaget, 1953; Vygotsy, 1978). Teori ini juga ditakrifkan sebagai pembelajaran yang bersifat generatif, iaitu tindakan mencipta sesuatu makna daripada apa yang dipelajari.

Melalui teori ini pembelajaran murid-murid dapat membina pengetahuan melalui aktiviti yang dijalankan oleh guru. Guru-guru perlu menyediakan bahan-bahan yang sesuai dengan peringkat umur dan mengikut langkah-langkah yang betul. Berdasarkan rajah 2.2 menunjukkan kerangka teori kajian ini. Terdapat 2 teori yang dikaitkan dengan pembelajaran kanak-kanak dalam aspek akhlak ini. Dalam pembelajaran akhlak murid-murid digalakkan untuk berinteraksi antara satu sama lain bagi memberi kemahiran kepada murid-murid prasekolah ini dapat mempraktikkan amalan dan sikap yang baik semasa pergaulan dengan rakan-rakan.



Rajah 2.2 Kerangka Teori Kajian

2.5 Pembangunan Modul Intervensi *Islamic Project*.

Modul intervensi pendidikan adalah satu pakej pengajaran berstruktur yang telah dirumuskan terutamanya sebagai bahan rujukan untuk menjalankan pendidikan program atau intervensi. Ia juga boleh digunakan sebagai buku panduan fasilitator untuk memberi tumpuan kepada matlamat pembelajaran tertentu (Russell, 1994). Pada masa ini, tiada modul khusus atau khas, bahan latihan untuk pengajaran Pendidikan Islam (Akhlak) menggunakan pendekatan projek bagi guru-guru prasekolah di Malaysia.

Mengadaptasi teori atau model yang berkaitan intervensi akan menghasilkan amalan yang penting berasaskan bukti yang akan membantu para penyelidik membimbing dan menerangkan keberkesanan intervensi yang akan dijalankan. Kajian meta-analisis baru-baru ini mengenai pengaruh teori intervensi tingkah laku mendedahkan bahawa mengintegrasikan sesuatu yang relevan secara teori atau model ke dalam fasa pembangunan intervensi akan menghasilkan intervensi yang sangat berkesan (Prestwich et al., 2014). Begitu juga, Worawong et al., (2018) menyatakan bahawa untuk kajian intervensi, perubahan tingkah laku positif lebih baik apabila penyelidik menggunakan teori dalam menjalankan intervensi. Oleh itu, kajian semasa menggunakan pembangunan modul dengan kumpulan *psychoeducational*. Berikut adalah penerangan model kumpulan *psychoeducational*.

2.6 Model Kumpulan *Psychoeducational*.

Model kumpulan *psychoeducational* telah banyak dilaksanakan dalam intervensi pendidikan dalam menangani permasalahan keluarga dan masyarakat. Kumpulan ini akan membantu dan memberi tumpuan kepada kumpulan guru dalam menjalankan intervensi. bagi program intervensi pendidikan, terdapat tiga jenis model iaitu intervensi kumpulan pendidikan, intervensi kumpulan sokongan dan intervensi *psychoeducational*.

Tumpuan kumpulan *psychoeducational* menggabungkan dua komponen iaitu komponen sokongan dan intervensi (Pomeroy, Rubin, & Walker, 1995). Menggabungkan model kumpulan *psychoeducational* dan intervensi pendidikan telah meluas di negara-negara Barat sejak tiga dekad yang lalu (Chan, 2005). Komponen pengetahuan, yang juga dikenali sebagai komponen pembelajaran kognitif, bermula dengan tugas untuk memperoleh pengetahuan (Clark, Dawes, Heywood, & McLaughlin, 2008). Pengajar, biasanya pakar dalam bidang, menyampaikan bahan pembelajaran melalui kuliah, perbincangan dan sesi soal jawab. Walau bagaimanapun, kandungan dan kaedah penghantaran berbeza-beza berdasarkan hasil khusus yang diperlukan dari setiap intervensi (Sörensen et al., 2002; Tobin, Brown, & Carney, 2013)

Selepas komponen pengetahuan, kumpulan ini disediakan dengan komponen sokongan, juga dikenali sebagai komponen pembelajaran yang berkesan, dengan tujuan meningkatkan dan membangunkan sikap positif dan tingkah laku yang baik. Kumpulan sokongan memerlukan ahli kumpulan dan fasilitator untuk mengambil bahagian dalam

interaktif aktiviti menggunakan teknik penyelesaian masalah (Clark et al., 2008; DaWalt, 2018). Struktur kerja kumpulan, seperti berkongsi pengalaman dan kemahiran di kalangan peserta, membawa kepada hasil tingkah laku yang berkesan melalui aktiviti kumpulan sokongan (Sorensen, Pinquart, & Duberstein, 2002).

2.7 Analisis Keperluan

Dalam Fasa analisis keperluan, pengkaji menjalankan analisis keperluan melalui kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik kepada 40 orang guru KEMAS di Kelantan. Sebelum soal selidik diedarkan, pengkaji telah menjalankan kajian rintis untuk kesahan dan kebolehpercayaan. Analisis Keperluan ini dijalankan untuk menentukan keperluan bagi reka bentuk modul *Islamic Project*®, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.4.

Penyelidik mengedarkan soal selidik kepada guru-guru yang telah dipilih secara rawak di setiap daerah di Kota Bharu. Guru-guru yang terlibat menjawab soalan ini adalah seramai 40 orang. Bagi mendapatkan pandangan daripada guru-guru menggunakan modul yang sedia ada dalam pengajaran Pendidikan Islam aspek kerohanian, nilai dan sikap, penyelidik telah menggunakan soal selidik Russell (1974) yang mempunyai lima bahagian mengenai modul yang dibina sebelum ini. Set soal selidik ini telah diterjemah dan diubahsuai oleh Sidek dan Jamaludin (2005) diberikan kepada guru untuk memberikan pandangan mereka mengenai modul yang mereka gunakan sebelum ini. Penyelidik mengadaptasi soal selidik ini untuk disesuaikan dengan kajian yang dijalankan.

Menurut Pratt (1994), menyatakan analisis keperluan merupakan aspek yang penting dalam perancangan pendidikan. Analisis keperluan bermaksud kaedah untuk mengenal pasti jurang di antara situasi yang wujud sekarang dengan situasi yang dikehendaki. Sementara McKillip (1987) pula mendefinisikan keperluan merupakan satu penghakiman nilai bahawa kumpulan tertentu mempunyai masalah yang boleh diselesaikan. Penyelidik menggariskan beberapa garis panduan dalam analisis keperluan ini iaitu pertama mengenal pasti kumpulan sasaran atau kumpulan yang difokuskan, kedua menjalankan analisis keperluan ke atas responden, ketiga menjalankan kajian rintis sebelum soal selidik diedarkan dan perlu melibatkan elemen-elemen pilihan mengikut teori-teori dan strategi pengajaran dan pembelajaran dalam modul yang akan dibina

Fasa satu ini, objektif penyelidik terlebih dahulu menjalankan analisis keperluan dengan mengenalpasti keperluan sebenar yang diperlukan oleh guru-guru dalam meningkatkan strategi pengajaran guru alaf 21 dalam mendidik murid-murid prasekolah. Menurut pendapat Buckley dan Caple, (1995) langkah pertama dalam pendekatan sistematik ke arah latihan ialah dengan mengenalpasti keperluan latihan dan sebagainya.

Mengikut pendapat Buckley dan Caple (1996), mengenalpasti keperluan latihan adalah untuk mengenalpasti permintaan pekerja dan pemilikan pengetahuan, kemahiran sedia ada, sikap dan pengalaman seseorang pekerja. Penyelidik mengumpul data dengan menggunakan soal selidik dan diedarkan kepada guru-guru prasekolah bagi mendapatkan maklumat mengenai keperluan daripada pihak guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 2.4 Soal Selidik Pandangan Modul Oleh Guru

Bilangan	Item soalan
	Kandungan modul ini menepati kumpulan sasaran (Modul yang digunakan sekarang)
1	Modul ini menepati kumpulan sasaran
	Kandungan modul ini boleh dilaksanakan dengan sempurna
1	Tajuk topik sesuai dengan matlamat modul
2	Objektif topik
3	Sesuai dengan matlamat modul
4	Dijelaskan dengan teliti setiap tajuk yang diberikan
5	Mudah difahami
	Kandungan modul ini mampu untuk memupuk nilai-nilai Islam dalam diri murid.
1	Menarik dan bersesuaian
2	Bersifat interaktif
3	Boleh diaplikasikan oleh murid
4	Bahan pengajaran bersesuaian
5	Mudah difahami oleh fasilitator
6	Cadangan aktiviti berupaya meningkatkan pengetahuan guru.
7	Mempunyai <i>hands on learning</i>
	Kandungan modul ini bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan tempoh masa
1	Masa untuk pelaksanaan aktiviti modul adalah bersesuaian
2	Pengagihan masa untuk aktiviti modul adalah bersesuaian

Penyelidik juga mengumpul data terlebih dengan mengedarkan soal selidik gaya pengajaran kepada guru-guru bertujuan untuk mengenalpasti gaya pengajaran guru-guru sebelum kajian ini dijalankan. Guru-guru perlu menjawab soal selidik untuk menentukan gaya pengajaran yang digunakan oleh guru-guru bagi memudahkan proses kajian seterusnya. Penyelidik menggunakan soal selidik daripada Grasha.

2.8 Penilaian Keberkesanan Intervensi

2.8.1 Penilaian Model Kirkpatrick

Model Penilaian Kirkpatrick merupakan salah satu model penilaian yang terawal dan paling banyak digunakan dalam penilaian program atau intervensi. Apabila menjalankan kajian intervensi pendidikan, penyelidik perlu memastikan objektif dan kualiti program dicapai melalui fasa penilaian (Durning et al., 2007; Hamza Mohammad Abdulghani et al., 2014). Perkara ini ditekankan dalam sorotan kajian lepas yang mana mengambilkira penilaian yang merupakan elemen utama dalam menentukan keberkesanan sesuatu program dan intervensi pendidikan (Mohamadloo & Ghaffari, 2016).


Terdapat banyak Model penilaian yang telah dilaksanakan dari aspek model konteks, input, proses dan produk, model Penilaian Kirkpatrick, model *Outcome Based Evaluation Model* (OBE) dan model Pendekatan Sistem input, proses dan pengeluaran (Dorri et al., 2016; Reio et al., 2017). Walaubagaimanapun, kajian terbaru ditekankan bahawa model Penilaian Kirkpatrick's merupakan model yang paling komprehensif untuk menilai keberkesanan intervensi dalam pendidikan lebih 50 tahun digunakan dalam pendidikan (Hamza Mohammad Abdulghani et al., 2014).

Model penilaian Kirkpatrick telah muncul pada 1960-an iaitu sebagai latihan dalam urusan perniagaan. Program diperkenalkan oleh Donald Kirkpatrick dan diikuti dengan penambahbaikan kepada model ini pada tahun 2006. Kajian terhadap model ini telah dijalankan secara meluas untuk mendapatkan hasil yang baik. Hasil kajian yang dijalankan Model ini telah diakui sebagai model terkenal dan berpengaruh dan telah dilaksanakan secara meluas diperingkat kebangsaan dan antarabangsa. Model ini juga telah digunapakai sebagai model penilaian untuk latihan dan pembangunan pendidikan program latihan dan pembangunan pendidikan dan intervensi (Dorri et al., 2016; Reio et al., 2017).

Populariti dan daya tarikan model Kirkpatrick di kalangan penyelidik adalah disebabkan kesederhanaannya (Paull, Whitsed, & Girardi, 2016; Reio et al., 2017). Pendekatan praktikal berdasarkan orientasi objektif (Mohamadloo & Ghaffari, 2016), Pendekatan sistematik (Paull et al., 2016) dan fleksibiliti untuk pelaksanaannya merentasi pelbagai intervensi dalam pendidikan (Wells, 2008).

Berdasarkan kajian, yang menggunakan model ini telah memberi sumbangan berharga kepada teori penilaian latihan dan terbukti secara empirikal dalam menilai tahap keberkesanan latihan dan program dengan baik sejak tahun 1959 (Alliger dan Janak, 1989; Miller, 1996; Holton, 1996; Bartlett, 1999; Brinkerhoff, 2005). Model ini kerap digunakan kerana ia mudah untuk diaplikasikan dan mempunyai keupayaan untuk membantu proses penilaian sesebuah latihan dengan jayanya (Alliger dan Janak, 1989).

Berdasarkan Rajah 2.4, Model Kirkpatrick dibahagikan kepada empat (4) tahap penilaian yang merupakan kaedah yang direka untuk menilai sesuatu program yang dijalankan. Model penilaian Kirkpatrick merangkumi empat tahap penilaian yang mengaplikasikan konsep seperti reaksi (Tahap 1), pembelajaran (Tahap 2), tingkah laku (Tahap 3) dan kesan (Tahap 4). Model ini perlu disusun dalam urutan menaik, menunjukkan bahawa ia adalah dijalankan secara berurutan dan dibentangkan dalam struktur hierarki.



Rajah 2.3 Model Penilaian Kirkpatrick's

Sumber : Kurt S. Kirkpatrick Model: Four Levels of Learning Evaluation – Educational Technology. International Journal of Educational Technology <https://educationaltechnology.net/kirkpatrick-model-four-levels-learning-evaluation/>. Published (October 24, 2016). Accessed (July 17, 2018)

Rajah 2.3 adalah merujuk kepada tahap Penilaian Kirkpatrick. Tahap 1 menilai persepsi para peserta tentang pengalaman program intervensi yang mereka terima. Tahap 2 menilai pengetahuan yang dimaksudkan dan perubahan sikap membuktikan bahawa pembelajaran telah berlaku melalui intervensi aktiviti. Tahap 3 menilai keinginan untuk perubahan tingkah laku peserta akibat daripada pemindahan pembelajaran dari intervensi (Kirkpatrick & Kirkpatrick, 2006) dan Tahap 4 menilai kesan intervensi pada organisasi.

Menurut Kirkpatrick dan Kirkpatrick (2006), penilaian harus bermula di Tahap terendah (Tahap 1) dan naik ke tahap (Tahap 2, 3 dan 4) urutan supaya setiap peringkat mempunyai kesan pada tahap berikut. Dengan kata lain, kepada keuntungan atau matlamat untuk memberi impak positif pada tahap yang lebih tinggi, perubahan positif mesti berlaku terlebih dahulu pada tahap yang lebih rendah. Oleh itu, dengan menggunakan model Kirkpatrick, hasilnya pada setiap peringkat mungkin memberikan penjelasan untuk peringkat seterusnya.

Walau bagaimanapun, apabila setiap tahap ini berkembang ke tahap yang lebih tinggi, kaedah penilaian menjadi lebih ketat dan memberikan penemuan yang lebih berharga mengenai intervensi yang dijalankan. Oleh itu, kemajuan setiap peringkat yang lebih tinggi telah dikritik oleh penyelidik kerana ia menyumbang kepada batasan dalam penilaian, menjadikannya penyelidikan lebih banyak memakan masa, kompleks dan sukar untuk diukur (Reio et al, 2017). Walau bagaimanapun, model Kirkpatrick ini lebih menonjolkan unsur fleksibiliti dalam modelnya, yang mana semua peringkat ini tidak diwajibkan dijalankan dalam satu kajian. Penyelidik perlu mencapai objektif, diberi tempoh, kos dan sumber yang ada (Well, 2008). Oleh itu, walaupun tahap ini disusun mengikut urutan, mereka tidak berada di peringkat mengikut kepentingan mereka (Jain, 2014).

2.9 Teknik Delphi Terubah Suai

Teknik Delphi digunakan untuk kajian saya kerana Teknik Delphi adalah merupakan kaedah yang terbaik untuk memperoleh persetujuan pakar dalam menentukan elemen-elemen yang boleh dimasukkan dalam reka bentuk modul tersebut. Pendapat pakar digunakan untuk kajian-kajian yang melibatkan pembangunan sesuatu model atau produk telah bermula di RAND Corporation oleh Olaf Helmer dan Norman Dalkey dalam tahun 1953 yang mengkaji masalah-masalah tertentu dalam tentera. Kaedah Delphi

mempunyai tiga sifat yang istimewa iaitu ketelusan, maklum balas terkawal dan analisis statistik.

Kini, kaedah Delphi telah meluas penggunaannya dalam bidang perniagaan, pendidikan, sains sosial, pengurusan pentadbiran, penilaian polisi, perancangan program dan isu-isu yang memerlukan perhatian. Pelbagai konsep yang diberikan berkaitan kaedah Delphi, antaranya cara sistematik yang menggabungkan keputusan individu bagi memperoleh satu kesimpulan bersama (Helmer, 1968), satu kaedah untuk mendapatkan dan menyaring pendapat panel yang terdiri daripada pakar sesuatu bidang (Dalkey, 1972), dan tatacara pengundian panel responden (Hill dan Fowles, 1975).

Menurut Saedah Siraj (2008), teknik Delphi membolehkan pakar-pakar lebih bersifat kreatif untuk melahirkan idea dan pandangan mereka ke atas sesuatu isu atau persoalan yang ditimbulkan. Oleh kerana pakar tidak terlibat dalam perbincangan terbuka, tidak ada risiko pendapat-pendapat individu dipengaruhi oleh individu yang lebih dominan atau lebih berpengalaman. Beliau telah menggariskan empat rumusan langkah-langkah yang perlu diambil dalam menjalankan kajian menggunakan teknik Delphi:

1. Pemilihan sampel (pakar) yang tepat dan sesuai dengan tujuan kajian atau bidang yang hendak dikaji.
2. Satu soal selidik yang telah direka bentuk oleh penyelidik dihantar pula kepada sekumpulan pakar; soal selidik tersebut harus dijawab secara berasingan oleh sampel tanpa sebarang tekanan daripada mana-mana pihak. Kemudian soal selidik tersebut dipungut semula dan penyelidik merumuskan jawapan soal selidik daripada pakar-pakar. Ini adalah Delphi pusingan satu.
3. Keputusan-keputusan soal selidik tersebut dihantar semula kepada setiap pakar supaya mereka berpeluang menilai semula jawapan asal masing-masing berdasarkan jawapan-jawapan anggota lain kumpulan pakar. Ini adalah Delphi pusingan kedua.
4. Kadang-kadang penyelidik menjalankan soal selidik Delphi pusingan ketiga atau keempat sebelum pemerosesan data terakhir dilakukan. Menjalankan soal selidik Delphi Pusingan pusingan kedua, ketiga dan keempat bermaksud memberi peluang kepada pakar untuk mempertahankan jawapan asal masing-masing ataupun mengubah pandangan untuk bersetuju dengan majoriti anggota lain

kumpulan pakar, penyelidik perlu mengkaji dan membincangkan semula cadangan dan bantahan daripada sampel dari setiap pusingan untuk memastikan jawapan yang tepat dan memperoleh pendapat majoriti pakar.

Berdasarkan kepada definisi dan konsep kaedah Delphi, dapatlah dirumuskan bahawa melalui kaedah ini responden bebas memberi pendapat dan disoal beberapa pusingan melalui surat atau email. Kaedah ini dapat menggantikan perbincangan secara langsung dengan reka bentuk program penyelidikan yang biasanya dijalankan melalui soal selidik. Teknik Delphi juga merupakan teknik yang efisien dalam membuat telahan suatu kajian pada masa hadapan.

Melalui teknik ini pendapat atau pandangan sekumpulan pakar dapat diperoleh tanpa perlu bersemuka di antara satu sama lain. Teknik ini digunakan untuk sesuatu bidang kajian atau program yang baru dan perlu diterokai pada masa hadapan serta belum dibangunkan lagi. Ia mengambil kira pandangan sekumpulan pakar dan tidak mempunyai teori yang bersifat formal. Penggunaannya yang sangat meluas dan menyeluruh dalam pelbagai bidang khususnya bidang pendidikan.


Kesimpulannya, penyelidik mendapati bahawa penggunaan Teknik Delphi ini memerlukan seseorang penyelidik mahir menggunakan rangkaian hubungan peribadi, rajin menghubungi panel pakar, sistematik dalam pengurusan jadual kutipan soal selidik serta perlu membina hubungan yang baik dengan panel pakar.

2.10 Kesimpulan

Berdasarkan sorotan kajian lepas, pendekatan pembelajaran di luar kebiasaan seperti pendekatan projek ini banyak memberikan kesan positif terhadap perkembangan kanak-kanak. Setiap guru perlu sentiasa kreatif, kritis dan inovatif dalam mewujudkan sesi pembelajaran yang berkesan terhadap kanak-kanak. Herrera (2015) menyatakan pengajaran guru akan mempengaruhi gaya pembelajaran kanak-kanak. Hal ini kerana kaedah pengajaran yang interaktif dan berkesan akan merangsang kanak-kanak untuk belajar dengan lebih berkesan dan seterusnya menjadi motivasi pencapaian akademik yang lebih positif. Perkara ini telah dibuktikan sejak dulu lagi berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Kolb (1984) dan McCarthy (1987) yang menyatakan pengajaran guru akan mempengaruhi cara pembelajaran pelajar mereka. Oleh itu kajian ini dijalankan

bagi mengetahui keberkesanan penggunaan pendekatan *Islamic Project*© bagi membentuk sesi pembelajaran berkesan dan perlakuan positif kanak-kanak. Melalui pembacaan dan sorotan kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik, didapati teori, model dan kajian-kajian lepas memberikan input yang sangat berguna kepada penyelidik.

Di samping itu, ia juga memberikan idea kepada penyelidik tentang permasalahan yang hendak dikaji. Dengan melakukan sorotan kajian, penyelidik juga dapat memberikan fokus kepada keseluruhan kajian yang bakal dilakukan. Asas yang kukuh kepada pembinaan kerangka teoritikal dan model kajian juga adalah hasil dari sorotan kajian yang telah dilakukan. Berdasarkan pengamatan dan penelitian yang dilakukan, terdapat pelbagai aspek yang telah dikemukakan dalam kajian-kajian lepas termasuklah meningkatkan pedagogi pengajaran guru di dalam kelas dengan bimbingan dan garis panduan mengikut fasa.



اونيورسيتي مليسيا قهغ

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan kaedah penyelidikan kajian. Penyelidik membincangkan pemilihan pendekatan-pendekatan yang digunakan dalam kajian ini. Pelbagai kaedah yang digunakan oleh guru mengikut fasa dalam kajian semasa.

Gaya dan kaedah pengajaran di dalam kelas amat penting dalam memastikan perancangan pembelajaran yang lebih berkesan untuk perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh. Gaya pengajaran yang baik juga dapat membantu seseorang guru itu mencapai objektif yang di tetapkan dalam pengajaran mereka terhadap kanak-kanak. Banyak kajian telah dilakukan bagi mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di kalangan kanak-kanak yang mana kajian ini akan membantu kanak-kanak mendapat pencapaian perkembangan yang menyeluruh. Kajian yang di jalankan oleh Lee (2012), salah satu gaya pembelajaran yang di utarakan adalah dengan menggunakan kaedah pembelajaran dengan melalui aktiviti hand-on bersama-sama dengan kanak-kanak di dalam kelas.

Oleh yang demikian, sebanyak empat soalan kajian telah dibina sebagai panduan dan hala tuju kajian ini. Soalan kajian adalah seperti berikut :

- a. Apakah gaya pengajaran guru prasekolah yang paling dominan yang digunakan dalam pembentukan akhlak murid Tabika KEMAS?.
- b. Apakah langkah-langkah yang efektif dalam membina Modul Islamic Project© untuk guru prasekolah dalam pembentukan akhlak murid Tabika KEMAS di negeri Kelantan?.
- c. Sejauh manakah keberkesanan penggunaan Modul Islamic Project© oleh guru prasekolah dalam pembentukan akhlak murid Tabika KEMAS di negeri Kelantan?.

- d. Sejauh manakah keberkesanan Modul Islamic Project© terhadap hasil Pembelajaran murid Tabika KEMAS dari aspek pengetahuan, sikap dan amalan?.

Untuk tujuan mendapatkan satu hasil kajian yang baik dan bermutu, metodologi kajian merupakan aspek yang perlu diberi penekanan. Ia juga menjamin kaedah penyelidikan yang digunakan oleh penyelidik dalam sesebuah kajian itu agar bersesuaian dengan pembolehubah-pembolehubah yang hendak dikaji serta hipotesis-hipotesis yang hendak diuji dalam sesebuah kajian itu. Bab ini menerangkan tentang metodologi yang digunakan oleh penyelidik untuk melaksanakan kajian ini. Ia dibahagikan kepada beberapa bahagian utama. Antaranya ialah reka bentuk kajian, populasi, sampel kajian, tempat kajian, instrumentasi kajian, prosedur kajian, analisis data dan rumusan.

3.2 Rekabentuk Kajian

Kajian ini dilaksanakan secara kuantitatif dan kualitatif atau lebih dikenali sebagai mixed-method (Creswell dan Clark, 2007). Kaedah pengumpulan data dibuat melalui soal selidik, temu bual, pemerhatian dan semakan dokumen. Menurut Creswell dan Clark (2007) kaedah pengumpulan data melalui kaedah mixed method ini telah lama digunakan, namun menggabungkannya dalam satu reka bentuk kajian adalah satu pendekatan yang baru. Metodologi kajian mixed method ini dapat terangkan oleh Creswell dan Clark (2007) sebagai kajian yang melibatkan pengutipan dan menganalisis data melalui kombinasi di antara pendekatan melalui kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif dalam satu kajian.

Penggunaan kaedah ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang jelas, tepat dan memahami pernyataan masalah dengan lebih baik berbanding dengan hanya menjalankan satu kaedah sahaja (Creswell dan Clark, 2007). Selain itu, kaedah ini juga dapat mengimbangkan kelemahan dari kaedah lain. Contohnya, dapatan kaedah kualitatif digeneralisasikan secara terhad sebaliknya kaedah kuantitatif boleh digeneralisasikan untuk tujuan kajian-kajian lain. Dapatan kajian menggunakan kaedah mixed method ini lebih menyeluruh, memandangkan terdapat soalan-soalan kajian yang sukar dijawab sekiranya hanya menjalankan satu kaedah sahaja digunakan. Selain itu, pengkaji juga dapat melihat dapatan kajian dari pelbagai perspektif meskipun kajian yang menggunakan kaedah ini mengambil masa yang lebih lama berbanding dengan

menggunakan satu kaedah sahaja kerana kaedah pengumpulan datanya berbeza (Recker, 2007).

Berdasarkan kepada Creswell dan Clark (2007), terdapat empat jenis reka bentuk kajian mixed method iaitu Reka bentuk Triangulasi (Tringulation Design), Reka bentuk Bertindan (Embedded Design), Reka bentuk Penjelasan (Explanatory Design) dan Reka bentuk Penerokaan (Exploratory Design). Menurut Creswell dan Clark (2007), Reka bentuk Penjelasan (Explanatory Design) yang juga dikenali sebagai Reka bentuk Penjelasan Berturutan (Explanatory Sequential Design) ini adalah sesuai digunakan untuk kajian penyelidikan pendidikan.


Metodologi kajian menerangkan dan mewajarkan penggunaan kaedah tertentu dalam penyelidikan (Creswell, 2012). Metodologi ini merangkumi prosedur sebenar yang digunakan dalam kajian meliputi reka bentuk penyelidikan, proses penyelidikan, reka bentuk pensampelan, pengumpulan data dan kaedah analisis (Creswell, 2014; Creswell & Clark, 2011). Bab ini menerangkan metodologi penyelidikan yang memberi tumpuan kepada reka bentuk kajian dan proses.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Richey, Klein dan Nielson (2004), menyatakan bahawa kajian rekabentuk dan pembangunan akan membawa salah satu daripada 3 ciri-ciri berikut. Pertama kajian proses reka bentuk yang khusus, usaha pembangunan dan impak ke atas proses tersebut iaitu seseorang pengkaji menghasilkan aktiviti reka bentuk pengajaran. Kedua melakukan pembangunan dan penilaian dan dalam masa yang sama mengkaji proses tersebut dan ketiga adalah kajian yang melibatkan reka bentuk, pembangunan, penilaian dan proses secara keseluruhan atau proses mengikut bahagian tertentu.

Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat kajian ini sesuai menggunakan menggunakan Reka bentuk Penjelasan (Explanatory Design) berdasarkan saranan Creswell dan Clark (2011), Morgan (1998) dan Morse (2003). Menurut Creswell dan Clark (2011), reka bentuk ini dijalankan melalui dua fasa iaitu kajian kuantitatif dijalankan melalui fasa pertama dan kemudiannya disusuli dengan fasa kedua dengan kajian kualitatif. Seterusnya, laporan penyelidikan dilakukan berdasarkan dapatan daripada dapatan kuantitatif diikuti dengan dapatan kualitatif (Creswell dan Clark, 2011).


3.2.1 Kerangka Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menumpukan kepada tiga aspek utama yang saling berkaitan iaitu reka bentuk modul Islamic Project© dalam Pendidikan Islam bagi guru-guru Prasekolah. Berdasarkan kepada kerangka teori yang dibina, pengkaji membina kerangka konseptual kajian. Secara ringkas, kajian ini melibatkan tiga fasa, fasa pertama dikenali sebagai fasa analisis keperluan, fasa kedua dikenali sebagai fasa reka bentuk dan pembangunan dan fasa ketiga dikenali sebagai fasa penilaian.



اونيورسيتي ملايسيا قهغ

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG



Rajah 3.1 Kerangka Metodologi Kajian

3.3 Kaedah Penyelidikan secara *Mix-Method*

Kaedah penyelidikan boleh dikategorikan kepada tiga kategori asas iaitu kuantitatif, kualitatif dan kaedah campuran. Penyelidikan kaedah campuran muncul sebagai model penyelidikan ketiga bagi mengatasi batasan dan meningkatkan kekuatan penyelidikan kuantitatif dan kualitatif, terutamanya dalam kajian sosial dan tingkah laku (Creswell, 2014). Kaedah penyelidikan secara campuran ini bermaksud pelaksanaan kaedah kuantitatif dan kualitatif dalam penyelidikan (Creswell, 2014; Halcomb & Louise, 2015).

Penyelidikan kaedah campuran menggabungkan pendekatan yang berbeza seperti reka bentuk berbilang, reka bentuk berurutan, reka bentuk penjelasan atau penerokaan, dan reka bentuk selari konvergen. Ia berkait rapat dengan tiga fasa yang digunakan dalam kajian semasa, kajian ini melaksanakan reka bentuk kaedah campuran pelbagai bentuk seperti yang digambarkan dalam Rajah 3.1.

3.3.1 Semakan Modul Asal Pengajaran Pendidikan Islam KEMAS.

Langkah pertama dalam pembangunan modul ini ialah penyelidik telah membuat semakan modul bersama penulis bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dan guru-guru yang lama berkhidmat. Penyelidik mengumpulkan bahan-bahan, pendapat dan cadangan yang diberikan oleh guru. Hasil semakan dilakukan, buku rujukan atau panduan yang guru-guru gunakan adalah bahan yang lama digunakan dan perlu dibuat penambahbaikan berdasarkan pengajaran dan pembelajaran pendidikan abad 21.

3.3.2 Pembangunan dan Pengesahan Modul

Objektif kajian ini adalah membangun dan mengesahkan Modul Islamic Project© baru untuk digunakan dalam menjalankan intervensi dalam kajian ini. Seperti Fasa 1, fasa ini direka bentuk menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Penemuan dari Kaedah kuantitatif menyediakan kesahan isi kandungan yang kukuh. Oleh itu, untuk membangun versi utama Islamic Project©, penemuan kualitatif dari Tahap 1 Kajian telah menggunakan kaedah kuantitatif yang digunakan dalam Teknik Delphi Terubahsuai, bagi mendapatkan pendapat dan untuk membangun versi kedua modul Pendidikan Islam. Akhirnya, modul Islamic Project© telah disahkan oleh sekumpulan pakar dengan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif.

Langkah 1 : Membina Modul *Islamic Project*© dengan Menggunakan Teknik Delphi Terubahsuai untuk Guru Prasekolah. Fasa 2 ini kajian ini adalah hasil dapatan Modul pembangunan dan kesahan *Islamic Project*©.

3.3.3 Panel Pakar Delphi

Berdasarkan pembinaan modul *Islamic Project*© edisi kedua ini, Teknik Delphi Terubah Suai ini telah dilaksanakan dengan melibatkan 12 panel pakar bagi kajian terkini dalam merangka dan menghasilkan modul terbaru untuk guru-guru Prasekolah KEMAS. Teknik delphi Terubah Suai ini, dianalisis menggunakan SPSS (*Statistical Package For The Social Science*) versi 24. Data dianalisis menggunakan kaedah secara deskriptif berdasarkan pusingan yang telah diikuti oleh panel pakar.

Kajian ini telah mengikuti proses yang sistematik iaitu dijalankan selama 3 bulan bermula September 2016 hingga November 2016. Ini adalah bersamaan dengan kajian Saxena et. al. (2012), permulaannya adalah dengan pusingan pertama, pusingan kedua (bertulis), pusingan terakhir adalah mengesahkan.

Kesahan Teknik Delphi ini, memerlukan penglibatan kepelbagaian kumpulan pakar untuk menyertai kajian ini. Menurut Fisher (1978), lima hingga 10 orang pakar daripada pelbagai bidang kepakaran dapat mengukur pencapaian dan mencapai keputusan yang tepat.

Pakar delphi telah dipilih berdasarkan kepakaran berkaitan dengan modul yang akan dibina. Antara pakar delphi yang dipilih adalah mereka yang terlibat dengan prasekolah, pendidikan, pendidikan awal kanak-kanak, psikologi dan kaunseling dan pendidikan islam. Terdapat 12 orang pakar terlibat dalam pembangunan modul ini. Pakar ini memberi pandangan, cadangan dan pendapat serta menilai modul ini. (Seperti dalam jadual 3.1).

Jadual 3.1 menunjukkan maklumat institusi pakar yang terlibat. Pakar-pakar ini dipilih oleh penyelidik berdasarkan kepakaran panel pakar. Panel pakar ini akan memberikan pandangan masing-masing berdasar kemahiran dan ilmu kepakaran mereka. Senarai pakar paling ramai adalah pakar dalam Pendidikan Islam, ini dapat membantu penyelidik membina satu modul yang baik dari aspek akhlak murid. Pakar-pakar lain akan memberi sumbangan dan pandangan mereka bagi menambahbaik modul yang sedia ada, sesuai dengan pendidikan semasa.

Jadual 3.1 Senarai Nama Pakar Delphi yang Terlibat

Bil	Nama Pakar	Institusi
1	Prof Dr Naimah Yusoff	Pensyarah Universiti Malaysia Sabah
2	Dr Nurul Aliah Mustafa	Penyelaras Program Pendidikan Awal Kanak-kanak Open University Malaysia(OUM)
3	Puan Jameyah Sheriff	Pakar Direktori Industri Negara/Setiausaha Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia
4	Dr Nor Azizah Bt Mohd Nor	Ketua Jabatan Program Pendidikan Awal kanak-kanak Institut Perguruan Sultan Mizan Besut Terengganu
5	Puan Rogayah Abdul Rahim	Dekan Kolej PolyTech Mara Kota Bharu
6.	Puan Roshayani Yahya	Ketua Unit Kurikulum Prasekolah Kelantan, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan.
7.	En Maliki Bin Mohd Nor	Pengawai Kaunselor Kolej Poly-Tech Mara Kota Bharu Kelantan
8	Ustazah Siti Mariam Deraman	Guru Agama Prasekolah Kelantan
9	Dr Ahmad Shidki	Institut Perguruan Sultan Mizan
10	Ustazah Raja Saedah Raja Muhammad	Guru Besar Prasekolah Yayasan Islam Kelantan
11	Ustazah Zubaidah Ismail	Guru Agama Prasekolah Kelantan
12	Ustazah Rohani Awang Lah	Guru Agama Prasekolah Kelantan

Walaubagaimanapun, bagi panel pakar yang tidak memberi maklumbalas seterusnya dikira tidak berminat dengan kajian ini. Berdasarkan jadual 3.2 menunjukkan data ciri-ciri panel pakar yang terlibat.

Jadual 3.2 Data Ciri-ciri Pakar Panel

Ciri-ciri	f (%)
Jantina	
Lelaki	2 (16.7)
Perempuan	10 (83.3)
Umur	
Kelayakan Akademik	
Master	9 (70)
PhD	3 (30)
Bidang kepakaran	
Pendidikan	10 (80)
Pendidikan Awal Kanak-kanak	2 (20)
Kaunseling	10 (80)
Psikologi	10 (80)
Pendidikan Islam	2 (20)
Tempat Bekerja	
Pendidikan & Perkhidmatan	10 (80)
Perkhidmatan sahaja	2 (20)
Pengalaman Bekerja	
Menjalankan Program Pendidikan Islam	

3.3.4 Pengumpulan Data Delphi

Teknik Delphi terubah suai ini dimulakan dengan pusingan jemputan panel, kedua adalah pusingan bertulis dan pusingan pengesahan (Rajah 3.2). Pertama, semasa pusingan jemputan panel, penyelidik telah menguruskan temujanji bersama panel pakar yang berpotensi untuk menyertai kajian ini. Untuk pusingan ini, melibatkan pertemuan bersemuka dengan panel pakar yang mahir, memberikan sedikit gambaran garis panduan, objektif kajian dan metodologi kajian, surat temujanji, dan surat kebenaran setelah penerangan diberikan kepada panel pakar.


Setelah surat kebenaran telah diterima dan ditandatangani, bermula pusingan pertama teknik delphi. Instrumen kajian delphi ini telah diberikan dengan arahan yang jelas dan surat kepada setiap panel pakar yang terlibat. Email telah dipilih sebagai pengantaraan untuk berkomunikasi untuk kesesuaian, memudahkan dan komprehensif mengikut susunan untuk mengelakkan gangguan dalam pusingan (Snyder-Halpern et al.,2003).

Panel telah diberi tempoh masa selama satu minggu untuk menjawab soalan bagi pusingan yang pertama dan hantar kepada penyelidik. Tindakan susulan akan dihantar dalam tempoh 3 hari sebelum tarikh penghantaran sebagai peringatan untuk panel bagi meminimumkan lambat dan keciciran.

Pusingan kedua, ketanpanamaan keputusan daripada pusingan pertama dijelaskan dalam bentuk peratusan, skor min, dan komen-komen untuk setiap komponen bagi membolehkan panel memberikan respon secara keseluruhannya. Semasa pusingan ini dijalankan, panel boleh susun balik perjanjian selepas melihat kembali.


Menurut Rowe dan Wright (1999), pusingan delphi ini akan dihentikan selepas mencapai tahap kestabilan. Pusingan ini akan menjadi pusingan pengesahan yang akan merangkumi keseluruhan keputusan dari pusingan kedua, komponen yang mencapai dan tidak mencapai dibuat pengesahan oleh ahli panel. Akhirnya, kesemua kandungan yang mencapai tahap yang ditetapkan akan dimasukkan dalam pusingan yang kedua untuk versi modul *Islamic Project*©. Rumusan pengumpulan data menggunakan teknik delphi ditunjukkan dengan lebih jelas menggunakan rajah 3.2.

Berdasarkan rajah 3.1 penyertaan pertama adalah secara bersemuka. Panel diberikan masa 2 minggu untuk menyelesaikan soal selidik yang diberikan. Seterusnya pusingan delphi diteruskan sama ada perjumpaan bersemuka atau email. Tempoh masa yang diberikan kepada panel pakar adalah selama seminggu. Selepas mendapat maklum daripada panel pakar, penyelidik akan menganalisis data dan membuat pengubahsuaian berdasarkan cadangan yang diberikan. Setelah selesai dianalisis data oleh penyelidik, pusingan kedua diteruskan dengan mengedarkan soal selidik kepada panel pakar dan masa yang diberikan kepada panel adalah selama 2 minggu. Pertemuan bersemuka atau email menjadi penghubung antara penyelidik dan panel pakar. Berdasarkan keputusan analisa kedua penyelidik menggunakan maklumat yang diperolehi dalam pusingan delphi ini.



Rajah 3.2 Rumusan Proses Pengumpulan data menggunakan Pusingan Teknik Delphi Terubah Suai.

3.3.5 Data Analisis Teknik Delphi Terubah Suai



Rajah 3.3 Carta Pusingan Teknik Delphi Terubah Suai

Berdasarkan rajah 3.2, data yang diperolehi melalui teknik delphi ini dianalisis dengan menggunakan min dan peratus. Fasa ini dua kajian ini terbahagi kepada 2 bahagian iaitu pembinaan dan validasi *Islamic Project*©. Analisis data ini menggunakan nilai min yang dianalisis menggunakan SPSS. Soal selidik berstruktur digunakan untuk Delphi pusingan pertama dan kedua. Bagi pusingan pertama teknik Delphi terubahsuai ini, soal selidik masih lagi dalam peringkat pembentukan instrumen kajian. Delphi ini diubahsuai, item-item cadangan pakar bidang dimasukkan dalam senarai soalan yang diberikan kepada pakar.

Peringkat seterusnya penyelidik menyenaraikan item-item soalan mengikut susunan rating yang tertinggi bagi setiap bahagian soalan berdasarkan hasil dapatan kajian pusingan pertama. Pada setiap pengakhiran soalan ditunjukkan nilai skor yang diperolehi. Panel Delphi ini diminta untuk menjawab menggunakan 4 skala.

Jadual 3.3 Skala Penilaian Soal Selidik Delphi

Skala	Gerakbalas Item
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Bersetuju
3	Setuju
4	Sangat Setuju

3.4 Analisis Keperluan Kajian

Berdasarkan jadual 3.4, Analisis kajian telah dilakukan oleh penyelidik dengan menggunakan soal selidik. Soal selidik ini telah diedarkan kepada 40 orang guru KEMAS. Soal selidik ini digunakan untuk mendapatkan maklum balas guru terhadap modul asal yang digunakan di Tabika. Terdapat beberapa bahagian terdapat dalam borang soal selidik ini. Soalan ini adalah berkaitan dengan modul asal yang digunakan oleh guru. Bahagian yang terkandung dalam borang soal selidik ini adalah kumpulan sasaran, modul ini mampu untuk memupuk nilai-nilai Islam dalam diri murid dan modul ini bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan tempoh masa.

Jadual 3.4 Soal Selidik Pandangan Modul Oleh Guru

Bilangan	Item soalan
Kandungan modul ini menepati kumpulan sasaran (Modul yang digunakan sekarang)	
1	Modul ini menepati kumpulan sasaran
Kandungan modul ini boleh dilaksanakan dengan sempurna	
1	Tajuk topik sesuai dengan matlamat modul
2	Objektif topik
3	Sesuai dengan matlamat modul
4	Dijelaskan dengan teliti setiap tajuk yang diberikan
5	Mudah difahami
Kandungan modul ini mampu untuk memupuk nilai-nilai Islam dalam diri murid.	
1	Menarik dan bersesuaian
2	Bersifat interaktif
3	Boleh diaplikasikan oleh murid
4	Bahan pengajaran bersesuaian
5	Mudah difahami oleh fasilitator
6	Cadangan aktiviti berupaya meningkatkan pengetahuan guru.
7	Mempunyai <i>hands on learning</i>
Kandungan modul ini bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan tempoh masa	
1	Masa untuk pelaksanaan aktiviti modul adalah bersesuaian
2	Pengagihan masa untuk aktiviti modul adalah bersesuaian

3.4.1 Pengesahan Modul Islamic Project©

Langkah 2 : Pengesahan Modul *Islamic Project*©

Versi kedua modul *Islamic Project*© telah divalidasi dan telah dibuat pengesahan dari segi kandungan dan perbincangan secara bersemuka dengan ahli panel pakar berdasarkan teknik delphi terubah suai. Perbincangan dan pertemuan dengan panel pakar adalah limitasi dalam menggunakan teknik delphi terubah suai ini.

Panel telah dibentuk untuk memastikan mereka semua bersetuju dengan isi kandungan dan struktur modul *Islamic Project*© yang akan dibangunkan. Contohnya untuk kesahan kandungan, modul ini telah dinilai. Modul ini juga disemak dari segi

kesesuaian dan kaitan dengan objektif sementara kemungkinan dan kebolehbacaan modul dikaji semula untuk kesahan muka (De Von et.al., 2007; Parsian, 2009)

Berdasarkan Lynn (1986, p10), ‘paling minimum 5 panel pakar perlu disediakan sudah mencapai tahap mencukupi’. Dalam kajian ini, terdapat 12 panel yang terlibat dalam pelbagai bidang kepakaran antaranya psikologi, kaunseling, pendidikan awal kanak-kanak, bahasa dan Pendidikan Islam. Kombinasi panel pakar daripada pelbagai kumpulan ini bagi memastikan matlamat modul *Islamic Project*© ini boleh digunakan, relevan, amalannya ini akan digunakan oleh fasilitator dalam pengajarannya.

Langkah validasi ini, dijalankan secara kuantitatif dan kualitatif dalam validasi modul ini. Bagi kaedah secara kualitatif, ahli panel pakar disediakan dengan *slide* pembentangan mengenai modul ini bagi menggalakkan perbincangan dan cadangan-cadangan dapat diberikan untuk membangun dan membuat penambahbaikan terhadap modul. Modul *Islamic Project*© juga diberikan sesalinan kepada semua panel yang terlibat.

Kaedah secara Kuantitatif pula, satu borang penilaian pengesahan kandungan telah diberikan kepada setiap panel pakar menilai modul berdasarkan skala likert 4 mata iaitu 1= sangat tidak bersetuju hingga 4= sangat bersetuju. Bagi mengira indeks Pengesahan kandungan ini untuk setiap item soalan dan langkah pengiraannya menggunakan cara pengiraan oleh Davis, Grant dan Lynn (1986), seperti dalam jadual 3.5

Jadual 3.5 Pengiraan Tahap Pengesahan Kandungan

Pengukuran	Tahap yang ditetapkan	Langkah pengiraan
Item Indeks Pengesahan Kandungan	Tahap memuaskan = >0.800	Bilangan ahli panel yang menilai item yang baik (skor 3 atau skor 4)/jumlah ahli untuk setiap item
Keseluruhan Indeks Pengesahan Kandungan	Tahap memuaskan = >0.800	Jumlah item semua pakar bersetuju(skor 3 atau skor 4)/jumlah item

Semua penemuan Kualitatif dan kuantitatif telah disemak semula dan pengubahsuaian yang diperlukan telah dibuat. Untuk versi akhir modul yang diubahsuai kemudian digunakan pada fasa 3 dalam kajian ini.

3.4.2 Carta Alir Proses Pembangunan dan Validasi Modul *Islamic Project*©

Rumusan metodologi kajian yang digunakan untuk proses membangunkan dan pengesahan modul *Islamic Project*© ditunjukkan dalam (jadual 3.4)



Rajah 3.4 Carta Alir 3 Langkah Dalam Membangunkan Dan Mengesahkan *Islamic Project*©

3.4.3 Pengesahan Pembinaan Modul Islamic Project©.

Langkah 3 : Pengesahan Pembinaan Modul *Islamic Project*©

Pembinaan modul ini melibatkan beberapa perkara antaranya ialah proses pembangunan modul, struktur modul isi kandungan modul dan validasi modul.

a) Pembangunan Modul

Penulisan modul dan pembangunan latihan dikaji semula dan dibincangkan di kalangan ahli penyelidik (JIFSAN, 2002; Maiburg, 2003; Sreedhar dan Mathew, 2003; WHO, 2005; Venditti et al., 2009; SPFII, 2010). Modul *Islamic Project*©. *Islamic Project*© disusun untuk mendokumentasikan garis panduan yang sistematik bagi melancarkan dan mudah difahami oleh guru-guru prasekolah ini. Oleh kerana fasilitator adalah ahli Permata Negara dan terlibat dengan pelbagai kursus dan pakar dalam pendekatan projek ini memudahkan guru-guru menerima maklumat dengan tepat dan jelas. Struktur modul ini disusun mengikut fasa dalam pendekatan projek.

Modul ini ditulis dalam bahasa Melayu. Struktur modul bermula dengan bahagian pendahuluan. Ini termasuk pengenalan mengenai pendekatan projek, maklumat yang diperolehi daripada kajian Fasa 1, 2 dan 3. Seterusnya, diikuti dengan matlamat modul, umum dan khusus objektif modul dan senarai unit modul. Oleh kerana modul ini dirancang untuk dijalankan dalam kursus latihan selama tiga hari, tentatif yang dicadangkan pada masa dan susunan unit juga dilampirkan pada akhir modul untuk rujukan guru-guru KEMAS.

Modul ini menggariskan penerangan terperinci mengenai tajuk-tajuk dalam *Islamic Project*©. Susun atur untuk setiap tajuk projek telah diseragamkan. Arahan bermula dari fasa 1 hingga 3. Setiap Tajuk terdiri daripada 3 fasa dalam kaedah pengajaran pendekatan projek. Hasil pembelajaran setiap topik mengikut aras Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Begitu juga dengan anggaran masa yang diperlukan untuk menjalankan setiap projek yang diberi untuk persediaan guru. Kaedah atau aktiviti yang terlibat, memerlukan bahan dan peralatan yang, prosedur pengajaran dan pembelajaran dan sinopsis modul juga perlu diambil kira dalam modul.

Untuk bahagian sinopsis bagi setiap unit, pernyataan telah ditulis dalam senarai tip terperinci diberikan kepada responden. Perkataan yang digunakan adalah mudah, tepat dan jelas. Istilah digunakan bukan istilah saintifik. Reka bentuk grafik dan gambar-gambar aktiviti berkaitan yang menarik telah dimasukkan untuk meningkatkan pemahaman pembaca dan minat untuk mengikuti langkah-langkah menjalankan kaedah pengajaran *Islamic Project*© ini.

Setiap unit projek dalam modul ini diterangkan dengan jelas pada ketiga-tiga fasa tersebut. Ini adalah untuk memberi peluang kepada para guru untuk memudahkan pengajaran dan pembelajaran dan meningkatkan pengetahuan pendekatan *Islamic Project*© pembentukan akhlak yang dipelajari semasa latihan modul. Oleh kerana modul ini juga dijadikan bahan rujukan untuk membimbing guru dalam meningkatkan pengajaran akhlak dengan baik guru dan murid KEMAS di Kelantan. Bahasa dan kata-kata sesuai dengan format yang menarik dan mudah dibaca adalah penting untuk memastikan penglibatan guru dalam usaha meningkatkan perkembangan akhlak.

b) Isi Kandungan Modul

Berdasarkan penerangan WHO (2005), analisis tugas adalah perkara asas dalam mereka bentuk bahan pengajaran untuk program latihan. Analisis tugas ini melibatkan:

- i) Mengenalpasti populasi sasaran untuk program latihan,
- ii) Hasil tugas yang telah dilaksanakan oleh populasi sasaran tersebut
- iii) Pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam melaksanakan tugas tersebut
- iv) Pemilihan aplikasi pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian bagi pembelajaran populasi sasaran.

Terdapat Sepuluh buah Modul *Islamic Project*© telah dibina dengan mengambil kira fasa-fasa dalam kaedah pendekatan projek dan konsep-konsep pendidikan akhlak yang terdapat dalam Kurikulum Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) (KPM, 2016). Setiap Modul *Islamic Project*© dikendalikan sebagai sebuah projek. Tajuk dan konsep-konsep yang terlibat dalam *Islamic Project*© diberikan dalam Jadual 3.6 dan Jadual 3.7.

Jadual 3.6 Senarai *Islamic Project*© yang Dibina berdasarkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).

Projek	Tajuk Projek	Anggaran Masa Pelaksanaan
Projek 1	Bismilahirrahmanirrahim	2 minggu
Projek 2	Doa Penerang Hati	1 minggu
Projek 3	Adab menghormati jiran	1 minggu
Projek 4	Makanan yang Halal dan Haram	2 minggu
Projek 5	Akhlak- Adab kepada ibu Bapa, Guru, Rakan Sebaya dan orang yang lebih dewasa	1 minggu
Projek 6	Akhlak-Doa dan Adab Masuk dan Keluar Tandas	3 minggu
Projek 7	Akhlak-Adab Masuk dan Keluar Rumah	2 minggu
Projek 8	Akhlak-Adab dan Doa menaiki kenderaan	3 minggu
Projek 9	Akhlak-doa sebelum dan selepas tidur	1 minggu
Projek 10	Akhlak-Doa makan	2 minggu

Jadual 3.7 Konsep-Konsep Dalam Modul *Islamic Project*© berdasarkan KSPK Semakan 2017

Nama Projek	Konsep <i>Islamic Project</i> © yang dipelajari
Projek 1: Menanam Pokok (bismilahirrahmanirrahim)	<ul style="list-style-type: none"> • Melafazkan Basmallah dan Hamdallah • Mengamalkan lafaz Basmallah dan Hamdallah dalam setiap perbuatan yang baik • Kebersihan dan kesedaran sivik • Kepentingan mengamalkan adab dalam kehidupan • Menanam pokok menggunakan bahan Kitar semula menggunakan Basmalla dan Hamdallah
Projek 2 : Pusat Ilmu (Doa Penerang Hati)	<ul style="list-style-type: none"> • Melafaz doa penerang hati dalam amalan harian • Mengamalkan doa penerang hati dalam kehidupan harian • Desain perpustakaan tempat sumber ilmu • Adab-adab belajar semasa berada di perpustakaan
Projek 3 Sayangilah Jiran Hamper (Adab menghormati jiran)	<ul style="list-style-type: none"> • Menunjukkan adab terhadap jiran • Membuat hamper untuk jiran yang sakit • Mengamalkan adab-adab menghormati jiran/melawat jiran yang sakit

Jadual 3.7 Sambungan

Nama Projek	Konsep <i>Islamic Project</i> © yang dipelajari
<p>Projek 4 Piramid Makanan (Makanan yang Halal dan Haram)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Membezakan makanan halal dan haram dimakan oleh orang islam • Mengetahui cara-cara makanan halal dimakan diproses • Mengenali tanda-tanda makanan halal • Kerjasama mendesain piramid makanan • Memilih makanan halal haram
<p>Projek 5 Buku Scrap /Kad Keluarga (Adab kepada ibu Bapa, Guru, Rakan Sebaya)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menunjukkan adab terhadap ibu bapa • Berbincang kepentingan mengamalkan adab dalam kehidupan
<p>Projek 6 Tuala Menutup kepala (Doa dan Adab Masuk dan Keluar Tandas)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Adab masuk tandas dan keluar tandas • Menunjukkan adab keluar masuk tandas • Membuat pemerhatian sendiri keperluan didalam rumah • Mendesain tuala menutup kepala
<p>Projek 7 Model rumah kediaman (Adab Masuk dan Keluar Rumah)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Adab masuk dan keluar rumah • Membuat rekacipta model rumah • Menunjukkan adab masuk dan keluar rumah
<p>Projek 8 Model Kenderaan (Adab dan Doa menaiki kenderaan)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengaplikasikan adab menaiki kenderaan • Bergilir-gilir menaiki kenderaan • Bertolak ansur menaiki dan keluar dari kenderaan • Melafazkan doa naik kenderaan sebelum dan selepas • Membincangkan kepentingan mengamalkan adab menaiki kenderaan
<p>Projek 9 Pengeringan Kain (Doa sebelum dan selepas tidur)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Adab tidur sebelum dan selepas • Membezakan waktu siang dan malam • Melafazkan doa sebelum dan selepas tidur
<p>Projek 10 Membuat Sandwich</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kertas dan plastik terpakai boleh dikitar semula untuk dibuat roti dan alas meja
<p>Doa Makan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memilih makanan sebelum makan • Adab sebelum semasa dan selepas makan

c) Kesahan Kandungan

Pakar bidang dalam pendidikan awal kanak-kanak juga dilibatkan dalam menjalankan validasi modul ini. Seramai 12 orang. Pakar-pakar yang terlibat ini memberi idea dan kepakaran mereka untuk membangunkan modul pendekatan *Islamic Project*© akhlak ini.

Sepanjang pendidik menjalani latihan profesional *Islamic Project*© Pembentukan Akhlak (PPA), mereka juga diminta untuk menyemak, dan memberi maklum balas mengenai modul *Islamic Project*© yang sedang diuji rintis. Mereka digalakkan menerangkan aspek-aspek yang tidak jelas dan tidak boleh difahami, iaitu membuat validasi muka dan konten. Hasil dari komen dan cadangan-cadangan pendidik, dan pakar bidang dari kalangan penyelidik sendiri, maka didapati satu daripada 10 buah projek Akhlak iaitu Projek Adab dengan jiran, buah-buahan, tidak memenuhi kriteria pendekatan projek Akhlak pendidik aktiviti tidak melibatkan kanak-kanak bekerjasama bagi meningkatkan akhlak kanak-kanak. Oleh itu, projek diganti dengan projek baru iaitu projek *Hamper* untuk jiran.

d) Penyediaan Kit *Islamic Project*©

Kit *Islamic Project*© disediakan selepas Modul I-Projek siap dibina. Kit *Islamic Project*© mengandungi semua peralatan dan garis panduan untuk melaksanakan *Islamic Project*© di Tabika KEMAS. Garis panduan Kit *Islamic Project*© mengandungi perkara-perkara berikut: (i) Senarai projek-projek *Islamic Project*© dan cara pelaksanaan setiap projek dengan kanak-kanak; (ii) Langkah-langkah keselamatan yang perlu diberi perhatian; (iii) Cara menilai pembelajaran kanak-kanak; (iv) Cara melibatkan ibubapa dan komuniti; (v) Cara menyediakan laporan mengenai '*My Islamic Project*©' yang dialami oleh kanak-kanak. Kit *Islamic Project*© adalah lengkap.

e) Latihan Fasilitator kepada Guru Prasekolah Tabika KEMAS

Latihan profesional *Islamic Project*© telah dijalankan pada 29 hingga 31 Januari 2016 selama 3 hari di Kolej PolyTech Mara, KPTM Kota Bahru. Seramai 50 orang pendidik telah mengikuti latihan tersebut. Sebelum latihan dijalankan, pendidik menjawab soal selidik (pra-latihan) mengenai pengetahuan dan persepsi mereka tentang pendekatan projek. Pandangan mereka mengenai Modul *Islamic Project*© yang dibina dan kesesuaian modul dengan kebolehan kanak-kanak 5-6 tahun.

Pendidik telah dibahagikan ke dalam 10 kumpulan 5-6 orang dan setiap kumpulan diminta menjalankan sekurang-kurangnya sebuah *Islamic Project*© yang disediakan, dengan bimbingan penyelidik dan fasilitator. Di akhir program, sekali lagi pendidik diminta menjawab soal selidik mengenai pemahaman dan pandangan mereka tentang *Islamic Project*© dan modul *Islamic Project*© yang disediakan.

Bagi menjayakan latihan *Islamic Project*© ini, terdapat 4 orang pakar telah dijemput untuk menjayakan bengkel ini. Pakar ini terdiri daripada Pakar Direktori Industri Negara dan pakar dalam Pendekatan projek, dua orang pensyarah dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dan seorang ustazah prasekolah. Kesemua Fasilitator ini telah menghadiri bengkel selama 5 jam, latihan ini diberi nama *Train of Fasilitator* (TOF) Latihan Fasilitator, ia adalah sama dengan modul *Islamic Project*©.

Pada permulaan bengkel latihan ini, penyelidik menerangkan objektif modul *Islamic Project*© dan peranan fasilitator. Penyelidik juga menekankan peranan fasilitator dan mesti mematuhi tugas yang diberikan untuk membantu responden memahami komponen modul yang akan dilaksanakan. Fasilitator juga sentiasa memberikan khidmat kepada responden jika berlaku kekeliruan dan akan menerangkan langkah-langkah setiap fasa dalam modul ini difahami oleh responden untuk mencapai objektif kajian ini. Penyelidik menerangkan secara jelas dan satu persatu mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

Setiap pendidik yang mengikuti program ini, penyelidik telah menyediakan jadual untuk memudahkan para guru membuat persediaan. Guru juga perlu menyediakan laptop untuk menyiapkan tugas yang diberikan bagi meningkatkan kefahaman mereka semua. Berikut adalah tentatif program *Islamic Project*© seperti dalam jadual 3.8.

Jadual 3.8 Tentatif Program Modul *Islamic Project*©.

MINGGU 1

MASA	AKTIVITI	MASA	BILANGAN PESERTA	PIHAK TERLIBAT
0800-0830	Pendaftaran peserta dan pengisian borang soal selidik pre program	20 minit		Ketua program dan Pembantu
0830-0845	Pengenalan Modul Program	15 minit		Ketua Program
0845-0930	Ceramah 1: Pendekatan I-Projek Pengenalan	30 minit		Pakar Pendidikan awal kanak-kanak
0930-0945	Jamuan	15 minit	50 orang peserta	Ketua Program & Pembantu
0945-1040	Ceramah 2 : Peranan Guru dalam setiap fasa pendekatan I-Projek	55 minit		3-4 Orang Fasilitator dan Pencatat
1040-1045	Rehat dan membentuk kumpulan kecil	5 minit		Ketua Program & Pembantu
1045-1145	Perbincangan dalam Kumpulan yang kecil	60 minit	5-6 orang peserta perkumpulan(10 kumpulan kecil)	3-4 orang Fasilitator & Pencatat
1145-1200	Kesimpulan dan Penilaian pos program	20 minit		
Jumlah Jam		4 jam		

MINGGU 3

MASA	AKTIVITI	MASA	BILANGAN PESERTA	PIHAK TERLIBAT
0800-0830	Pendaftaran peserta dan pengisian borang soal selidik susulan		5-6 orang peserta perkumpulan (10kumpulan kecil)	Ketua Program & Pembantu 3-4 orang Fasilitator & pencatat
0830-1030	Aktiviti kumpulan sokongan (Bahagian 2): berdasarkan“perkongsian, halangan dan cadangan cara mengatasi masalah yang dihadapi oleh guru. 60 minit atau 120 minit lebih bergantung berdasarkan keperluan			
1030-1100	Kesimpulan dan penilaian program	30 minit		
1100	Jamuan			
Jumlah jam			1jam -2 jam	

f) Modul Intervensi

Latihan modul *Islamic Project*© ini telah diadakan tiga hari telah diadakan di Kolej Poly-Tech Mara, Kota Bahru. Lokasi kajian ini dipilih kerana adanya kemudahan latihan. Program setiap hari mengambil masa kira-kira 6 jam. Modul latihan ini menggunakan pendekatan projek. Ia dijalankan dalam Bahasa Melayu. Prosedur Standard, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan untuk menjalankan latihan modul pendekatan *Islamic Project*© diikuti.

Modul ini dijalankan oleh penyelidik bersama dengan pakar pendidikan awal kanak-kanak secara interaktif dan perbincangan. Kesemua sesi diikuti berdasarkan modul yang telah disediakan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Setiap guru diberi *handout* bagi memudahkan guru membuat rujukan semasa sesi ceramah dan bengkel dijalankan.

Terdapat beberapa topik guru-guru perlu buat perbincangan contohnya semasa menjalankan sesi pembelajaran ikut fasa-fasa dalam pendekatan projek. Jadual 3.9 menunjukkan jadual 3 hari bengkel latihan guru untuk i-projek.

Guru-guru diperkenalkan dengan mengenali apa itu pendekatan projek. Ini membantu guru-guru memahaminya dengan lebih jelas lagi. Melalui modul ini juga menggalakkan kanak-kanak bergaul, bekerjasama dan bermain bersama.

Jadual 3.9 Rumusan Modul Latihan *Islamic Project*© Untuk Guru.

Unit	Topik	Kandungan	Bahan Pengajaran	Aktiviti Pembelajaran
1.	Pengenalan Pendekatan <i>Islamic Project</i> ©	Definisi, pengenalan	Slide Power Point	Perbincangan dalam kumpulan yang kecil dan pembentangan
2.	Struktur Pendekatan <i>Islamic Project</i> ©	Fasa-fasa pendekatan projek	Slide Power Point	Pembentangan dan perbincangan
3.	Kelebihan <i>Islamic Project</i> © dalam penerapan nilai-nilai akhlak mulia		Slide Power Point	Pembentangan dan perbincangan
4.	<i>Islamic Project</i> © menyokong Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)	Lawatan fasa 3	Buku Standard KSPK	Lawatan ke lapangan mengikut topik yang diberikan
5.	<i>Islamic Project</i> © strategi pengajaran Akhlak	Berdasarkan fasa pendekatan projek	Bahan kitar semula	Menghasilkan rekecipta berdasarkan tajuk diberikan
6.	Cara penyediaan pusat pembelajaran <i>Islamic Project</i> ©	Sudut pembelajaran		
7.	Peranan pendidik dalam I-Projek	Memberikan ransangan dan galakkan		
8.	Standard Prestasi dalam tunjang Pendidikan Islam	Berdasarkan KPSK	Berdasarkan KPSK	Berdasarkan KPSK
9.	Fasa 1 : Permulaan Projek		Bahan kitar semula	Projek fasa 1
10.	Fasa 2 : Penyiataan/lawatan bertemu pakar		Bahan kitar semula	Projek fasa 2
11.	Fasa 3 : Rekecipta		Bahan kitar semula	Projek fasa 3

g) **Perlaksanaan Intervensi *Islamic Project*©**



Rajah 3.5 Fasa Pelaksanaan dalam Pendekatan Projek. Sumber Helm dan Katz (2001)

Fasa pelaksanaan ini dijalankan ke atas 50 orang guru yang berada di Tabika KEMAS Kelantan. Fasa ini melibatkan 3 fasa pelaksanaan dalam menjalankan aktiviti ini. Guru adalah pemudahcara dalam menjalankan aktiviti *Islamic Project*© ini. Untuk fasa pertama ini adalah fasa menentukan topik antara kaedah yang ialah kaedah menentukan topik berdasarkan minat murid, perbincangan dan peristiwa yang sekitar. Berdasarkan fasa pertama ini juga melibatkan berlakunya kaedah untuk mengenalpasti minat murid melalui perbualan, pemerhatian dan bersoal jawab. Aktiviti untuk menarik minat kanak-kanak juga berlaku melalui perbincangan, buku-buku bersesuaian dan bahan-bahan rujukan yang lain. Selain itu, fasa ini juga menyediakan kaedah untuk mengetahui pengetahuan sedia ada murid melalui aktiviti bermain dan aktiviti seni.

Fasa seterusnya ialah fasa kedua, adalah fasa penyiasatan (lawatan/bertemu pakar). Semasa fasa dua ini sumber-sumber digunakan untuk merangsang minat murid melalui buku, gambar dan foto. Kaedah yang difokuskan dalam penyiasatan ini adalah perbincangan, senarai soalan dan menetapkan tugas secara individu atau kumpulan. Terdapat pelbagai sumber yang digunakan untuk menyokong penyiasatan iaitu melalui buku, bahan binaan dan melalui lawatan yang dijalankan oleh mereka. Fasa ini juga terdapat aktiviti dalam projek antara wujudnya perbualan, berpusat, aktiviti kolaboratif dan lawatan.

Fasa terakhir dalam pelaksanaan modul pendekatan *Islamic Project*© ini adalah penamat atau pun akhir. Fasa ini murid-murid akan mempersembahkan hasil pembelajaran mereka iaitu melalui pameran, main peranan dan bermain. Dokumentasi pendekatan projek juga dapat dihasilkan melalui hasil kerja individu, rekod pemerhatian dan melalui penceritaan murid-murid. Bagi fasa ini dokumentasi lebih berkesan apabila wujudnya portfolio individu yang akan menjadikan pembelajaran lebih menarik.

h) Rekod Pelaporan Oleh Penyelidik

Laporan Pelaksanaan Projek ialah laporan yang disediakan oleh guru mengenai pemerhatian yang dibuat terhadap kanak-kanak semasa projek dijalankan. Laporan ini bertujuan mengumpul maklumat mengenai *Islamic Project*© yang dialami oleh kanak-kanak sepanjang aktiviti projek yang melibatkan tiga fasa. Dari pemerhatian ini, penyelidik dapat membuat interpretasi tentang kebolehlaksanaan projek, kemampuan kanak-kanak menyertai *Islamic Project*©, fasa-fasa yang sukar dan mudah untuk kanak-

kanak sertai, dan cara kanak-kanak berfikir dan menyelesaikan masalah. Penyelidik diminta menyertakan gambar-gambar aktiviti yang dijalankan oleh kanak-kanak sebagai bukti yang boleh ditunjukkan kepada ibu bapa. Untuk tujuan tersebut, kelulusan (*consent*) ibu bapa telah diperoleh terlebih dahulu untuk membenarkan gambar anak-anak mereka diambil dan dimasukkan dalam laporan.

i) **Pemantauan Pelaksanaan *Islamic Project*©.**


Pelaksanaan *Islamic Project*© di Tabika KEMAS mengambil masa selama 4 bulan. Bermula dari minggu pertama penyelidik dan pendidik mula mengumpul maklumat yang diperlukan untuk menentukan projek dijalankan dengan baik

3.5 Penilaian Keberkesanan Modul *Islamic Project*©.

Tahap penilaian ini menilai keberkesanan daripada intervensi *Islamic Project*© menggunakan Model Penilaian Empat Aras Kirkpatrick (Kirkpatrick & Kirkpatrick, 2006). Rajah 3.7 mempersembahkan empat tahap rangka kerja penilaian, hasil penilaian dan alat yang digunakan untuk mengukur penilaian. Kaedah kajian intervensi ini adalah berdasarkan kepada Piawaian Pelaporan *Consolidated Standards of Reporting Trials* (CONSORT) untuk Ujian Rawatan Bukan Farmakologi (Barbour et al., 2017), yang berasaskan bukti pelaporan. Bahagian berikut menunjukkan maklumat bagi setiap kaedah. Rajah 3.7 menunjukkan keseluruhan carta alir bagi kajian ini.

3.5.1 Carta Alir Berdasarkan Intervensi Modul *Islamic Project*©.

Carta alir adalah berdasarkan kajian *Islamic Project*© ditunjukkan dalam rajah 3.6 yang mana adalah berdasarkan *Consolidated Standards of Reporting Trials* CONSORT carta alir. Terdapat 186 orang guru secara pada mulanya dijemput untuk menyertai intervensi ini dan kumpulan kawalan. Walaubagaimana pun terdapat beberapa orang guru yang tidak dapat menyertainya kerana terlibat dengan kursus yang lain. Oleh itu, terdapat 50 orang guru yang terlibat dalam intervensi dan 50 orang guru kumpulan kawalan.



Rajah 3.6 Kajian *Islamic Project*© berdasarkan CONSORT Carta Alir
(*Consolidated Standards of Reporting Trials*)

3.5.2 Prosidur Kajian

a) Kumpulan Kawalan

Kumpulan perbandingan ini telah mengikuti program yang dijalankan oleh pihak KEMAS sahaja. Mereka ini tidak diberi bimbingan oleh penyelidik. Guru-guru ini mengikuti latihan yang disediakan KEMAS berdasarkan garis panduan yang ditetapkan.


b) Kumpulan Intervensi

Kumpulan intervensi ini adalah guru-guru yang dipilih berdasarkan kriteria yang ditetapkan dan telah mengikut latihan yang sediakan oleh pengkaji berdasarkan modul dan dibina. Guru-guru ini telah diberikan latihan mengikut jam yang ditetapkan. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang baharu digunakan dan disampaikan kepada guru-guru yang terpilih.

3.5.3 Alat Kajian

Tahap Penilaian Kirkpatrick

Terdapat 2 jenis alat kajian yang digunakan dalam fasa ini iaitu a) alat penilaian dan b) modul intervensi. Rajah 3.8 menunjukkan rumusan bagi alat kajian yang digunakan dalam kajian ini. Instrumen kajian untuk fasa ini adalah menggunakan soal selidik.



Rajah 3.7 Dua alat penilaian utama dalam kajian

Terdapat 4 tahap dalam pengumpulan data iaitu tahap 1 maklumbalas, tahap 2 pembelajaran, tahap 3 tingkahlaku, tahap 4 kesan kepada guru dan murid.

i) Tahap 1 Penilaian Kirkpatrick : Tinjauan Penilaian *Post Program*

Langkah pertama dalam menilai keberkesanan modul adalah melalui maklumbalas penerimaan guru terhadap *Islamic Project*© guru. Kajian secara tinjauan iaitu menggunakan soal selidik . Soal selidik ini tahap satu ini adalah berdasarkan gaya pengajaran oleh Grasha. Tahap penilaian pertama ini juga menggunakan soal selidik kefahaman pendekatan projek.

ii) Tahap 2 Penilaian Kirkpatrick: Penilaian Pengetahuan

Selepas mendapat maklumbalas daripada guru pada tahap 1 penyelidik ingin mendapatkan maklumat berkaitan dengan pembelajaran dengan menilai pengetahuan dan amalan guru berkaitan dengan penggunaan modul. Strategi yang digunakan pada tahap 2 ialah melalui soal selidik. Soalan pengetahuan mengandungi 7 item soalan manakala amalan mengandungi 47 item.

iii) Tahap 3: Penilaian Kirkpatrick : Penilaian sikap dan amalan

Langkah seterusnya adalah untuk menilai tingkahlaku iaitu sikap guru terhadap modul *Islamic Project*©. Soal selidik diedarkan kepada guru-guru untuk mendapatkan hasil kajian. Soalan ini mengandungi 12 item.

iv) Tahap 4: Penilaian Kirkpatrick : Penilaian Kesan

Langkah terakhir adalah untuk menilai keberkesanan modul ini melalui temubual bersemuka dan menggunakan senarai senarai semak.

a. Persediaan untuk temubual

Temubual ini dijalankan ke atas guru untuk mendapat data yang jelas dan tepat. Melalui kaedah temubual ini guru-guru dapat menceritakan pengalaman mereka dengan lebih baik berdasarkan pengalaman mereka menjalankan *Islamic Project*© sendiri.

b. Senarai semak

Senarai semak ini adalah diadaptasi daripada buku Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Terdapat 27 item soalan yang terdiri daripada 3 domain iaitu pengetahuan, amalan dan sikap.

3.6 Pengumpulan Data

Sebelum kajian dapat dijalankan, beberapa langkah awal telah dibuat oleh penyelidik iaitu memohon surat daripada Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi mendapatkan surat memohon kebenaran dari pihak KEMAS menjalankan kajian di Institusi tersebut. Setelah mendapat kelulusan daripada pihak KEMAS langkah seterusnya penyelidik berjumpa dengan Pengarah dan Timbalan Pengarah KEMAS Kelantan berbincang untuk mendapat kebenaran, bantuan dan pandangan pegawai yang terlibat bagi memudahkan pengkaji melaksanakan sendiri pengajaran bagi kedua-dua kumpulan berkenaan. Pengajaran bagi kedua-dua kelas iaitu kelas eksperimen dan kelas kawalan dilaksanakan sendiri oleh pengkaji bersama-sama pakar dan fasilitator yang telah diberi latihan bagi mengelakkan berlakunya pengaruh peribadi dan kemahiran guru.

Langkah seterusnya ialah memberi taklimat program kepada guru yang terlibat tentang pelaksanaan kajian dan membahagikan guru kepada dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan menggunakan kaedah *Islamic Project*© dalam proses Pengajaran dan pembelajaran akhlak dan kumpulan kawalan menggunakan kaedah tradisional yang disediakan oleh KEMAS dalam pembelajaran. Kumpulan rawatan menjalani proses pembelajaran seperti yang dijadualkan tetapi kumpulan kawalan tidak terlibat dalam program yang dijalankan.

Responden bersetuju untuk terlibat dalam kajian ini. Secara sistematiknya, kumpulan guru yang menerima intervensi diasingkan daripada kumpulan kawalan iaitu responden yang tidak menerima intervensi. Pada masa yang sama penyelidik memberi sedikit penerangan kepada semua kumpulan responden yang menerima intervensi untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan yang mereka dapat ini sehingga selesai menjalankan projek ini. Ini memandangkan kumpulan kawalan telah bertanya soalan kepada kumpulan intervensi semasa tempoh ini projek ini dijalankan.

3.6.1 Pengumpulan Data Kumpulan Intervensi Guru

Responden bagi Intervensi ini adalah semua terdiri daripada guru-guru perempuan. Data ini telah dikutip berdasarkan 3 kali iaitu pra uji (*baseline*), Rawatan (2 minggu) dan Ujian Pos (3 bulan intervensi dijalankan). Penerangan berkaitan dengan 3 fasa ini adalah mengikut bahagian yang telah ditetapkan. Berikut adalah ujian yang dijalankan oleh penyelidik dalam pengumpulan data iaitu :

(a) Ujian Pra (*Baseline*)

Semasa sesi pertama dijalankan, setelah kebenaran diberikan dan dipersetujui data telah dikutip menggunakan pengukuran melalui soal selidik. Semasa sesi ini guru-guru perlu menjawab soalan gaya pengajaran yang digunakan oleh guru-guru. Guru-guru perlu menjawab dua bahagian iaitu demografi responden dan soalan gaya pengajaran Grasha. Guru-guru juga diberikan soalan berkaitan dengan tiga aspek iaitu pengetahuan, amalan dan sikap. Soal selidik ini diambil daripada soalan selidik Normazidah Mahmood yang menjalankan kajian penilaian pengajaran guru dari aspek tingkahlaku, pengetahuan dan amalan.

(b) Rawatan (2 minggu selepas intervensi)

Bagi kumpulan intervensi ini, peserta diberi latihan selama 5 jam. Soal selidik sama diberikan kepada guru-guru. Soalan ini terbahagi kepada 3 aspek iaitu pengetahuan, amalan dan sikap. Soal selidik ini diambil daripada soalan selidik Normazidah Mahmood (2015). Semasa sesi intervensi, guru-guru diberikan panduan dengan bantuan fasilitator.

Soal selidik ini diberikan kepada guru dan perlu dijawab oleh guru selepas 2 minggu program dijalankan.

(c) Ujian-Pos (3 Bulan selepas intervensi)

Soal selidik sama diberikan kepada guru-guru pada ujian pos ini. Soalan ini terdiri daripada tiga aspek iaitu pengetahuan, amalan dan sikap. Soal selidik ini diambil daripada soalan selidik Normazidah Mahmood. Soalan yang sama diberikan kepada guru dari pra uji, rawatan dan ujian pos.

3.6.2 Pengumpulan Data Bagi Murid

Responden bagi Intervensi ini adalah semua terdiri daripada murid-murid lelaki dan perempuan. Data ini telah dikutip berdasarkan 3 kali iaitu sebelum(*baseline*), semasa dan selepas intervensi dijalankan. Penerangan berkaitan dengan 3 fasa ini adalah mengikut bahagian yang telah ditetapkan.

(a) Ujian Pra (*Baseline*)

Semasa sesi pertama dijalankan, setelah kebenaran diberikan dan dipersetujui data telah dikutip menggunakan pengukuran melalui soal selidik. Soalan semasa sesi ini guru perlu menjawab senarai semak bagi setiap orang murid dari aspek pengetahuan, amalan dan sikap pelajar. Guru-guru perlu menjawab dua bahagian iaitu demografi responden dan senarai semak yang disediakan oleh kurikulum standard prasekolah kebangsaan.

(b) Rawatan (2 minggu selepas intervensi)

Bagi kumpulan intervensi ini, peserta menggunakan pembelajaran berasaskan pendekatan . Soal selidik sama diberikan Guru-guru juga diberikan soalan berkaitan dengan tiga aspek iaitu pengetahuan, amalan dan sikap. Soal selidik ini diambil daripada senarai semak KSPK dalam penilaian murid-murid KEMAS dari aspek tingkahlaku, pengetahuan dan amalan.

Semasa intervensi ini, guru-guru diberikan panduan dan fasilitator akan membantu guru dari aspek cara menilai dan membantu semasa perjumpaan berdasarkan jadual ditetapkan.

(c) **Ujian-Pos (3 Bulan selepas intervensi)**

Senarai semak yang sama diberikan guru-guru untuk menilai pencapaian guru dan kanak-kanak dari tiga aspek iaitu pengetahuan, amalan dan sikap. Guru-guru akan membuat penilaian berdasarkan aktiviti yang dijalankan berdasarkan fasa-fasa dalam modul Islamic-Projek.

3.7 Populasi dan Sampel

Populasi kajian merupakan semua guru Tabika KEMAS Kota Bharu Kelantan. Menurut maklumat yang dipetik dari Laporan Statistik daripada Unit Prasekolah Negeri Kelantan bulan Disember 2016 jumlah guru ialah seramai 186 orang.

Jadual 3.10 Data Bilangan Guru dan Kanak-kanak Tabika KEMAS Kelantan Tahun 2016

Bil.	Parlimen	Kelas Tabika	Jumlah Kanak-kanak
1	Pengkalan Chepa	52	1344
2	Kota Bharu	31	656
3	Kubang Kerian	50	1080
4	Ketereh	60	1488
Jumlah		193	4568

Sumber: Laporan Statistik Unit Prasekolah Negeri Kelantan (Disember 2016)

Jadual 3.10, menunjukkan data bilangan guru dan kanak-kanak Tabika KEMAS 2016. Sampel kajian seramai 50 guru Tabika KEMAS Kota Bharu Kelantan dipilih oleh penyelidik dalam kajian ini. Pemilihan daerah Tabika KEMAS Kota Bharu sebagai lokasi kajian adalah kerana kawasan ini merupakan antara lokasi yang telah maju dan ramai penduduk.

3.8 Tempat kajian

Jadual 3.11 Nama Tabika yang Terlibat (Kumpulan Intervensi)

Bilangan	Nama Tabika
1	Tabika KEMAS Langgar Muda
2	Tabika KEMAS Tmn Desa B (NKRA)
3	Tabika KEMAS Tmn Uda Murni
4	Tabika KEMAS Telaga Nibong (NKRA)
5	Tabika KEMAS Khatib Ali (NKRA)
6	Tabika KEMAS Puteri Saadong B (NKRA)
7	Tabika KEMAS Teratak Damai (NKRA)
8	Tabika KEMAS Sri Melor
9	Tabika KEMAS Taman Guru
10	Tabika KEMAS Bunut Payong
11	Tabika KEMAS Sri Perdana bt 2
12	Tabika KEMAS Sri Teratai Paya Senang
13	Tabika KEMAS Al Falah 2, Kg Banggol
14	Tabika KEMAS Balkhis 1, Kg Semut Api
15	Tabika KEMAS Sri Muara, Kuala Besar
16	Tabika KEMAS Sinar Baru 2, Kg Penambang
17	Tabika KEMAS Taman Sri Sentosa, Kg Binjai Baru
18	Tabika KEMAS Alif 3, Kg Chempaka
19	Tabika KEMAS Mohamad Dollah, Simpang 3
20	Tabika KEMAS Per Pdg Tembak
21	Tabika KEMAS Tawakkal, Telaga Bata
22	Tabika KEMAS Darul Iman, Kg Kemumin
23	Tabika KEMAS Al Hidayah, Kg Babong
24	Tabika KEMAS Nur Hidayah, Kg Panchor
25	Tabika KEMAS Nurul Ambiat, Desa Kujid
26	Tabika KEMAS Sri Suria Kg Pauh Lima
27	Tabika KEMAS Nasuha Kg Binjal
28	Tabika KEMAS Darul Hidayat Kg Paloh Rambai
29	Tabika KEMAS Dayang Sakti Kg Kedai Piah
30	Tabika KEMAS Tunas Harapan Kg Kadok Dalam
31	Tabika KEMAS Tunas Pahlawan 2 Kem Desa Pahlawan
32	Tabika KEMAS Sinar Bakti Kg Banggol Pauh
33	Tabika KEMAS Wira Jaya (Nkra) Taman Wira Jaya
34	Tabika KEMAS Sinar Bakti (Nkra) Kg Banggol Pauh
35	Tabika KEMAS Artileri (Nkra) 5 Artileri Diraja Kem Desa Pahlawan
36	Tabika KEMAS Sri Melati Sek. Keb. Ketereh
37	Tabika KEMAS Pendek Nkra Jalan Salor
38	Tabika KEMAS Kedai Salor Jalan Salor
39	Tabika KEMAS Padang Layang Jalan Salor
40	Tabika KEMAS Desa Darulnaim 3
41	Tabika KEMAS Al-Amin, Kubang Siput
42	Tabika KEMAS Gertak Kechupu
43	Tabika KEMAS Ar-Rahman, Gong Dermin
44	Tabika KEMAS Wakaf Tanjung
45	Tabika KEMAS Sri Banggu, Demit
46	Tabika KEMAS Sri Harmoni Nkra Chicha
47	Tabika KEMAS Sri Perdana
48	Tabika KEMAS Tanjong Chat
49	Tabika KEMAS Rahmat
50	Tabika KEMAS Kota

Sumber : Laporan Tahunan KEMAS Kelantan (2016)

3.8.1 Senarai Tabika Kumpulan Intervensi

Berdasarkan Jadual 3.11 menunjukkan 50 Tabika KEMAS yang terlibat dalam kajian dengan bilangan guru seramai 50 orang (kumpulan Intervensi). Tabika-tabika ini terletak di daerah Kota Bharu Kelantan.

Merujuk Jadual 3.12 menunjukkan lokasi Tabika yang akan terlibat dalam kajian ini. Tabika yang terlibat adalah Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kubang Kerian dan Ketereh. Lokasi ini dipilih kerana bilangan kanak-kanak yang ramai. Ini bersesuaian dengan penyelidikan yang akan dijalankan memerlukan hasil pembelajaran penilaian daripada kanak-kanak.

Jadual 3.12 Lokasi Tabika

Bilangan	Lokasi Tabika
1	Pengkalan Chepa
2	Kota Bharu
3	Kubang Kerian
4	Ketereh

3.8.2 Senarai Tabika Kumpulan Kawalan

Berdasarkan jadual 3.13 menunjukkan nama-nama tabika yang terlibat. Terdapat 50 Tabika KEMAS yang terlibat dalam kajian dengan bilangan guru seramai 50 orang.

Jadual 3.13 Nama Tabika yang Terlibat (Kumpulan Kawalan)

Bilangan	Nama Tabika
1	Tabika KEMAS Nuriman A
2	Tabika KEMAS Nuriman B
3	Tabika KEMAS Sri Bayu
4	Tabika KEMAS Mawar
5	Tabika KEMAS Nor Ain Kg Pohon Rawa
6	Tabika KEMAS Nurul Hida 1
7	Tabika KEMAS Nurul Hida 2
8	Tabika KEMAS Kenanga Kg Kenak

Jadual 3.13 Sambungan

Bilangan	Nama Tabika
9	Tabika KEMAS Bistari Kg Kerasak
10	Tabika KEMAS Permai Kg Kedondong
11	Tabika KEMAS Sri Guntung 1
12	Tabika KEMAS Sri Guntung 2 Kg Guntung
13	Tabika KEMAS Rahmania Kg Bechah Semak
14	Tabika KEMAS Sri Tanjung Kg Kbg Sepat
15	Tabika KEMAS Nurhidayah Kg Tanjung Chenak
16	Tabika KEMAS Sri Gelam Kg Perangkap
17	Tabika KEMAS Naim 1 Kg Gelang Mas
18	Tabika KEMAS Naim 2 Kg Gelang Mas
19	Tabika KEMAS Kadaria Kg Tal Tujuh
20	Tabika KEMAS Al Madanah Kg Kbg Pak Amin
21	Tabika KEMAS Ihsan Kg Kasar
22	Tabika KEMAS Sri Jias Kg Jias
23	Tabika KEMAS Nur Izati Kg Kbg Gatal
24	Tabika KEMAS Tamin Sari Kg Padang To La
25	Tabika KEMAS Baiduri Ipd Balai Polis
26	Tbk Tajul Uruff Kg Kbg Bemban
27	Tabika KEMAS Fairuz Kg Belukar
28	Tabika KEMAS Sri Murni Kg Kbg Badak
29	Tabika KEMAS Melati Kg Banggol Chica
30	Tabika KEMAS Nurhikmah Kg Banggol Kemian
31	Tabika KEMAS Al Syafiq Kg Banggol Ara
32	Tabika KEMAS Tasek Putra Kg Kubang Panjang Lemal
33	Tabika KEMAS Anggerik Kg Kbg Panjang Lemal
34	Tabika KEMAS Che Hussin Kg Lemal
35	Tabika KEMAS Sri Kembangan Kg Kelar
36	Tabika KEMAS Sri Tanjung Kg Kangkong
37	Tabika KEMAS Bunga Raya Kg Kbg Chenok
38	Tabika KEMAS Cahaya Kg Bendang Pauh
39	Tabika KEMAS An Nisa Kg Laka To Uban
40	Tabika KEMAS Melor Kg Melor To Uban
41	Tabika KEMAS Dahlia 1 Kg Bechah Kelubi
42	Tabika KEMAS Dahlia 2 Kg Bechah Kelubi
43	Tabika KEMAS Seroja Kg Gabus
44	Tabika KEMAS An Nas Kg Nibong To Uban
45	Tabika KEMAS Hj Musa Kg Kubang Gendang
46	Tabika KEMAS Melati Putih Kg Hutan Mala
47	Tabika KEMAS Cempaka Biru Kg Chekok
48	Tabika KEMAS Sri Tanjung Kg Kangkong
49	Tabika KEMAS Bunga Raya Kg Kbg Chenok
50	Tabika KEMAS Cahaya Kg Bendang Pauh

3.9 Pemilihan Sampel

Persampelan tujuan atau *purposive sampling / judgment sampling* merujuk kepada prosedur persampelan iaitu sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu sahaja dipilih sebagai responden kajian berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus penyelidikan pengkaji. Ini bermakna tidak semua kajian lain dalam populasinya dipilih oleh pengkaji sebagai responden.

Senarai Tabika di Kelantan yang diluluskan oleh KEMAS untuk kajian ini adalah di parlimen Kota Bharu, Pengkalan Chepa, Kubang Kerian dan Ketereh. Setiap Tabika mempunyai seorang guru dan seorang pembantu. Untuk mendapatkan sejumlah 50 guru untuk mencapai saiz sampel yang diperlukan.

Kriteria inklusi untuk peserta kajian adalah 1) guru yang bekerja lebih dari lima tahun di Tabika KEMAS Kelantan ; 2) berumur antara 18 hingga 40 tahun dan dari kedua-dua jantina; 3) terlibat secara langsung dalam pengajaran di Tabika dan telah mempunyai Diploma Pendidikan. Mereka yang layak, bersedia menjawab soal selidik dan mengembalikan persetujuan bertulis secara bertulis telah direkrut ke dalam kajian ini.

Penyelidik telah memilih kaedah persampelan bertujuan untuk memulakan pengumpulan data. Dalam persampelan bertujuan, responden dipilih kerana mereka dapat memberikan maklumat yang diperlukan oleh penyelidik (Gill & Liaputtong, 2009). Untuk kajian ini, penyelidik menggunakan sampel yang mudah, guru-guru semua bersedia untuk mengambil bahagian dalam kajian ini telah dijemput kerana mereka dapat memberikan maklumat yang jelas dalam kajian ini. Pemilihan sampel ini secara sampel bertujuan kerana modul ini memerlukan guru-guru yang memiliki diploma pendidikan awal kanak-kanak, lingkungan umur 50 tahun ke bawah.

3.10 Pengiraan Saiz Sampel

Menurut Krejcie dan Morgan (1970), tatacara untuk menentukan persampelan yang betul adalah seperti Jadual 3.14.

Jadual 3.14 Jadual Penentuan Saiz Sampel (Krejcie & Morgan, 1970)

N	S	N	S	N	S	N	S
10	10	220	140	1200	291	15000	375
15	14	230	144	1300	297	20000	377
20	19	240	148	1400	320	30000	379
80	66	420	201	3500	346	40000	380
100	80	500	217	6000	360	50000	381
150	108	750	254	8000	367	75000	382
200	132	1000	278	10000	370	1000000	384

Petunjuk : N = Bil. Populasi dan S = Bil. Sampel

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan kelompok atas kelompok (*cluster sampling*). Menurut Ghafar (2003) persampelan kelompok atas kelompok ini sangat sesuai digunakan apabila populasi itu besar dan kawasan yang terbabit adalah luas.

Jadual 3.15 berikut menunjukkan jumlah guru prasekolah terlibat dalam kajian ini, iaitu seramai 186 guru dari 193 Tabika. Seratus lapan puluh enam responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri dari guru-guru Tabika KEMAS tanpa mengira jantina, bangsa, tahap pendidikan, jawatan, pengalaman kerja, bidang pekerjaan, lokasi dan sebagainya. Guru-guru yang dimaksudkan ditunjukkan dalam Jadual 3.15.

Jadual 3.15 Jumlah Guru dan Bilangan Responden

Bil	Tabika	Jumlah Guru	Bilangan Responden
1	Pengkalan Chepa	52	12
2	Kota Bharu	31	14
3	Kubang Kerian	45	12
4	Ketereh	58	12
Jumlah		186	50

3.11 Instrumentasi Kajian

Penyelidik telah menggunakan beberapa instrumen kajian dalam kajian ini. Instrumen ini digunakan bagi menilai dan mengukur setiap objektif kajian yang telah dijalankan. Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan instrumen soal selidik bagi tujuan mendapatkan data. Ia bersesuaian dengan pendapat pengkaji lepas menyatakan menggunakan soal selidik merupakan cara yang paling dalam menjalankan kajian (Yockey, 2008). Responden juga tidak perlu menulis nama dan ini memungkinkan mereka untuk menjawab dengan jujur (Cockburn, 1996; Field, 2009).

3.11.1 Instrumen Kajian Fasa 1 : Analisa Keperluan dan Gaya Pengajaran guru

Instrumen kajian bagi fasa 1 ini penyelidik telah menggunakan 2 soal selidik. Soal selidik Gaya Pengajaran (Model Grasha – Riechmann 1996) *Teaching Style Survey* dan soal selidik Russell (1974) bagi analisis keperluan. Merujuk jadual 3.7 soal selidik pandangan modul oleh guru dibahagikan kepada 5 bahagian iaitu dari aspek kumpulan sasaran, pelaksanaan modul, peruntukan masa, kandungan modul memupuk nilai-nilai islam dan modul ini berpotensi mengubah akhlak murid.

Bagi analisis keperluan, penyelidik mengedarkan soal selidik kepada guru-guru yang telah dipilih secara rawak di setiap daerah di Kota Bahru Kelantan. Guru-guru yang terlibat menjawab soalan ini adalah seramai 40 orang. Tujuan borang soal selidik diedarkan adalah untuk mendapatkan pandangan daripada guru-guru mengenai modul yang sedia ada dalam pengajaran Pendidikan Islam aspek kerohanian, nilai dan sikap di Tabika KEMAS. Penyelidik telah menggunakan soal selidik Russell (1974) yang mempunyai lima bahagian mengenai modul yang dibina sebelum ini. Set soal selidik ini telah diterjemah dan diubah suai oleh Sidek dan Jamaludin (2005). Soal selidik ini diberikan kepada guru untuk memberikan pandangan mereka mengenai modul yang mereka gunakan sebelum ini sebelum kajian seterusnya dijalankan.

Jadual 3.16 Soal Selidik Pandangan Modul Oleh Guru

Bilangan	Item soalan
Kandungan modul ini menepati kumpulan sasaran (Modul yang digunakan sekarang)	
1	Modul ini menepati kumpulan sasaran
Kandungan modul ini boleh dilaksanakan dengan sempurna	
1	Tajuk topik sesuai dengan matlamat modul
2	Objektif topik
3	Sesuai dengan matlamat modul.
4	Dijelaskan dengan teliti setiap tajuk yang diberikan
5	Mudah difahami
Kandungan modul ini mampu untuk memupuk nilai-nilai Islam dalam diri murid.	
1	Menarik dan bersesuaian
2	Bersifat interaktif
3	Boleh diaplikasikan oleh murid
4	Bahan pengajaran bersesuaian
5	Mudah difahami oleh fasilitator
6	Mempunyai hands on learning
Kandungan modul ini bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan tempoh masa	
1	Masa untuk pelaksanaan aktiviti modul adalah bersesuaian
2	Pengagihan masa untuk aktiviti modul adalah bersesuaian

Jadual 3.17 pula menunjukkan analisis pembahagian item soal selidik yang dikemukakan di dalam *Teaching Style Survey* oleh Model Grasha-Riechmann 1996. Terdapat lapan item soalan untuk setiap dimensi soalan.

Borang soal selidik ini mengandungi dua bahagian yang mesti dijawab oleh responden iaitu bahagian A (demografi) yang meliputi jantina, status, kelayakan akademik, kelayakan iktisas, bilangan anak, pengalaman mengajar, umur, pengkhususan di Maktab atau Universiti dan Tabika. Manakala bahagian B ialah tahap kefahaman guru, bahagian C ialah soal selidik gaya pengajaran guru dan bahagian D ialah pengetahuan, sikap dan amalan guru. Soal selidik menggunakan Skala Likert 5 mata.

Jadual 3.17 Analisis Pembahagian Item Soal Selidik Gaya Pengajaran Guru

Gaya Pengajaran	No Item Soalan	Jumlah Soalan
Gaya Pengajaran Pakar	1-8	8
Gaya Pengajaran Autoriti	9-16	8
Gaya Pengajaran Model Personal	17-24	8
Pengajaran Fasilitator	25-32	8
Gaya Pengajaran Delegator	32-40	8
Jumlah Soalan		40

3.11.2 Instrumen Fasa 2: Instrumen Delphi

Instrumen teknik delphi Terubah Suai telah digunakan untuk membangunkan modul *Islamic Project*© ini. Menurut Deepak B., Saxseena et.al (2012), proses teknik delphi ini melibatkan 3 pusingan dan ia melibatkan enam bahagian. Terdapat satu set soal selidik dan beberapa bahagian soalan yang perlu dinilai oleh panel pakar delphi ini seperti dalam jadual 3.18 berikut :

Jadual 3.18 Borang Soal Selidik Delphi

Bahagian	Maklumat	Item Soalan	Jumlah Soalan
1	Maklumat Demografi Panel Pakar Bidang	1-8	8
2	A. Isi kandungan Program		
	• Pengenalan Pendekatan <i>Islamic Project</i> ©	a hingga f	6
	• Peranan Guru dalam peningkatan akhlak	a	1
3	B. Strategi Pengajaran		
	• Bengkel	a hingga b	2
	• Aktiviti kumpulan kecil berkonsepkan Pendekatan Projek	a hingga e	5
	• Forum bersama fasilitator	a hingga c	3
	• Refleksi diri /Penilaian diri sendiri dan program	a hingga c	
	• Strategi Pengajaran 5 yang dicadangkan	a hingga e	
4	C. Jangkamasa program	a hingga c	3
5	D. Tenaga Penggerak	a hingga d	4
6	E. Strategi untuk menarik perhatian kumpulan sasaran mengikuti program <i>Islamic Project</i> ©	a hingga b	2
Jumlah Soalan			39

Instrumen kajian ini dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu: i) bahagian soalan demografi dan ii) bahagian soalan delphi. Bahagian demografi mengandungi beberapa bahagian yang perlu dijawab oleh panel pakar untuk memperolehi maklumat tentang ciri-ciri jantina, umur, kelayakan akademik, bidang kepakaran, tempat bekerja, pengalaman kerja dan pengalaman dalam program Pendidikan Islam. Soalan delphi ini bahagian utamanya diperolehi daripada modul *Islamic Project*© yang dijalankan secara berperingkat. Walaubagaimanapun, kandungan bahagian kedua (soalan delphi) berdasarkan pusingan ia melibatkan 4 komponen iaitu (A) kandungan topik, (B) Strategi Pembelajaran, (C) jangka masa program, (D) Tenaga Penggerak dan (E) strategi untuk menarik kumpulan sasar.

Setiap komponen telah dinyatakan dan dijawab menggunakan skala likert 4 mata iaitu 1= Sangat tidak setuju, 2=Tidak setuju, 3=Setuju dan 4=sangat setuju. Penggunaan skala 'tidak pasti' tidak dimasukkan dalam skala ini kerana panel pakar perlu mengambil masa untuk memberikan pendapat mereka (Babbie, 1990 : Fowler, 2001). Satu ruang telah disediakan untuk panel pakar memberi cadangan, komen dan idea-idea baru. Melalui cara ini panel pakar boleh memberikan dengan lebih jelas lagi. Walau bagaimanapun, dalam setiap pusingan delphi kandungan soalan delphi diubahsuai dan dibuat penambahbaikan berdasarkan keputusan pusingan delphi yang sebelum ini dan apa-apa cadangan yang diberikan juga akan diambil kira.

3.11.3 Instrumen Fasa 3 : Penilaian Keberkesanan (*Kirkpatrick's Four Levels of Evaluation Model* (1959)).

Instrumen fasa 3 ini dibahagikan kepada 4 tahap berdasarkan Model Penilaian Kirkpatrick iaitu tahap satu (maklumbalas), tahap dua (Pengetahuan), tahap tiga (sikap dan amalan) dan tahap empat (kesan).

3.11.3.1 Tahap 1 Kirkpatrick : Instrumen Maklum balas

Merujuk jadual 3.19, soal selidik tahap satu ini terdapat dua bahagian sahaja iaitu bahagian A demografi data dan B soal selidik pemahaman. Bahagian A menunjukkan demografi responden mewakili 10 soalan, diikuti bahagian B penilaian kesedaran intervensi terdapat 5 item soalan dan penilaian peserta terhadap intervensi terdapat 5 item

soalan. Jumlah keseluruhan soalan maklum balas program intervensi ini ialah 20 item soalan.

Jadual 3.19 Maklum balas Program Intervensi

Bahagian	Soalan	No Item Soalan	Jumlah Soalan
A	Demografi	1-10	10
B	Penilaian Kesedaran Intervensi	1-5	5
	Penilaian Peserta Terhadap Intervensi	1-5	5
Jumlah Soalan			20

3.11.3.2 Tahap 2 dan Tahap 3 Kirkpatrick : Instrumen Pengetahuan Sikap dan Amalan (Guru).

Jadual 3.20 pula menunjukkan analisis pembahagian item soal selidik dari aspek pengetahuan, sikap dan amalan. Terdapat 3 bahagian soalan dalam soal selidik ini iaitu bahagian B pengetahuan, bahagian C sikap dan bahagian D amalan. Jumlah keseluruhan soalan bagi bahagian ini iaitu 56 soalan.

Jadual 3.20 Analisis Pembahagian Item Soal Selidik Pengetahuan, Sikap dan Amalan Guru

Bahagian	Soalan	No Item Soalan	Jumlah Soalan
B	Pengetahuan	1-7	7
C	Sikap	1-12	12
D	Amalan		
	<ul style="list-style-type: none"> • Set induksi • Penggunaan ABM 	1-10 1-8	10 8
	<ul style="list-style-type: none"> • Proses Pengajaran 	1-11	11
	<ul style="list-style-type: none"> • Kaedah Pengajaran 	1-8	8
Jumlah Soalan			56

Kesemua item soalan di bahagian B, C dan D diukur berdasarkan Skala Likert 5 mata yang mempunyai 5 tahap pemarkatan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.7. Responden akan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dengan menandakan salah satu pilihan jawapan yang diberi.

Jadual 3.21 menunjukkan skala likert 5 mata yang digunakan oleh penyelidik dalam soal selidik kajian ini

Jadual 3.21 Skala Likert 5 Mata (Wang et al., 2007; Teo (2006))

Skala	Gerak Balas Item
1	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	Tidak Setuju (TS)
3	Tidak Pasti (TP)
4	Setuju (S)
5	Sangat Setuju (SS)

3.11.3.3 Tahap 4 Kirkpatrick : Instrumen Kesan Kepada Murid

Penilaian pada tahap empat ini adalah berkaitan dengan keberkesanan pendekatan *Islamic Project*© ini dan memberi kesan kepada murid-murid melalui model yang disediakan. Penilaian ini mengukur hasil pembelajaran yang boleh murid-murid perolehi melalui pendekatan dan modul ini. Merujuk jadual 3.22 analisis ini diukur dari aspek pengetahuan, sikap dan amalan.

Jadual 3.22 Analisis Pembahagian Item Soal Selidik Pengetahuan, sikap dan Amalan Murid

Soalan	No Item Soalan	Jumlah Soalan
Pengetahuan	1-5	5
Sikap	1-10	12
Amalan	1-13	13
Jumlah Soalan		30

Kesemua item soalan di bahagian B, C dan D diukur berdasarkan Skala Likert 5 mata yang mempunyai 5 tahap pemarkatan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.21.

Responden akan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dengan menandakan salah satu pilihan jawapan yang diberi.

Jadual 3.23 Skala Tahap Pencapaian Murid

Skor (Tahap Menguasai)	Simbol	Kriteria
Telah Menguasai	TM	Tahu dan boleh buat dengan sendiri dengan baik secara bertatasusila
Sedang Maju	SM	Tahu dan boleh buat dengan bimbingan
Belum Menguasai	BM	Tahu beberapa asas berkaitan dengan konstruk tetapi tidak boleh buat

Jadual 3.23 menunjukkan skala tahap pencapaian murid. Skala ini adalah merujuk kepada garis panduan kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Berdasarkan jadual menunjukkan terdapat 3 tahap unuk mengukur tahap pencapaian kanak-kanak ini iaitu telah menguasai, sedang maju dan belum menguasai.

3.12 Analisis Data

Analisis data kajian ini melibatkan kaedah kajian secara kuantitatif dan kualitatif. Data-data yang diperolehi dianalisis berdasarkan objektif dan soalan kajian serta hipotesis-hipotesis yang telah ditetapkan.

3.12.1 Kaedah Kajian Kuantitatif.

Penyelidik telah menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package For The Social Science*) versi 24 untuk tujuan menganalisis dan memproses data yang diperolehi. Soal selidik yang telah lengkap direkodkan mengikut angka bagi memudahkan lagi kerja-kerja pemrosesan data. Semua data yang diperolehi dimasukkan dalam pemrosesan perisian SPSS bagi memudahkan penghasilan output. Secara amnya, hal ini amat membantu penyelidik dari segi penjimatan masa, ketepatan berbanding manual serta kepelbagaian ujian statistik (Field, 2009).

Analisis deskriptif seperti peratus, min, mod dan sisihan piawai digunakan untuk menganalisis borang soal selidik yang mengandungi bahagian-bahagian seperti latar belakang responden, gaya pengajaran, tahap pemahaman dan keberkesanan modul

Islamic Project©. Bagi menjawab soalan kajian 1, analisis deskriptif seperti min digunakan. Gambaran yang lebih jelas boleh dilihat berdasarkan Jadual 3.24 berikut.

Jadual 3.24 Analisis Statistik bagi Soalan Kajian

No. Soalan	Soalan Kajian	Jenis Statistik
1	Mengenal pasti gaya pengajaran guru prasekolah yang paling dominan yang digunakan dalam pembentukan akhlak murid Tabika KEMAS	Min, Sisihan Piawaian dan Peratusan
2	Membina dan mencadangkan Modul <i>Islamic Project</i> © untuk guru prasekolah dalam pembentukan akhlak murid Tabika KEMAS di negeri Kelantan.	Min, Sisihan Piawaian dan Peratusan
3	Menilai keberkesanan penggunaan Modul <i>Islamic Project</i> © oleh guru prasekolah dalam pembentukan akhlak murid Tabika KEMAS di negeri Kelantan.	<i>Repeated Measured Ancova</i>
4	Menilai keberkesanan hasil pembelajaran murid Tabika KEMAS dari aspek pengetahuan, sikap dan amalan terhadap pembentukan akhlak murid Tabika KEMAS negeri Kelantan.	<i>Repeated Measured Ancova</i>

Walau bagaimanapun bagi tujuan menjawab soalan kajian tersebut, nilai-nilai min keseluruhan yang diperolehi berdasarkan aspek gaya pengajaran dan tahap pemahaman pendekatan *Islamic Project*© dan dikelaskan kepada tiga tahap, iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Jadual 3.25 dibawah menunjukkan pemarkatan skor tahap kesediaan yang mengikut tahap-tahap tertentu. Ia digunakan untuk mengukur dan menentukan tahap-tahap pemahaman guru terhadap Pendekatan *Islamic Project*© Akhlak.

Jadual 3.25 Pemarkatan Skor Tahap Pemahaman

Nilai Min	Tahap Pemahaman
3.68-5.00	Tinggi
2.34-3.67	Sederhana
1.00-2.33	Rendah

Sumber: Hassan, (2006); Link dan Marz, (2006); Garland dan Noyes, (2005); Noiwan et al., (2005)

3.12.2 Kaedah Kajian Kualitatif.

Kaedah secara kualitatif ini digunakan semasa pengakhiran intervensi. Ia digunakan bagi melihat guru-guru menggunakan kaedah *Islamic Project*© ini dengan baik bagi meningkatkan pengetahuan, sikap dan amalan dalam pengajaran akhlak. Ini bagi mengukuhkan lagi data kajian dengan menjalan temubual berstruktur dengan para guru yang mengikuti program *Islamic Project*©. Pendekatan kualitatif ini digunakan untuk mendapatkan data dengan lebih jelas. Melalui kaedah kualitatif ini penyelidik dapat menemubual responden secara terus. Data kualitatif ini ambil bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian ini. Kaedah temubual telah digunakan dalam pengumpulan data. Temubual ini dijalan secara berstruktur dan mengikut keselesaan responden.

3.12.3 Kaedah Pemilihan Sampel Kualitatif

Kaedah pensampelan secara rawak mudah digunakan dalam kajian kualitatif ini. Responden yang ditemuduga ia boleh menyediakan maklumat tambahan berkaitan dengan topik yang dipilih (Yin, 2011). Seorang guru telah dipilih dan menjalani sesi temu duga. Guru itu kemudian diminta untuk mengenal pasti lagi guru yang boleh menyumbang lebih banyak pendapat, idea diambil kira terhadap penerokaan dalam isu-isu itu dikaji berdasarkan tajuk *Islamic Project*© yang dipilih.

Berdasarkan pendapat Creswell, (2014) mencadangkan pemilihan peserta bersesuaian bagi kajian secara kualitatif adalah antara 5 orang dan 25 orang yang bergantung kepada titik penemuan kajiannya. Bagi pendapat Zhang, Edwards, Yates, Ruth, & Guo, (2012), mencadangkan sekurang-kurangnya 8 orang peserta untuk

mendapatkan domain yang baru, walaubagaimanapun, Mccaslin & Scott, (2003) mencadangkan minimum hanyalah 5 orang peserta untuk kajian fenomena.

3.12.4 Kaedah Pengumpulan Data

Data Ciri inklusif guru dari Tabika KEMAS di Kelantan ini adalah yang menghadiri bengkel *Islamic Project*© dan telah menyiapkan penaksiran (Guru1, Guru2 dan Guru3). Kaedah penyelidikan kualitatif, saiz sampel bukan fokus kesempurnaan data dan kebimbangan utama (Dil Februhartanty.,2006).

Pengambilan guru-guru KEMAS sehingga penemuan data berlaku, yang menunjukkan data memperolehi menjadi berulang dan tiada maklumat baru telah dihasilkan. Selain itu, kerumitan dan mendapatkan data dalam pengumpulan data juga disahkan oleh pemilihan sekurang-kurangnya satu guru KEMAS mewakili setiap daerah di Kelantan. Sejumlah 10 orang guru Tabika KEMAS Kota Bharu Kelantan menyertai kajian kualitatif ini. Jadual 3.26 adalah 10 buah Tabika dan 10 orang guru yang terlibat dalam pendekatan kualitatif ini.

Jadual 3.26 Peserta Yang Terlibat Dalam Pendekatan Kualitatif

Bil.	Parlimen	Nama Tabika	Bilangan peserta
1	Pengkalan Chepa	Tabika Pengkalan Chepa	1
2	Kota Bharu	Tabika Langgar Muda	1
3	Kubang Kerian	Tabika Kubang Kerian	1
4	Ketereh	Tabika Ketereh	1
5	Kota Bharu	Tabika Kota	1
6	Kota Bharu	Tabika KEMAS Taman Guru	1
7	Kubang Kerian	Tabika KEMAS Sri Banggu.Demit	1
8	Kubang Kerian	Tabika KEMAS Nasuha Kg Binial	1
9	Kota Bharu	Tabika KEMAS Bunut Pavong	1
10	Pengkalan Chepa	Tabika KEMAS Sri Muara, Kuala Besar	1
Jumlah		10 Tabika	10 orang

Peserta telah dijemput untuk sesi temubual pada masa, tempat dan tarikh yang sesuai dengan kelapangan yang dipilih. Kebanyakan sesi temuduga dijalankan adalah pilihan peserta antaranya di Tabika KEMAS, tempat peserta bekerja dan di dewan latihan KEMAS Kelantan.

Persediaan untuk temubual bersemuka adalah penting untuk memastikan proses ini berjalan dengan lancar dan untuk mendapatkan data yang diperlukan. Untuk melakukan temuduga yang baik, penyelidik telah menyediakan panduan temuduga dan kajian rintis sebelum temubual bersemuka yang sebenar dijalankan.

Panduan temu bual adalah satu set kawasan perbincangan topik dan persoalan yang diteliti oleh penyelidik (Hesse-Biber & Leavy, 2011) dan membantu penyelidik mengikuti penambahbaikan dengan peserta (Liamputtong, 2011). Dalam menyediakan garis panduan temu bual, adalah penting untuk menyenaraikan soalan atau isu yang akan diterokai semasa temuduga. Ini adalah untuk memastikan terdapat konsistensi semasa sesi temubual dijalankan.

Untuk memastikan keberkesanan panduan temuduga, penyelidik menjalankan dua temuduga percubaan dan membuat perubahan yang diperlukan untuk panduan temuduga. Kajian percubaan dilakukan dalam bahasa Melayu dan setiap wawancara sedang direkodkan dan disalin dengan sewajarnya. Setiap sesi mengambil masa kira-kira 45 hingga 60 minit.

3.12.5 Kebolehpercayaan Soal Selidik

Berdasarkan jadual 3.27 menunjukkan keputusan analisis nilai kebolehpercayaan soal selidik. Nilai alfa keseluruhan soal selidik mencapai tahap kebolehpercayaan iaitu lebih 0.50 ke atas.

Jadual 3.27 Keputusan Analisis Nilai Kebolehpercayaan Soal Selidik

Bil	Soal selidik	Nilai Alfa
1	Soal selidik analisis keperluan Modul	0.77
2	Soal selidik Pengajaran Grasha	0.80
3	Soal selidik murid keberhasilan murid (Pengetahuan, amalan dan Sikap)	0.85
4	Soal selidik murid kefahaman guru (Pengetahuan, amalan dan Sikap)	0.75

3.12.6 Instrumen Kajian-Temubual dan Protokol Temubual

Kajian ini melibatkan beberapa dalam menjalankan kajian ini :

a) Temuduga Dan Protokol Temuduga Berstruktur

Menurut Yin (2011), dalam temubual bersruktur definisi temubual ialah alat penyelidikan untuk mengumpul data (Yin, 2011). Ia adalah standard tetapi protokol temuduga yang fleksibel adalah memberi garis panduan penemuduga secara maksimum semasa temuramah dijalankan. Protokol temu duga ini dijalankan secara khusus untuk mencapai objektif-objektif kajian.


Dalam kajian menunjukkan ini dengan tujuan tinjauan, protokol temu duga fokus pada soalan "apa' dan “bagaimana” (Yin, 2009). Pendekatan soalan yang terbuka digunakan untuk mengumpul lebih banyak maklumat dari guru dan memperolehi penemuan maklumat-maklumat baru dalam kajian.

3.12.7 Prosidur Kajian dan Pengumpulan Data

3.12.7.1 Analisis Data

Untuk analisis data, kajian secara kualitatif ini menggunakan analisis bertema yang diterima pakai berdasarkan enam langkah yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006). Rajah 3.8 menunjukkan proses dalam carta alir. Analisis dilakukan serentak dengan pengumpulan data dan berterusan sehingga titik tepu tercapai. Data daripada temu bual adalah rakaman audio dan verbal yang disalin. Tiga peserta adalah dipilih secara rawak untuk mengesahkan bahawa maklumat dalam transkrip adalah serasi dengan tafsiran mereka semasa ditemubual. Akhirnya, transkrip verbal adalah dianalisis dengan

menggunakan perisian analisis data kualitatif yang dibantu komputer (CAQDAS), iaitu perisian ATLAS.ti versi 11 (Perisian Pembangunan Saintifik GmbH, Berlin).



Rajah 3.8 Enam Langkah Analisis Tematik Braun and Clarke (2006)

3.12.7.2 Kesahan Dan Kebolehpercayaan Kajian

Kesahan dan kebolehpercayaan soalan telah dilakukan berdasarkan soal selidik yang digunakan dalam kajian ini. Kesahan sesuatu instrumen merujuk kepada sejauh manakah sesuatu instrumen mengukur apa yang sepatutnya diukur. Kepercayaan ialah menggambarkan kestabilan dan ketekalan dalam (Creswell, 2010; Pallant 2001; Sekaran 1992).

Berdasarkan pendapat (Creswell, 2010; Pallant 2001; Sekaran 1992), penyelidik telah menjalankan ujian kebolehpercayaan setiap soalan yang akan diberikan kepada peserta dalam kajian sebenar.

3.13 Kesimpulan

Kajian ini adalah berbentuk penerokaan analitikal yang menekankan penyelidikan jenis kuantitatif dan kualitatif. Kajian ini melibatkan 100 orang responden (sampel) yang terdiri daripada para guru KEMAS di daerah negeri Kelantan bagi mewakili populasi kesemua guru di Kelantan. Data dikutip menggunakan borang soal selidik. Kesemua data dianalisis secara kuantitatif dengan menggunakan perisian SPSS version 24.

Terdapat dua analisis statistik yang akan digunakan dalam kajian ini bagi menjawab soalan-soalan kajian, menguji hipotesis dan menentukan nilai perbezaan. Analisis statistik deskriptif seperti min, peratusan dan sisihan piawai digunakan untuk mengukur kaedah pengajaran guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran semasa sesi pengajaran. Manakala analisis statistik inferential seperti ujian *Repeated Measure RM ANCOVA* pula digunakan untuk menilai keberkesanan terhadap penggunaan Modul *Islamic Project*© (baseline, 2 minggu dan 3 bulan) berdasarkan umur dalam kalangan guru-guru KEMAS di Kelantan.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Terdapat dua jenis data kutipan data dalam kajian ini iaitu data pertama menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik berdasarkan objektif dan soalan kajian yang telah ditetapkan oleh penyelidik.

Data kedua adalah menggunakan kaedah kualitatif iaitu menggunakan temubual berstruktur. Data ini diambil bagi menyokong hasil kajian kuantitatif dalam kutipan data pertama. Temubual ini dijalankan ke atas beberapa orang guru untuk mendapatkan hasil dapatan kajian yang tepat dan jelas.

Matlamat umum kajian ini adalah untuk membina dan menilai keberkesanan *Islamic Project*© untuk guru prasekolah bagi membantu mempertingkatkan perkembangan akhlak murid prasekolah di Tabika-tabika KEMAS Negeri Kelantan. Manakala objektif khusus kajian ini adalah ;

- a. Mengenal pasti gaya pengajaran guru prasekolah yang paling dominan yang digunakan dalam pembentukan akhlak murid Tabika KEMAS.
- b. Membina dan mencadangkan Modul *Islamic Project*© untuk guru prasekolah dalam pembentukan akhlak murid Tabika KEMAS di negeri Kelantan.
- c. Menilai keberkesanan penggunaan Modul *Islamic Project*© oleh guru prasekolah dalam pembentukan akhlak murid Tabika KEMAS di negeri Kelantan.
- d. Menilai keberkesanan hasil pembelajaran murid Tabika KEMAS dari aspek pengetahuan, sikap dan amalan terhadap pembentukan akhlak murid Tabika KEMAS negeri Kelantan.

Terdapat empat soalan kajian dalam kajian ini, iaitu :

- a. Apakah gaya pengajaran guru prasekolah yang paling dominan yang digunakan dalam pembentukan akhlak murid Tabika KEMAS?

- b. Apakah langkah-langkah yang efektif dalam membina Modul *Islamic Project*© untuk guru prasekolah dalam pembentukan akhlak murid Tabika KEMAS di negeri Kelantan?
- c. Sejauh manakah keberkesanan penggunaan Modul *Islamic Project*© oleh guru prasekolah dalam pembentukan akhlak murid Tabika KEMAS di negeri Kelantan.
- d. Sejauh manakah keberkesanan Modul *Islamic Project*© terhadap hasil pembelajaran murid Tabika KEMAS dari aspek pengetahuan, sikap dan amalan ?

4.2 Data Demografi

Seramai 100 orang responden yang terdiri daripada guru Tabika KEMAS di negeri Kelantan telah menjawab borang soal selidik. Huraian latar belakang responden dan meliputi aspek gender, usia, bangsa, aliran pendidikan menengah, taraf akademik, jawatan, bidang pekerjaan, pengalaman kerja, Jadual 4.1 menunjukkan huraian latar belakang responden berdasarkan ciri-ciri khusus demografi.

Jadual 4.1 Latar Belakang Responden

Demografi	Ciri-ciri Khusus	Bilangan (Peratus)	
		Kawalan	Intervensi
Gender	Lelaki	-	-
	Perempuan	50(100)	50(100)
Bangsa	Melayu	50(100)	50(100)
	Cina	-	-
	India	-	-
	Lain-lain	-	-
Umur	20 – 25 tahun	-	3(6)
	26 – 30 tahun	12(24)	12(24)
	31 – 35 tahun	22(44)	22(44)
	36 tahun ke atas	16(32)	13(26)
Taraf Akademik	Sijil	7(14)	6(12)
	Diploma	43(86)	43(86)
	Ijazah Sarjana Muda	-	1(2)
	Sarjana	-	-
Pengalaman Kerja	1-3 tahun	-	7(14)
	4 – 6 tahun	29(58)	22(44)
	7 – 9 tahun	11(22)	11(22)
	10 tahun ke atas	10(20)	10(20)

Berdasarkan Jadual 4.1 di atas, didapati bilangan responden perempuan adalah majoriti dalam kajian ini iaitu seramai 50 orang (100 peratus). Majoriti responden adalah berbangsa Melayu.

Terdapat empat kategori kumpulan usia responden. Analisis data menunjukkan majoriti responden adalah berumur antara 31 – 35 tahun, iaitu seramai 22 orang (44.0 peratus), diikuti oleh responden yang berumur antara 26 hingga 30 tahun, iaitu seramai 12 orang (24.0 peratus), bilangan responden yang berumur antara 36 tahun ke atas adalah seramai 13.0 orang (26.0 peratus), bilangan responden yang berumur 20 – 25 tahun merupakan kumpulan responden yang paling kecil, iaitu seramai 3 orang (6 peratus).

Majoriti responden memiliki taraf akademik peringkat Diploma, iaitu seramai 43 orang (86.0 peratus) dan responden yang memiliki taraf akademik peringkat Sarjana adalah paling kecil, iaitu seramai seorang (2.0 peratus). Bagi responden yang memiliki taraf akademik peringkat Sijil adalah seramai 6 orang (12.0 peratus), manakala untuk responden peringkat Ijazah Sarjana masih belum ada.

Kumpulan responden yang berpengalaman kerja selama 4 hingga 6 tahun merupakan kumpulan majoriti, iaitu seramai 22 orang (44.0 peratus) manakala responden yang memiliki pengalaman kerja antara 1 hingga 3 tahun ke atas merupakan golongan paling kecil, iaitu seramai 7 orang (14.0 peratus). Bagi responden yang memiliki pengalaman kerja selama 7 hingga 9 tahun adalah seramai 11 orang (22.0 peratus), responden yang berpengalaman kerja 10 tahun ke atas adalah seramai 10 orang (20.0 peratus).

4.3 Analisis Soal selidik

FASA 1 : TAHAP PEMAHAMAN GURU PENDEKATAN ISLAMIC PROJECT©

Soalan Kajian 1: Apakah Gaya Pengajaran Guru Prasekolah Yang Paling Dominan Yang Digunakan Dalam Pembentukan Akhlak Murid Tabika KEMAS?.

Sebelum menjalankan kajian, guru diberi soal selidik untuk mengenalpasti pemahaman dan guru-guru mengenai kaedah pengajaran yang digunakan dalam sesi pengajaran di sekolah. Ini bagi memudahkan program dijalankan dan mencapai objektif.

4.3.1 Apakah Pemahaman Guru Terhadap Pengajaran Pendekatan Projek Akhlak (Sebelum Bengkel)

Jadual 4.2 Analisis Soal Selidik Pemahaman Guru Sebelum Bengkel Pengajaran Pendekatan Projek Akhlak. (n=50)

Item/Soalan	1 STS (%)	2 TS (%)	3 KS (%)	4 S (%)	5 SS (%)	Min	SP
Saya telah mempunyai pengetahuan tentang pendekatan projek	1 (2)	27 (54)	-	21 (42)	1 (1)	2.44	0.57
Saya memahami konsep pendekatan projek	3 (6)	25 (50)	19 (38)	3 (6)	-	2.44	0.70
Saya tahu bagaimana mengintegrasikan pendekatan projek dalam pengajaran kerohanian nilai dan sikap	2 (4.0)	26 (52)	20 (4)	2 (4)	-	2.44	0.64
Saya memahami kaedah Pembelajaran Inkuiri berasaskan Projek (PIP) dalam pengajaran "Akhlak" kerohanian, nilai dan sikap	3 (6.0)	24 (48)	18 (36)	5 (10)	-	2.50	0.76
Saya memahami semua 4 fasa dalam kaedah Pembelajaran Inkuiri berasaskan Projek (PIP) dalam kerohanian, nilai dan sikap	3 (6.0)	24 (48)	20 (40)	3 (6)	-	2.46	0.70
Saya faham bagaimana melaksanakan Fasa 1 dalam Projek kerohanian, nilai dan sikap	1 (2.0)	35 (70)	13 (26)	1 (2)	-	2.28	0.53
Saya faham bagaimana melaksanakan Fasa 2 dalam Projek kerohanian nilai dan sikap	1 (2.0)	28 (56)	20 (40)	1 (2)	-	2.42	0.57
Saya faham bagaimana melaksanakan Fasa 3 dalam Projek kerohanian nilai dan sikap	1 (2.0)	26 (52)	22 (44)	1 (2)	-	2.46	0.57
Saya faham bagaimana melaksanakan Fasa 4 dalam Projek kerohanian nilai dan sikap	2 (4.0)	26 (52)	20 (40)	2 (4)	-	2.44	0.64
Saya sangat berminat terhadap pendekatan projek	1 (2)	11 (22)	19 (38)	17 (34)	2 (4)	3.16	0.88
Saya boleh mengajar pendekatan projek kepada kanak-kanak di TABIKA KEMAS	-	7 (14)	21 (42)	19 (38)	3 (6)	3.36	0.80
Saya boleh mengajar pendekatan projek dengan yakin kepada kanak-kanak di TABIKA KEMAS	-	10 (20)	22 (44)	16 (32)	2 (4)	3.20	0.80
Saya boleh gunakan pendekatan projek ini dalam tunjang pembelajaran lain	-	2 (2.0)	2 (2)	31 (62)	15 (30)	4.18	0.69

Min Keseluruhan =2.71 Sisihan Piawai = 0.44

Jadual 4.2 menunjukkan analisis soal selidik berdasarkan pemahaman guru terhadap pendekatan projek sebelum diberi latihan. Didapati pernyataan “Saya boleh gunakan pendekatan projek dengan yakin kepada kanak-kanak di Tabika KEMAS” mencatat min tertinggi iaitu 4.18 dengan sisihan piawai 0.69. Terdapat sejumlah 62.0 peratus responden bersetuju dengan pernyataan tersebut, 30.0 peratus sangat setuju, 2.0 peratus tidak setuju, 0.0 peratus sangat tidak setuju dan 2.0 kurang pasti.

Pernyataan “ saya boleh mengajar pendekatan projek ini kepada kanak-kanak di Tabika KEMAS” mencatatkan min kedua tertinggi, iaitu 3.36 dengan sisihan piawai 0.802. Sejumlah 42.0 peratus responden kurang setuju dengan pernyataan tersebut, 38.0 peratus setuju, 14 peratus tidak setuju, 0.0 peratus sangat tidak setuju dan 6.0 peratus sangat setuju.

Manakala pernyataan “saya boleh mengajar pendekatan projek dengan yakin kepada kanak-kanak di Tabika KEMAS” mencatatkan min ketiga tertinggi, iaitu 3.20 dengan sisihan piawai 0.80. Sejumlah 44.0 peratus responden kurang setuju dengan pernyataan tersebut, 32.0 peratus setuju, 20.0 peratus tidak setuju, 0.0 peratus sangat tidak setuju dan 4.0 peratus sangat setuju.

Manakala pernyataan “Saya sangat berminat terhadap pendekatan projek” mencatatkan min keempat tertinggi, iaitu 3.16 dengan sisihan piawai 0.88. Sejumlah 38.0 peratus responden kurang setuju dengan pernyataan tersebut, 34.0 peratus setuju, 22.0 peratus tidak setuju, 4.0 peratus sangat tidak setuju dan 2.0 peratus sangat tidak setuju.

Seterusnya pernyataan “saya memahami kaedah pembelajaran inkuiri berasaskan projek (PIP) dalam pengajaran Akhlak (kerohanian, nilai dan sikap)” iaitu 2.50 dengan sisihan piawai 0.76. Sejumlah 48.0 peratus responden tidak setuju dengan pernyataan tersebut, 36 peratus kurang setuju, 10 peratus setuju, 6.0 peratus sangat tidak setuju dan 0.0 peratus sangat setuju.

Pernyataan “saya memahami semua 4 fasa dalam kaedah pembelajaran inkuiri berasaskan projek (PIP) Akhlak (kerohanian nilai dan sikap)”. Sejumlah 19.5 peratus responden bersetuju dengan pernyataan tersebut, 4.5 peratus sangat setuju, 26.5 peratus tidak setuju, 44.3 peratus sangat tidak setuju dan 5.3 peratus tidak pasti. dan pernyataan

“saya faham bagaimana melaksanakan fasa 3 dalam projek “akhlak” kerohanian, nilai dan sikap mencatat min yang sama, iaitu 2.46

Pernyataan “saya faham bagaimana melaksanakan Fasa II dalam projek kerohanian nilai dan sikap” mencatat min iaitu 2.42 dengan sisihan piawai 0.57. Sejumlah 56.0 peratus responden tidak setuju dengan pernyataan tersebut, 40 peratus kurang setuju, 2.0 peratus setuju, 2.0 peratus sangat tidak setuju dan 0.0 peratus sangat setuju.

Pernyataan “saya telah mempunyai pengetahuan tentang pendekatan projek” mencatatkan min terendah, iaitu 2.44 dengan sisihan piawai 0.57. Sejumlah 54.0 peratus responden tidak setuju dengan pernyataan tersebut, 42.0 peratus setuju, 2.0 peratus sangat tidak setuju, 1 peratus sangat tidak setuju dan 0.0 peratus kurang setuju.

Pernyataan “saya telah mempunyai pengetahuan tentang pendekatan projek” mencatatkan min terendah, iaitu 2.44 dengan sisihan piawai 0.57. Sejumlah 54.0 peratus responden tidak setuju dengan pernyataan tersebut, 42.0 peratus setuju, 2.0 peratus sangat tidak setuju, 1 peratus sangat tidak setuju dan 0.0 peratus kurang setuju.

Pernyataan “saya memahami konsep pendekatan projek” mencatatkan min terendah, iaitu 2.44 dengan sisihan piawai 0.70. Sejumlah 50.0 peratus responden tidak setuju dengan pernyataan tersebut, 38.0 peratus kurang setuju, 6.0 peratus sangat tidak setuju, 6.0 peratus setuju dan 0.0 peratus sangat setuju.

Pernyataan “saya tahu mengintegrasikan pendekatan projek dalam pengajaran kerohanian nilai dan sikap” mencatatkan min terendah, iaitu 2.44 dengan sisihan piawai 0.64. Sejumlah 52.0 peratus responden tidak setuju dengan pernyataan tersebut, 40.0 peratus kurang setuju, 4.0 peratus sangat tidak setuju, 4.0 peratus setuju dan 0.0 peratus sangat setuju.

4.3.2 Apakah Tahap Pemahaman Guru Pengajaran Pendekatan Projek Akhlak? (Sebelum Bengkel)

Jadual 4.3 Analisis Tahap Pemahaman Guru terhadap Pengajaran Pendekatan *Islamic-Project* (Sebelum Bengkel)

Tahap	Julat Min	Kekerapan	Peratusan
Rendah	1.0-2.33	8	16
Sederhana	2.34-3.67	41	82
Tinggi	3.68-5.0	1	2
Jumlah		50	100

Secara keseluruhannya, tahap pemahaman guru terhadap pengajaran pendekatan projek “Akhlak” (sebelum bengkel) adalah pada tahap yang sederhana iaitu sejumlah 82 peratus, diikuti 16.0 peratus berada pada tahap rendah dan hanya 2 peratus mencatat tahap tinggi.

4.4 Apakah Pemahaman Guru Terhadap Pengajaran Pendekatan Projek ? (Selepas Bengkel).

Terdapat beberapa soalan yang disediakan oleh penyelidik sebelum intervensi diberikan kepada guru-guru prasekolah KEMAS negeri Kelantan. Tahap pemahaman selepas bengkel juga diambil maklumat untuk memastikan pendekatan yang digunakan dapat memberi manfaat untuk guru-guru prasekolah ini.

4.4.1 Tahap Pemahaman Guru Terhadap Pengajaran Pendekatan Projek (Selepas Bengkel).

Jadual 4.4 Analisis Pemahaman Guru Terhadap Pengajaran Pendekatan Projek Akhlak. (Selepas Bengkel). (n=50)

Item/Soalan	1 STS (%)	2 TS (%)	3 KS (%)	4 S (%)	5 SS (%)	Min	SP
Saya telah mempunyai pengetahuan tentang pendekatan projek	-	-	3 (6)	35 (70)	12 (24)	4.18	0.522
Saya memahami konsep pendekatan projek	-	-	1 (2)	31 (62)	18 (36)	4.34	0.519
Saya tahu bagaimana mengintegrasikan pendekatan projek dalam pengajaran kerohanian nilai dan sikap	-	-	2 (4.0)	29 (58)	19 (38)	4.34	0.557
Saya memahami kaedah Pembelajaran Inkuiri berasaskan Projek (PIP) dalam pengajaran kerohanian, nilai dan sikap	-	-	-	36 (72)	14 (28)	4.28	0.453
Saya memahami semua 4 fasa dalam kaedah Pembelajaran Inkuiri berasaskan Projek (PIP) dalam kerohanian, nilai dan sikap	-	-	1 (2)	31 (62)	18 (36)	4.34	0.519
Saya faham bagaimana melaksanakan Fasa 1 dalam Projek kerohanian, nilai dan sikap	-	-	1 (2)	33 (66)	16 (32)	4.30	0.505
Saya faham bagaimana melaksanakan Fasa 2 dalam Projek kerohanian nilai dan sikap	-	-	1 (2)	32 (64)	17 (34)	4.32	0.512
Saya faham bagaimana melaksanakan Fasa 3 dalam Projek kerohanian nilai dan sikap	-	-	-	29 (58)	21 (42)	4.42	0.498
Saya faham bagaimana melaksanakan Fasa 4 dalam Projek kerohanian nilai dan sikap	-	-	2 (4)	27 (54)	21 (42)	4.52	0.50

Jadual 4.4 Continued

Item/Soalan	1 STS (%)	2 TS (%)	3 KS (%)	4 S (%)	5 SS (%)	Min	SP
Saya sangat berminat terhadap pendekatan projek	-	-	-	24 (48)	26 (52)	4.52	0.50
Saya boleh mengajar pendekatan projek kepada kanak-kanak di TABIKA KEMAS	-	-	1 (2)	23 (46)	26 (52)	4.50	0.54
Saya boleh mengajar pendekatan projek dengan yakin kepada kanak-kanak di TABIKA KEMAS	-	-	-	14 (28)	36 (72)	4.46	0.508
Saya boleh gunakan pendekatan projek ini dalam tunjang pembelajaran lain	-	-	-	14 (28)	36 (72)	4.42	0.577

Min Keseluruhan = 4.35 Sisihan Piawai = 0.438

اونيورسيتي ملايسيا قهق

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Jadual 4.4 menunjukkan analisis soal selidik berdasarkan pemahaman guru terhadap pendekatan projek selepas diberi latihan. Didapati pernyataan “Saya sangat berminat terhadap pendekatan projek” mencatat min tertinggi iaitu 4.52 dengan sisihan piawai 0.50. Terdapat sejumlah 52.0 peratus responden sangat setuju dengan pernyataan tersebut, 48.0 peratus setuju, 0.0 peratus tidak setuju, 0.0 peratus sangat tidak setuju dan 0.0 kurang pasti.

Pernyataan “Saya faham bagaimana melaksanakan Fasa 4 dalam Projek kerohanian nilai dan sikap” ini mencatat min tertinggi sama dengan pernyataan “Saya sangat berminat terhadap pendekatan projek” iaitu dengan nilai min yang sama 4.52 dengan sisihan piawai 0.50. Terdapat sejumlah 54.0 peratus responden sangat setuju dengan pernyataan tersebut, 42.0 peratus setuju, 0.0 peratus tidak setuju, 0.0 peratus sangat tidak setuju dan hanya 4.0 peratus kurang setuju.

Pernyataan “saya boleh mengajar pendekatan projek ini kepada kanak-kanak di Tabika KEMAS” mencatatkan min kedua tertinggi, iaitu 4.50 dengan sisihan piawai 0.54. Sejumlah 52.0 peratus responden sangat setuju dengan pernyataan tersebut, 46.0 peratus setuju, 2.0 peratus kurang setuju, 0.0 peratus sangat tidak setuju dan 6.0 peratus sangat setuju.

Manakala pernyataan “saya boleh mengajar pendekatan projek dengan yakin kepada kanak-kanak di Tabika KEMAS” mencatatkan min ketiga tertinggi, iaitu 4.46 dengan sisihan piawai 0.50. Sejumlah 72.0 peratus responden sangat setuju dengan pernyataan tersebut, 28.0 peratus setuju, 0.0 peratus tidak setuju, 0.0 peratus sangat tidak setuju dan .0 peratus kurang setuju.

Manakala pernyataan “Saya boleh gunakan pendekatan projek ini dalam tunjang pembelajaran lain” mencatatkan min iaitu 4.42 dengan sisihan piawai 0.57. Sejumlah 72.0 peratus responden sangat setuju dengan pernyataan tersebut, 28.0 peratus setuju, 22.0 peratus tidak setuju, 4.0 peratus tidak setuju dan 2.0 peratus kurang setuju.

Seterusnya pernyataan “saya faham bagaimana melaksanakan Fasa 3 dalam projek kerohanian, nilai dan sikap” iaitu 4.42 dengan sisihan piawai 0.49. Sejumlah 58.0 peratus responden setuju dengan pernyataan tersebut, 42 peratus sangat setuju, 0.0 peratus tidak setuju, 0.0 peratus sangat tidak setuju dan 0.0 peratus kurang setuju.

Pernyataan “saya telah mempunyai pengetahuan tentang pendekatan projek” mencatatkan min terendah, iaitu 4.18 dengan sisihan piawai 0.52. Sejumlah 70.0 peratus responden setuju dengan pernyataan tersebut, 24.0 peratus sangat setuju, 6.0 peratus kurang setuju, 0.0 peratus sangat tidak setuju dan 0.0 peratus tidak setuju.

4.4.2 Apakah Tahap Pemahaman Guru Terhadap Pengajaran Pendekatan *Islamic Project*©? (Selepas Bengkel).

Jadual 4.5 Analisis Tahap Pemahaman Guru Terhadap Pengajaran Pendekatan *Islamic Project*©. (Selepas Bengkel) n=50

Tahap	Julat Min	Kekerapan	Peratusan
Rendah	1.0-2.33	-	-
Sederhana	2.34-3.67	1	2
Tinggi	3.68-5.0	49	98
Jumlah		50	100

Secara keseluruhannya, tahap pemahaman guru terhadap pengajaran pendekatan *Islamic-Projek* “Akhlak” (selepas bengkel) adalah pada tahap yang tinggi iaitu sejumlah 98 peratus, diikuti hanya 2.0 peratus berada pada tahap sederhana dan 0.0 peratus min dicatatkan pada tahap rendah.

4.4.3 Perbandingan Pemahaman Guru terhadap Pendekatan *Islamic Project*©.

Jadual 4.6 Perbandingan Pemahaman Guru Terhadap Pendekatan Projek *Islamic Project*© (Sebelum Dan Selepas Bengkel)

n=50

Item/Soalan	Sebelum		Selepas	
	Min	SP	Min	SP
Saya telah mempunyai pengetahuan tentang pendekatan projek	2.44	0.57	4.18	0.52
Saya memahami konsep pendekatan projek	2.44	0.70	4.34	0.51
Saya tahu bagaimana mengintegrasikan pendekatan projek dalam pengajaran kerohanian nilai dan sikap	2.44	0.64	4.34	0.55
Saya memahami kaedah Pembelajaran Inkuiri berasaskan Projek (PIP) dalam pengajaran kerohanian, nilai dan sikap	2.50	0.76	4.28	0.45
Saya memahami semua 4 fasa dalam kaedah Pembelajaran Inkuiri berasaskan Projek (PIP) dalam kerohanian, nilai dan sikap	2.46	0.70	4.34	0.51
Saya faham bagaimana melaksanakan Fasa 1 dalam Projek kerohanian, nilai dan sikap	2.28	0.53	4.30	0.50
Saya faham bagaimana melaksanakan Fasa 2 dalam Projek kerohanian nilai dan sikap	2.42	0.57	4.32	0.51
Saya faham bagaimana melaksanakan Fasa 3 dalam Projek kerohanian nilai dan sikap	2.46	0.57	4.42	0.49
Saya faham bagaimana melaksanakan Fasa 4 dalam Projek kerohanian nilai dan sikap	2.44	0.64	4.52	0.50
Saya sangat berminat terhadap pendekatan projek	3.16	0.88	4.52	0.50
Saya boleh mengajar pendekatan projek kepada kanak-kanak di Tabika KEMAS	3.36	0.80	4.50	0.54
Saya boleh mengajar pendekatan projek dengan yakin kepada kanak-kanak di Tabika KEMAS	3.20	0.80	4.46	0.50
Saya boleh gunakan pendekatan projek ini dalam tunjang pembelajaran lain	4.18	0.69	4.42	0.57

Berdasarkan jadual 4.6, hasil dapatan kajian pemahaman guru terhadap pendekatan *Islamic Project*©. menunjukkan terdapat peningkatan sebelum dan selepas diberi latihan selama 3 hari. Pernyataan “saya sangat berminat terhadap pendekatan

projek” menunjukkan peningkatan iaitu sebelum diberi latihan nilai min dicatatkan 3.16 meningkat kepada nilai min 4.52.

Selain itu, pernyataan “saya faham bagaimana melaksanakan Fasa 4 dalam Projek “Akhlak” (kerohanian nilai dan sikap)” sebelum diberi latihan mencatat nilai min 2.44. Selepas diberi latihan selama 3 hari peningkatan pemahaman terhadap pendekatan projek dengan mencatat nilai min 4.52 yang merupakan nilai tertinggi selepas peserta menghadiri sesi latihan.

4.5 Apakah Gaya Pengajaran Guru Prasekolah Yang Paling Dominan Yang Digunakan Dalam Pembentukan Akhlak Murid Tabika KEMAS?

4.5.1 Analisis Deskriptif Gaya Pengajaran Pakar

Jadual 4.7 Taburan Maklumbalas Terhadap Setiap Item Gaya Pengajaran Pakar.

Item/Soalan	Sangat Tidak Setuju	Tidak setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
Fakta, konsep, dan prinsip adalah perkara yang paling Penting yang pelajar harus perolehi.	1 (2.0)	27 (54.0)	21 (42)	1 (2.0)	0 (0)	5.0
Saya menetapkan standard yang tinggi bagi pencapaian pelajar saya	3 (6.0)	25 (50.0)	19 (38.0)	3 (6.0)	0 (0)	3.0
Apa yang saya kata dan lakukan merupakan model yang boleh diikuti oleh pelajar untuk mempelajari sesuatu.	2 (4.0)	26 (52.0)	20 (40.0)	2 (4.0)	0 (0)	4.0
Matlamat dan kaedah pengajaran saya mengambilkira kepelbagaian gaya belajar pelajar.	3 (6.0)	24 (48.0)	18 (36.0)	5 (10)	0 (0)	4.0
Pelajar biasanya menyiapkan kerja kursus secara sendirian dengan sedikit bimbingan daripada saya.	3 (6.0)	24 (48.0)	18 (36.0)	5 (10.0)	0 (0)	4.0
Berkongsi pengetahuan dan kemahiran dengan pelajar sangat penting bagi saya.	1 (2.0)	35 (70.0)	13 (26.0)	1 (2.0)	0 (0)	3.0

Table 4.7 Sambungan

Item/Soalan	Sangat Tidak Setuju	Tidak setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
Saya berikan pelajar maklum balas negatif jika prestasinya tidak memuaskan.	7 (2.0)	28 (56.0)	20 (40.0)	1 (2.0)	0 (0)	1.0
Kegiatan di kelas dapat mendorong pelajar untuk mengembangkan idea mereka sendiri tentang sesuatu kandungan pengetahuan.	1 (2.0)	26 (52.0)	20 (40.0)	2 (4.0)	0 (0)	4.0
Purata Min						3.5

Jadual 4.7 di atas menunjukkan maklumbalas responden terhadap setiap item gaya pengajaran pakar. Item 1 menunjukkan nilai min yang tinggi. Didapati seramai 27 orang dengan (54.0 %) tidak setuju dan 21 orang (42.0 %) lagi kurang setuju terhadap item ‘Fakta, konsep, dan prinsip adalah perkara yang paling penting yang pelajar harus perolehi.’. Manakala 1 orang (2.0 %) sahaja menyatakan setuju, dan selebihnya 1 orang (2.0 %) sangat tidak setuju.

Manakala item 3, 4, 5 dan 8 juga berada pada min tertinggi. Bagi item 3 “Apa yang saya kata dan lakukan merupakan model yang boleh diikuti oleh pelajar untuk mempelajari sesuatu” menunjukkan hanya 26 orang (52.0%) memilih skor tidak setuju, 20 orang (40.0 %) memilih kurang setuju. 2 orang (4.0 %) memilih sangat tidak setuju dan 2 orang (4.0 %) dan 5 orang (4.4%) memilih setuju.

Keseluruhannya, gaya pengajaran pakar menunjukkan nilai min purata sebanyak 3.50.

4.5.2 Analisis Deskriptif Gaya Pengajaran Autoriti Formal

Jadual 4.8 Taburan Maklumbalas Terhadap Setiap Item Gaya Pengajaran Autoriti Formal.

Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
Saya menghabiskan masa untuk berunding dengan pelajar tentang cara meningkatkan prestasi mereka secara individu dan / atau kelompok.	2 (4.0)	26 (52.0)	20 (40.0)	2 (4.0)	-	4.0
Kegiatan di kelas dapat mendorong pelajar untuk mengembangkan idea mereka sendiri tentang sesuatu kandungan pengetahuan.	1 (2.0)	11 (22.0)	19 (38.0)	17 (34.0)	-	3.0
Apa yang harus saya katakan tentang topik pengajaran saya adalah penting bagi pelajar untuk mendapatkan perspektif yang lebih luas terhadap sesuatu perkara .	-	7 (14.0)	21 (42.0)	19 (38.0)	2 (4.0)	4.0
Pelajar akan mendapati akan piawai dan harapan saya adalah sesuatu yang tegas dan rigid.	-	10 (20.0)	22 (44.0)	16 (32.0)	2 (4.0)	2.0
Saya biasanya menunjukkan pelajar bagaimana dan apa yang harus dilakukan dalam rangka untuk menguasai isi kandungan pelajaran.	-	2 (4.0)	2 (4.0)	31 (62.0)	15 (30.0)	3.0
Perbincangan kumpulan kecil digunakan untuk membantu pelajar mengembangkan kemampuan mereka untuk berfikir secara kritis.	-	-	3 (6.0)	35 (70.0)	12 (24.0)	4.0
Pelajar boleh belajar sendiri dengan pelbagai kaedah pembelajaran sendiri.	-	-	1 (2.0)	31 (62.0)	18 (36.0)	4.0
Saya mahu pelajar tinggalkan kursus ini dalam keadaan mereka lebih bersedia belajar lebih lanjut dalam perkara ini.	-	-	2 (4.0)	29 (58.0)	19 (38.0)	3.0
Purata Min						3.37

Jadual 4.8 menunjukkan maklumbalas responden terhadap setiap item gaya pengajaran autoriti formal. Item 9, 14 dan 15 menunjukkan min tinggi. Bagi Item 9 iaitu ' Saya menghabiskan masa untuk berunding dengan pelajar tentang cara meningkatkan

prestasi mereka secara individu dan / atau kelompok ' didapati 26 orang (52.0 %) tidak setuju dan 20 orang (40.0 %) lagi kurang setuju dengan item tersebut. Manakala 2 orang (4.0 %) sahaja menyatakan sangat tidak setuju, dan selebihnya 2 orang (4.0 %) dengan setuju.

Keseluruhannya, gaya pengajaran autoriti formal menunjukkan nilai min purata sebanyak 3.37.

4.5.3 Analisis Deskriptif Gaya Pengajaran Responden Fasilitator.

Jadual 4.10 Taburan Maklumbalas Terhadap Setiap Item Fasilitator.

Item/Soalan	Sangat Tidak Setuju	Tidak setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
Pelajar mengambil tanggung jawab untuk mengajar rakan sebahagian dari sesi kelas.	-	-	8 (16.0)	42 (84.0)	-	3.84
Kepakaran saya biasanya digunakan untuk menyelesaikan perbezaan pendapat tentang sesuatu isu.	-	8 (16.0)	-	42 (84.0)	-	3.68
Kursus ini memiliki tujuan dan objektif yang khusus yang ingin saya capai.	-	-	12 (24.0)	38 (76.0)	-	3.76
Pelajar sering menerima komen secara lisan atau bertulis mengenai prestasi mereka.	-	-	12 (24.0)	38 (76.0)	-	3.76
Saya meminta pandangan pelajar tentang bagaimana dan apa yang akan diajarkan dalam sesuatu kursus.	-	-	-	50 (100)	-	4.0
Pelajar menetapkan sendiri kadar/tempoh untuk menyelesaikan projek kumpulan.	-	-	-	50 (100)	-	4.0
Pelajar boleh menggambarkan saya sebagai "gudang pengetahuan" yang mengeluarkan suatu fakta, prinsip, dan konsep yang mereka perlukan.	-	-	-	50 (100)	-	4.0
Harapan saya untuk apa yang ingin pelajar saya lakukan dalam kelas ini secara jelas ditakrifkan dalam sukatan.	-	-	-	50 (100)	-	4.0
Jumlah Purata						3.88

Jadual 4.10 menunjukkan maklumbalas responden terhadap setiap item gaya pengajaran fasilitator. Item 29, 30, 31 dan 32 menunjukkan nilai min tertinggi iaitu 4. Di dapati 50 orang dengan (100.0%) setuju dengan item tersebut.

Item 26 mencatatkan nilai min yang rendah iaitu 3.68 . Kenyataan ‘Kepakaran saya biasanya digunakan untuk menyelesaikan perbezaan pendapat tentang sesuatu isu. Di mana majoriti responden memilih skor setuju iaitu 42 orang dengan (84.0%) dan hanya 8 orang dengan (16.0%) tidak setuju. Keseluruhannya, bagi gaya pengajaran fasilitator pula menunjukkan nilai min purata sebanyak 3.88.

4.5.4 Analisis Deskriptif Gaya Pengajaran Responden Delegator.

Jadual 4.11 Taburan Maklumbalas Terhadap Setiap Item Delegator. (n=50)

Item/soalan	Sangat Tidak Setuju	Tidak setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
Akhirnya, ramai pelajar mula berfikir seperti saya tentang isi pelajaran yang diajar.	-	-	20 (40.0)	23 (46.0)	7 (14)	3.74
Pelajar boleh membuat pilihan antara aktiviti dalam memenuhi keperluan kursus mereka.	-	-	34 (68.0)	14 (28.0)	2 (4.0)	3.66
Pendekatan saya untuk mengajar adalah sama dengan seorang pengurus dari sebuah kumpulan kerja yang membahagikan tugas dan tanggungjawabnya kepada bawahan.	-	13 (26.0)	6 (12.0)	16 (32.0)	15 (30.0)	4.0
Terdapat banyak bahan dalam kursus ini berbanding tempoh masa yang diperuntukkan.	-	-	-	50 (100)	-	4.28
Piawaian dan harapan saya dapat membantu pelajar membina disiplin yang diperlukan untuk belajar.	-	-	-	36 (72.0)	14 (28.0)	4.28
Pelajar boleh menggambarkan saya sebagai seorang "pelatih" yang bekerja sama dengan seseorang untuk memperbaiki masalah dalam cara mereka berfikir dan bertindak.	-	-	-	31 (62.0)	19 (38.0)	4.38
Saya memberikan pelajar banyak sokongan peribadi dan dorongan untuk meningkatkan pencapaian dalam kursus ini.	-	-	-	31 (62.0)	19 (38.0)	4.38
Saya berperanan sebagai sumber rujukan yang tersedia untuk pelajar bila-bila masa mereka memerlukan bantuan.	-	-	-	10 (20.0)	40 (80.0)	4.80
Jumlah Purata						4.06

Jadual 4.11 menunjukkan maklumbalas responden terhadap setiap item gaya pengajaran delegator. Item 40 menunjukkan nilai min tertinggi iaitu 4.80. Saya berperanan sebagai sumber rujukan yang tersedia untuk pelajar bila-bila masa mereka memerlukan bantuan. Di dapati 40 orang dengan (100.0%) sangat setuju dan 10 orang dengan (20.0%) setuju dengan item tersebut.

Keseluruhannya, bagi gaya pengajaran delegator ini pula menunjukkan nilai min purata sebanyak 4.06.

4.5.5 Analisis Deskriptif Gaya Pengajaran Model Personal

Jadual 4.9 Taburan Maklumbalas Terhadap Setiap Item Model Interpersonal.

Item/soalan	Sangat Tidak Setuju	Tidak setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
Untuk menentukan apa yang pelajar harus belajar dan bagaimana mereka harus mempelajarinya.	-	-	-	36 (72.0)	14 (28.0)	3.0
Contoh dari pengalaman saya sering digunakan sebagai sumber bahan rujukan.	-	-	1 (2.0)	31 (62.0)	18 (36.0)	4.0
Saya membimbing kerja-kerja pelajar dengan mengajukan soalan, menerokai pilihan, dan menyarankan cara-cara alternatif untuk menyelesaikan sesuatu tugas.	-	-	1 (2.0)	32 (66.0)	16 (32.0)	4.0
Mengembangkan kemampuan pelajar untuk berfikir dan bekerja secara berdikari merupakan tujuan penting.	-	-	1 (2.0)	32 (64.0)	17 (34.0)	3.0
Bersyarah merupakan bahagian penting daripada cara saya mengajar pada setiap sesi kelas.	-	-	-	29 (58.0)	21 (42.0)	4.0
Saya berikan panduan yang sangat jelas tentang bagaimana saya ingin sesuatu tugas disiapkan.	-	-	2 (4.0)	27 (54.0)	21 (42.0)	4.0
Saya sering menunjukkan pelajar bagaimana mereka boleh menggunakan pelbagai prinsip dan konsep dalam pembelajaran mereka.	-	-	-	24 (48.0)	26 (52.0)	2.0
Aktiviti pembelajaran dapat mendorong pelajar untuk mengambil inisiatif dan tanggung jawab dalam pembelajaran mereka.	-	-	1 (2.0)	23 (46.0)	26 (52.0)	4.0
Purata Min						3.50

Jadual 4.9 menunjukkan maklumbalas responden terhadap setiap item gaya pengajaran model interpersonal. Item 18, 19, 21, 22 dan 24 menunjukkan min tertinggi. Bagi Item 18 iaitu ' Contoh dari pengalaman saya sering digunakan sebagai sumber bahan rujukan' mempunyai 31 orang (62.0 %) setuju dengan kenyataan ini dan 18 orang (36.0 %) lagi sangat setuju. Manakala hanya 1 orang (2.0 %) sahaja menyatakan kurang setuju.

Bagi item 19, iaitu ' Saya membimbing kerja-kerja pelajar dengan mengajukan soalan, menerokai pilihan, dan menyarankan cara-cara alternatif untuk menyelesaikan sesuatu tugas'. Hasil kajian menunjukkan mempunyai 33 orang (66.0 %) setuju dengan kenyataan ini dan 16 orang (32.0 %) lagi sangat setuju. Manakala hanya 1 orang (2.0 %) sahaja menyatakan kurang setuju. Keseluruhannya, faktor hubungan interpersonal menunjukkan nilai min purata sebanyak 3.50.

4.5.6 Analisis Keseluruhan Gaya Pengajaran Yang Paling Dominan Digunakan Oleh Guru-Guru Sebelum Menggunakan Modul Islamic Project©.

Jadual 4.12 Analisis Gaya Pengajaran Guru Yang Paling Dominan Sebelum Bengkel. (n=50)

Gaya Pengajaran	Nilai Min
Autoriti Formal	3.37
Model Interpersonal.	3.50
Pengajaran Pakar	3.50
Delegator	4.06
Fasilitator	3.88

Berdasarkan nilai min yang diperolehi dalam jadual 4.12, menunjukkan kesemua faktor di atas adalah gaya pengajaran guru-guru KEMAS di negeri Kelantan. Hasil dapatan kajian menunjukkan sebelum menggunakan pendekatan projek gaya pengajaran utama yang digunakan oleh guru-guru adalah nilai min tertinggi iaitu gaya pengajaran delegator sebagai gaya pengajaran utama, fasilitator sebagai gaya pengajaran kedua, diikuti gaya pengajaran interpersonal dan Pakar diikuti gaya pengajaran akhir adalah formal Autoriti.

Secara kesimpulannya, hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sebelum memulakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran baharu guru-guru KEMAS banyak menggunakan gaya pengajaran delegator.

Oleh itu, satu pendekatan baharu perlu dibuat berdasarkan hasil kajian ini. Gaya pengajaran guru abad 21 adalah menggunakan kaedah guru sebagai fasilitator dan murid membuat aktiviti bagi meningkatkan perkembangan kognitif, afektif dan psikomotor kanak-kanak.

FASA 2 : FASA PEMBINAAN DAN PEMBANGUNAN MODUL *ISLAMIC PROJECT*©.

Fasa 2 dalam kajian ini, hasil dapatan kajian pembangunan & pengesahan dan dibahagikan kepada 2 bahagian dalam Modul *Islamic Project*©.

4.6 Pembinaan Dan Pembangunan Modul *Islamic Project*© Untuk Guru.

Soalan Kajian 2 : Apakah langkah-langkah yang efektif dalam membina Modul *Islamic Project*© untuk guru prasekolah dalam pembentukan akhlak murid Tabika KEMAS di negeri Kelantan?

Terdapat beberapa langkah yang telah dijalankan oleh penyelidik sebelum meneruskan kajian seterusnya. Hasil dapatan kajian dibincangkan dalam bab empat ini telah dianalisa berdasarkan soal selidik yang telah diedarkan oleh penyelidik.

4.6.1 Hasil Dapatan Kajian Berdasarkan Semakan Modul Dan Analisis

Keperluan.

Berdasarkan Jadual 4.13, menunjukkan keperluan analisis guru. Bagi mendapatkan pandangan daripada guru-guru menggunakan modul yang sedia ada dalam pengajaran Pendidikan Islam aspek kerohanian, nilai dan sikap, penyelidik telah menggunakan soal selidik Russell (1974) yang mempunyai lima bahagian mengenai modul yang dibina sebelum ini. Penyelidik telah mengedarkan soal selidik ini kepada 40 orang guru prasekolah KEMAS di Kelantan untuk memberikan pandangan mereka mengenai modul yang mereka guna dalam Pendidikan Islam dari aspek akhlak sebelum ini.

Jadual 4.13 Keperluan Analisis Pandangan Modul Oleh Guru (n=40)

Bil	Item soalan	Kekerapan (%)			
		Skala	Sangat Tidak Setuju	Tidak Bersetuju	Bersetuju
		1	2	3	4
Kandungan modul ini menepati kumpulan sasaran (Modul yang digunakan sekarang)					
1	Modul ini menepati kumpulan sasaran	20 (50)	20 (50)	-	-
Kandungan modul ini boleh dilaksanakan dengan sempurna					
1	Tajuk topik sesuai dengan matlamat modul	-	-	30 (75)	10 (25)
2	Objektif topik	-	22 (55)	18 (45)	-
3	Sesuai dengan matlamat modul	22 (55)	18 (45)	-	-
4	Dijelaskan dengan teliti setiap tajuk yang diberikan	30 (75)	10 (25)	-	-
5	Mudah difahami	30 (75)	10 (25)	-	-
Kandungan modul ini mampu untuk memupuk nilai-nilai Islam dalam diri murid.					
1	Menarik dan bersesuaian	20 (50)	10 (25)	5 (12.5)	5 (12.5)
2	Bersifat interaktif	30 (75)	5 (12.5)	5 (12.5)	-
3	Boleh diaplikasikan oleh murid	30 (75)	5 (12.5)	5 (12.5)	-
4	Bahan pengajaran bersesuaian	40 (100)	-	-	-
5	Mudah difahami oleh fasilitator	30 (75)	10 (25)	-	-
6	Cadangan aktiviti berupaya meningkatkan pengetahuan guru.	30 (75)	10 (25)	-	-
7	Mempunyai <i>hands on learning</i>	30 (75)	5 (12.5)	5 (12.5)	-
Kandungan modul ini bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan tempoh masa					
1	Masa untuk pelaksanaan aktiviti modul adalah bersesuaian	5 (12.5)	-	30 (75)	5 (12.5)
2	Pengagihan masa untuk aktiviti modul adalah bersesuaian	-	-	30 (75)	10 (25)

Dapatan soal selidik analisis keperluan yang telah dijalankan ke atas 40 responden yang melibatkan guru-guru KEMAS menunjukkan bahawa tahap modul yang asal yang berkaitan dengan aspek kandungan modul ini mampu untuk memupuk nilai-nilai Islam dalam diri murid bersifat interaktif, boleh diaplikasikan oleh murid, mudah difahami oleh fasilitator dan mempunyai *hands on learning* adalah seramai 30 orang guru yang sangat tidak bersetuju dengan peratusan 75 peratus. Kandungan modul juga perlu ditambahbaik dengan menjelaskan langkah-langkah pelaksanaan dengan lebih baik dan mudah difahami oleh guru-guru KEMAS.

Seterusnya, dalam konteks kajian ini, dapatan kajian analisis keperluan menunjukkan keperluan kandungan yang menarik dan bersesuaian amatlah penting dalam pengajaran. Guru berpendapat bahawa perlu ada perubahan dalam pengajaran supaya murid dapat menerima dengan lebih baik dan bermakna. Objektif dalam modul juga perlu jelaskan dengan baik dan mudah difahami oleh guru untuk penyampaian lebih berkesan.

Berdasarkan analisis yang dilakukan didapati, mengenai soalan modul yang asal adalah menepati kumpulan sasaran. Data menunjukkan bahawa 20 orang guru sangat tidak bersetuju dengan peratusan sebanyak 50 peratus dan 20 orang guru tidak bersetuju dengan peratusan sebanyak 50 peratus dengan modul yang asal dari aspek menepati kumpulan sasaran. Pada pandangan guru, modul panduan untuk guru pendidikan awal kanak-kanak ini perlu bersesuaian dengan kognitif kanak-kanak alaf 21, pengajaran guru perlu menepati kumpulan sasaran.

Analisa seterusnya, penyelidik mendapati bahawa bahan-bahan pengajaran dalam modul asal ini adalah tidak bersesuaian, kesemua 40 orang guru tidak bersetuju dengan bahan-bahan yang terdapat dalam modul tersebut. Penyelidik mendapati bahawa, guru menyatakan memerlukan modul yang jelas dan bahan-bahan yang dicadangkan perlu bersesuaian dengan pendidikan alaf 21. Hasil dapatan keperluan pemilihan aktiviti pembelajaran dalam modul pembelajaran Pendidikan Islam ini menunjukkan bahawa kesemua aktiviti pembelajaran yang dipilih adalah aktiviti interaksi satu hala sahaja lebih kepada konvensional. Aktiviti pengajaran perlu dipelbagaikan, didapati guru menyatakan pembelajaran *hands on learning* kurang dipraktikkan. Sebanyak 30 orang tidak bersetuju dengan modul yang digunakan sekarang ini mempunyai pembelajaran yang *hands on*.

Seterusnya, bahan pengajaran modul ini guru boleh diaplikasikan oleh murid, di dapati guru tidak bersetuju dengan dengan kandungan modul asal ini. Hasil kajian mendapati 30 orang guru prasekolah KEMAS sangat tidak bersetuju dengan peratusan sebanyak 75 peratus, diikuti 5 orang guru tidak setuju dengan peratusan sebanyak 12.5 peratus dan terdapat 5 orang bersetuju dengan 12.5 peratus.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian analisis keperluan memperlihatkan keselarasan dan kesesuaian persetujuan responden dari beberapa aspek antaranya Kandungan modul ini perlu ditambah baik dari aspek menarik dan bersesuaian, bersifat interaktif, boleh diaplikasikan oleh murid, bahan pengajaran yang bersesuaian, mudah difahami oleh fasilitator, cadangan aktiviti berupaya meningkatkan pengetahuan guru dan mempunyai *hands on learning* supaya guru mampu untuk memupuk nilai-nilai Islam dalam diri murid dengan lebih baik.

4.6.2 Hasil Dapatan Kajian

Pembangunan Modul *Islamic Project*©

Struktur dan kandungan modul *Islamic Project*© ini dianalisis dengan 8 unit berdasarkan Jadual 4.13 . Modul ini merupakan satu bahan yang digunakan untuk membimbing guru-guru dalam pengajaran akhlak

اونيورسيتي مليسيا قهغ

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Jadual 4.14 Struktur Dan Isi Kandungan Asas Modul *Islamic Project*©

MINGGU PERTAMA PROGRAM

UNIT	TOPIK	SESI	OBJEKTIF	STRATEGI PENGAJARAN	BAHAN MENGAJAR
1.0	Pengenalan Modul <i>Islamic Project</i> ©	Tempoh Masa : 15 Minit Bilangan Peserta : 50 Orang Pemudahcara : Ketua Program	Untuk menyediakan maklumat berkaitan : i. Konsep Modul <i>Islamic Project</i> © ii. Fasa-fasa dalam pendekatan <i>i-project</i> iii. Matlamat <i>Islamic Project</i> © iv. Objektif Modul <i>Islamic Project</i> © v. Pengenalan Modul <i>Islamic Project</i> ©	Komponen Pendidikan : • Sesi <i>Ice-Breaking</i> • Pembentangan interaktif	<i>Computer</i> <i>LCD Projektor</i> <i>Laser Pointer</i> <i>AVA Sistem</i> <i>PowerPoint</i>
2.0	Pengenalan Pendekatan Projek	Tempoh Masa : 30 Minit pembentangan interaktif -15 minit Perbincangan Bilangan Peserta : 50 Orang Pemudahcara : Ketua Program	Untuk menyediakan maklumat berkaitan : i. Definisi Pendekatan Projek ii. Definisi <i>Islamic Project</i> © iii. Persepsi Guru dalam Pendekatan Projek iv. Pendekatan Projek Di Malaysia dan luar Negara v. Langkah-langkah <i>Islamic Project</i> ©	Komponen Pendidikan : • Perbincangan • Pembentangan interaktif	<i>Computer</i> <i>LCD Projektor</i> <i>Laser Pointer</i> <i>AVA Sistem</i> <i>Video PowerPoint</i>

Jadual 4.14 Sambungan

UNIT	TOPIK	SESI	OBJEKTIF	STRATEGI PENGAJARAN	BAHAN MENGAJAR
3.0	Peranan Guru dalam fasa menggunakan <i>Islamic Project</i> ©	Tempoh Masa -10 minit perbincangan -50 minit pembentangan interaktif Bilangan Peserta : 50 Orang Pemudahcara : Penceramah Jemputan (Permata Negara)	Untuk memastikan peserta memahami Modul <i>Islamic Project</i> © -penilaian sendiri (penilaian sendiri tertutup) Untuk menyediakan maklumat berkaitan : i. Kepentingan peranan guru dalam melaksanakan projek mengikut fasa projek ii. Manafaat kepada guru-guru iii. Ciri-ciri guru yang boleh membantu kanak-kanak menghadapi fasa projek iv. Komunikasi efektif antara guru dan murid v. Cabaran dan halangan dalam menjalankan peranan	Komponen Refleksi Kendiri -Penilaian sendiri	Soal Selidik tahap pemahaman I-Projek <i>Computer</i> <i>LCD Projektor</i> <i>Laser Pointer</i> <i>AVA Sistem</i> <i>Video</i> <i>PowerPoint</i>

اونيورسيدي مليسيا قهغ

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Jadual 4.14 Sambungan

UNIT	TOPIK	SESI	OBJEKTIF	STRATEGI PENGAJARAN	BAHAN MENGAJAR
4.0	Aktiviti Kumpulan (Bahagian 1) Berdasarkan Tajuk Pendekatan Projek <i>Islamic Project</i> ©	Tempoh Masa : 60 Minit Perbincangan Bilangan Peserta : 5 orang Pemudahcara : 4 Orang Penceramah Jemputan (Permata Negara), Kementerian Pendidikan dan Pensyarah	<p>Objektif untuk peserta :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Untuk mengenal pasti permasalahan yang di hadapi ii. Untuk menyatakan peranan guru dalam menjalan projek ini iii. Untuk menyatakan cabaran dan halangan apabila menjalankan projek ini iv. Membincangkan cara penyelesaian masalah berdasarkan cabaran dan halangan yang dihadapi <p>Objektif untuk Pemudahcara :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Untuk memastikan setiap peserta berada dalam kumpulan perbincangan <ul style="list-style-type: none"> -peserta berkongsi pengalaman -mengaplikasikan dan memberi maklumbalas terhadap modul ii. Untuk meningkat motivasi guru untuk jadikan amalan positif(seperti yang dicadangkan dalam modul) iii. Untuk membuat rumusan peranan sokongan positif dan kepentingan asas modul iv. Untuk menerangkan peranan peranan (matlamat) dan perjumpaan seterusnya v. Untuk mendapatkan maklumbalas daripada peserta berdasarkan program yang pertama 	Komponen Sokongan : Perbincangan berkumpulan berdasarkan isu-isu yang diberikan	

اونيفورسيتي ملايسيا قهق

Jadual 4.14 Sambungan

UNIT	TOPIK	SESI	OBJEKTIF	STRATEGI PENGAJARAN	BAHAN MENGAJAR
5.0	Perbincangan bersama guru-guru	Tempoh Masa : 45 Minit Pemudahcara : Jemputan Khas Pendekatan <i>Islamic Project</i> ©	i. Penekanan keberkesanan peranan guru dalam menggunakan kaedah pengajaran baru berasaskan pengalaman. ii. Memberikan peluang kepada peserta untuk bertanya soalan dan belajar bekerjasama dengan ahli kumpulan untuk menghasilkan sesuatu iii. Menyediakan peserta dengan pelbagai idea, kaedah yang sesuai bagi memudahkan untuk adaptasi dan bergantung kepada situasi pembelajaran	Komponen sokongan Perbincangan daripada moderator dan soalan-soalan daripada peserta dalam kumpulan	Isu berdasarkan objektif program dan tidak dapat diselesaikan dalam kumpulan
6.0	Kesimpulan dan Penilaian	Tempoh masa : 15 minit	Objektif untuk peserta : i. Untuk memberi maklumbalas / input berdasarkan program yang dijalankan	Penilaian Kendiri(Post Program)	Soal Selidik

اونيور سيئي مليسيا قهغ

Jadual 4.14 Sambungan

PADA MINGGU KETIGA PROGRAM (SELEPAS 2 MINGGU PROGRAM PERTAMA)					
UNIT	TOPIK	SESI	OBJEKTIF	STRATEGI PENGAJARAN	BAHAN MENGAJAR
7.0	Kumpulan kecil (Part 2) Berkongsi pengalaman, cabaran dan strategi untuk menyelesaikan masalah	Tempoh Masa : 60 Minit Perbincangan Bilangan Peserta : 5 orang Pemudahcara : 4 Orang Penceramah Jemputan (Permata Negara), Kementerian Pendidikan dan Pensyarah	Objektif untuk peserta : i. Untuk menilai pencapaian berdasarkan: -mengukur tahap pengetahuan, sikap dan amalan ii. Peserta berkongsi pengalaman berkaitan dengan : -fasa-fasa modul -cabaran yang dihadapi -cara untuk menghadapi cabaran Objektif untuk Pemudahcara : i. Menggalakan penglibatan peserta dalam menyelesaikan masalah antaranya berdasarkan pengalaman dan mengaplikasikan kaedah pengajaran dalam modul ii. Memastikan matlamat program dicapai berdasarkan bimbingan yang diberikan iii. Meningkatkan motivasi peserta untuk meningkatkan mutu pengajaran mereka	Komponen sokongan : Perbincangan berkumpulan berdasarkan pengalaman untuk mengaplikasikan pengetahuan yang telah dipelajari	Isu adalah berdasarkan pengalaman dan penilaian sendiri -Soal Selidik (Pre dan matlamat -Pengetahuan, Sikap dan Amalan

اونيفورسيتي ملایسيا قهق

Jadual 4.14 Sambungan

UNIT	TOPIK	SESI	OBJEKTIF	STRATEGI PENGAJARAN	BAHAN MENGAJAR
8.0	Kesimpulan dan penilaian	Tempoh Masa : 10 Minit Perbincangan 20 minit pertanyaan soalan Bilangan Peserta : 5 orang Pemudahcara : 4 Orang Penceramah Jemputan (Permata Negara), Kementerian Pendidikan dan Pensyarah	objektif Pemudahcara dalam kumpulan : i. Memasukkan peranan positif guru dan kepentingan berdasarkan modul ii. Menerangkan peranan dan perjumpaan seterusnya iii. Mendapatkan maklumbalas daripada peserta berdasarkan program pertama	Komponen sokongan : -perbincangan berkumpulan -penilaian sendiri	Soal selidik : Penilaian Program Soal selidik Matlamat <i>Post</i> Program

UMP

اونيورسيتي ملايسيا قهق

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

4.6.3 Modul Untuk Guru-Guru

Modul ini telah dihasilkan untuk kegunaan guru-guru bagi meningkatkan pengetahuan, amalan dan sikap guru terhadap nilai-nilai akhlak menggunakan strategi pengajaran yang baru.

4.6.3.1 Kandungan Modul

Kandungan modul ini telah disahkan oleh 12 orang pakar yang berbeza kepakarannya. Kesemua pakar bidang memberi pendapat dan pandangan dengan skala yang lebih daripada 3. Terdapat dua tajuk telah disemak semula berdasarkan cadangan yang diberikan. Penilaian adalah melibatkan dari segi format modul dan perenggan, struktur ayat, aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan tempoh masa juga mendapat skor yang baik daripada panel. Komen yang utama panel adalah perlu diberi perhatian tentang penggunaan dan struktur ayat, perkataan yang menggunakan bahasa melayu. Jadual 4.15 adalah cadangan pakar tentang perkataan dan ayat yang dicadangkan.

Jadual 4.15 Senarai Perkataan Bahasa Melayu Yang Dicapangkan Oleh Pakar.


No	Sebelum Pembedulan	Selepas Pembedulan
1b	Maksud <i>Islamic Project</i> ©	Definisi <i>Islamic Project</i> ©
1c	Fasa-fasa dalam Pendekatan <i>Islamic Project</i> ©	Fasa-fasa pendekatan <i>Islamic Project</i> ©
2a	Kepentingan peranan guru dalam melaksanakan projek mengikut fasa projek	Peranan utama guru dalam melaksanakan fasa <i>Islamic Project</i> ©
dc	Pakar psikologi bagi memberi idea berkaitan peranan guru dalam membantu murid meningkatkan pengetahuan	Pakar psikologi memberi cadangan dan idea berkaitan dengan peranan guru dalam meningkatkan pengetahuan kanak-kanak

Secara keseluruhannya, modul-modul ini memuatkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan projek di mana modul ini setiap satunya mengandungi objektif, bahan-bahan yang diperlukan, kaedah membuat dan penerangan bergambar.

4.6.4 Rumusan Kadar Maklumbalas Dan Keputusan Setiap Delphi Yang Dijalankan

Dalam kajian ini, kadar maklumbalas pakar adalah stabil dan memuaskan dengan tahap peratusan 83.3% sehingga di pusingan akhir yang mana semakin rendah kadar pengurangan ahli dalam kalangan panel pakar. Di dapati hanya 2 orang panel yang

menarik diri selepas pusingan pertama kerana kesibukan dan jadual kerja yang agak ketat yang mana menyebabkan beliau menarik diri untuk pusingan Delphi seterusnya. Rajah 4.1 menggambarkan rumusan kadar maklumbalas dan keputusan setiap deflhi yang dijalankan.



Rajah 4.1 Rumusan Kadar Maklumbalas Dan Keputusan Setiap Pusinga

Hasil analisis daripada data delphi pusingan pertama ditunjukkan dalam lampiran A . Hasil dapatan delphi pusingan kedua, penyingkiran pernyataan soalan yang minimum diperolehi daripada persetujuan yang telah hampir dicapai oleh pakar ditunjukkan dalam (lampiran A).

Walaupun bagaimanapun, untuk pusingan Delphi seterusnya telah diputuskan adalah pusingan yang terakhir atau pusingan pengesahan. Senarai semak komponen dan pernyataan adalah daripada hasil keputusan akhir yang mana mencapai tahap yang memuaskan (Rajah 4.1) adalah termasuk dalam versi yang kedua untuk modul *Islamic Project*© yang mana pernyataannya tidak memerlukan pertemuan untuk menerangkannya (Rajah 4.1).

Jadual 4.16 Senarai Komponen Dan Pernyataan Tahap Min Yang Diperolehi

KOMPONEN 1 : ISI KANDUNGAN PROGRAM			
Apakah isi kandungan program yang diperlukan oleh Guru dalam program I-Projek ini bagi menyediakan mereka untuk membantu murid-murid dari aspek Akhlak?			
No	Umum	Item terbaru berdasarkan pusingan 1 Teknik delphi	Analisis Pusingan 2
1	Ceramah 1 yang dicadangkan : Pengenalan Pendekatan Projek <i>Islamic Project</i> © Matlamat ; Untuk meningkatkan pengetahuan peserta tentang fasa-fasa <i>Islamic Project</i> ©	a Maksud pendekatan projek b Maksud <i>Islamic Project</i> © c Fasa-fasa dalam pendekatan <i>Islamic Project</i> ©I-Projek d Perkaitan pendekatan projek dengan kurikulum standard Prasekolah e Langkah-langkah dalam melaksanakan pendekatan projek f Objektif pengajaran dalam <i>Islamic Project</i> ©	3.3 3.3 3.7 3.5 3.8 3.7
2	Ceramah 2 : Peranan Guru dalam memberi sokongan bagi murid-murid Matlamat : untuk meningkatkan sikap positif guru dan keberkesanan dalam meningkatkan akhlak murid mengikut fasa-fasa <i>Islamic Project</i> ©	a Kepentingan peranan guru dalam melaksanakan projek mengikut fasa projek b Manfaat kepada guru-guru c Ciri-ciri guru yang boleh membantu kanak-kanak menghadapi fasa projek d Komunikasi efektif antara guru dan murid e Cabaran dan halangan dalam menjalankan peranan	3.5 3.5 3.5 3.5 3.5

Jadual 4.16 Sambungan

B KOMPONEN 2 : STRATEGI PENGAJARAN			
Bagaimanakah program <i>Islamic Project</i> © ini sepatutnya distrukturkan untuk memberi kesan terhadap perubahan tingkahlaku, sikap dan pengetahuan yang positif kepada peserta selepas mengikuti program ini selepas 3 bulan?			
No	Umum	Item terbaru berdasarkan pusingan 1 Teknik delphi	Analisis Pusingan 2
1	Strategi pengajaran 1 yang dicadangkan : Ceramah Matlamat : untuk menyediakan pengetahuan keseluruhan program bagi menggunakan Pendekatan <i>Islamic Project</i> ©	a Ceramah diadakan separuh hari sebelum program bermula b Ceramah akan diberikan maximum 1 jam untuk setiap topik <ul style="list-style-type: none">• Pengenalan <i>Islamic Project</i>©: 45 Minit• Peranan Guru : 1 Jam	3.3 3.3
2	Strategi pengajaran 2 : Aktiviti kumpulan kecil berkonsepkan “pendekatan projek” Matlamat : untuk menggalakan peserta mempercepatkan mengeluarkan pendapat berdasarkan pengalaman (Strategi menggunakan <i>Islamic Project</i> ©)	d Ceramah dalam bentuk kumpulan yang kecil a Tajuk berkaitan disediakan oleh penganjur b Kumpulan kecil terdiri daripada 8 ke 12 peserta bagi setiap kumpulan c Peserta diminta untuk bersama menyatakan tentang masalah dalam projek yang dipaparkan d Peserta berkongsi pengalaman masing-masing berkaitan cara menghadapi semasa menjalan pendekatan projek e Peserta berkongsi pengalaman masing-masing berkaitan halangan, cabaran dan langkah untuk mengatasi isu dalam senario tersebut	3.0 3.6 3.2 3.5 3.5 3.3
4	Strategi pengajaran 4 : Refleksi diri / penilaian diri sendiri dan program. Matlamat : Untuk menilai pencapaian individu berdasarkan : <ul style="list-style-type: none">i. Mengukur tahap pengetahuan dan sikap guru terhadap <i>Islamic Project</i>©ii. Peserta berkongsi pengalaman berdasarkan – bimbingan yang guru berikan - Cabaran-cabaran yang dilalui - Cara penyelesaian dengan cabaran yang dihadapi	f TOT “Training of Trainers” perlu disediakan untuk pemudahcara peserta a Peserta memberi maklumbalas berkaitan keseluruhan program b Peserta menilai diri sendiri melalui soalan pengukuran berkaitan pengetahuan dan sikap c Peserta menetapkan matlamat sendiri untuk perubahan pengetahuan yang akan dicapai dalam 3 Bulan	3.3 3.0 3.1 3.2

Jadual 4.16 Sambungan

No	Umum	Item terbaru berdasarkan pusingan 1 Teknik delphi	Analisis Pusingan 2
5	Strategi pengajaran 5 yang dicadangkan: Perjumpaan susulan dalam masa 3 bulan selepas input pengetahuan diberikan melalui ceramah, forum dan aktiviti berkumpulan	a Perjumpaan susulan diadakan setiap bulan	3.3
		b Perjumpaan susulan diadakan dalam kumpulan kecil bersama dengan fasilitator	3.3
		c Penilaian diri sendiri dibuat sebelum perbincangan berkumpulan dimulakan berkaitan dengan pengetahuan, sikap dan amalan	3.0
		d Peserta diminta berkongsi pengalaman bersama ahli yang lain berkaitan dengan matlamat yang cuba dicapai dalam sebulan yang lepas dari aspek: - sokongan kepada guru-guru - cabaran dihadapi - menangani cabaran tersebut	3.1
		e Fasilitator membantu peserta mencapai matlamat utama kajian ke arah pemberian sokongan yang positif	3.3
6	Cadangan strategi pengajaran yang lain: perjumpaan individu	a Setiap Individu diberi penerangan berdasarkan fasa-fasa projek 3 hingga 5 minit untuk setiap peserta	3.3
		b Penerangan diberikan oleh pemudahcara yang telah dilatih	3.0
		c Pengajaran adalah berdasarkan perubahan gaya pengajaran oleh individu	3.1
		d Perjumpaan individu selepas sebulan sesi berkongsi pengetahuan dan perbincangan dalam kumpulan kecil	3.3
		e Perjumpaan dijalankan sebulan sekali dalam masa 3 bulan	3.3

<u>KOMPONEN 3 : TENAGA PENGGERAK YANG TERLIBAT</u> Pada pandangan anda, siapakan tenaga penggerak yang sesuai terlibat dalam program ini bagi memastikan matlamat program tercapai terhadap kumpulan sasaran? dan apa sepatutnya peranan yang dimainkan?		
No	Item Terbaru Berdasarkan Pusingan 1 Teknik Delphi	Analisis Purata Pusingan 2
a	Pakar Pendekatan Projek dijemput untuk memberikan ceramah berkaitan topik <i>Islamic Project</i> ©	4
b	Ustazah/guru berkaitan bersama memberikan idea berkaitan peranan guru dalam membantu murid meningkatkan pengetahuan	3.5
c	Pakar psikologi bagi memberi idea berkaitan peranan guru dalam membantu meningkatkan mutu pengajaran	4
d	Fasilitator perempuan sebagai fasilitator bagi setiap aktiviti kumpulan kecil	4

<u>KOMPONEN 4 : STRATEGI UNTUK MENARIK PERHATIAN KUMPULAN SASARAN MENGIKUTI PROGRAM I-PROJEK</u> Kumpulan sasaran bagi program I-Projek ini adalah guru prasekolah. Kami memerlukan pandangan anda berkaitan strategi bagi menarik kumpulan sasaran ini menyertai program I-Projek dan bagaimana untuk menyertai program ini		
No	Item terbaru berdasarkan pusingan 1 Teknik delphi	Analisis Purata Pusingan 2
a	Menyelitikan topik <i>Islamic Project</i> © dan perkaitannya dengan Pendidikan Islam dalam input ilmu (bengkel/forum)	4
b	Mencari peserta di Prasekolah berdekatan kerana mereka lebih terdedah tentang penggunaan pendekatan projek	3.5

<u>JANGKAMASA PROGRAM</u> Program ini cuba menerapkan konsep 'kos efektif' di mana ia akan dijalankan dalam jangkamasa yang pendek dan berkesan.		
No	Item terbaru berdasarkan pusingan 1 Teknik delphi	Analisis Purata Pusingan 2
a	Input ilmu (Bengkel,forum,aktiviti kumpulan) dijalankan dalam masa 2 hari	4
b	Perjumpaan susulan diadakan sekali bagi setiap bulan	3.5
c	Perjumpaan susulan diadakan sebulan selepas penyampaian komponen ilmu	4

Jadual 4.17 Senarai Yang Dihapuskan Daripada Modul *Islamic Project*© (Versi kedua)

No	Item Terbaru Berdasarkan Pusingan 1 Teknik Delphi	Analisis Purata Pusingan 2
1	Ceramah diberikan dalam kumpulan yang besar	2.8
2	Peserta di Prasekolah berdekatan kerana mereka lebih terdedah tentang penggunaan pendekatan projek	2.0
3	Slot Forum bersama <i>role model</i> pendekatan projek sudah mencukupi untuk mencapai objektif	2.9

Berdasarkan jadual 4.17 menunjukkan senarai yang dihapuskan daripada modul *Islamic Project*©. Terdapat 3 item terbaru yang dihapuskan daripada modul iaitu, ceramah dalam kumpulan yang besar, peserta prasekolah berdekatan kerana mereka lebih terdedah tentang penggunaan pendekatan projek dan slot forum bersama *role model*.

4.6.5 Keputusan Validasi Untuk Modul *Islamic Project*©.

Hanya satu sesi perbincangan sahaja dijalankan bersama dengan kumpulan panel pakar kerana kesalahan berkaitan dengan penambahbaikan bagi sesi versi kedua Modul *Islamic Project*© telah ditemui. Tambahan pula, secara keseluruhannya dan tahap *Content Validation Indeks* CVI individu mencapai kepuasan yang amat tinggi iaitu 0.95 berdasarkan jadual 4.18.

Jadual 4.18 Keseluruhan Dan Individu *Content Validation Indeks* (CVI)

Pengukuran	Tahap persetujuan yang ditetapkan	Keputusan
Item CVI	>0.800	Hanya item no 3 skor = $6/7 = 0.86$ Item yang lain skor = $7/7 = 1$
Keseluruhan CVI	>0.800	$19/20 = 0.95$

Kesimpulannya, panel bersetuju modul ini boleh digunakan, relevan, dan sesuai untuk diimplementasikan antara pemudahcara dan semua guru-guru di prasekolah.

Jadual 4.19 Senarai Cadangan Dan Pindaan Semasa Mesyuarat Validasi Kandungan.

Item terakhir Intervensi Modul <i>Islamic Project</i> ©	Cadangan Daripada Daripada Panel Pakar	Pindaan Terakhir Modul
Strategi Pembelajaran	Berdasarkan matlamat guru, pertanyaan kepada guru sama ada guru-guru dapat mengenalpasti ciri-ciri akhlak melalui <i>Islamic Project</i> © ini.	Diterima dan dimasukkan dalam modul
	Pemudahcara dan peserta perlu berbincang dalam kumpulan yang kecil.	Diterima dan dimasukkan dalam modul
	Masa untuk sesi perbincangan kedua perlu dikenalpasti dan dipilih oleh pemudahcara dan peserta itu sendiri.	Diterima dan dimasukkan dalam modul
	Bagi peserta yang tidak bertanya atau bercakap, minta rakan-rakan membantu untuk menanyakan soalan-soalan	Diterima dan dimasukkan dalam modul
Topik kandungan dalam Modul latihan	Untuk memasukkan nilai-nilai islam semasa permulaan aktiviti bagi menghasilkan garis panduan yang terbaik dan keagamaan memainkan peranan penting. Bagaimana pun, ceramah tidak berbentuk keagamaan tapi fokus kepada pembangunan akhlak kanak-kanak berdasarkan fasa-fasa Pendekatan <i>Islamic Project</i> ©	Diterima dan dimasukkan dalam modul

Hasil daripada validasi, modul *Islamic Project*© ini mengandungi 8 unit berdasarkan dalam jadual 4.19. Ilustrasi muka depan adalah diambil daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan berdasarkan fasa-fasa Pendekatan *Islamic Project*©. Modul ini diimplementasikan dalam kajian fasa 3 kajian.

Jadual 4.20 Struktur dan Kandungan Modul *Islamic Project*©.

Unit	Topik	Sesi	Objektif	Strategi Pembelajaran	Bahan-bahan pengajaran
1.0	Pengenalan Modul <i>Islamic Project</i> ©	Tempoh masa : 15 minit Bilangan Peserta : 50 orang Jurucakap : Ketua Program	Menyediakan maklumat yang relevan berkaitan : i. Konsep <i>Islamic Project</i> © ii. Matlamat <i>Islamic Project</i> © iii. Objektif <i>Islamic Project</i> © iv. Pengenalan <i>Islamic Project</i> © v. Sasaran modul	Komponen Pendidikan • Sesi <i>ice breaking</i> • Pembentangan secara interaktif	LCD Projektor Laser Pointer AVA system PowerPoint
2.0	Pengenalan Pendekatan <i>Islamic Project</i> ©	Tempoh Masa : 30 minit pembentangan interaktif 15minit perbincangan Bilangan Peserta : 50 Orang Jurucakap : Pn Jameyah Sheriff (Pakar Industri Negara, Pertama Negara)	Menyediakan maklumat yang relevan berkaitan : i. Definisi <i>Islamic Project</i> © ii. Fasa-fasa Perlaksanaan Pendekatan <i>Islamic Project</i> ©	Komponen Pendidikan • Sesi <i>ice breaking</i> • Pembentangan secara interaktif	LCD Projektor Laser Pointer AVA system PowerPoint
3.0	Peranan Guru dalam setiap fasa pendekatan <i>Islamic Project</i> ©	Tempoh Masa 10 minit perbincangan 50 minit pembentangan interaktif Bilangan Peserta : 50 Orang Jurucakap : Ketua Program	Menyediakan maklumat yang relevan berkaitan : i. Kepentingan peranan guru membantu meningkatkan akhlak guru-guru ii. Kepentingan dan manfaat kepada guru dan murid iii. Salah satu cara untuk membantu murid-murid meningkatkan akhlak iv. Cabaran dan halangan peranan sebagai guru v. Cara-cara untuk mengatasi cabaran-cabaran		

اونيفورسيتي ملايسيا قهق

Jadual 4.20 Sambungan

Unit	Topik	Sesi	Objektif	Strategi Pembelajaran	Bahan-bahan pengajaran
4.0	Perbincangan dalam Kumpulan yang kecil	<p>Tempoh Masa : 60 Minit perbincangan</p> <p>Bilangan Peserta 8-12</p> <p>Bilangan pemudahcara : 3-4 (Latarbelakang pekerjaan kaunselor dan Pensyarah)</p>	<p>Objektif untuk peserta :</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Mengenalpasti permasalahan berdasarkan projek yang dipilih ii. Nyatakan peranan guru dalam situasi yang dialami iii. Nyatakan halangan dan cabaran apabila berhadapan dengan masalah iv. Bincang langkah-langkah untuk menyelesaikan halangan dan cabaran <p>Objektif pemudahcara:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Memastikan penglibatan semua peserta semasa sesi perbincangan- peserta berkongsi pengalaman -mengaplikasikan dan refleksi pengetahuan yang diberikan dalam modul ii. Memotivasikan peserta untuk membuat amalan positif untuk membantu (seperti dicadangkan dalam modul) iii. Menyimpulkan peranan sokongan positif adalah sangat penting berdasarkan modul iv. Menerangkan tugas (matlamat) untuk perjumpaan seterusnya v. Mendapatkan maklumbalas daripada peserta berdasarkan program yang pertama 		

مليسيا قهع

اونيور سيني

Jadual 4.20 Sambungan

Unit	Topik	Sesi	Objektif	Strategi Pembelajaran	Bahan-bahan pengajaran
5.0	Kesimpulan dan penilaian	Tempoh Masa : 15 Minit	Objektif peserta : i. Menyediakan memberi maklum balas / input berdasarkan program	Penilaian Kendiri (<i>Post</i> program)	Soal selidik (penilaian program) Pengetahuan , sikap dan amalan
6.0	Perbincangan dalam kumpulan yang kecil Bahagian 2 : “Berkongsi pengalaman, cabaran dan langkah-langkah untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh peserta”	Tempoh Masa : 120 Minit atau lebih bergantung permintaan peserta Bilangan Peserta 8-12 Bilangan pemudahcara : 3-4 (Latarbelakang pekerjaan kaunselor dan Pensyarah)	Objektif peserta dalam kumpulan yang kecil : i. Menilai pencapaian peserta berdasarkan : <ul style="list-style-type: none"> • Mengukur tahap pencapaian • Mengukur tahap pengetahuan dan sikap ii. Peserta berkongsi pengalaman yang mempunyai kaitan dengan : <ul style="list-style-type: none"> • Sokongan yang peserta dapat • Cabaran yang dihadapi • Cara penyelesaian dengan cabaran yang dihadapi Objektif Pemudahcara : i. Mengalakkan penglibatan peserta untuk menyelesaikan masalah mereka berdasarkan pengalaman yang mereka hadapi dan aplikasi daripada modul	Komponen sokongan Perbincangan dalam kumpulan berdasarkan pengalaman dan aplikasi pengetahuan berdasarkan apa yang telah dipelajari	Isu-isu berdasarkan pengalaman dan penilaian sendiri Soal selidik I-Projek (pre dan goal) Soal selidik (pre pengetahuan dan sikap

اونیورسیتی ملیسیا قهق

Jadual 4.20 Sambungan

Unit	Topik	Sesi	Objektif	Strategi Pembelajaran	Bahan-bahan pengajaran
7.0	Kesimpulan dan penilaian	<p>Tempoh masa :</p> <ul style="list-style-type: none"> -10 minit untuk perbincangan -20 minit untuk mengisi borang soal selidik 	<p>Objektif pemudahcara dalam kumpulan :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menyimpulkan peranan sokongan positif dan ianya yang penting adalah berasaskan modul ii. Menerangkan tugas dan perbincangan kecil iii. Dapatkan maklumbalas daripada peserta berdasarkan program yang pertama 	<p>Komponen sokongan</p> <ul style="list-style-type: none"> -perbincangan kumpulan -penilaian sendiri 	<p>Soal selidik (penilaian program)</p> <p>Soal selidik I-Projek (Post matlamat program)</p>

UMP

اونيورسيتي ملايسيا قهق

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

FASA 3 : PENILAIAN KEBERKESANAN MODUL

Soalan Kajian 3 : Sejauhmanakah keberkesanan penggunaan Modul *Islamic Project*© oleh guru prasekolah dalam pembentukan akhlak murid Tabika KEMAS di negeri Kelantan ?.

Hasil kajian fasa 3 ini adalah berdasarkan tahap penilaian model Kirkpatrick yang mana terdiri daripada tahap 1(maklumbalas program), tahap 2 (pengetahuan dan sikap) dan tahap 3 (tingkahlaku).

Kajian intervensi ini adalah dengan perbandingan ditunjukkan dalam fasa 3. Jumlah keseluruhan peserta adalah 50 orang guru-guru daripada 50 Tabika di Kelantan yang menerima intervensi dalam kumpulan dan mereka menerima latihan modul dengan menggunakan modul *Islamic Project*©.

4.7 Carta Alir Berdasarkan Intervensi Modul *Islamic Project*©.

Carta alir adalah berdasarkan kajian *Islamic Project*© ditunjukkan dalam rajah 4.2 yang mana adalah berdasarkan CONSORT carta alir. Terdapat 186 orang guru secara pada mulanya dijemput untuk menyertai kumpulan intervensi dan kumpulan kawalan walaubagaimana pun terdapat beberapa orang guru yang tidak dapat menyertainya kerana terlibat dengan kursus yang lain. Oleh itu, terdapat 100 orang guru yang terlibat dalam intervensi dan kumpulan kawalan.

Berdasarkan carta alir dalam rajah 2, responden telah menjalani penilaian kelayakan untuk mengikuti program ini adalah seramai 186 orang. Seramai 76 orang yang terpilih tidak dapat mengikuti program ini adalah disebabkan kursus jabatan yang perlu dihadiri dan juga umur guru yang menghampiri umur bersara. Pemilihan secara rawak dijalankan terhadap responden untuk mengikuti program yang penyelidik jalankan. Pada peringkat permulaan program terdapat 3 orang guru daripada kumpulan intervensi gagal meneruskan visi dan mempunyai masalah untuk hadir semasa program pertama dijalankan. Bagi kumpulan kawalan pula, terdapat 2 guru di kecualikan ini kerana gagal mengisi borang yang diedarkan oleh penyelidik. Selepas 2 minggu program ini dijalankan, penyelidik menetapkan tarikh perjumpaan bersama responden buat kali kedua. Pada sesi perjumpaan ini didapati responden daripada kedua-dua kumpulan gagal

untuk menghadirkan diri semasa program ini dijalankan. Perjumpaan susulan seterusnya diantara penyelidik dan responden adalah 3 bulan. Semasa sesi perjumpaan susulan 3 bulan ini juga di dapati seorang responden tidak dapat meneruskan intervensi dan 2 orang guru daripada kumpulan kawalan. Analisis bagi kajian ini melibatkan 50 orang responden kumpulan intervensi dan 50 orang responden daripada kumpulan kawalan.

4.8 Permulaan Berdasarkan Ciri-Ciri Sociodemografi Guru-Guru.

Semua guru (n = 50) yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada wanita dan berbangsa melayu. Kebanyakan mereka berkahwin dan mencapai tahap pendidikan tinggi di peringkat diploma. Umur telah dipilih sebagai kovariat berangka dalam ANCOVA berulang untuk menilai kesan intervensi.

Jadual 4.21 Ciri-Ciri Sociodemografi Dan Permulaan Intervensi Dan Kumpulan Kawalan Guru-Guru. (n=50)

Ciri-Ciri	Kumpulan Intervensi (n=50) n (%)	Kumpulan Kawalan (n= 50) n(%)
Umur	29.46(58.92)	30.52(61.04)
Tahap Kelayakan Akademik		
Diploma Pendidikan	50(100)	50(100)
Pengalaman mengajar		
1 tahun hingga 5 tahun	19(38)	18(18)
5 tahun hingga 10 tahun	15(30)	16(16)
10 tahun ke atas	16(32)	16(16)
Status Perkahwinan	50(100)	50(100)
Bilangan Anak		
Satu (1)	12(24)	12(24)
Tiga (3)	25(50)	25(50)
Empat (4)	13(26)	13(26)

4.9 Tahap 1 Kirkpatrick : Tindakbalas Guru Terhadap Program Intervensi *Islamic Project*©.

Jadual 4.22 menunjukkan penilaian guru terhadap modul *Islamic Project*©. Secara keseluruhannya penilaian terhadap modul ini kebanyakan guru berpuashati dan mempunyai kesan yang baik dari segi isi kandungannya, bahan-bahan, kemudahan dan fasilitator program dan latihan. Berdasarkan analisa yang dijalankan, disimpulkan bahawa guru-guru dari KEMAS di Kelantan menyukai Modul *Islamic Project*© ini untuk kegunaan guru-guru KEMAS. Majoriti responden menerima program yang dijalankan oleh penyelidik berdasarkan analisa kesesuaian tempat, isi kandungan program dan aktiviti yang dijalankan, pelaksanaan program, pencapaian objektif program dan tempoh masa yang dijalankan berpuashati dan dipersetujui oleh responden.

Jadual 4.22 Penilaian Penerimaan Guru Terhadap Modul Latihan *Islamic Project*© (n=50)

Item	Kekerapan (%)				
	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju
	1	2	3	4	5
1. Kesesuaian objektif program	-	-	-	19 (38)	31 (62)
2. Isi kandungan bengkel dan aktiviti yang dijalankan	-	-	-	20 (40)	30 (60)
3. Pelaksanaan program	-	-	-	24 (48)	26 (52)
4. Kepakaran fasilitator	-	-	-	17 (34)	33 (66)
5. Pencapaian objektif program	-	-	-	20 (40)	30 (60)
6. Tempoh masa program dijalankan	-	-	-	25 (50)	25 (50)

4.10 Tahap 2 Kirkpatrick : Pengetahuan Guru

Penilaian untuk Tahap 2: Pembelajaran dan Tahap 3: Tingkahlaku dicapai oleh penilaian modul *Islamic Project*© sebelum Program (garis dasar, G0) dan selepas Program (penilaian susulan pada 2 minggu, G1 dan 3 bulan, selang G2) untuk kedua-dua intervensi dan kumpulan perbandingan untuk membandingkan perbezaan dalam skor pengetahuan, sikap dan amalan guru.

Analisis Keseluruhan Skor Pengetahuan (Guru).

Jadual 4.23 menunjukkan perbandingan keseluruhan skor pengetahuan antara kumpulan intervensi dan kumpulan kawalan berdasarkan kumpulan dan masa. Pengulangan pengukuran analisis kovariat (*Repeated Measure ANCOVA*) digunakan untuk membuat perbandingan skor hasil kajian dengan kumpulan intervensi guru dan kumpulan kawalan pada asas permulaan (*Baseline*), minggu intervensi (2 minggu) dan 3 bulan mengikut intervensi semasa mengawal kovariat. Hasil analisis yang ditunjukkan dengan menggabungkan interaksi masa-kumpulan dan dalam masa kumpulan.

a) Perbandingan Pengetahuan Guru Dalam Setiap Kumpulan Rawatan Dan Kawalan Berdasarkan Masa (Kesan Masa).

Berdasarkan Jadual 4.23, menunjukkan hasil analisis bagi perbandingan pengetahuan guru dalam setiap kumpulan rawatan dan kawalan berdasarkan masa (kesan masa). Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan pada skor pengetahuan guru dalam setiap kumpulan rawatan berdasarkan masa ($F\text{-stat}=3.39$, $p\text{-value}=0.038$).

Jadual 4.23 Perbandingan Pengetahuan Guru Dalam Setiap Kumpulan Rawatan Dan Kawalan Berdasarkan Masa (Kesan Masa)
(n=100)

Perbandingan	Intervensi		Kawalan	
	MD (95% CI)	p-value	MD (95% CI)	p-value
Baseline vs 2 Minggu	-13.74(-15.06,-12.42)	<0.001	-0.84(-1.50,-0.18)	0.009
Baseline vs 3 Bulan	-18.84(-20.48,-17.20)	<0.001	-0.20(-0.90,0.50)	>0.95
2 minggu vs 3 Bulan	-5.10(-6.67,-3.53)	<0.001	0.64(0.07,1.22)	0.024

Nota : RM ANCOVA dalam kumpulan diaplikasi
Diikuti oleh perbandingan pasangan masa (*pairwise comparison with Confidence Interval adjustment*)
Kovariat berangka (umur) di kawal dengan menggunakan RM ANCOVA MD=Perbezaan min

Bagi Keputusan perbandingan pasangan masa (*pairwise comparison*) dengan *Confidence interval adjustment* menunjukkan, terdapat perbezaan yang signifikan dalam semua perbandingan dalam kumpulan intervensi. Walaubagaimanapun, dalam kumpulan kawalan, terdapat tiada perbezaan yang signifikan dalam dua perbandingan masa. [baseline vs 3 bulan] (perbezaan purata min=-0.20, 95% CI (-0.90,0.50); p-value=>0.95). Kesimpulannya, terdapat perbezaan yang signifikan pada skor pengetahuan guru dalam setiap kumpulan rawatan berdasarkan masa.

a) Perbandingan Kumpulan (Kesan Rawatan)

Perbandingan Pengetahuan Guru Di Antara Dua Kumpulan Rawatan Tanpa Masa (Kesan Rawatan)

Berdasarkan jadual 4.24, menunjukkan hasil analisis kajian perbandingan pengetahuan guru diantara dua kumpulan rawatan tanpa masa (kesan rawatan). Hasil kajian menunjukkan terdapat peningkatan atau perbezaan yang signifikan pada perubahan skor pengetahuan guru antara kumpulan intervensi dan kawalan tanpa masa (p-value= <0.001).

Jadual 4.24 Perbandingan Pengetahuan Guru Di Antara Dua Kumpulan Rawatan Tanpa Masa (Kesan Rawatan).

(n=100)

Perbandingan	MD (95% CI)	p-value
Intervensi -kawalan	11.35(10.30,12.40)	<0.001

Nota : $F\text{-stat}(df)=462.39 (1)$ $p\text{-value}=<0.001$; RM ANCOVA antara kumpulan analisis di aplikasi diikuti oleh perbandingan pasangan masa (pairwise comparison); Kovariat berangka (umur) di kawal dengan menggunakan RM ANCOVA; Level of significance ditetapkan pada 0.05 (two tailed)

b) Perbandingan Kumpulan (Kesan Masa- Interaksi Rawatan)

Jadual 4.25 Perbandingan Min Pengetahuan Guru Antara Dua Perbezaan Kumpulan Rawatan Berdasarkan Masa (Kesan Masa- Interaksi Rawatan)


(n=100)

Masa	Kumpulan Rawatan	Min(95% CI)
Baseline (Asas /Permulaan)	Intervensi	12.14(11.28,13.0)
	Kawalan	11.30(10.44,12.16)
2 Minggu	Intervensi	25.88(25.04,26.73)
	Kawalan	12.14(11.29,12.98)
3 Bulan	Intervensi	30.97(29.95,32.00)
	Kawalan	11.51(10.48,12.53)

Nota : RM ANCOVA antara kumpulan berdasarkan masa di aplikasi Kovariat berangka (umur) dikawal dengan menggunakan RM ANCOVA Assumption normality, homogenitas varians, anggapan simetri compound, hubungan linearity antara kovariates dan hasil residual / homogeneity regresi telah diperiksa dan dipenuhi

Berdasarkan jadual 4.25 menunjukkan perbandingan min pengetahuan guru antara dua perbezaan kumpulan rawatan berdasarkan masa (kesan masa- interaksi rawatan). Hasil dapatan kajian mendapati, terdapat peningkatan yang signifikan pada perubahan skor pengetahuan antara kumpulan intervensi dan kawalan berdasarkan masa ($F\text{-stat}= 382.001$, $p\text{-value}=<0.001$). Dalam masa 2 minggu dan masa 3 bulan, terdapat perbezaan dalam min pengetahuan guru antara kumpulan kawalan dan intervensi.

c) **Kesimpulan Kajian**



Rajah 4.1 Plot Pelarasan Pengetahuan Skor Guru Untuk Kumpulan Intervensi Dan Kumpulan Kawalan

Berdasarkan rajah 4.1, *Profile plot* menunjukkan *adjusted mean (estimated marginal mean)* min pengetahuan guru untuk masa *baseline*, 2 minggu dan masa 3 bulan. Dalam masa *baseline*, 2 minggu dan 3 bulan, min pengetahuan meningkat dalam kumpulan intervensi.

4.11 Tahap 3 Kirkpatrick : Analisis Skor Sikap Guru

a) **Perbandingan Kumpulan (Kesan Masa)**

Jadual 4.26 Perbandingan Sikap Dalam Setiap Kumpulan Rawatan Berdasarkan Masa (Kesan Masa)

(n=100)

Perbandingan	Intervensi		Kawalan	
	MD(95% CI)	p-value	MD(95% CI)	p-value
Baseline vs 2 Minggu	-25.0(-27.33,-22.67)	<0.001	-3.94(-7.15,-0.73)	0.011
Baseline vs 3 Bulan	-32.58(-34.72,-30.44)	<0.001	-3.94(-7.15,-0.73)	0.011
2 Minggu vs 3 Bulan	-7.58(-8.63,-6.53)	<0.001	0	0

Nota :RM ANCOVA dalam kumpulan diaplikasi ; Di ikuti dengan perbandingan pasangan masa (pairwise comparison) dengan Confidence Interval adjustment Kovariat berangka (umur) dikawal dengan menggunakan RM ANCOVA; MD=perbezaan min

Berdasarkan jadual 4.25, hasil analisis kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada skor sikap guru dalam setiap kumpulan rawatan berdasarkan masa (F-stat= 3.22 , p-value= 0.044). Hasil keputusan perbandingan *pasangan masa* (pairwise comparison) dengan Confidence interval adjustment menunjukkan, terdapat perbezaan yang signifikan dalam semua perbandingan dalam kumpulan intervensi dan kawalan. Kesimpulannya, terdapat perbezaan yang signifikan pada min sikap guru dalam setiap kumpulan kawalan dan intervensi berdasarkan masa.

b) Perbandingan Kumpulan (Kesan Rawatan)

Jadual 4.27 Perbandingan Sikap Di Antara Dua Kumpulan Rawatan Tanpa Masa (Kesan Rawatan)

(n=100)

Perbandingan	MD (95% CI)	p-value
Intervensi –Kawalan	17.29(15.92,18.66)	<0.001

F-stat(df)= 625.044 (1) p-value=<0.001

Nota :

RM ANCOVA antara kumpulan analisis di aplikasi
 Diikuti oleh perbandingan pasangan (pairwise comparison)
 Kovariat berangka(umur) di kawal dengan menggunakan RM ANCOVA
 Level of significance ditetapkan pada 0.05(two tailed)

Berdasarkan analisis kajian jadual 4.27, ujian perbandingan diantara dua kumpulan rawatan tanpa masa (kesan rawatan) mendapati terdapat peningkatan yang signifikan pada perubahan skor sikap guru antara kumpulan intervensi dan kawalan ($p\text{-value} = <0.001$).

c) Perbandingan Antara Kumpulan (Masa-Interaksi Rawatan)

Terdapat peningkatan yang signifikan pada perubahan skor akhlak antara kumpulan intervensi dan kawalan berdasarkan masa ($F\text{-stat} = 302.56, p\text{-value} = <0.001$). Dalam masa 2 minggu and 3 bulan terdapat perbezaan dalam min sikap guru antara kumpulan kawalan dan intervensi.

Jadual 4.27 Perbandingan Min Sikap Guru Antara Dua Perbezaan Kumpulan Rawatan Berdasarkan Masa (Rawatan Kesan Masa)

Masa	Kumpulan Rawatan	Min (95% Ci)
Baseline	Intervensi	12.14(11.28,13.00)
	Kawalan	11.30(10.44,12.16)
2 minggu	Intervensi	25.88(25.04,26.73)
	Kawalan	12.14(11.29,12.98)
3 Bulan	Intervensi	30.97(29.95,32.00)
	Kawalan	11.51(10.48,12.53)

Nota :


RM ANCOVA antara kumpulan berdasarkan masa di aplikasi

Kovariat berangka (umur) dikawal dengan menggunakan RM ANCOVA

Assumption normality, homogenitas varians, anggapan simetri compound, hubungan linearity antara kovariates dan hasil residual / homogeneity regresi telah diperiksa dan dipenuhi.

d) **Kesimpulan Kajian**

Adjusted mean attitude scores at baseline, week 2 and month 3 after intervention



Covariates appearing in the model are evaluated at the following values: umur peserta = 29.99

Rajah 4.2 Plot Menunjukkan Pelarasan Sikap Skor Guru Untuk Kumpulan Intervensi Dan Kumpulan Kawalan.

Berdasarkan rajah 4.2, *Profile plot* menunjukkan *adjusted mean (estimated marginal mean)* min sikap guru untuk masa baseline, 2 minggu dan 3 bulan. Hasil kajian menunjukkan min sikap untuk masa baseline, 2 minggu and 3 bulan adalah berbeza untuk kedua-dua kumpulan. Dalam masa baseline, masa sebelum dan masa selepas, di dapati min sikap guru meningkat dalam kumpulan intervensi.

4.12 Tahap 3 Kirkpatrick's : Analisis Keseluruhan Skor Amalan Guru.

a) **Perbandingan Kumpulan (Kesan Masa).**

Jadual 4.28 Perbandingan Amalan Guru Dalam Setiap Kumpulan Rawatan Berdasarkan Masa (Kesan Masa)

Perbandingan	Intervensi		Kawalan	
	MD(95% CI)	p-value	MD(95% CI)	p-value
Baseline vs 2 Minggu	-71.22(-76.67,-65.77)	<0.001	-7.30(-11.42,-3.18)	<0.001
Baseline vs 3 Bulan	-101.70(-109.17,-94.23)	<0.001	0.80(-1.36,2.96)	>0.95
2 Minggu vs 3 Bulan	-30.48(-33.87,-27.09)	<0.001	8.10(5.22,10.98)	<0.001

Nota : RM ANCOVA dalam kumpulan diaplikasi
 Di ikuti oleh perbandingan pasangan(pairwise comparison) dengan Confidence Interval adjustment
 Kovariat berangka(umur) di kawal dengan menggunakan RM ANCOVA
 MD=Perbezaan min

Terdapat perbezaan yang signifikan pada skor amalan guru dalam setiap kumpulan rawatan berdasarkan masa (**F-stat=6.801 ;p-value= 0.001**). Keputusan perbandingan pasangan masa (*pairwise comparison*) dengan *Confidence interval adjustment* menunjukkan, terdapat perbezaan yang signifikan dalam semua perbandingan dalam kumpulan intervensi. Tetapi, bagi masa *baseline* dengan 3 bulan terdapat perbezaan yang tidak signifikan dalam kumpulan kawalan. Kesimpulannya, terdapat perbezaan yang signifikan pada skor amalan guru dalam setiap kumpulan rawatan berdasarkan masa.

b) Perbandingan Kumpulan (Kesan Rawatan)

Berdasarkan jadual 4.29, menunjukkan hasil analisis perbandingan amalan guru antara dua kumpulan rawatan tanpa masa (kesan rawatan). Hasil analisis kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan pada perubahan skor amalan guru antara kumpulan intervensi dan kawalan (p-value=<0.001) tanpa masa.

Jadual 4.29 Perbandingan Amalan Guru Antara Dua Kumpulan Rawatan Tanpa Masa (Kesan Rawatan)

(n=100)

Perbandingan	MD(95% CI)	p-value
Intervensi -control	60.47(56.86,64.07)	<0.001

Nota : F-stat(df)=1108.16(1) p-value= <0.001

RM ANCOVA antara kumpulan analisis di aplikasi

Diikuti oleh perbandingan pasangan masa (pairwise comparison)

Kovariat berangka(umur) di kawal dengan menggunakan RM ANCOVA

Level of significance ditetapkan pada 0.05(two tailed)

c) **Perbandingan Antara Kumpulan (Masa-Interaksi Rawatan)**

Jadual 4.30, menunjukkan min amalan guru antara dua perbezaan kumpulan rawatan berdasarkan masa (kesan rawatan masa). Hasil analisis kajian mendapati, terdapat peningkatan yang signifikan pada perubahan skor amalan guru antara kumpulan intervensi dan kawalan berdasarkan masa (F-stat=528.71, p-value= <0.001). Dalam masa *baseline*, 2 minggu dan 3 bulan terdapat perbezaan dalam min amalan guru antara kumpulan kawalan dan kumpulan intervensi.

Jadual 4.30 Perbandingan Min Amalan Guru Antara Dua Perbezaan Kumpulan Rawatan Berdasarkan Masa (Kesan Rawatan Masa)

(n=100)

Masa	Kumpulan Rawatan	Min (95%)
<i>Baseline</i>	Intervensi	63.73(59.33,68.14)
	Kawalan	58.51(54.10,62.91)
2 Minggu	Intervensi	134.77(132.41,137.12)
	Kawalan	65.99(63.64,68.35)
3 Bulan	Intervensi	165.27(162.38,168.16)
	Kawalan	57.87(54.98,60.76)


Nota:

RM ANCOVA antara kumpulan berdasarkan masa di aplikasi

Kovariat berangka(umur) dikawal dengan menggunakan RM ANCOVA

Assumption normality, homogenitas varians, anggapan simetri compound, hubungan linearity antara kovariates dan hasil residual / homogeneity regresi telah diperiksa dan dipenuhi.

d) Kesimpulan Kajian



Rajah 4.3 Plot Menunjukkan Pelarasan Amalan Skor Guru Untuk Kumpulan Intervensi Dan Kumpulan Kawalan

Rajah 4.3 menunjukkan pelarasan amalan skor guru untuk kumpulan intervensi dan kumpulan kawalan. *Profile plot* menunjukkan *adjusted mean (estimated marginal mean)* min amalan guru untuk masa baseline, 2 minggu dan 3 bulan. Min amalan untuk masa *baseline*, 2 minggu dan 3 bulan adalah berbeza untuk kedua-dua kumpulan. Dalam masa *baseline*, masa 2 minggu dan masa 3 bulan, min amalan guru meningkat dalam kumpulan intervensi.

Soalan Kajian 4 : Sejauhmanakah keberkesanan Modul *Islamic Project*© terhadap hasil pembelajaran murid Tabika KEMAS dari aspek pengetahuan, sikap dan amalan ?

4.13 Tahap 4 : Kirkpatrick Pengetahuan Murid

Penilaian Tahap 4 : Tingkahlaku dicapai oleh penilaian modul *Islamic Project*© sebelum Program (garis dasar (*baseline*), M0) dan selepas Program (penilaian susulan pada 2 minggu, M1 dan 3 bulan, selang M2) untuk kedua-dua intervensi dan kumpulan

perbandingan untuk membandingkan perbezaan dalam skor pengetahuan, sikap dan amalan.

a) Perbandingan Kumpulan (Kesan Masa).

Jadual 4.31 Perbandingan Pengetahuan Murid Dalam Setiap Kumpulan Rawatan Dan Kawalan Berdasarkan Masa (Kesan Masa)
(n=50)

Perbandingan	Intervensi		Kawalan	
	MD (95% CI)	p-value	MD (95% CI)	p-value
Baseline vs 2 minggu	-5.13(-6.51,-3.75)	<0.001	-2.48(-3.76,-1.21)	<0.001
Baseline vs 3 Bulan	-7.87(-8.78,-6.96)	<0.001	-2.48(-3.76,-1.21)	<0.001
2 Minggu vs 3 Bulan	-2.74(-3.87,-1.62)	<0.001	0	0

*Nota: RM ANCOVA dalam kumpulan diaplikasi
Dikuti oleh perbandingan pasangan dengan pelarasan selang keyakinan (Confidence Interval adjustment) Kovariat berangka (Umur) dikawal dengan menggunakan RM ANCOVAMD=Perbezaan min*

Jadual 4.31 merujuk kepada analisis perbandingan pengetahuan murid dalam setiap kumpulan rawatan dan kawalan berdasarkan masa (kesan masa). Berdasarkan ujian *multivariate* yang dijalankan, didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada skor pengetahuan murid dalam setiap kumpulan rawatan berdasarkan masa (**F-stat= 1.28**, **p-value=0.286**).

Keputusan Perbandingan *pasangan (pairwise comparison)* dengan *Confidence interval adjustment* menunjukkan, terdapat perbezaan yang signifikan dalam semua perbandingan dalam kumpulan intervensi dan kawalan. Tetapi dalam kumpulan kawalan, ia menunjukkan tiada peningkatan untuk perbandingan masa 2 minggu vs 3 bulan. Kesimpulannya, terdapat perbezaan yang signifikan pada skor pengetahuan murid dalam setiap kumpulan rawatan berdasarkan masa.

b) Perbandingan kumpulan (kesan rawatan)

Jadual 4.32 Perbandingan Pengetahuan Murid Antara Dua Kumpulan Rawatan Tanpa Masa (Kesan Rawatan)

(n=50)

Perbandingan	MD (95% CI)	p-value
Intervensi –kawalan	2.36(1.84,2.88)	<0.001

Nota: $F\text{-stat}(df)=82.36 (1) p\text{-value}= <0.001$

R Diikuti oleh perbandingan pasangan (pairwise comparison)

Kovariat berangka(umur) di kawal dengan menggunakan RM ANCOVA

Level of significance ditetapkan pada 0.05(two tailed)

Rajah 4.32 menunjukkan hasil analisis perbandingan pengetahuan murid antara dua kumpulan rawatan tanpa masa (kesan rawatan). Berdasarkan *test of between subjects*, terdapat peningkatan yang signifikan pada perubahan skor pengetahuan murid antara kumpulan intervensi dan kawalan tanpa masa (p-value= <0.001).

c) Perbandingan Kumpulan (Kesan Masa- Interaksi Rawatan)

Jadual 4.33 Perbandingan Min Pengetahuan Murid Antara Dua Kumpulan Rawatan Berdasarkan Masa (Rawatan Kesan Masa)

(n=50)

Masa	Kumpulan Rawatan	Min(95 %CI)
Baseline	Intervensi	6.67(6.01,7.32)
	Kawalan	7.01(6.33,10.17)
2 Minggu	Intervensi	11.81(11.14,12.48)
	Kawalan	9.48(8.78,10.17)
3 Bulan	Intervensi	14.56(14.07,15.05)
	Kawalan	9.48(8.97,9.98)

Nota : RM ANCOVA antara kumpulan berdasarkan masa di aplikasi

Kovariat berangka(umur) dikawal dengan menggunakan RM ANCOVA


Assumption normality, homogenitas varians, anggapan simetri compound, hubunganlinearity antara kovariates dan hasil residual / homogeneity regresi telah diperiksa dan dipenuhi.

Jadual 4.33 menunjukkan hasil analisis min pengetahuan murid antara dua kumpulan rawatan berdasarkan masa (rawatan kesan masa). Berdasarkan ujian *multivariate*, hasil analisis menunjukkan terdapat peningkatan yang signifikan pada perubahan skor pengetahuan murid antara kumpulan intervensi dan kawalan berdasarkan masa (**F-stat=53.35 ;p-value=<0.001**). Dalam masa 2 minggu dan 3 bulan , terdapat

perbezaan dalam min pengetahuan murid antara kumpulan kawalan dan kumpulan intervensi .

d) Kesimpulan Kajian

Adjusted mean knowledge scores at baseline, week 2 and month 3 after intervention



Covariates appearing in the model are evaluated at the following values: umur = 5.72

Rajah 4.4 Plot Menunjukkan Pelarasan Pengetahuan Skor Murid Untuk Kumpulan Intervensi Dan Kumpulan Kawalan

Rajah 4.4 menunjukkan *Profile plot* menunjukkan *adjusted mean*(*estimated marginal mean*) min pengetahuan murid untuk masa *baseline*, 2 minggu dan 3 bulan. Min pengetahuan untuk *baseline*, 2 minggu dan 3 bulan berbeza untuk kedua-dua kumpulan .Dalam masa *baseline*, 2 minggu dan 3 bulan , min pengetahuan murid meningkat dalam kumpulan yang menerima intervensi.

4.14 Tahap 4 : Kirkpatrick Sikap Murid

Penilaian untuk tahap 4 : Tingkahlaku dicapai oleh penilaian modul Islamic-projek sebelum Program (*Baseline* / garis dasar, M0) dan selepas Program (penilaian susulan pada 2 minggu, M1 dan 3 bulan, selang M2) untuk kedua-dua intervensi dan

kumpulan perbandingan untuk membandingkan perbezaan dalam skor pengetahuan, sikap dan amalan.

Kirkpatrick's Tahap 4 : Analisis Skor Sikap Murid

a) Perbandingan kumpulan (kesan masa)

Jadual 4.34 Perbandingan Sikap Murid Dalam Setiap Kumpulan Rawatan Berdasarkan Masa (Kesan Masa)

(n=50)

Perbandingan	Intervensi		Kawalan	
	MD(95% CI)	p-value	MD(95% CI)	p-value
Baseline vs 2 Minggu	-1.10(-3.42,1.23)	0.723	-2.03(-4.21,0.14)	0.073
Baseline vs 3 Bulan	-12.58(-14.56,-10.60)	<0.001	-2.03(-4.21,0.14)	0.073
2 Minggu vs 3 Bulan	-11.48(-12.53,-10.44)	<0.001	none	none

Nota;RM ANCOVA dalam kumpulan diaplikasi
 Diikuti dengan perbandingan pasangan masa (pairwise comparison) with Confidence Interval
 adjustment Kovariat berangka (umur) dikawal dengan menggunakan RM ANCOVA
 MD=perbezaan min

Jadual 4.34 menunjukkan perbandingan sikap murid dalam setiap kumpulan rawatan berdasarkan masa (kesan masa). Berdasarkan ujian *multivariate* yang dijalankan didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada skor sikap dalam setiap kumpulan rawatan berdasarkan masa ($F\text{-stat}= 0.54$, $p\text{-value}=0.586$). Keputusan Perbandingan *pasangan (pairwise comparison)* dengan *Confidence interval adjustment* menunjukkan, terdapat perbezaan yang signifikan dalam perbandingan masa *baseline* dengan 3 bulan (*baseline vs 3 bulan*) dan 2 minggu dengan 3 bulan (*2 minggu vs 3 bulan*) dalam kumpulan intervensi. Tetapi, didapati tiada perbezaan yang signifikan dalam dua perbandingan masa *baseline* dengan 2 minggu dengan nilai (MD = **-1.10** ;95% CI:-**3.42,1.23**) ; $p\text{-value}=0.723$)

Dalam kumpulan kawalan, hasil analisis mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam semua perbandingan masa *baseline* dengan 2 minggu (1 vs 2) dan masa *baseline* dengan 3 bulan (*baseline vs 3 bulan*). Tetapi, untuk dua perbandingan tempoh masa 2 minggu dengan 3 bulan, menunjukkan tiada peningkatan/perbezaan. Kesimpulannya, terdapat perbezaan yang signifikan pada min sikap murid dalam setiap kumpulan rawatan dan intervensi berdasarkan masa.

b) Perbandingan Kumpulan (Kesan Rawatan)

Jadual 4.35 Perbandingan Sikap Murid Di Antara Dua Kumpulan Rawatan Tanpa Masa (Kesan Rawatan)

(n=50)

Perbandingan	MD (95% CI)	p-value
Intervensi –kawalan	5.99(4.49,7.49)	<0.001

Nota : $F\text{-stat}(df)= 64.08(1) ; p\text{-value} = <0.001$

RM ANCOVA antara kumpulan analisis di aplikasi

Diikuti oleh perbandingan pasangan (pairwise comparison)

Kovariat berangka (umur) di kawal dengan menggunakan RM ANCOVA

Level of significance ditetapkan pada 0.05(two tailed)

Jadual Berdasarkan ujian *between subject effect*, terdapat peningkatan yang signifikan pada perubahan skor sikap murid antara kumpulan intervensi dan kawalan (p-value= <0.001).

c) Perbandingan Antara Kumpulan (Masa-Interaksi Rawatan)

Jadual 4.36 Perbandingan Min Sikap Antara Dua Perbezaan Kumpulan Rawatan Berdasarkan Masa (Rawatan Kesan Masa)

(n=50)

Masa	Kumpulan Rawatan	Min Sikap
Baseline	Intervensi	14.68(13.52,15.84)
	Kawalan	12.00(10.79,13.20)
2 Minggu	Intervensi	15.82(14.39,17.25)
	Kawalan	13.99(12.51,15.47)
3 Bulan	Intervensi	27.37(26.02,28.73)
	Kawalan	13.91(12.51,15.31)

Nota:

RM ANCOVA antara kumpulan berdasarkan masa di aplikasi


Kovariat berangka (umur) dikawal dengan menggunakan RM ANCOVA

Assumption normality, homogenitas varians, anggapan simetri compound, hubungan linearity antara kovariates dan hasil residual / homogeneity regresi telah diperiksa dan dipenuhi.

Berdasarkan ujian *multivariate* dalam jadual 4.36, terdapat peningkatan atau perbezaan yang signifikan pada perubahan skor sikap antara kumpulan intervensi dan kawalan berdasarkan masa ($F\text{-stat}=420.47, p\text{-value} < 0.001$). Dalam masa *baseline*, minggu 2 dan 3 bulan, terdapat perbezaan dalam min sikap

d) Kesimpulan Kajian

Berdasarkan rajah 4.5, *Profile plot* menunjukkan *adjusted mean (estimated marginal mean)* min sikap murid untuk masa *baseline*, 2 minggu dan 3 bulan.



Rajah 4.5 Plot Menunjukkan Pelarasan Skor Sikap Murid Untuk Intervensi Dan Kumpulan Kawalan

Min sikap untuk masa *baseline*, 2 minggu dan 3 bulan adalah berbeza untuk kedua-dua kumpulan. Dalam masa *baseline*, 2 minggu dan 3 bulan, min sikap murid meningkat dalam kumpulan intervensi.

4.15 Tahap 4 Kirkpatrick: Analisis keseluruhan Skor Amalan Murid

a) Perbandingan Kumpulan (Kesan Masa)

Jadual 4.37 Perbandingan Amalan Murid Dalam Setiap Kumpulan Rawatan Dan Kawalan Berdasarkan Masa (Kesan Masa)
(n=50)

Perbandingan	Intervensi		Kawalan	
	MD(95% CI)	<i>p-value</i>	MD(95% CI)	<i>p-value</i>
Baseline vs 2 minggu	-1.65(-5.08,1.79)	0.699	0.03(-1.90,1.97)	>0.95
Baseline vs 3 bulan	-15.58(-19.09,-12.07)	<0.001	1.41(-1.71,4.54)	0.773
2 minggu vs 3 bulan	-13.94(-16.10,-11.78)	<0.001	1.38(0.02,2.74)	0.046

Nota: RM ANCOVA dalam kumpulan diaplikasi, Followed by pairwise comparison with CI adjustment Numerical covariates(age) was controlled by using RM ANCOVA
MD=Perbezaan min

Jadual 4.37 menunjukkan hasil analisis perbandingan amalan murid dalam setiap kumpulan rawatan dan kawalan berdasarkan masa (kesan masa). Berdasarkan *multivariate test*, Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada skor amalan murid dalam setiap kumpulan rawatan berdasarkan masa F-stat=1.97, *p-value*=0.149).

Keputusan Perbandingan *pasangan (pairwise comparison)* dengan *Confidence interval adjustment* menunjukkan, terdapat perbezaan yang signifikan dalam perbandingan masa baseline dengan 3 bulan dan (2 minggu vs 3 bulan) di dalam kumpulan intervensi. Manakala, untuk kumpulan kawalan terdapat perbezaan yang signifikan dalam perbandingna masa 2minggu dan 3bulan [MD,95% CI= 1.38(0.02,2.74), *p-value*= 0.046]. Kesimpulannya, terdapat perbezaan yang signifikan pada skor amalan murid dalam setiap kumpulan rawatan berdasarkan masa.

b) Perbandingan Kumpulan (Kesan Rawatan)

Jadual 4.38 Perbandingan Amalan Murid Antara Dua Kumpulan Rawatan Tanpa Masa (Kesan Rawatan)

(n=50)

Perbandingan	MD(95% CI)	p-value
Intervensi – Kawalan	7.12(4.98,9.27)	<0.001

Nota : $F\text{-stat}(df) = 44.109(1)$ $p\text{-value} = <0.001$ RM ANCOVA antara kumpulan analisis di aplikasi Diikuti oleh perbandingan pasangan (pairwise comparison) Kovariat berangka(umur) di kawal dengan menggunakan RM ANCOVA Level of significance ditetapkan pada 0.05(two tailed)

Jadual 4.38 menunjukkan hasil analisis perbandingan amalan murid antara dua kumpulan rawatan tanpa masa. Berdasarkan ujian *between subject effects*, terdapat perbezaan yang signifikan pada perubahan skor amalan murid antara kumpulan intervensi dan kawalan tanpa masa ($p\text{-value} = <0.001$).

c) Perbandingan Antara Kumpulan (Masa-Interaksi Rawatan)

Jadual 4.39 Perbandingan Min Amalan Murid Antara Dua Perbezaan Kumpulan Rawatan Berdasarkan Masa (Kesan Rawatan Masa)

(n=50)

Masa	Kumpulan Rawatan	Min Amalan
Baseline	Kawalan	19.59(17.40,21.79)
	Intervensi	19.02(16.75,21.29)
2 Minggu	Kawalan	21.44(19.73,23.14)
	Intervensi	18.78(17.01,20.54)
3 Bulan	Kawalan	35.45(33.59,37.31)
	Intervensi	17.31(15.39,19.24)

Nota :

RM ANCOVA antara kumpulan berdasarkan masa di aplikasi


Kovariat berangka(umur) dikawal dengan menggunakan RM ANCOVA

Assumption normality, homogenitas varians, anggapan simetri compound, hubungan linearity antara kovariates dan hasil residual / homogeneity regresi telah diperiksa dan dipenuhi

Jadual 4.39 menunjukkan hasil dapatan kajian perbandingan min amalan murid antara dua perbezaan kumpulan rawatan berdasarkan masa (kesan rawatan masa). Berdasarkan ujian *multivariate*, di dapati terdapat peningkatan yang signifikan pada perubahan skor amalan antara kumpulan intervensi dan kawalan berdasarkan masa ($F\text{-stat} = 112.20, p\text{-value} = <0.001$).

d) **Kesimpulan Keputusan.**

Adjusted mean practice score at baseline ,week 2 and month3 after intervention



Covariates appearing in the model are evaluated at the following values: umur = 5.72

Rajah 4.6 Plot Menunjukkan Pelarasan Skor Amalan Murid Untuk Kumpulan Intervensi Dan Kumpulan Kawalan

Secara keseluruhannya, rajah 4.6 adalah *Profile plot* menunjukkan *adjusted mean* (*estimated marginal mean*) min amalan murid untuk masa *baseline*, 2 minggu dan 3 bulan. Min amalan untuk masa *baseline*, 2 minggu dan 3 bulan adalah berbeza untuk kedua-dua kumpulan. Dalam masa *baseline*, 2 minggu dan 3 bulan, min amalan murid-murid didapati meningkat dalam kumpulan intervensi.

4.16 Tahap 4 Kirkpatrick : Analisis Data Kualitatif

Analisis data yang layak dalam kajian ini dianalisis berdasarkan kriteria Terwee's, yang mana yang termasuk dalam ciri-ciri psikometrik, bilangan domain dan item, teoritikal instrumen dan target populasi digunakan (Terwee et.al, 2007). Walau bagaimanapun, untuk mengenalpasti domain yang berpotensi yang menyokong melalui pengukuran memerlukan maklumbalas yang berkaitan dengan kerangka teoritikal.

4.16.1 Temubual Berstruktur.

Dalam kajian kualitatif ini, temuduga separa berstruktur digunakan untuk memberi garis panduan kepada penemuduga sepanjang sesi berjalan. Sebelum menjalankan kajian ini, kandungan protokol temuduga ini diperiksa oleh lima pakar. Mereka bersetuju bahawa semua soalan yang digunakan semasa sesi temubual adalah relevan dan jelas. Tujuan temubual ini diadakan untuk meneroka tema dan subtema yang diperolehi dalam kajian ini.

4.16.2 Data Demografi Responden

Berdasarkan jadual 4.40, seramai sepuluh orang guru dari Tabika KEMAS di Kelantan (kumpulan intervensi) mengambil bahagian dalam kajian kualitatif ini yang dijalankan selama empat bulan selepas latihan modul *Islamic Project*©. Purata umur peserta kajian kualitatif ialah 34.2 tahun dan kesemua mereka telah berkahwin.

Lima orang guru ini juga ($n = 10$) guru mencapai pendidikan tertinggi pada tahap Diploma. Tempoh kerja mereka di tabika masing-masing adalah 6.7 tahun. Temubual dijalankan selama purata 55 minit (berkisar dari 45 minit hingga 1 jam dalam tempoh).

Jadual 4.40 Latarbelakang Responden Temubual Bersemuka

ID	Umur	Status Perkahwinan	Kelayakan Akademik	Pengalaman mengajar	Bilangan Anak
Guru 01	38	Berkahwin	Diploma	7 tahun	3 orang
Guru 02	30	Berkahwin	Diploma	5 tahun	3 orang
Guru 03	29	Berkahwin	Diploma	8 tahun	2 orang
Guru 04	42	Berkahwin	Diploma	10 tahun	4 orang
Guru 05	26	Berkahwin	Diploma	5 tahun	1 orang
Guru 06	30	Berkahwin	Diploma	5 tahun	3 orang
Guru 07	36	Berkahwin	Diploma	7 tahun	3 orang
Guru 08	37	Berkahwin	Diploma	8 tahun	4 orang
Guru 09	36	Berkahwin	Diploma	7 tahun	3 orang
Guru 10	38	Berkahwin	Diploma	5 tahun	5 orang

4.16.3 Penerangan Mengenai Penemuan Data Kualitatif

Untuk kajian yang menggunakan pendekatan fenomenologi, Creswell (2014) mencadangkan bahawa pengambilan peserta mestilah antara lima dan 25 peserta bergantung kepada titik tepu. Dalam kajian semasa, titik ketepuan dicapai semasa temuduga kesembilan. Walau bagaimanapun, untuk mengesahkan tahap tepu data, Cheng et al. (2013) syorkan bahawa tambahan tiga hingga empat peserta perlu ditambah kepada jumlah keseluruhan bilangan peserta.

Seperti yang disyorkan oleh Zhang, Edwards, Yates, Ruth, & Guo, (2012), sekurang-kurangnya lapan peserta mencukupi untuk menampung domain baru, sementara Mccaslin & Scott, (2003) mencadangkan sekurang-kurangnya lima peserta untuk fenomenologi kajian. Oleh itu, telah diputuskan bahawa 10 peserta mencukupi dan mereka sebagai jumlah peserta dalam kajian ini.

Analisis temubual bertema yang ditranskripsikan menghasilkan tiga tema utama yang berkaitan dengan kesan kepada murid-murid prasekolah ini. Jadual 4.41 menyenaraikan tema, subtema dan petikan dianggap relevan untuk kajian ini.

Jadual 4.41 Sambungan

Penerangan	Subtema	Tema
<ul style="list-style-type: none"> • Pokok apakah yang boleh kita tanam dalam pasu bunga ni. • “Hmm...ada sesetengah pokok bunga ini tidak berbau, baunya semua tidak sama” • “Saya tengok kanak-kanak berpegangan tangan, berjalan sama-sama dan mengenali siapakah kawan-kawan bersama kumpulan mereka”. • “Pokok bunga ini, ada banyak warna. ...Udin...Udin.... Udin. Udin. Kat mana udin ni?, dia tak tengok lagi Bunga ini”. • “Cikgu....Cikgu.. Udin tiada dalam kumpulan saya”. 	<ul style="list-style-type: none"> • Perbincangan 	<ul style="list-style-type: none"> • Prihatin antara satu sama lain
<p>“kanak-kanak banyak belajar apabila didedahkan secara <i>The young children’s learning is energized as they become part of a community of investigators and share the findings of their inquiry</i>”.</p> <p>“Yaya.. mari la sini tengok bunga ni, banyak warna Bunga ni kan?...”.</p> <ul style="list-style-type: none"> • “kuning, merah, merah jambu, cantiknya..Anis, cepat tengok bunga ni, ada warna kuning, merah, merah jambu..cantik sangat, datang cepat tengok bunga nir. • “bila terjumpa buah strawberi, kanak-kanak bercakap mengenai buah ini biasanya mereka lihat di Cameron Highland sebelum ini. Memberitahu kawan-kawan pokok strawberi boleh hidup ditempat yang sejuk” • “cantikkan Allah jadikan pokok disini, segar, tiada pun pokok yang layu..” • “Cikgu, buah strawberry ini boleh hidup ditempat yang sejuk sahaja ker”. • “untuk pemulaannya semua murid-murid dibawa melawat sekitar kebun bunga, kanak-kanak bercakap antara satu sama lain, gelak-gelak dan bercakap dengan kawan-kawan mereka” • “Cikgu, boleh ker saya sentuh bunga ros ini,... • Bismillahirrahmanirahim....Cikgu, bunga ros ni ada duri, tajamnyer, , , tercucuk jari saya. Pokok bunga ros ni bahaya bahaya ker cikgu, jika kita sentuh durinya yang tajam...?. 	<ul style="list-style-type: none"> • Komunikasi • Tingkahlaku • Berkongsi • Interaksi Sosial 	<ul style="list-style-type: none"> • Kerja Berkumpulan • Komunikasi

Jadual 4.41 Sambungan

Penerangan	Subtema	Tema
<ul style="list-style-type: none"> • “ Saya dan keluarga saya pernah pergi bercuti di Cameroon Highland dan ladang strawberi. Jika buah strawberi masak warnanya merah”. • “Disana juga banyak buah strawberi cikgu, hmm... makan buah strawberi dengan coklat lagi sedap.....” 	<ul style="list-style-type: none"> • Bercerita. 	

4.16.4 Temubual Guru-Guru Yang Terlibat.

Terdapat tiga tema utama telah dikenalpasti dan lapan sub kategori dikenalpasti oleh guru iaitu (1) pembelajaran berasaskan minat iaitu “bertanyakan soalan”, Motivasi, pemerhatian dan perbincangan, (2) Kerjasama termasuklah tolong menolong antara satu sama lain, (3) Komunikasi termasuklah tingkahlaku berkomunikasi, berkongsi, interaksi sosial dan bercerita.

i. Tema 1 : Pembelajaran Berasaskan Minat Secara Bertanyakan Soalan.

Pendekatan melalui pendekatan modul I-Projek ini kanak-kanak dapat mencari jawapan setiap persoalan yang mereka pelajari semasa menjalankan penyiasatan mengikut topik yang mereka pilih. Berdasarkan lawatan ke tapak lapangan iaitu melawat ladang bunga ini banyak membantu kanak-kanak mendapat jawapan yang sebenar.

Berdasarkan temubual yang dijalankan oleh penyelidik guru menceritakan pengalamannya melalui penggunaan pendekatan I-Projek iaitu melalui pengalaman guru.

Peserta 1 (guru). “Kanak-kanak yang tidak pernah bercakap di dalam kelas semasa sesi pembelajaran, apabila dibawa ke kebun bunga ini, guru dapat melihat perubahan melalui komunikasi kanak-kanak tersebut : “apa yang awak dapat bila datang ke kebun bunga ni?.M29 (Murid) : “waa... cikgu, banyaknya bunga kat sini”, “macam-macam jenis ada”. “Cikgu...cikgu... ni bunga apa cikgu?”. M28 (Murid) : “Cikgu, ini bunga apa ni cikgu?”... “Cikgu, bunga ini berbau harum ker?..”. M19 (Murid) : “Cikgu..warna apa pokok bunga ni cikgu?”. “Kenapa bunga ni warnanya tidak sama cikgu?”.

Peserta 10 (guru). *“Kanak-kanak yang pemalu tidak bercakap dalam kelas, guru dapat melihat perubahan melalui komunikasi kanak-kanak tersebut : “Ahmad awak pegang apa tu kat tangan awak?.M18 (Murid) : “cikgu....saya nak bunga ni boleh ker?”. M28 (Murid) : “Cikgu, ini pokok apa ni?”... “rendahnya, saya tinggi lagi” “Cikgu, pokok ni ada bunga?”. M7 (Murid) : “Cikgu..besarnya daun pokok ni?”. “Kenapa daun pokok ni besar sangat cikgu..?””*

ii. Motivasi

Melalui temubual yang dijalankan guru menceritakan murid-murid amat teruja dan mempunyai motivasi yang tinggi apabila mereka terlibat dengan pendekatan projek ini.

Peserta 2 (Guru) ; *“Murid-murid memberi cadangan dan idea untuk menanam pokok-pokok bunga di sekolah dan melihat macam mana pokok itu tumbuh dan membesar”. M21 (Murid) : “Cikgu, marila kita sama-sama tanam pokok bunga”.. “disekolah, kita boleh tengok macam mana pokok ini hidup dan membesar”, ... “kita boleh tengok hari-hari pokok ni besar cikgu?”. M22 (Murid) : “Cikgu, di Tabika kita... tiada orkid kan cikgu?”. M20 (Murid) : “ Marila kita tanam orkid”... “hari ini, kita sudah belajar banyak dan kita boleh buat ni juga kat sekolah, best kan cikgu...”*

Peserta 10 (Guru) ; *“Murid-murid memberi cadangan dan idea untuk untuk baca doa dahulu sebelum naik kenderaan ke kebun bunga”. M21 (Murid) : “Cikgu, marila kita baca doa sama-sama”.. “ Ani awak ingat ker doa naik kenderaan? ”, ... “jom kita baca sama-sama, kalau saya lupa cikgu tegur kami boleh?”. M22 (Murid) : “jom kit abaca doa sama-sama”. M20 (Murid) : “ Marila baca doa sama-sama”... “hari ini, kita boleh baca sama doa...sambil naik kenderaan, nanti balik saya nak ajar adik say abaca doa pula... best kan cikgu...”*

iii. Pemerhatian dan Perbincangan.

Hasil kajian ini menunjukkan adalah pembelajaran secara terbuka dan boleh meningkatkan kemahiran terus ke arah proses berlaku melalui pemerhatian dan perbincangan.

Peserta 3 (Guru) :*“saya telah membuat pemerhatian apabila murid-murid melawat ke lapangan. “Hasil pemerhatian yang saya jalankan kebanyakan murid melawat kesemua tempat bunga yang ada di ladang”. “Murid-murid ini juga diberi peluang untuk belajar cara menanam dengan sendirinya bermula dari awal sehingga proses terakhir”. “Murid dapat mengikuti setiap aktiviti yang dijalankan, jika murid tidak faham mereka bertanyakan soalan terus dan guru sentiasa membantu dengan memberi bimbingan kepada murid”.*

M1 (Murid) : *“Cikgu, apa kebaikan kita tanam pokok dalam pasu ni cikgu?”*.
M2 (Murid) : *“Cikgu, semua bunga dalam kebun ni berbunga dan cantik sangat, kat rumah saya tiada bunga cikgu”*. M5 (Murid): *“Cikgu, saya nampak akar orkid tu panjang sangat”*. *“warna akar tu akan bertukar apabila kita letakan dalam air”*. M4 (Murid) : *“Hmm...setengah bunga ni tidak berbau wangi, semua baunya tidak sama”* (sambil mencium pokok bunga).

Peserta 8 (Guru) :*“saya telah membuat pemerhatian apabila murid-murid melawat ke lapangan. “Hasil pemerhatian yang saya jalankan kebanyakan murid melawat amat teruja apabila diberi kebebasan untuk mereka terokai”. “Murid-murid ini juga diberi peluang untuk belajar cara menanam dengan sendirinya bermula dari awal sehingga proses terakhir”. “Murid-murid diberi peluang untuk menanam pokok, menyukat baja dan menyiram pokok”.*

M2 (Murid) : *“Cikgu, kenapa kita tanam pokok guna tanah hitam dan merah?”*. M2 (Murid) : *“Cikgu, semua pokok disini ada baja warna hitam”*. M5 (Murid): *“Cikgu, busuk bau baja ni cikgu”*.

Peserta 7 (Guru) :*“saya telah membuat pemerhatian apabila murid-murid hendak melawat ke lapangan. “Hasil pemerhatian yang saya jalankan kebanyakan murid melawat kesemua diingatkan untuk baca doa”. “Murid-murid ini juga diberi peluang untuk merasai sendiri pengalaman dan mengamalkan sunnah Rasulullah, murid berdikari dan berbincang antara satu sama lain waktu yang sesuai nak baca doa dan peraturannya bermula dari awal sehingga proses terakhir lawatan”.“Murid dapat mengikuti setiap aktiviti yang dijalankan, jika murid tidak faham mereka bertanyakan soalan terus dan guru sentiasa membantu dengan memberi bimbingan kepada murid mengenai doa dan adab yang mereka amalkan”.*

M1 (Murid) : *“Cikgu, apa kebaikan kita baca doa sebelum kereta ni bergerak ?”*. M2 (Murid) : *“Cikgu, semua kawan-kawan baca doa, semoga perjalanan kita selamat, lepas ni kita semua kena baca doa sebelum naik kereta kan cikgu?”*. M5 (Murid): *“Cikgu,lepas baca doa kita kena buat apa?”*. *“warna akar tu akan bertukar apabila kita letakan dalam air”*. M4 (Murid) : *“cikgu, dalam kereta ni kita kena duduk diam-diam, jangan bergaduh, sebab kita kena buat hormat kawan-kawan dalam kereta salah kan cikgu jika kita buat bising dalam kereta?”*.

iv. Kerja Berpasukan

Melalui pendekatan projek selalunya ia banyak melibatkan aktiviti luar kelas. Melalui pemerhatian yang dilakukan guru mendapati bahawa murid-murid saling mengambil berat antara satu sama lain dan belajar untuk mendapatkan pengalaman yang sebenar.

Peserta 4 (Guru) : *“saya dapat lihat murid-murid saling berpegangan tangan, berjalan sama-sama dan tahu siapa kawan-kawan dalam kumpulan mereka”*. *“Melalui aktiviti sebegini saya dapat melihat sikap murid dan kerja dalam kumpulan”*. M27 (Murid) : *“Bunga ini, ada banyak warna nih...Udin..Udin...ehh...mana Udin ?, dia tak tengok lagi bunga ni”*. M15 (Murid) : *“Cikgu.... Cikgu.. Udin tiada dalam kumpulan saya, mana dia?”*.

Peserta 7 (Guru) : *“saya dapat lihat murid-murid sentiasa bersama-sama dengan kawan-kawan mereka”*. *“Melalui aktiviti sebegini saya dapat melihat sikap murid dan kerja dalam kumpulan”*. M27 (Murid) : *“cepat kawan-kawan semua tengok rama-rama ni hisap madu bunga, siti..siti..jom tengok rama-rama, mana siti ni ?, dia tak tengok lagi rama-rama ni hisap madu”*. M15 (Murid) : *“Itu pun Siti tengah cium bunga, bau wangi ker bunga tu Siti ?”teriaknya pada siti.. ..*

v. Komunikasi

Pendekatan projek ini adalah melibatkan pembelajaran secara semulajadi, untuk meningkatkan interaksi kanak-kanak, bertanyakan soalan, bercerita, berkomunikasi, refleksi dan banyak lagi.

Berkongsi : Peserta 5 (Guru) :*“Pembelajaran kanak-kanak dapat ini penuh semangat yang tinggi dan mereka menjadi sebahagian daripada masyarakat”. “Kanak-kanak dapat menjalankan penyiasatan dan eksperimen sendiri dan dapat berkongsi hasil dapatan dan penemuan melalui persoalan yang timbul dalam minda mereka”.*

M18: *“Yaya, mari sini dan tengok bunga ni, macam-macam warna ada”.* M19 : *“Kuning, merah, pink ... cantik sangat.. Anis, cepat!..cepat!.. tengok bunga ni.*

Bercerita : Peserta 9 (Guru) : *“Apabila murid-murid jumpa buah strawberi, murid-murid bercakap antara satu sama lain mengenai buah strawberi yang mereka pernah lihat di Cameroon Highland sebelum ini”..“sambil bertanya boleh ker pokok strawberi ini hidup dan membesar di kawasan yang cuacanya tidak sejuk?”.*

M10 : *“Cikgu, bukan ker pokok strawberi ni hanya boleh hidup di tempat yang sejuk sahaja?”.* M11:*“ Saya dan keluarga telah pun melawat ladang strawberi ... jika buah ni masak ia akan berwarna merah”.*

Bercerita : Peserta 6 (Guru) : *“terdapat sekumpulan murid, jumpa bunga raya, murid-murid bercakap antara satu sama lain mengenai bunga raya sebelum ini di rumah, disekolah”..“sambil bertanya cikgu bunga raya ada warna kuning ker?”.*

M16 : *“Cikgu, bukan ker pokok bunga raya ni bunganya warna merah?”.* M1:*“ dirumah saya ada banyak warna bunga raya ni ... ada yang bunganya kecil, besar, warnanya kuning, merah, pink pun ada”.*

Komunikasi : Peserta 2 (Guru) : *“Dari awal perjalanan hingga ke tempat lapangan, kanak-kanak bercakap antara satu sama lain "....." masing-masing tersenyum dan bertanya kepada rakan-rakan mereka”.*

M1 : *“Cikgu, cuba sentuh pokok bunga rose ni, ada uri la cikgu, tajam, sakit tangan saya” .. “bahaya ker jika kita kena duri pokok bunga ros ni cikgu?.”*M2 : *“sini pun ada buah strawwberi, hmm... makan dengan coklat mesti sedap.. ”*

Interaksi sosial : murid-murid berinteraksi dengan individu yang baru mereka kenal walaupun kali pertama berjumpa : Peserta 4 (guru) : *“ramai murid bertanyakan soalan kepada pekerja dan pengusaha ladang... mereka semua sangat berminat dan*

teruja dan bertanyakan tentang macam mana cara nak jaga pokok bunga supaya jadi cantik seperti bunga yang berada di ladang ini”.

C5 :“ Kakak, berapa kali pokok ni disiram tiap-tiap hari?” .C51 : “bila masa baja ini diletakkan di setiap pokok yang adal” ... “ jika kita letakkan baja lebih, pokok ni akan mati ker?”

4.17 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, di dapati modul *Islamic Project*© ini bersesuaian dari segi pendekatan pengajaran dan pembelajaran secara *hands on learning*. Guru memainkan peranan penting dalam perkembangan kognitif murid-murid. Kesimpulannya, guru memainkan peranan yang penting kepada kanak-kanak dalam mencapai perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh dari aspek kognitif, bahasa, fizikal, sosial dan emosi yang optimum, begitu juga dalam mencapai perkembangan kanak-kanak mengikut urutan standard serta perkembangan kanak-kanak mengikut urutan yang berbeza-beza. Jadi, guru mestilah merancang aktiviti untuk murid-murid dengan efektif sebagaimana yang telah disarankan. Selain itu, guru perlulah membimbing murid-murid dengan sebaiknya untuk mencapai semua aspek perkembangan ini.

اونيورسيٲي ملايسيا قهغ

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

BAB 5

PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang dapatan kajian yang terdapat dalam bab empat. Perbincangan dibuat dalam lima bahagian merangkumi ringkasan kajian, perbincangan dapatan kajian, implikasi kajian, cadangan kajian lanjutan dan rumusan. Bahagian pertama adalah ringkasan kajian yang menjelaskan ringkasan kajian yang dilakukan meliputi pernyataan masalah, tujuan kajian, metodologi kajian, pemilihan sampel dan lokasi kajian, kaedah pengumpulan data dan penganalisan data.

Seterusnya bahagian kedua adalah perbincangan dapatan kajian yang merangkumi dapatan kajian setiap fasa, dapatan analisis keperluan fasa pertama, dapatan teknik Deplhi Terubah Suai dua pusingan dalam fasa reka bentuk dan pembangunan, dan dapatan temubual separa struktur fasa penilaian modul. Manakala implikasi kajian merangkumi implikasi teori kajian dan implikasi amalan yang merangkumi implikasi terhadap pengajaran guru serta cadangan-cadangan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, organisasi KEMAS dan murid. Akhirnya, di samping rumusan penyelidik mencadangkan beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh dilaksanakan oleh penyelidik-penyelidik akan datang.

5.2 Ringkasan Kajian

Kajian ini berasaskan pendekatan pengajaran dan pembelajaran bagi tunjang kerohanian, nilai dan sikap (Pendidikan Islam) di KEMAS yang melibatkan pembelajaran ke arah pendidikan alaf 21 dan memerlukan satu bentuk modul yang terancang dan komprehensif. Kombinasi modul yang terancang dan kepakaran pakar bidang menuntut pembangunan modul pembelajaran yang menepati sistem pembelajaran di prasekolah. Maka tujuan utama kajian ini adalah untuk membangunkan modul *Islamic Project*© di prasekolah KEMAS.

Kajian ini telah dijalankan dalam tiga fasa. Fasa pertama kajian adalah kajian analisis keperluan. Data dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik skala likert yang melibatkan 40 orang guru KEMAS di Kelantan. Fasa kedua ialah fasa reka bentuk dan pembangunan modul *Islamic Project*© di prasekolah KEMAS yang merupakan bahagian utama kajian. Data reka bentuk dikumpulkan menerusi Teknik Delphi Terubah Suai dengan dua pusingan yang melibatkan panel pakar terdiri daripada pelbagai bidang kepakaran berkaitan dengan modul yang akan dibina. Antara pakar delphi yang dipilih adalah mereka yang terlibat dengan prasekolah, pendidikan, pendidikan awal kanak-kanak, psikologi, kaunseling dan Pendidikan Islam. Fasa ketiga kajian ialah fasa penilaian kepenggunaan modul.

Fasa analisis keperluan melibatkan instrumen soal selidik berstruktur yang diubahsuai oleh pengkaji berdasarkan instrumen soal selidik kajian reka bentuk kurikulum (Ahmad Sobri, 2009). Sebelum soal selidik diedarkan fasa analisis keperluan ditadbir terlebih dahulu. Soal selidik diberikan kepada 4 orang pakar rujuk bidang kurikulum dan penilaian untuk menentukan kesahan kandungan (*content validity*). Seterusnya, kajian rintis dijalankan dengan melibatkan 30 orang guru di KEMAS Kelantan. Penambahbaikan terhadap soal selidik dilakukan berdasarkan maklum balas daripada kajian rintis tersebut.

Fasa reka bentuk dan pembangunan modul melibatkan Teknik Delphi dalam kajian ini melibatkan tiga peringkat iaitu peringkat pembentukan instrumen Delphi, Teknik Delphi pusingan pertama dan Teknik Delphi pusingan kedua. Dalam fasa reka bentuk, instrumen soal selidik melibatkan Teknik Delphi dua pusingan. Instrumen kajian diubahsuai berdasarkan contoh soal selidik daripada kajian Delphi (Feridah Mohd Nazar, 2003; Rusilawati Othman, 2007; Zaharah Hussin, 2008; Ahmad Sobri Shuib, 2009; Norlidah Alias, 2010). Soal selidik dalam peringkat pembentukan instrumen Delphi merupakan soal selidik berstruktur yang digabungkan dengan soalan terbuka untuk mendapatkan maklumat tentang reka bentuk modul *Islamic Project*© di KEMAS Kelantan .

Soal selidik Delphi pusingan pertama dan kedua berbentuk soalan selidik berstruktur. Dalam pusingan pertama Delphi, soal selidik dalam peringkat pembentukan instrumen Delphi diubahsuai dan dimasukkan item-item yang dicadangkan pakar dalam soalan terbuka. Dalam pusingan kedua pula, pengkaji akan menyusun soalan pernyataan

mengikut rating tertinggi bagi setiap bahagian hasil dapatan pusingan pertama. Pada penghujung setiap soalan ditunjukkan median yang diperolehi. Soal selidik ini dinilai dengan menggunakan skala Likert. Teknik Delphi telah digunakan oleh penyelidik bagi menjalankan pembangunan modul *Islamic Project*© bagi guru-guru bagi mencapai aspirasi pendidikan negara yang melahirkan kanak-kanak yang bersahsiah tinggi. Hasil analisis kajian terhadap struktur dan kandungan modul *Islamic Project*© ini, dianalisis berdasarkan 8 unit seperti dalam jadual 4.13 bab empat (4). Modul ini merupakan satu bahan yang digunakan untuk membimbing guru-guru dalam pengajaran akhlak. Terdapat Sepuluh buah Modul *Islamic Project*© telah dibina dengan mengambil kira fasa-fasa dalam kaedah pendekatan projek dan konsep-konsep pendidikan akhlak yang terdapat dalam Kurikulum Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) (KPM, 2016).

Kandungan modul ini telah disahkan oleh 12 orang pakar yang berbeza kepakarannya. Kesemua pakar bidang memberi pendapat dan pandangan dengan skala yang lebih daripada 3. Penilaian adalah melibatkan dari segi format modul dan perenggan, struktur ayat, aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan tempoh masa juga mendapat skor yang baik daripada panel. Komen yang utama panel adalah perlu diberi perhatian tentang penggunaan dan struktur ayat, perkataan yang menggunakan bahasa melayu.

Kajian fasa penilaian adalah menggunakan Model Kirkpatrick (2006). Fasa penilaian modul ini melibatkan empat tahap penilaian iaitu tahap 1 melibatkan maklumbalas responden terhadap pendekatan *Islamic Project*©, tahap 2 menilai pengetahuan responden, tahap 3 menilai dari segi sikap dan amalan dan tahap 4 kesan kepada murid.

Analisis data untuk ketiga-tiga fasa dalam kajian menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 24.0. Dalam fasa pertama kaedah tinjauan yang menggunakan instrumen soal selidik digunakan untuk menjawab soalan kajian yang pertama dan kedua. Analisis kekerapan dan min digunakan untuk menentukan keperluan dalam reka bentuk modul *Islamic Project*© mengikut pandangan guru-guru yang terlibat.

Fasa ketiga yang melibatkan penilaian kepenggunaan modul *Islamic Project*© melibatkan analisis data secara kuantitatif dan dapatan data secara kualitatif. Analisis data

temu bual dijalankan ke atas guru. Seramai sepuluh orang Responden ditemubual dalam fasa penilaian yang dipilih secara rawak. Fasa ini dijalankan untuk mendapat jawapan bagi soalan kajian yang terakhir.

5.3 Perbincangan Hasil Kajian.

5.3.1 Perbincangan Hasil Dapatan Kajian Analisis Keperluan

Bagi mendapatkan pandangan daripada guru-guru menggunakan modul yang sedia ada dalam pengajaran Pendidikan Islam dari aspek kerohanian, nilai dan sikap, penyelidik telah menggunakan soal selidik Russell (1974). Soal selidik ini mempunyai lima bahagian berdasarkan modul yang dibina sebelum ini. Penyelidik telah mengedarkan soal selidik ini kepada 40 orang guru prasekolah KEMAS di Kelantan untuk memberikan pandangan mereka mengenai modul yang mereka guna dalam Pendidikan Islam sebelum ini.

Dapatan analisis keperluan yang telah dijalankan ke atas 40 orang responden dalam kajian ini menunjukkan bahawa 75 peratus guru menyatakan sangat tidak bersetuju dengan kandungan modul yang sedia ada dan sebanyak 25 peratus guru tidak bersetuju dengan modul asal ini. Berdasarkan hasil kajian didapati modul asal ini kurang bersifat interaktif tidak mempunyai *hands on learning*. Dapatan kajian ini mengukuhkan lagi dapatan Ali dan Man (2011) mengatakan pembelajaran secara ‘hands on’ melibatkan pengalaman murid sepenuhnya yang mana dapat meningkatkan keupayaan murid untuk berfikir secara kritikal dalam pembelajaran masa kini. Richards dan Rodgers (2014) mengatakan strategi pengajaran ‘hands on’ merujuk kepada sebarang aktiviti fizikal yang melibatkan penggunaan peralatan dan bahan yang berlaku ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Begitu juga dengan kajian Galbrait (2016), mendapati kumpulan kanak-kanak yang melakukan aktiviti permainan semasa rehat aktif berbanding dengan kumpulan kanak-kanak yang tidak melakukan sebarang aktiviti fizikal semasa rehat. Ini menunjukkan tahap kesihatan kanak-kanak yang melakukan aktiviti fizikal semasa rehat lebih baik berbanding kanak-kanak yang tidak melakukan aktiviti semasa rehat (Cliff, et. al., 2016; Donnelly, et. al., 2016).

Seterusnya, dalam konteks kajian ini, dapatan kajian analisis keperluan menunjukkan keperluan kandungan yang menarik dan bersesuaian amatlah penting dalam pengajaran. Guru berpendapat bahawa perlu ada perubahan dalam pengajaran supaya murid dapat menerima dengan lebih baik dan bermakna. Objektif dalam modul juga perlu jelaskan dengan baik dan mudah difahami oleh guru untuk penyampaian lebih berkesan. Ini berbeza dengan hasil kajian yang dijalankan Cunningham (2009) mengatakan guru perlu memahami perkaitan antara kandungan dengan pedagogi bagi memastikan pelaksanaan kurikulum menjadi berkesan. Manakala pendapat pengkaji lain menyatakan guru perlu menggunakan pelbagai strategi pengajaran melalui bimbingan untuk membina pengetahuan kanak-kanak (Howes, Fuligni, Hong, Huang & Lara-Cinisomo 2013). Ini amat bersesuaian dengan hasil analisis keperluan kajian ini yang menyatakan perlu penambahbaikan dari aspek kandungan yang menarik dan bersesuaian dengan pengajaran guru. Sehubungan itu, penyelidikan ini dilakukan untuk membangunkan modul yang dapat meningkatkan pengetahuan dalam bentuk pedagogi yang lebih praktikal untuk digunakan guru. Begitu juga pendapat Branch (2009) mengatakan pengajaran guru menjadi lebih bermakna apabila pengetahuan dan kemahiran mereka dipertingkatkan.

Berdasarkan analisis yang dilakukan didapati, modul yang asal adalah kurang menepati kumpulan sasaran. Data menunjukkan bahawa 20 orang guru sangat tidak bersetuju dengan peratusan sebanyak 50 peratus dan 20 orang guru tidak bersetuju dengan peratusan sebanyak 50 peratus dengan modul yang asal dari aspek menepati kumpulan sasaran. Ini bersamaan dengan kajian Samuelsson & Carlsson (2008), dalam peringkat pendidikan awal kanak-kanak, guru perlu memahami dunia kanak-kanak, menghargai dan menanam minat kanak-kanak terhadap pembelajaran tertentu Walau bagaimanapun tidak semua guru mempunyai pengetahuan tentang bagaimana kanak-kanak belajar (Norsuhaily, Normadiyah, Nadhirah & Abdul Hakim 2015; National Association Education of Young Children 2009). Oleh itu, modul panduan untuk guru pendidikan awal kanak-kanak ini perlu bersesuaian dengan kognitif kanak-kanak alaf 21, pengajaran guru perlu menepati kumpulan sasaran.

Berasaskan teori pembelajaran konstruktivisme dan interaksionis, modul ini dihasilkan untuk membantu guru mengaplikasikan teori dalam bentuk amalan pengajaran. Teori-teori ini digunakan sebagai asas untuk menghasilkan perancangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang mencakupi strategi, kaedah dan teknik untuk

digunakan guru di dalam persekitaran belajar berpusatkan murid. Jadi, kandungan dalam modul ini mencadangkan persekitaran pembelajaran aktif yang dapat merangsang perkembangan kerohanian, nilai dan sikap dan pembinaan pengetahuan melalui persekitaran semulajadi dipelbagaikan dengan aktiviti yang menarik.

5.3.2 Perbincangan Hasil Kajian Gaya Pengajaran Guru yang paling Dominan dan Tahap Pemahaman Pendekatan *Islamic Project*©.

Perbincangan hasil dapatan kajian seterusnya iaitu, Apakah gaya pengajaran guru prasekolah yang paling dominan yang digunakan dalam pembentukan akhlak murid Tabika KEMAS?.

Berdasarkan nilai min dapatan kajian yang diperolehi, menunjukkan sebelum menggunakan pendekatan projek gaya pengajaran utama yang digunakan oleh guru-guru adalah nilai min tertinggi iaitu gaya pengajaran delegator sebagai gaya pengajaran utama, fasilitator sebagai gaya pengajaran kedua, diikuti gaya pengajaran interpersonal dan Pakar diikuti gaya pengajaran akhir adalah formal Autoriti. Guru tabika KEMAS dominan menggunakan gaya pengajaran delegator. Pemahaman guru terhadap tugas mereka adalah berperanan sebagai sumber rujukan yang tersedia untuk murid bila-bila masa mereka memerlukan bantuan. Ini bersamaan dengan hasil dapatan kajian oleh Mariani (2006) mendapati guru prasekolah terlalu memberikan penumpuan terhadap keperluan akademik murid sebagai ukuran prestasi kerja mereka, untuk memenuhi keperluan silibus.

Keperluan pengajaran berdasarkan polisi dan kurikulum pendidikan negara juga turut mempengaruhi amalan pedagogi guru permulaan (Pavia, Nissen, Hawkins, Monroe, & Filimon-Demyen, 2003). Ini kerana Ini disebabkan oleh kehendak KPM yang menetapkan syarat utama pencapaian murid prasekolah adalah melibatkan kemahiran 4M (Membaca, Menulis, Mengira dan Menaakul), Kementerian Pelajaran Malaysia, (2009). Perubahan perlu dilakukan untuk pendidikan alaf 21 ini, perkara tersebut didapati bertentangan dengan saranan yang diberikan oleh The National Association on the Education of Young Children (2009) yang telah menetapkan bahawa amalan pedagogi guru prasekolah perlu merangkumi keperluan perkembangan murid, iaitu melibatkan

tahap umur, dan perkembangan murid dan bukannya hanya melihat pencapaian akademik semata-mata

Secara keseluruhannya, tahap pemahaman guru terhadap pengajaran pendekatan projek *Islamic Project*© Akhlak (sebelum bengkel) adalah pada tahap yang sederhana iaitu sejumlah 82 peratus, diikuti 16.0 peratus berada pada tahap rendah dan hanya 2.0 mencatat tahap tinggi. Namunpun begitu, secara keseluruhannya, tahap pemahaman guru terhadap pengajaran pendekatan *Islamic Project*© Akhlak (selepas bengkel) adalah pada tahap yang tinggi iaitu sejumlah 98 peratus, diikuti hanya 2.0 peratus berada pada tahap sederhana dan 0.0 peratus min dicatatkan pada tahap rendah. Ini bersesuaian dengan kajian yang dijalankan oleh Mohd Amin Mohd Noh, Mohd Faez Ilias, Kalthom Husain, Muhammad Syakir Sulaiman, Murihah Abdullah (2016), inisiatif dan usaha guru dalam meningkatkan pengetahuan semasa untuk mengendalikan bahan bantu mengajar menjadi faktor penting dalam memastikan penyampaian yang efektif. Bengkel atau program yang dijalankan ini memberi banyak manfaat terutama membaiki mutu pengajaran pembelajaran murid-murid disekolah. Sokongan dan latihan perlu diberikan kepada guru supaya bahan pengajaran atau kurikulum yang dibangunkan dapat dilaksanakan dengan efektif (Dikinson & Brady 2006; Wasik 2010). Produk kajian ini diharapkan dapat melatih guru menjadi lebih profesional dalam memenuhi cabaran pendidikan prasekolah masa kini dan akan datang. Kajian ini juga selari dengan Darling-Hammond dan Baratz-Snowden (2005) telah menjelaskan bahawa pengetahuan pengajaran guru permulaan perlu melibatkan kefahaman terhadap aktiviti pengajaran di dalam kelas. Oleh itu, pengetahuan persediaan pengajaran guru prasekolah permulaan dalam kajian ini merujuk pada pandangan mereka terhadap penguasaan dan pemahaman dalam disiplin ilmu pendidikan prasekolah yang digunakan sebelum pengajaran dilakukan.

5.3.3 Perbincangan Dapatan Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan Modul *Islamic Project*©.

Perbincangan dapatan kajian dalam bahagian ini selaras dengan soalan kajian iaitu Apakah langkah-langkah yang efektif dalam membina Modul *Islamic Project*© untuk guru prasekolah dalam pembentukan akhlak murid Tabika KEMAS di negeri Kelantan?. Berikut perbincangan mengenai Teknik Delphi Terubah Suai yang digunakan dalam kajian ini.

Berdasarkan analisa yang dijalankan oleh penyelidik, secara keseluruhannya, dapatan kajian fasa reka bentuk dan pembangunan modul *Islamic Project*© menggunakan Teknik Delphi Terubah Suai. Teknik ini melibatkan dua pusingan untuk mengesahkan isi kandungan modul, strategi yang digunakan, jangkamasa, tenaga penggerak dan strategi menarik perhatian kumpulan sasaran bagi menunjukkan kesepakatan pakar yang tinggi.

5.3.3.1 Pengesahan Isi Kandungan Modul

Untuk mengenal pasti kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik, penyelidik perlu mengikut prosedur-prosedur pengesahan soal selidik, seperti yang dicadangkan oleh Creswell (2014) dan Rattray & Jones, (2007). Pengesahan secara sistematik dan tersusun dan berurutan iaitu melibatkan kesahan kandungan, kesahan muka, membina kesahan dan kebolehpercayaan.

Pada peringkat pertama proses pengesahan, kesahan kandungan diukur berdasarkan kandungan soal selidik adalah relevan dengan objektif kajian. Menurut Terwee et al. (2007) dan Caro-Bautista, Martin-Santos, & Morales-Asencio (2014), kesahan kandungan menunjukkan asas pengukuran psikometrik dalam menentukan kualiti soal selidik.

Pembuktian tambahan melalui kesahan isi kandungan soal selidik yang dicapai melalui kumpulan pakar kandungan. Para pakar dalam kumpulan ini dipilih selaras dengan Polit dan Beck (2006), yang menekankan bahawa pembangunan kandungan soal selidik harus berdasarkan pada penilaian pakar kandungan. Selain pengesahan pakar, pendapat daripada populasi sasaran juga dipertimbangkan dan dijadikan alat ukur yang dikenali sebagai kesahan muka (Morgado et al, 2017). Berdasarkan kesahan muka ini, beberapa item telah digugurkan, beberapa item juga diubahsuai, ini kerana terdapat item yang sensitif dan negatif. Responden dari kumpulan sasaran bukan hanya salah mendapatkan maklumat melalui soalan-soalan negatif tetapi juga mengambil masa lebih lama untuk memprosesnya, dengan itu meningkatkan kemungkinan membuat kesilapan (Lietz, 2010).

Akhirnya, membina kesahihan diukur menggunakan gabungan kesahan kadungan dan kesahan muka sebagai dicadangkan oleh Kane (2001) dan DeVon et al. (2007) untuk kesahihan yang lebih konsisten bukti. Selain itu, pengukuran kesahihan membina yang

digunakan dalam kajian ini mengamalkan amalan terkini dan terbaik dalam pembangunan skala dan pengesahan dengan ukuran psikometrik menggunakan kesahan kandungan (Cabrera-Nguyen, 2010; Hinkin 1995; Worthington & Whittaker, 2006).

Dalam konteks kajian ini, dilihat aspek-aspek yang disepakati oleh panel pakar melalui Teknik Delphi Terubah Suai adalah selari dengan item-item dalam Model yang digunakan oleh penyelidik. Kandungan modul ini telah disahkan oleh 12 orang pakar yang berbeza kepakarannya. Kesemua pakar bidang memberi pendapat dan pandangan dengan skala yang lebih daripada 3. Terdapat dua tajuk telah disemak semula berdasarkan cadangan yang diberikan. Penilaian adalah melibatkan dari segi format modul dan perenggan, struktur ayat, aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan tempoh masa juga mendapat skor yang baik daripada panel. Komen yang utama panel adalah perlu diberi perhatian tentang penggunaan dan struktur ayat, perkataan yang menggunakan bahasa melayu. Ini bersesuaian dengan Saedah Siraj (2008), teknik Delphi membolehkan pakar-pakar lebih bersifat kreatif untuk melahirkan idea dan pandangan mereka ke atas sesuatu isu atau persoalan yang ditimbulkan.

Seterusnya, dapatan rumusan Teknik Delphi bagi reka bentuk modul *Islamic Project*© ialah dapat memberi ruang dan peluang kepada guru dan murid menambahbaik aktiviti pembelajaran bukan sahaja terhad dalam bilik darjah sahaja. Rumusan ini selari dengan kajian Mohd Rafiq Norsham (2006) yang menjalankan aktiviti pembelajaran luar bilik darjah amat sesuai dijalankan pada abad ini. Sistem pembelajaran yang terancang dalam bentuk modul mengoptimalkan pelbagai strategi dan aktiviti pembelajaran sendiri murid-murid. Kepelbagaian strategi dan aktiviti pembelajaran terangkum dan digabungkan dalam satu modul. Dapatan kajian ini mengisi jurang bagi sorotan kajian Kamisah Othman, Lilia Halim dan Subahan Mohd Meerah (2006) yang mendapati guru-guru memerlukan maklumat tentang teknologi harus diintegrasikan dalam pengajaran dan pembelajaran.

5.3.3.2 Strategi Intervensi

Strategi yang digunakan dalam intervensi *Islamic Project*© ini dilaksanakan dengan penyepaduan pelbagai teori (Merrill, 2007) dan model *psychoeducational* berkumpulan (Bethany, 2007). Model dan teori ini digunakan dalam kajian bagi

meningkatkan keberkesanan program ini (Pomeroy et al., 1995; Glanz & Oldenburg, 2001). Di samping itu, model ini amat sesuai dan baik dilaksanakan dengan memberi tumpuan kepada masalah kehidupan sebenar guru-guru disekolah. Prinsip dan kesannya daripada model ini telah diterangkan secara terperinci dalam bab dua kajian ini. Walaupun terhad intervensi yang dijalankan, penyelidik menggunakan model teoritikal untuk membimbing responden, kajian ini telah dijalankan berdasarkan kajian *psychoeducation* oleh Welch & Thomas-Hawkins, (2005) dan strategi yang digunakan dalam *Islamic Project*© diubahsuai dari kajian yang dijalankan oleh Pomeroy et al. (1995), yang juga menggunakan teori yang sama.

Intervensi *Islamic Project*© ini dimulakan dengan pendidikan psikologi. Strategi Intervensi Pendidikan bermula dengan model *psychoeducational* berkumpulan yang terdiri daripada komponen pendidikan, diikuti dengan sokongan beberapa komponen. Sesi pendidikan berlangsung lebih kurang dua jam dan melibatkan penyampaian beberapa topik berkaitan dengan strategi pengajaran yang baharu. Penerangan dilakukan dengan menggunakan persembahan pembentangan interaktif, perbincangan dengan pakar dan slaid pembentangan diedarkan mengenai topik yang dibincangkan. Kajian yang dijalankan sebelum ini adalah penting untuk menekankan elemen pengetahuan bagi mempengaruhi dan menggalakkan perubahan sikap dan tingkah laku seseorang, Fazey et al (2014). Oleh itu, komponen pendidikan dimulakan pada awal dengan intervensi pendidikan psikologi. Disamping itu juga, penyelidik membuat penetapan kumpulan sokongan kecil, yang dijalankan oleh fasilitator terlatih. Setiap sesi akan berlangsung satu hingga dua jam. Ini bagi membantu guru-guru yang kurang faham tentang garis panduan dan intervensi yang dijalankan.

Berdasarkan hasil analisis keperluan pada fasa satu, didapati guru-guru tidak jelas dengan penerangan strategi dan modul yang asal yang disediakan. Pada hari ini, guru perlu mempelbagaikan aktiviti dan strategi pengajaran perlu baik untuk meningkatkan akhlak murid-murid di Tabika. Guru-guru juga perlu mengintegrasikan masalah kehidupan sebenar dalam subjek yang berkaitan dengan murid dan menyediakan persekitaran pembelajaran yang menarik bagi meningkatkan lagi motivasi dan amalan kanak-kanak di Tabika. Ini selaras dengan teori konstruktivisme, yang merupakan teori pembelajaran yang mencadangkan kanak-kanak membina pengetahuan secara individu melalui interaksi dengan orang ataupun bahan (Piaget, 1953; Vygotsy, 1978). Teori ini

juga ditakrifkan sebagai pembelajaran yang bersifat generatif, iaitu tindakan mencipta sesuatu yang makna daripada apa yang dipelajari.

Responden yang terlibat dalam program ini, selepas 2 minggu ia merupakan perjumpaan pertama, sesi perjumpaan kumpulan ini diteruskan dengan berkongsi pengalaman dengan ahli kumpulan dan berbincang dengan ahli kumpulan untuk menyelesaikan permasalahan yang mereka hadapi. Sesi perkongsian ini, memudahkan para peserta berkongsi cara dan strategi antara satu sama lain bagi meningkatkan keyakinan dan keberkesanan program ini (Ivezi, Sesar, & Mużini, 2017; Sahranavard, Esmaeili, Salehiniya, & Susan, 2019).

Modul ini telah diubahsuai dengan disesuaikan kaedah pengajarannya menggunakan pendekatan pendekatan projek. Sebelum dibuat kajian kaedah pengajaran akhlak ini adalah secara hafalan, nyanyian dan latihan bertulis. Hasil daripada semakan dan persetujuan para pakar pendidikan awal kanak-kanak satu modul diwujudkan menggunakan kaedah pengajaran yang baru iaitu Modul *Islamic Project*© untuk guru-guru bagi meningkatkan perkembangan akhlak murid-murid prasekolah.

Zarina (2002), menyatakan strategi pembelajaran adalah langkah-langkah yang diambil oleh pelajar mempercepatkan proses pemerolehan, penyimpanan dan mengingat kembali. Pendekatan projek ini boleh dijalankan melalui pelaksanaan dalam jangka masa pendek atau jangka masa panjang. Jangka masa yang digunakan bergantung kepada perkara yang ingin dikaji. Guru boleh memberhentikan aktiviti pembelajaran dan menyambung kembali dalam waktu pembelajaran yang lain untuk tempoh tertentu. Melalui pendekatan ini, guru bertindak sebagai pembimbing atau pemudah cara bagi kanak-kanak untuk meneroka sendiri persekitaran dan mengawal tempoh waktu penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti pembelajaran tersebut. Hal ini akan memberi peluang kepada kanak-kanak untuk meningkatkan perkembangan intelektual melalui pemerhatian dan melakukan penyiasatan untuk mendapat pengalaman melalui persekitaran mereka (Katz dan Chard, 2000).

Para guru diperkenalkan dengan pendekatan projek dahulu, kemudian mengaitkan pendekatan projek ini dengan pembelajaran Pendidikan Islam Akhlak berdasarkan tajuk-tajuk dalam pengajaran akhlak. Langkah-langkah menggunakan pendekatan *Islamic Project*©. ini dijelaskan satu persatu dalam modul ini. Guru akan mengikuti program akan

diberikan maklumat dan ada fasilitator yang membantu setiap kali perjumpaan yang telah ditetapkan. Modul ini pertama kali dihasilkan bagi Pendidikan Islam dari aspek akhlak dan mendapat sambutan oleh guru-guru. Modul ini digunakan oleh guru-guru Tabika KEMAS yang terlibat dengan program yang dijalankan oleh penyelidik.

5.4 Perbincangan Dapatan Fasa Penilaian Kepenggunaan.

Hasil dapatan kajian ini adalah selari dengan soalan kajian ini iaitu sejauhmanakah keberkesanan penggunaan Modul *Islamic Project*© oleh guru prasekolah dalam pembentukan akhlak murid Tabika KEMAS di negeri Kelantan ?.

5.4.1 Keberkesanan Intervensi

Fasa 3 adalah menilai keberkesanan intervensi *Islamic Project*© menggunakan Model Penilaian Empat Tahap Kirkpatrick (2006). Tahap pertama iaitu penilaian maklum balas guru terhadap kepuasan dan penggunaan intervensi *Islamic Project*©. Tahap kedua iaitu menilai peningkatan guru dari aspek pengetahuan, tahap ketiga menilai peningkatan guru dari aspek sikap dan amalan dan keempat menilai kesan intervensi kepada murid dari segi akhlak.

Secara keseluruhannya dalam kajian ini, berdasarkan analisis soal selidik yang diedarkan kepada guru terdapat empat tahap penilaian yang telah dilakukan oleh penyelidik.

i) Tahap Model Penilaian KirkPatrick 1 : Maklum balas

Model KirkPatrick digunakan dalam memastikan keberkesanan program *Islamic Project*© bagi guru-guru untuk diaplikasikan kepada murid-murid. Perbincangan mengenai penilaian program merangkumi maksud penilaian, kaedah penilaian, konsep, teori dan model penilaian program. Di samping itu, kelebihan dan kelemahan model penilaian juga dibincangkan supaya dapat menilai keberkesanan program akhlak berasaskan modul *Islamic Project*© yang dijalankan di KEMAS.

Fasa 3 ini membuktikan bahawa keberkesanan intervensi *Islamic Project*© berdasarkan Model Penilaian Empat Kirkpatrick (Kirkpatrick & Kirkpatrick, 2006). Selanjutnya, pada tahap 1 penilaian Kirkpatrick hampir semua guru-guru berpuas hati dan

positif dengan komponen intervensi yang diberikan. Majoriti responden menerima program yang dijalankan oleh penyelidik berdasarkan analisa kesesuaian tempat, isi kandungan program dan aktiviti yang dijalankan, pelaksanaan program, pencapaian objektif program dan tempoh masa yang dijalankan berpuashati dan dipersetujui oleh responden. Ini selaras dengan kajian mendapati guru prasekolah perlu mengetahui matlamat dalam segala tindakannya (Azizah, 2004). Melalui latihan sama ada sebelum menjadi guru prasekolah atau latihan dalam perkhidmatan semasa menjadi guru, guru-guru prasekolah akan dapat pengetahuan dan meningkatkan keupayaan mereka untuk menilai dan membimbing kanak-kanak ke arah mutu pendidikan prasekolah yang lebih baik dan sempurna.

Selain itu juga, guru-guru yang terlibat menyatakan pendekatan psychoeducation berkumpulan (fasilitator) menyatakan pendekatan ini banyak membantu dengan mengaturkan perjumpaan bersama di antara guru dan fasilitator. Pertemuan bersama yang diaturkan amat membantu meningkatkan kefahaman dan membantu guru-guru dalam menjalankan intervensi *Islamic Project*©. Secara keseluruhannya, guru-guru berpuas hati dengan peranan fasilitator yang banyak membimbing guru-guru untuk melaksanakan pendekatan ini. Walau bagaimanapun, kajian *psychoeducation* ini memerlukan pelbagai bilangan sesi untuk program intervensi mereka, enam sesi pertemuan (Furukawa et al., 2013), lapan sesi mesyuarat (Tambağ & Öz, 2013), sembilan sesi mesyuarat (Pérez-Gualdrón, Yeh, & Russell, 2016) empat sesi mesyuarat (Pruett, Pruett, Cowan, & Cowan, 2017), lima sesi mesyuarat (Chambers, Ferguson, Gardiner, Aitken, & Occhipinti, 2013), tujuh sesi mesyuarat (Kolostoumpis et al., 2015) dan tiga sesi pertemuan dengan tiga bulan mesyuarat dalam talian (Bai, Wang, Yang, & Niu, 2015). Berbanding dengan kajian lepas mengenai *psychoeducational*, sesi mesyuarat yang dijalankan adalah sesi paling kurang dan tempoh masa yang paling rendah. Namun ia bersesuaian dengan sampel saiz kajian dengan menunjukkan bahawa kajian ini dilaksanakan dengan lebih baik berbanding dengan kajian terdahulu. Singh (2007), juga berpendapat guru harus mendalami ilmu sebanyak mungkin supaya dapat menyebarkan ilmu kepada para murid.

Hasil penemuan ini menyokong model penilaian Kirkpatrick yang menunjukkan bahawa pentingnya guru memahami intervensi untuk memperolehi pengetahuan yang relevan Dalam mengaplikasi dalam kehidupan sebenar (Aras 3 Kirkpatrick). Ia juga adalah penting untuk penyelidik untuk mengukur dua tahap pertama, tahap tindak balas

(Tahap Kirkpatrick 1) dan tahap pembelajaran (Kirkpatrick's Level 2) (Duke, 2017; Kirkpatrick, 2006).

ii) Tahap Model Penilaian Kirkpatrick 2 : Pembelajaran (pengetahuan)

Tahap 2 ini merujuk kepada hasil pembelajaran yang menilai penambahbaikan pengetahuan peserta berdasarkan intervensi *Islamic Project*© yang dilaksanakan. Perbincangan pada tahap ini memberi tumpuan menilai hasil pengetahuan peserta kajian.

Penemuan penilaian mendapati bahawa intervensi ini berkesan untuk meningkatkan pengetahuan guru melalui intervensi pendekatan *Islamic Project*© yang diberikan kepada guru-guru. Guru-guru diberi penerangan dan diberi bimbingan oleh fasilitator. Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan pada skor pengetahuan guru dalam setiap kumpulan rawatan berdasarkan tempoh masa yang diberikan iaitu, *baseline* intervensi, selepas 2 minggu dan tempoh 3 bulan. Walaubagaimanapun, dalam kumpulan kawalan, tiada perbezaan yang signifikan. Kesimpulannya, terdapat perbezaan yang signifikan pada skor pengetahuan guru dalam setiap kumpulan rawatan berdasarkan masa. Skor pengetahuan di kalangan kumpulan intervensi terus meningkat dalam tempoh dua minggu hingga tiga bulan. Oleh itu, intervensi *Islamic Project*© yang dilaksanakan menunjukkan kesan yang positif. Ini bersamaan dengan kajian intervensi yang dijalankan oleh (Bahri et al., 2016) dalam kajian iaitu mencadangkan intervensi perlu disasarkan kearah peserta. Ia di dapati amat berkesan dalam meningkatkan tahap pengetahuan mereka. Ini juga selaras dengan Norfazila Abdul Malik (2013) mendapati, pensyarah kaya ilmu pengetahuan merupakan faktor yang paling dominan boleh mengaplikasikan kemahiran dan pengetahuan dari segi pedagogi, psikologi semasa menjalani latihan mengajar.

Ini disokong juga oleh kajian lepas iaitu cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah permulaan turut melibatkan faktor dalaman, iaitu dari segi tahap pengetahuan dan kemahiran mereka ketika mengendalikan aktiviti pengajaran di dalam kelas, tetapi jika diberi pendedahan, guru boleh melaksanakan pengajaran dengan baik (Abdul Rahim, Mohd Najib, & Lily, 2010; Ho, & Toh, 2000; SirajBlatchford, Sylva, Muttock, Gilden & Bell, 2002; Tan, 2005). Ini bertepatan dengan hasil dapatan Siti Saleha dan Surayah (2007), guru prasekolah lebih mementingkan pelaksanaan pengajaran tanpa mengikut keperluan kurikulum dan murid. Oleh itu, kekurangan dari segi pengetahuan dan

kemahiran mengajar boleh memberi kesan terhadap kualiti amalan pedagogi guru prasekolah. Begitu juga dengan pendapat yang diketengahkan oleh pembelajaran Kirkpatrick iaitu penilaian, mentadbir urus sendiri soal selidik dalam kumpulan intervensi adalah satu kaedah yang tepat dalam mendapatkan bukti pengetahuan yang diperolehi oleh responden melalui intervensi yang dijalankan (Kirkpatrick, 2006; Bourke, 2016).

Kajian yang dijalankan oleh Prestwich (2014) menunjukkan bukti, beberapa kajian yang menggunakan teori untuk dijadikan garis panduan dalam intervensi yang dijalankan. Ia telah memudahkan mereka untuk memahami keberkesanan dan tidak berkesan intervensi yang dilaksanakan. Ini kerana hasil dapatan kajian mendapati kesan penerimaan pengetahuan semakin meningkat dalam kumpulan intervensi adalah salah satu kesan belajar secara berkumpulan. Ia merupakan unsur-unsur yang diterima pakai dari model pembelajaran *psychoeducational* kumpulan. Kajian-kajian terdahulu telah menyokong kesan dan faedah perbincangan berkumpulan menjana pendekatan pembelajaran yang lebih mendalam dan mengintegrasikan maklumat baru dalam pengajaran serta pembelajaran, seterusnya penyertaan aktif dengan kumpulan lain.

iii) Tahap Model Penilaian Kirkpatrick 3 : Perubahan Sikap dan Amalan (Guru)

a) Sikap (Guru)

Dalam kajian intervensi, tahap penilaian sikap merujuk kepada apa-apa perubahan positif yang disebabkan oleh intervensi program berbanding dengan kumpulan kawalan. Hasil analisis kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada skor sikap guru dalam setiap kumpulan rawatan berdasarkan masa ($F\text{-stat} = 3.22$, $p\text{-value} = 0.044$). Hasil keputusan perbandingan *pasangan masa (pairwise comparison)* dengan *Confidence interval adjustment* menunjukkan, terdapat perbezaan yang signifikan dalam semua perbandingan dalam kumpulan intervensi dan kawalan. Kesimpulannya, terdapat perbezaan yang signifikan pada min sikap guru dalam setiap kumpulan kawalan dan intervensi berdasarkan masa. Dapatan kajian ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa guru pendidikan Islam hendaklah mempunyai pemikiran kritis dan kreatif dalam pengajarannya. Berdasarkan hasil kajian ini, guru menunjukkan sikap perubahan dalam pengajarannya. Peningkatan sikap guru dari aspek mengaplikasikan sikap prihatin terhadap akhlak murid-murid di Tabika, menunjukkan contoh teladan kepada murid dan

terlebih dahulu mempunyai adab dan akhlak terpuji sebelum mendidik murid-murid. Didapati terdapat perubahan dari aspek sikap guru melalui pendekatan pengajaran yang baharu. Begitu juga dengan pendapat Zhaffar et al., (2016) guru perlu menunjukkan perubahan dan sikap yang baik kepada murid. Sikap kritis ialah kecenderungan atau motivasi dalaman (disposition) untuk meneliti sesuatu maklumat dan membuat keputusan menggunakan pemikiran kritis (Facione, 1990). Faktor sikap inilah yang mempengaruhi keberkesanan berfikir sama ada mengaplikasi kemahiran tersebut atau memendamkannya (Halpern, 1998; Norris, 1985; Ruggiero, 2012; Siegel, 2010; Tishman et al., 1993). Melalui intervensi *Islamic Project*© yang diberikan, ia dapat membantu guru-guru membuat perubahan pengajaran dan diaplikasikan dengan bantuan modul dan fasilitator. Namun, dapatan kajian ini berbeza dengan kajian Kamarul Azmi Jasmin dan Ab. Halim, (2015) yang mendapati bahawa guru Pendidikan Islam ini agak kurang berminat dalam budaya profesionalisme cemerlang. Mereka lebih selesa dengan rutin harian dan kurang berminat untuk menambahkan kecekapan mereka dalam pengajaran. Hasil kajian ini bertentangan dengan kajian Tai dan Omar (2014). Dapatan kajian secara keseluruhannya mendapati sikap guru terhadap perubahan pada tahap sederhana. Dapatan ini dapat membantu pihak-pihak yang berkaitan untuk mencari penyelesaian bagi membantu meningkatkan sikap guru terhadap perubahan dapat dipertingkatkan ke tahap yang tinggi. Abdul Halim Masnan (2014), menyatakan bahawa pengajaran yang berkesan adalah pencapaian guru dapat diterima oleh murid.

Dalam pendidikan prasekolah, guru prasekolah perlu mempunyai kemahiran untuk melaksanakan pelbagai aktiviti pengajaran yang bersesuaian dengan tahap perkembangan diri, kebolehan, keupayaan, bakat dan minat murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, (2009). Oleh itu, kemahiran pelaksanaan pengajaran guru prasekolah permulaan dalam kajian ini melibatkan kecekapan dan kebolehan yang dapat diperhatikan dalam proses pelaksanaan pengajaran di dalam kelas. Ini menurut pandangan mereka melalui temu bual serta analisis dapatan melalui dokumen rancangan pengajaran harian (RPH).

Berdasarkan ujian perbandingan di antara dua kumpulan rawatan tanpa masa (kesan rawatan) mendapati terdapat peningkatan yang signifikan pada perubahan skor sikap guru antara kumpulan intervensi dan kawalan ($p\text{-value} = <0.001$). Terdapat peningkatan yang signifikan pada perubahan skor akhlak antara kumpulan intervensi dan

kawalan berdasarkan masa ($F\text{-stat}= 302.56$, $p\text{-value}= <0.001$). Dalam masa 2 minggu dan 3 bulan terdapat perbezaan dalam min sikap guru antara kumpulan kawalan dan intervensi.

Kesimpulannya, hasil kajian menunjukkan min sikap untuk masa *baseline*, 2 minggu and 3 bulan adalah berbeza untuk kedua-dua kumpulan. Dalam masa *baseline*, masa 2 minggu dan masa 3 bulan, di dapati min sikap guru meningkat dalam kumpulan intervensi. Ini bertepatan dengan kajian Parkay (1990) dalam Esah (2004) sebagai seorang guru perlu mempunyai sikap suka mengajar atau *a love for teaching* dan sukakan proses pengajaran dan pembelajaran. Hasil kajian ini mendapati ada peningkatan sikap yang ditunjukkan oleh guru-guru dengan bimbingan dan bantuan. Ini disebabkan seorang guru memang sukakan pengajaran dan sentiasa berusaha mempermudah kefahaman murid berdasarkan topik yang diajar (Ramlah, 1992). Disamping itu, mengikut Shouse (1996) menyatakan rumusan berdasarkan kajian yang dilakukan kepercayaan atau keyakinan yang dipegang oleh seseorang guru memberi kesan yang mendalam kepada pembentukan sikap guru tersebut. Oleh yang demikian, perubahan sikap guru dalam pengajaran sentiasa diterima untuk memantapkan kualiti pendidikan murid dengan bantuan dan bimbingan.

b) Amalan

Hasil analisis kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada skor amalan guru dalam setiap kumpulan rawatan berdasarkan masa ($F\text{-stat}=6.801$; $p\text{-value}= 0.002$). Keputusan perbandingan pasangan masa (*pairwise comparison*) dengan *Confidence interval adjustment* menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam semua perbandingan dalam kumpulan intervensi. Tetapi, bagi masa *baseline* dengan 3 bulan terdapat perbezaan yang tidak signifikan dalam kumpulan kawalan. Kesimpulannya, terdapat perbezaan yang signifikan pada skor amalan guru dalam setiap kumpulan rawatan berdasarkan masa. Hasil analisis perbandingan amalan guru antara dua kumpulan rawatan tanpa masa (kesan rawatan). Hasil analisis kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan pada perubahan skor amalan guru antara kumpulan intervensi dan kawalan ($p\text{-value}= <0.001$) tanpa masa. Ini adalah selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Mohd Nazri Abdul Rahman dan Wan Nurul Baizura Wan Mohamad Noor (2018) bagi memastikan guru prasekolah dapat meningkatkan kemahiran dan amalan pengajaran yang cemerlang berdasarkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan

(KSPK). Berdasarkan KSPK semakan 2017, pihak kementerian perlulah menyediakan bahan-bahan pengajaran yang mencukupi seperti keperluan PdPc, menganjurkan kursus dan latihan ia adalah selari dengan hasil dapatan kajian (Suriana Ismail, 2012), guru besar dan guru-guru prasekolah perlu diberi beberapa siri latihan dan bimbingan secara berterusan untuk memastikan pemahaman serta kemahiran guru untuk pelaksanaan KSPK Semakan 2017 dapat ditingkatkan. Ini bertepatan dengan model yang digunakan penyelidik iaitu model pembelajaran *psychoeducational* kumpulan. Penggunaan model ini dalam kajian banyak membantu guru-guru memahami pendekatan yang digunakan dan sentiasa dibimbing serta berbincang dalam kumpulan. Guru menunjukkan kesungguhan dan komitmen yang tinggi dengan bantuan fasilitator untuk melakukan perubahan dalam pengajaran.

Modul *Islamic Project*© ini dibangunkan adalah berdasarkan semakan KSPK yang memerlukan guru-guru menggunakan pendekatan baharu dalam pengajaran iaitu pendekatan projek. Ini amat bersesuaian dengan Kajian Habib Mat Som dan Syed Kamaruzaman Syed Ali, (2011) menunjukkan bahawa wujudnya pertalian antara faktor dorongan psikologi dengan tahap kesediaan guru seperti aspek motivasi, tahap kemahiran dan kepuasan kerja yang memberi impak dalam mempengaruhi komitmen guru untuk melaksanakan perubahan. Dalam kajian Habib Mat Som dan Syed Kamaruzaman Syed Ali, (2011) juga menjelaskan bahawa dua asas utama bagi menentukan kejayaan sesuatu perubahan kurikulum adalah peranan pentadbir sekolah, memacu perubahan, dan sokongan guru-guru melaksanakan perubahan dengan penuh minat dan bersungguh-sungguh. Sikap dan amalan yang ditunjukkan oleh kumpulan guru intervensi sangat baik dan hasil dapatan kajian mendapati ada perubahan yang ditunjukkan oleh guru setelah menjalani intervensi. Begitu juga dengan kajian Erma Binti Abu dan Kwan Eu, (2014) menyatakan bahawa sikap yang positif oleh beberapa responden terhadap pelaksanaan KSPK semakan 2017 menyebabkan guru prasekolah berkenaan cemerlang dalam melaksanakan tugas mereka.

Ini kerana adalah tidak mencukupi dengan hanya satu sesi taklimat penyebaran KSPK semakan 2017 dijalankan oleh pihak KPM untuk memperjelaskan konsep dan memahami reka bentuk kurikulum ini. Kajian Siti Fatimah Ali dan Najeemah Mohd Yusof (2012) dan Mohd Asnorhisham Adam dan Abdul Rahim Hamdan (2017) mendapati betapa pentadbir sekolah dan KPM mahukan murid-murid lepasan prasekolah

untuk menguasai kemahiran asas yang telah dinyatakan dalam Dokumen Standard Prasekolah Kebangsaan, namun penekanan lebih kepada penguasaan LINUS.

Menurut Lihanna (2005) guru prasekolah kurang mengamalkan pendekatan pengajaran mengikut ‘Amalan Bersesuaian Perkembangan’ (ABP). Walaupun terdapat dalam kalangan guru prasekolah yang mengetahui kepentingan ABP yang terkandung di dalam panduan KSPK, tetapi mereka menghadapi masalah untuk melaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran murid. Guru prasekolah didapati mengetahui untuk menggunakan pendekatan belajar melalui bermain, pendekatan bertema dan penggunaan teknologi maklumat tetapi tidak mengikut ABP murid (Mariani, 2006). Ini boleh memberi kesan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang tidak sesuai dengan peringkat umur dan perkembangan murid di prasekolah.

Masalah dalaman yang dihadapi oleh guru permulaan turut melibatkan penulisan rancangan pengajaran harian (RPH) yang kurang lengkap (Chong & Cheah, 2009). Pengurusan penulisan RPH secara tidak sistematik ini banyak dipengaruhi oleh situasi guru permulaan yang berada dalam proses ‘belajar untuk mengajar’. Satu kajian yang dilakukan oleh Cloke, Sabariah dan Abdul Said (2006) terhadap amalan pedagogi guru di Malaysia mendapati bahawa mereka lebih suka menggunakan RPH dalam aktiviti pengajaran sebagai rutin harian dan bukan sebagai satu proses penambahbaikan. Selain itu, guru permulaan didapati kurang mengamalkan inovasi alat bantu mengajar (ABM) melalui teknologi maklumat dan aktiviti pembelajaran murid secara berkumpulan (Cloke, Sabariah & Abdul Said, 2006).

Kajian berkenaan amalan guru prasekolah permulaan ini memerlukan pemahaman dengan lebih terperinci berkenaan kaedah penyelesaian masalah yang dilaksanakan oleh mereka. Penerokaan melalui pengalaman sebenar yang dialami oleh mereka adalah salah satu contoh penyelesaian yang terbaik supaya dapat dijadikan panduan kepada guru permulaan yang lain (Renard, 2003). Ini bersesuaian dengan dapatan kajian ini, menunjukkan peningkatan terhadap amalan guru dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti berdasarkan modul *Islamic Project*©. Modul ini mengalakkan guru menggunakan bahan-bahan maujud dan terdapat pengajaran yang sistematik dengan mengikut langkah-langkah pengajaran yang mudah seperti dalam modul.

Berdasarkan kajian ini, penyelidik menyepadukan Model penilaian Kirkpatrick (2006) dan model pembelajaran *psychoeducational* kumpulan. Ia adalah satu gambaran konsep tentang sesuatu aktiviti yang dapat menunjukkan perkaitan antara pelbagai elemen yang terlibat di dalam sesebuah program. Royse et al. (2001) mendefinisikan program sebagai kumpulan aktiviti-aktiviti yang disusun dan direka bentuk untuk mencapai objektif-objektif yang tertentu. Scalock dan Thornton (1988), penilaian program merupakan perbandingan berstruktur kerana melibatkan perbandingan dengan perkara-perkara lain. Hasil dapatan kajian mendapati guru-guru dapat mengikuti program mengikut jangkamasa dan mudah untuk memahami pendekatan yang digunakan dengan bantuan fasilitator. Ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Hamdi Ishak, Ab Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid, Safani Bari (2012) yang bertajuk amalan pengajaran guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan pendidikan khas. Kajian ini mendapati kepelbagaian strategi, kaedah dan pendekatan pengajaran boleh membantu murid-murid dari segi perkembangan akademik murid.

iv) Tahap Model Penilaian Kirkpatrick 4 : Keberhasilan Murid

Fasa 3 adalah menilai keberkesanan intervensi *Islamic Project*© menggunakan Model Penilaian Empat Tahap Kirkpatrick (2006). Tahap keempat adalah menilai keberkesanan dan hasil sesuatu program yang dijalankan. Ini adalah selaras dengan kajian ini iaitu sejauhmanakah keberkesanan Modul *Islamic Project*© terhadap hasil pembelajaran murid Tabika KEMAS dari aspek pengetahuan, sikap dan amalan?.

Fasa 3 ini membuktikan bahawa keberkesanan intervensi *Islamic Project*© berdasarkan Model Penilaian Empat Kirkpatrick (Kirkpatrick & Kirkpatrick, 2006). Hasil dapatan kajian mendapati terdapat peningkatan pendekatan *Islamic Project*© terhadap hasil pembelajaran murid Tabika KEMAS dari aspek pengetahuan, sikap dan amalan.

Menurut tahap 4 model penilaian Kirkpatrick, keberkesanan intervensi yang diukur melalui kesan dari peserta yang terlibat dalam kajian. Tahap penilaian ini, kesan intervensi kajian ini diukur mengikut penerimaan guru dan murid yang terlibat. Tujuan tahap penilaian ini adalah untuk mendapatkan penemuan yang komprehensif mengenai keberkesanan intervensi keseluruhan program yang dijalankan.

Repeated Measure ANCOVA menunjukkan satu keputusan yang penting dalam peningkatan pengetahuan, sikap dan amalan di kalangan murid. Keputusan ini penting dengan peningkatan positif dari *baseline*, 2 minggu dan 3 bulan intervensi dalam kumpulan intervensi berbanding dengan kumpulan kawalan. Berikut adalah penerangan dapatan kajian hasil pembelajaran murid berdasarkan 3 domain berikut iaitu pengetahuan, sikap dan amalan.

a) Pengetahuan

Hasil dapatan analisis perbandingan pengetahuan murid dalam setiap kumpulan rawatan dan kawalan berdasarkan masa (kesan masa), terdapat perbezaan yang signifikan dalam semua perbandingan dalam kumpulan intervensi dan kawalan. Ini menunjukkan ada perubahan dari segi pengetahuan murid semasa intervensi dijalankan. Kumpulan intervensi murid ini dari segi pengetahuannya meningkat. Ini bersesuaian dengan pendapat Alsagoff, (1983) yang menyatakan bahawa pengajaran yang berkesan adalah merujuk kepada guru yang dapat membawa pelajar kepada hasil pembelajaran terakhir yang akan dicapai. Oleh itu, pembentukan proses pengajaran berkesan mempunyai nilai yang berbeza-beza namun ia masih bermatlamat untuk melihat hasil daripada isi pelajaran yang disampaikan. Kajian ini juga bersamaan dengan dapatan kajian dijalankan oleh Norazizah Abdul Rahman, Sopia Md Yassin dan Noor Ashikin Mohd Yusop (2016) mendapati melalui pendekatan projek kanak-kanak meneroka persekitaran dan membina pengetahuan mengenai perkara dalam kehidupan seharian mereka. Malah peranan pendidik sebagai pendengar yang peka dan pemerhati yang mahir terhadap setiap perbualan kanak-kanak di dikenal pasti di sepanjang proses pembelajaran. Melalui pendekatan projek ini, murid-murid bergerak aktif, dengan bimbingan guru dan aktiviti dipelbagaikan bersesuaian dengan topik yang dipelajari oleh kanak-kanak nanti.

Pendekatan *Islamic Project*© memberi penekanan terhadap pembelajaran fleksibel dan mendalam menerusi penyiasatan, pengalaman mengenai sesuatu topik yang dipelajari oleh kanak-kanak. Ini berbeza dengan dapatan kajian oleh Clark, 2001, guru-guru menggunakan pengajaran secara terus dan menjalankan aktiviti menggunakan lembaran kerja. Ini kerana Penggunaan lembaran kerja telah menjadi kebiasaan dalam kalangan guru-guru prasekolah untuk aktiviti pengukuhan bagi menilai tahap pengetahuan murid untuk sesuatu topik.

Ini berbeza dengan hasil dapatan kajian kumpulan kanak-kanak kawalan, ia menunjukkan tiada peningkatan untuk perbandingan masa 2 minggu dan 3 bulan. Kesimpulannya, terdapat perbezaan yang signifikan pada skor pengetahuan murid dalam setiap kumpulan rawatan berdasarkan masa. Ini disebabkan oleh kanak-kanak belajar dengan lebih menghafal dan menggunakan cara lama bersamaan dengan pendapat guru pada fasa analisis menyatakan pengajaran perlu bersifat interaktif, mudah difahami oleh pelajar. Begitu juga dengan teori konstruktivisme, teori ini menggalakkan kanak-kanak dan guru menjalankan aktiviti, tetapi modul yang asal ini langkah-langkah aktiviti lebih berpusatkan guru bukan pada murid-murid.

Secara keseluruhannya, hasil kajian dalam masa *baseline*, 2 minggu dan 3 bulan, min pengetahuan murid meningkat dalam kumpulan yang menerima intervensi. Berdasarkan ujian *multivariate*, hasil analisis menunjukkan terdapat peningkatan yang signifikan pada perubahan skor pengetahuan murid antara kumpulan intervensi dan kawalan berdasarkan masa ($F\text{-stat}=53; p\text{-value} < 0.001$). Dalam masa 2 minggu dan 3 bulan, terdapat perbezaan dalam min pengetahuan murid antara kumpulan kawalan dan kumpulan intervensi .

Keputusan menunjukkan bahawa intervensi ini menunjukkan kesan positif yang signifikan terhadap pengetahuan bagi murid-murid yang menyertai intervensi berbanding dengan murid-murid kumpulan kawalan yang tidak menyertai program ini.

b) Sikap

Hasil keputusan kajian, terdapat perbezaan yang signifikan dalam perbandingan masa *baseline* dengan 3 bulan (*baseline* vs 3 bulan) dan 2 minggu dengan 3 bulan (2 minggu vs 3 bulan) dalam kumpulan intervensi. Tetapi, didapati tiada perbezaan yang signifikan dalam dua perbandingan masa *baseline* dengan 2 minggu dengan nilai ($MD = -1.10$;95% $CI: -3.42, 1.23$) ; $p\text{-value}=0.723$). Ini menunjukkan bahawa penambahbaikan yang positif berlaku iaitu peningkatan hasil pembelajaran yang dapat dilihat di kalangan murid kesan intervensi ini. Hasil penemuan ini, bersesuaian dengan tahap 4 Kirkpatrick kesan intervensi dapat dilihat pada tahap ini dan berdasarkan intervensi yang dijalankan pada tahap 3. Tahap 4 ini memberi maklumat yang amat penting dan berharga

berdasarkan penemuan yang diperolehi. Dalam kajian ini, penilaian ke atas keberkesanan hanya berdasarkan kepada hasil ukuran (hasil pembelajaran) kanak-kanak.

Ini bersesuaian dengan kajian yang dijalankan oleh Masadlihani Masduki (2016), tujuan Pendidikan awal adalah untuk memperkembangkan potensi dan melahirkan murid yang berkemahiran dengan mempelbagai aktiviti *hands on*. Ch'ng Lee Kheng (2012), melalui hasil kajiannya menunjukkan bahawa aktiviti *hands-on* telah meningkatkan minat dan pencapaian murid kajian dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini menunjukkan kanak-kanak memerlukan pendekatan yang baharu dan perlu bimbingan daripada guru-guru mereka.

Hasil kajian ini menunjukkan kanak-kanak dapat berinteraksi dengan yakin, menunjukkan tingkahlaku bersopan dalam pergaulan di sekolah menunjukkan ada peningkatan berdasarkan tempoh masa yang ditetapkan dalam kajian. Perubahan ini dapat dilihat oleh guru semasa menjalankan aktiviti dari *baseline*, 2 minggu dan 3 bulan dalam kumpulan terdapat perubahan berbanding dengan kumpulan murid kawalan. Ini bersesuaian dengan dapatan kajian Arpana dan D'Souza (2012) mengkaji tentang keberkesanan latihan kemahiran hidup berkumpulan dan individu boleh meningkatkan keyakinan terhadap kanak-kanak. Begitu juga dengan kajian Azrul (1988), salah satu kejayaan murid dalam bidang pembelajarannya ialah pembentukan sikap belajar, yang mana sikap tersebut mempunyai hubungan yang erat dengan tanggungjawab untuk belajar memahami dan menyelesaikan tugas yang diberikan guru. Begitu juga dapatan kajian Arpana dan D'Souza (2012) mengkaji tentang keberkesanan latihan kemahiran hidup berkumpulan dan individu boleh meningkatkan keyakinan terhadap kanak-kanak. Seseorang murid yang bertanggungjawab terhadap pelajarannya akan sentiasa menyiapkan kerja atau tugas yang diberi oleh guru, sentiasa hadir ke kelas, bersemangat untuk belajar dan sentiasa berusaha dalam pelajarannya (Kamaruddin, 1997). Selain itu, Suradi (1987) mendapati bahawa sikap guru akan mempengaruhi minat dan usaha ke arah kejayaan murid. Sikap negatif terhadap guru boleh melemahkan minat dan motivasi murid dalam mata pelajaran yang diajar oleh guru tersebut.

c) Amalan

Hasil kajian yang dijalankan mendapati, min amalan murid untuk masa *baseline*, 2 minggu dan 3 bulan adalah berbeza untuk kedua-dua kumpulan. Dalam masa *baseline*,

2 minggu dan 3 bulan, minat amalan murid-murid didapati meningkat dalam kumpulan intervensi. Intervensi yang dijalankan kanak-kanak boleh membezakan makanan halal haram, adab-adab masuk keluar tandas dengan membuat penerokaan, baca doa sambil menjalankan aktiviti. Keputusan tahap 1 penilaian Kirkpatrick juga menunjukkan guru memerlukan bahan-bahan pengajaran baru untuk menarik minat kanak-kanak. Ini amat bersesuaian dengan modul yang disediakan bagi menambahbaik keberhasilan murid. Begitu juga dengan pendapat Omardin (1996), minat merupakan suatu perkara penting sebagai pendorong kepada murid untuk bergiat cergas dalam aktiviti pembelajaran. Ismail (1992) menyokong pernyataan tersebut dengan menyatakan minat terhadap sesuatu perkara atau aktiviti akan mendorong seseorang murid meneroka dengan lebih jauh. Kajian Ee (1998) juga mendapati bahawa guru dapat meningkatkan minat murid melalui pelbagai rangsangan seperti nada yang berubah-ubah, bahan bantu yang menarik, permainan dan sebagainya. Melalui cara ini guru akan dapat meningkatkan minat dan rasa ingin tahu murid terhadap pengajarannya. Murid yang mendapat motivasi daripada guru biasanya akan menjadi lebih berminat yang seterusnya membantu proses pencapaian objektif pembelajaran.

Ini disokong oleh Faridah et al. (2005) bahawa kurangnya motivasi dalam menggalakkan belajar akan membantutkan perkembangan kognitif, masalah moral, sikap sendiri yang rendah, buta huruf dan pencapaian rendah ketidakhadiran ke sekolah dan tercicir dari sekolah. Menurut Salleh, et al., (2005), ketidakupayaan pelajar dalam menguasai pengetahuan secara berterusan dan memahami topik-topik yang telah dipelajari adalah disebabkan oleh proses pembelajaran yang tidak melibatkan pelajar-pelajar secara aktif.

Dapatan kajian mendapati penglibatan, strategi pengajaran, pengurusan kelas dan kemahiran guru akan memberi kesan terhadap pembentukan tingkah laku kanak-kanak di dalam kelas (Ismail & Mohamad, 2017; Durlak, et. al., 2011; Parkay, Stanford & Gougeon, 2010). Penemuan dari kajian ini juga mendedahkan bahawa guru boleh membentuk tingkah laku kanak-kanak dengan memberikan dorongan, pujian, penghargaan yang positif, dan ganjaran perlakuan baik terhadap mereka (Arifatun, 2015; Gebbie, Ceglowski, Taylor, & Miels, 2012; Dutton, Varjas, Meyers, & Collins, 2010).

- v) Model Penilaian Kirkpatrick



Rajah 5.1 Model KirkPatrick

Sumber: KirkPatrick, (2006)

Untuk menjelaskan lagi, model Kirkpatrick (2006) ini digunakan dalam modul *Islamic Project*© bagi panduan fasilitator. Penyelidik menyediakan satu jadual matrik yang berdasarkan model Kirkpatrick. Berdasarkan jadual 4.42 dibawah diberikan penjelasan mengenai model KirkPatrick yang disesuaikan dalam pengajaran akhlak ini.

Jadual 5.1 Matrik Kaedah Penilaian KirkPatrick

Soalan	Petunjuk	Sumber Data	Kaedah Pengumpulan Data
Tahap 1 : Reaksi			
Apakah anda memahami yang ada pelajari	Penyampaian Latihan	Peserta	Soal selidik
Tahap 2 : Pembelajaran			
Dengan menghadiri Program, adakah anda dapat menyelesaikan masalah?	Pengetahuan asas kemahiran	Peserta	Soal selidik
Tahap 3 : Perubahan Tingkahlaku			
Bagaimana respon murid beberapa kali sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung?	Guru Tindakbalas /pemerhatian	Guru	Soal selidik Temubual
Tahap 4 : Hasil			
Adakah anda berpuas hati sepanjang mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran?	Tahap kepuasan murid	Murid	Soal selidik
Apakah modul yang dilaksana mencapai objektif?	Proses amalan dan perubahan	Analisis dokumen	Soal selidik temubual
Adakah anda berpuas hati dengan bahan-bahan yang disediakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung?	Tahap kepuasan tenaga pengajar	Murid	Soal selidik Temubual

Berdasarkan Jadual 4.42 Matrik Kaedah Penilaian Kirkpatrick, untuk mendapatkan hasil penilaian reaksi yang terbaik seseorang penyelidik disyorkan agar (1) menentukan apa yang hendak dikaji, (2) mereka bentuk borang soal selidik menggunakan skala Likert, (3) menggalakkan komen dan cadangan bertulis, (4) mendapatkan 100 peratus respon sebaik sahaja program latihan ditamatkan, (5) menggalakkan respons yang jujur, (6) membangunkan piawaian yang boleh diterima, (7) mengukur reaksi berdasarkan piawaian dan seterusnya mengambil tindakan susulan yang bersesuaian serta (8) mengkomunikasikan reaksi dengan cara yang bersesuaian Kirkpatrick, (2006).

Bagi Kirkpatrick dan Kirkpatrick (2006), pengukuran reaksi adalah penting dan mudah untuk dilakukan. Penyelidik akan membuat keputusan yang tidak tepat melalui apa yang mereka dengar tentang sesuatu program latihan tetapi dengan adanya penilaian reaksi, data-data dapat dikumpulkan untuk mengetahui reaksi sebenar peserta. Ini dilakukan oleh penyelidik dalam kajian ini pengumpulan data dilakukan sendiri untuk mendapat maklum balas mengenai program ini. Penilaian reaksi yang tepat adalah amat penting kerana minat, perhatian dan motivasi peserta mempunyai pengaruh terhadap pembelajaran yang akan berlaku.

5.5 Kekuatan Kajian Ini

Kajian ini mempunyai beberapa kekuatan berbanding dengan kajian sebelum ini berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran guru. Kekuatan kajian ini dikemukakan berdasarkan tiga perbezaan fasa dalam kajian ini.

- Fasa 1: Analisis keperluan dan Gaya pengajaran Guru

Reka bentuk, pembangunan dan pengesahan baru *Islamic Project*© menggunakan reka bentuk campuran iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah reka bentuk ini adalah pilihan ideal sejak dari dahulu lagi bag setiap peringkat dibina. Ini disokong dengan penemuan terdahulu. Oleh itu, ia menyumbang kepada penemuan yang komprehensif dan boleh dipercayai berkaitan dengan kajian ini. Ini disokong dengan kajian terdahulu, reka bentuk kajian menyumbang kepada kualiti soal selidik dengan psikometrik yang tinggi (Dur et al., 2104: Phan, 2015)

Seterusnya, modul *Islamic Project*© yang baru dibangunkan dengan kesahan isi kandungan dan soal selidik yang kukuh, berdasarkan penemuan kajian sistematik dan daripada penemuan kuantitatif dengan kumpulan sasaran (Cameron & Johnston, 2015). Kaedah pengesahan ini menggunakan kaedah pembangunan soal selidik terkini.

- **Fasa 2 : Pembangunan Dan Pengesahan Modul**

Pembangunan versi pertama *Islamic Project*© penyelidik menggabungkan Model kumpulan *psychoeducational* dan teori-teori untuk membangunkan strategi pendidikan dalam kajian ini Sementara itu, perkembangan versi *Islamic Project*© menggunakan teknik Delphi yang Terubah Suai, yang merupakan kaedah sistematik yang mantap untuk meningkatkan kesahan kandungan, kesahan serentak dan kebolehpercayaan modul (Balasubramanian & Agarwal, 2012; Shariff, 2015). Seterusnya, ini adalah kaedah yang paling terkenal untuk mencapai persetujuan berdasarkan penilaian yang tepat berbanding dengan mesyuarat kumpulan individu atau bersemuka dapat lihat kecenderungan personaliti seseorang (Avella, 2016). Oleh itu, dengan pengetahuan yang baik, *Islamic Project*© yang disahkan modul pertama untuk dibangunkan dalam bidang program Pendidikan Islam dari aspek akhlak menggunakan pendekatan projek, khususnya di Malaysia. Pengesahan modul ini juga, melibatkan pelbagai pakar antaranya ialah pakar psikologi, kaunseling, guru Pendidikan Islam, kaunselor dan pendidikan awal kanak-kanak. Ia amat membantu pengkaji memperolehi idea-idea yang baru dan bermakna dalam kajian ini.

- **Fasa 3 : Penilaian**

Rekabentuk kajian dalam fasa ini menggunakan *randomised controlled trial* iaitu kaedah penyelidikan yang direka untuk membuktikan kesan intervensi yang menunjukkan bukti (Sibinga & Jennings, 2010). Kajian ini melibatkan kumpulan kawalan yang ciri-cirinya dengan kumpulan intervensi. Ini menunjukkan bias yang paling rendah. Untuk menganalisis data, RM ANCOVA telah dijalankan dalam tiga selang masa iaitu di permulaan kajian, tempoh masa selepas dua minggu, dan pada 12 minggu selepas intervensi untuk menilai kemantapan kajian. Oleh itu, hasilnya lebih bermakna dan memberikan lebih penjelasan yang jelas berbanding pra ujian.

Kekuatan Kajian Fasa 3

Kekuatan kajian ini juga pada fasa 3 ini, menunjukkan kajian yang mempunyai kaedah yang sistematik, berasaskan Model Penilaian empat tahap Kirkpatrick. Secara keseluruhannya, kesemua empat tahap dalam model penilaian ini telah dimasukkan dan digunakan dalam kajian ini. Model penilaian 4 tahap Kirkpatrick ini tidak pernah digunakan mana-mana kajian dalam pembentukan modul Pendidikan Islam dari aspek akhlak sebelum ini. Ia sangat komprehensif kerana model penilaian ini digunakan bagi meningkatkan pengetahuan, sikap dan amalan kanak-kanak. Oleh itu, penemuan hasil kajian ini, aktiviti ini perlu dibuat secara berterusan dan berulang-ulang untuk mendapatkan peningkatan hasil yang lebih baik.

Guru diperkenalkan dengan jelas setiap tajuk projek yang akan mereka bangukan. Pengenalan terhadap projek akhlak memberikan gambaran terhadap aplikasi sebenar projek yang akan mereka bangukan. Pengenalan projek akhlak dapat memberikan idea dan mewujudkan sikap inovasi di kalangan murid.

Kelebihan Modul Kepada Guru adalah membantu dan memudahkan guru dalam menyusun dan merancang aktiviti pembelajaran jika guru ingin menggunakan kaedah projek. Projek yang dihasilkan boleh digunakan sebagai bahan bantu mengajar untuk kelas yang lain. Memudahkan penilaian guru terhadap pengetahuan adab-adab, membaca doa, kreativiti serta penyelesaian masalah. Guru sebagai fasilitator sepanjang aktiviti pembelajaran berlaku.

Kelebihan Modul Kepada murid, apabila menggunakan modul pembelajaran berasaskan projek ini dapat dilihat seperti memberikan peluang kepada pelajar menunjukkan bakat dan potensi mereka di dalam bidang rekacipta dan inovasi, memupuk nilai-nilai murni dan meningkatkan daya kreativiti dan inovasi, belajar membuat keputusan dan bekerjasama di dalam kumpulan. Murid-murid juga dapat mempelajari konsep kebesaran Allah, adab-adab pergaulan dan aplikasinya di dalam kehidupan dengan kaedah pembelajaran yang lebih menarik dan berkesan. Di samping itu juga, melalui modul ini murid-murid belajar melalui pengalaman dan penerokaan, kerja berpasukan dan dapat berinteraksi dengan semua individu yang terlibat semasa menjalankan projek mereka.

Dari aspek ciri-ciri iaitu modul ini boleh dijadikan garis panduan untuk membimbing guru-guru prasekolah mengendalikan program pengajaran dan pembelajaran menggunakan pendekatan projek dalam pengajaran akhlak kepada murid-murid prasekolah secara sistematik dan berstruktur kepada guru-guru.

Modul pembelajaran berasaskan projek ini dibangunkan adalah bersesuaian dengan matlamat modul di mana pembelajaran menggunakan modul ini lebih kepada akhlak kanak-kanak dan pendekatan pengajaran lebih menjalankan aktiviti berpusatkan kanak-kanak. Selain itu, untuk meningkatkan kualiti modul yang dibangunkan, beberapa unsur-unsur nilai-nilai dan adab-adab telah diterapkan antaranya melalui penggunaan hadis, cerita-cerita nabi dan sahabat serta disertakan dengan doa. Lagu-lagu dan nasyid serta zikir digunakan semasa menjalankan aktiviti *Islamic Project*© ini. Penerapan elemen-elemen ini bertujuan untuk menarik minat pengguna yang menggunakan modul ini sebagai medium atau bahan pembelajaran mereka. Dalam kaedah *Islamic Project*© pendidik menggunakan sama ada Al-Quran dan Hadits sebagai rujukan utama. Setiap topik projek akan disokong dengan ayat-ayat Al-quran, Hadits dan sirah yang mempunyai kaitan secara langsung. Ini secara tidak langsung akan memudahkan kanak-kanak menghayati kandungan Al-Quran di samping dapat menyemai rasa tanggungjawab yang tinggi terhadap islam dan ajarannya.

Islamic Project© membantu pendidik menyokong kanak-kanak berfikir secara mendalam menggunakan daya pemikiran dan kefahaman mereka. Pendidik memainkan peranan yang amat penting dalam proses memperkenalkan sesuatu *Islamic Project*© yang mempunyai tujuan tertentu dalam membimbing kanak-kanak.

Melalui *Islamic Project*© memberi banyak peluang kepada guru-guru dan kanak-kanak menggunakan idea mereka yang boleh dinilai, kreativiti mereka yang perlu digalakkan dan memupuk minat dan kefahaman mereka terhadap sesuatu perkara. Dengan itu keperluan pembelajaran mereka akan tercapai dan pendidik juga berjaya menerapkan nilai-nilai murni dalam diri mereka

Modul pembelajaran ini memaparkan tajuk-tajuk dan bahagian yang hendak disampaikan dengan ringkas dan jelas. Setiap paparan mengandungi arahan-arahan dan penyampaian yang mudah difahami oleh pengguna. Visual dan gambarajah yang disediakan juga adalah jelas dan ringkas, memudahkan pengguna untuk membayangkan

bagaimana projek itu dibangunkan mengikut langkah-langkah yang disediakan. Selain itu juga, modul yang dibina ini disediakan juga di dalam bentuk *Microsoft Power Point* untuk memudahkan guru-guru menggunakannya di dalam kelas.

Dari aspek grafik, menyedari pengguna lebih gemar bahan pembelajaran atau modul yang berwarna berbanding hitam dan putih, modul ini telah dibangunkan dengan penerapan warna-warna yang ringkas dan menarik. Gabungan warna yang sesuai telah diambilkira mengikut projek dan diseragam untuk ke semua modul untuk hasil yang lebih menarik dan kemas.

Visual pula modul ini menggunakan gabungan gambar sebenar dan ilustrasi animasi sebagai medium visual di dalam modul ini. Gabungan visual ini menghasilkan paparan yang lebih jelas bagaimana binaan projek tersebut dilakukan dan dibangunkan. Paparan yang jelas ini dapat memudahkan pengguna dalam membentuk idea bagaimana menghasilkan dan membangunkan projek mereka dengan lebih kreatif dan inovatif.

Penyelidik telah menjalankan penilaian terhadap modul pembelajaran ini dilakukan oleh pakar-pakar yang berpengalaman dan dipilih dari Institusi dan prasekolah yang terpilih. Setiap modul dinilai oleh pakar yang berpengalaman. Kriteria Penilaian terhadap modul ini menggunakan menggunakan teknik Delphi Terubah Suai mengandungi beberapa bahagian dan pusingan yang perlu dinilai. Kulit hadapan perlulah jelas, menarik dan ringkas. Terdapat visual yang menggambarkan dengan jelas tentang projek yang akan dibangunkan oleh pelajar apabila memilih modul-modul yang disediakan ini. Matlamat penggunaan modul dipaparkan dengan jelas dan mudah difahami. Matlamat juga perlu menepati kehendak kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).

5.6 Limitasi dan cadangan

Bahagian ini membincangkan batasan kajian dan pembentangan cadangan untuk penyelidikan pada masa hadapan. Pertama, penemuan mewakili guru-guru prasekolah KEMAS di Kelantan majoriti guru perempuan. Hasil dapatan kajian, pada tahap 2 kesahan dalaman yang tinggi dari modul intervensi dan pengukuran yang digunakan pada tahap 1. Hasilnya yang penggunaan oleh guru-guru KEMAS yang terlibat. Fasa 3 boleh digunakan model ini untuk reka bentuk pengajaran dalam pelbagai tajuk dan tunjang

pembelajaran kanak-kanak. Oleh itu, kajian masa depan dalam pengajaran dan pembelajaran yang berbeza, penyelidik boleh menggunakan metodologi ini dan mengesahkannya semula mengikut keperluan peserta tersebut.

Kedua berkaitan dengan penilaian keberkesanan intervensi dalam fasa 3 kajian, data pada tahap reaksi atau maklumbalas (tahap 1), perubahan (tahap 3) dan kesan hasil (tahap 4) sangat bergantung pada soal selidik itu sendiri. Jenis pengukuran ini membawa risiko kecenderungan bias (King & Bruner, 2000). Sebaik-baiknya pengukuran ini dilakukan secara pemerhatian untuk meningkatkan hasil penemuan kajian. walau bagaimanapun, disebabkan kerahsiaan dan keprihatinan tinggi terhadap hasil penemuan, kaedah pengumpulan data tidak berasaskan pemerhatian tetapi penyelidik menjalankan kajian melalui tindakan susulan dengan menggunakan soal selidik yang sama dalam masa 2 minggu dan 3 bulan selepas intervensi. Selain itu, penemuan di semua peringkat penilaian Kirkpatrick bergantung pada setiap tahap lain untuk meminimumkan bias. Seterusnya, penyelidik menjelaskan kepada peserta bahawa matlamat kajian ini adalah membantu mereka dalam meningkatkan pengajaran dan pembelajaran di prasekalah dan tidak menilai mereka semua.

Berdasarkan hasil kajian, perbincangan dan rumusan kajian yang telah dibuat, beberapa cadangan boleh dipertimbangkan oleh pihak-pihak tertentu khususnya yang berkaitan dengan latihan pengajaran dan pembelajaran dan pembangunan sumber manusia seperti Kementerian Sumber Manusia KEMAS Kelantan, Kementerian Pelajaran Malaysia atau pun Kementerian Pengajian Tinggi, pihak universiti, majikan atau pun badan-badan kerajaan atau bukan kerajaan yang prihatin mengenai pengajaran alaf 21 ini yang memerlukan bantuan dan perubahan dilakukan oleh guru sendiri bagi meningkatkan perkembangan pendidikan anak-anak.

Memandangkan maklumbalas yang positif menggunakan kaedah program secara keseluruhannya dari aspek pengetahuan, sikap dan amalan iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia. Berdasarkan hasil dapatan kajian, penyelidik mendapati guru-guru mempunyai komitmen yang baik untuk melaksanakan pendidikan yang mengikut arus global. Cadangan saya bagi Kementerian Pendidikan Malaysia memberi latihan, kursus-kursus dan pendedahan terhadap sesuatu pendekatan baharu dengan menyampaikan maklumat dengan lebih banyak dan berterusan serta penjelasan yang boleh difahami oleh semua pendidik di Malaysia.

Bahagian latihan KEMAS Malaysia juga perlu meningkatkan perkembangan gaya pengajaran yang menarik dan kreatif guru di prasekolah, pihak yang terlibat perlu menyediakan latihan yang terkini dan mengikut garis panduan yang betul dan memerlukan pemantauan berterusan. Oleh yang demikian dengan adanya modul ini, ia adalah satu kelebihan bagi guru-guru prasekolah kerana sebelum ini modul yang disediakan adalah secara konvensional. Terdapat beberapa kajian yang dijalankan menyatakan guru belum memahami sepenuhnya cara untuk mengaplikasikan pendidikan alaf 21 menggunakan pembelajaran semulajadi dan *hands on learning*. Peranan guru kini adalah sebagai pembimbing yang dapat menyedarkan murid bahawa proses pembelajaran dan memperolehi ilmu berlaku dimana-mana. Bagi membimbing murid ini guru perlu mengetahui cara dan strategi yang kreatif bukan sahaja ilmu yang dikongsi oleh guru tetapi perkongsian melalui pemerolehan ilmu melalui diperolehi diluar bilik darjah menerusi pelbagai medium.

Institusi-institusi pengajian tinggi (IPT) dan institusi latihan kemahiran yang mempunyai kepakaran dan frasarana yang cukup diharap dapat bersama-sama turun padang dengan mendampingi masyarakat setempat khususnya melalui program-program pendidikan. Penduduk setempat dan masyarakat industri berhampiran perlu didedahkan dengan pendidikan bagi tujuan melahirkan guru Malaysia yang mempunyai kepakaran mengajar murid-murid bersahsiah tinggi dan berjaya. IPT juga perlu membina hubungan dan jaringan yang meluas dengan guru-guru Tadika dan Taska bagi mencapai aspirasi negara.

Modul *Islamic Project*© ini dibangunkan bagi tujuan sokongan, pengukuhan dan pengayaan pengajaran yang melibatkan aspek pengetahuan, sikap dan amalan bagi guru dan memberi kesan kepada murid-murid. Di sini penyelidik sekali lagi ingin menegaskan bahawa modul ini bukan hanyalah semata-mata cadangan tetapi yang mana sudah diuji, terdapat kebaikan dan juga kelemahannya yang tersendiri. Penyelidik yakin setiap pendidik mempunyai cara pendekatan yang berbeza.

Akhirnya, beberapa faktor yang mengelirukan juga boleh mempengaruhi guru dalam menyediakan bahan pengajaran. Kualiti pengajaran guru juga merupakan kumpulan sokongan yang tinggi kepada murid-murid prasekolah ini. Beberapa pemboleh ubah lain penting harus dipertimbangkan dalam penyelidikan akan datang. Walau

bagaimanapun, dengan memasukkan kumpulan kawalan dalam kajian intervensi ini diharapkan dapat meminimumkan faktor-faktor yang mengelirukan.

5.7 Cadangan Untuk Kajian Akan Datang

Oleh itu, dicadangkan untuk kajian akan datang, pengumpulan dan pelaksanaan triangulasi data lebih ketat apabila menilai keberkesanan intervensi. Oleh itu, perubahan tingkah laku lebih baik berlaku dalam keadaan semula jadi dan persekitaran yang baik adalah disyorkan bahawa kajian akan datang tempohnya adalah lebih lama lagi (Llanque et al., 2015). Tambahan pula, komponen tambahan menggunakan metodologi kualitatif dapat memberi kefahaman yang lebih baik kepada guru dalam memberi sokongan, cabaran yang dihadapi dan bagaimana mengatasi cabaran dalam memberi sokongan kepada kejayaan para murid prasekolah. Guru di temu bual secara mendalam, dapat memberikan maklumat unik dan memberi sokongan kepada murid-murid. Di samping itu kaedah kualitatif ini dapat memberi gambaran maklum balas peserta mengenai kekuatan dan kelemahan intervensi yang dijalankan (Reio et al, 2017).

Berdasarkan kepada dapatan kajian, perbincangan dan rumusan yang telah dibuat, beberapa kajian lanjutan berkaitan program boleh dijalankan. Berikut dikemukakan beberapa idea dan cadangan untuk kajian seterusnya yang mungkin boleh dilaksanakan.

- (i) Penyelidik akan datang juga boleh melakukan penyelidikan berupa kajian secara kualitatif bagi mengenal pasti dengan jelas pendidik- pendidik yang benar-benar memerlukan kaedah latihan atau program dalam pelaksanaan kursus dan latihan bagi guru-guru. Ini kerana keperluan dan kesesuaian kaedah pengajaran ini boleh membantu meningkatkan mutu, pengetahuan, sikap dan amalan guru-guru dengan kaedah pengajaran terkini.
- (ii) Penyelidik-penyelidik lain mungkin boleh meluaskan kajian berkenaan kesediaan terhadap pendekatan pengajaran ini di seluruh negara dan membabitkan semua sektor swasta dan kerajaan. Kajian yang menyeluruh dan melibatkan sampel yang lebih besar mungkin akan mengambil masa yang lama namun hasil kajian itu nanti boleh dijadikan panduan asas ke arah pembentukan sahsiah murid-murid.

- (iii) Kajian mengenai kesediaan dalam kalangan majikan juga boleh dilakukan oleh penyelidik seterusnya bagi melihat kesanggupan serta kemampuan majikan melaksanakan program *Islamic Project*© ini bagi meningkatkan mutu pendidikan negara melalui belajar sambil bermain dengan matapelajaran pendidikan islam. Kesediaan guru dari aspek pengetahuan, keuntungan, sumber kewangan, teknologi dan sebagainya merupakan antara isu utama bagi majikan dalam menilai kemampuan sebenar majikan untuk melabur dalam melaksanakan program ini.
- (iv) Kajian mengenai kesediaan dari aspek pengajaran alaf 21 dan kepakaran tempatan terhadap kaedah pendekatan pengajaran boleh juga dilakukan bagi melihat kesanggupan dan kemampuan institusi pendidikan kerajaan dan swasta melaksanakan pendekatan ini bagi Pendidikan Islam.

5.8 Kesimpulan

LAMPIRAN I : SOAL SELIDIK I-PROJEK SELEPAS 2 MINGGU PROGRAM BAGI MURID

LAMPIRAN J : SOAL SELIDIK I-PROJEK SELEPAS 12 MINGGU PROGRAM BAGI MURID

LAMPIRAN K : GARIS PANDUAN PERANAN FASILITATOR DALAM KUMPULAN SOKONGAN BERDASARKAN PERKONGSIAN PENGALAMAN, HALANGAN DAN CADANGAN CARA MENGATASI

LAMPIRAN L : RUJUKAN

LAMPIRAN M : PENGHARGAAN



1.0

PENGENALAN MODUL

UMP



اونيفورسيتي مليسيا قهق

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

1. PENGENALAN MODUL

I-Projek merupakan strategi pembelajaran yang menerapkan nilai-nilai murni menggunakan pendekatan projek secara menyeluruh. Ianya merangkumi adab-adab pergaulan, tingkahlaku dan tutur kata kanak-kanak prasekolah.

I-Projek ataupun "*Islamic Project*" memberi peluang kepada guru-guru dan kanak-kanak menjalankan penyiasatan yang mendalam tentang akhlak-akhlak yang perlu disemai dalam jiwa dan perlakuan seharian mereka.

Masakini, masyarakat sering digemparkan dengan pelbagai isu berkaitan salah laku kanak-kanak dan remaja yang akhirnya membawa mereka kepada pelanggaran akhlak yang sukar dikawal atau dibendung. **I-Projek** memberi pendedahan awal kanak-kanak prasekolah tentang pentingnya mempunyai akhlak mulia sebagai seorang muslim.

Dalam kaedah **I-Projek** pendidik menggunakan Al-Quran dan Hadits sebagai rujukan utama. Setiap topik projek akan disokong dengan ayat-ayat Al-Quran ataupun Hadits yang mempunyai kaitan secara langsung dengan projek tersebut. Ini secara tidak langsung akan memudahkan kanak-kanak menghayati kandungan Al-Quran di samping dapat menyemai rasa tanggungjawab yang tinggi terhadap Islam dan ajarannya.

I-Projek membantu pendidik menyokong kanak-kanak berfikir secara mendalam menggunakan daya pemikiran dan kefahaman mereka. Pendidik memainkan peranan penting dalam proses memperkenalkan **I-Projek** semasa membimbing kanak-kanak. **I-Projek** memberi banyak peluang kepada kanak-kanak menggunakan idea dan kreativiti mereka dalam menghasilkan sesuatu inovasi. Pemupukan nilai-nilai murni akan dapat disemai secara langsung melalui pelbagai projek yang dijalankan.





I-Projek boleh didefinisikan sebagai strategi pembelajaran terbuka yang bersesuaian digunakan dalam pembelajaran kanak-kanak. Aktiviti **I-Projek** biasanya bermula dari soalan yang dikemukakan oleh kanak dan dibincangkan secara menyeluruh mengikut minat dan pengetahuan sedia ada mereka.

Pendidik berperanan bukan sekadar menjawab soalan kanak-kanak, tetapi membantu kanak-kanak dengan memberi pengalaman-pengalaman pembelajaran melalui pelbagai aktiviti yang dikaitkan dengan Al-Quran dan Hadits yang membolehkan kanak-kanak memperolehi jawapan dengan sendirinya. Contohnya apabila kanak-kanak bertanyakan soalan berkaitan bagaimana pokok makan dan hidup, pendidik boleh menggunakan beberapa ayat al-Quran tentang kebesaran Allah swt menjadikan makhluk termasuklah pokok.

Lawatan dan kerja lapangan merupakan aktiviti penting yang perlu dijalankan dalam pelaksanaan **I-Projek**. Pendidik boleh membawa kanak-kanak berjumpa dengan pakar sama ada di Jabatan Perhutanan atau Perhilitan, bagi memahami dengan lebih mendalam tentang topik tersebut. Malah bagi mengaitkannya dengan pendidikan Islam, pendidik boleh menjemput pakar rujuk Islam untuk memberi penerangan tentang kejadian-kejadian yang berlaku di muka bumi ini. Selain daripada itu, pendidik boleh membantu kanak-kanak mendapatkan maklumat melalui buku ataupun internet.

Melalui penyiasatan yang mendalam kanak-kanak akan menemui pelbagai maklumat dan bahan yang boleh membantu mereka meningkatkan kefahaman bukan sahaja secara formal tetapi juga informal dan menjadikan pembelajaran lebih bermakna kepada mereka.

1.1 Matlamat Modul

Modul ini boleh dijadikan garis panduan untuk membimbing guru-guru prasekolah mengendalikan program pengajaran dan pembelajaran menggunakan pendekatan projek dalam pengajaran akhlak kepada murid-murid Prasekolah secara sistematik dan berstruktur kepada guru-guru.

Program **I-Projek** ini boleh digerakkan oleh guru-guru prasekolah atau badan sukarelawan yang bertindak sebagai fasilitator program. Namun matlamat utama modul ini diwujudkan adalah lebih kepada tindakan dalam membantu guru-guru prasekolah dalam meningkatkan kemahiran insaniah kepada kanak-kanak. Seajar dengan merealisasikan impian Kementerian Pendidikan Malaysia, modul ini juga diharap menjadi panduan dan titik tolak untuk memperkasakan proses pengajaran melalui aktiviti-aktiviti *hands on learning*.

1.2 Objektif Modul

Meningkatkan tahap pengetahuan guru berkaitan akhlak murid-murid prasekolah dan kepentingan peranan serta mewujudkan kumpulan sokongan guru yang berupaya membantu murid-murid menjalani pembelajaran akhlak dengan positif.

Objektif Khusus :

Objektif modul adalah membolehkan guru-guru prasekolah :

- i. Memahami konsep Modul **I-Projek**.
- ii. Merancang dan melaksanakan Modul **I-Projek** dalam pengajaran dan pembelajaran.
- iii. Mewujudkan kumpulan guru yang dapat membantu meningkatkan kemahiran insaniah murid-murid prasekolah yang bertindak sebagai fasilitator program.

1.3 Pendekatan Pelaksanaan Modul

Pendekatan modul ini menggunakan pendekatan 'Psycho-educational' yang diadaptasikan daripada Glanz, Rimer, & Viswannath, (2008). Pendekatan ini digunakan bagi memastikan keberkesanan penggunaan modul kepada kumpulan sasaran guru dan murid. Bagi mencapai matlamat tersebut rancangan pengajaran dan strategi dirangka adalah terbahagi kepada dua komponen besar iaitu komponen ilmu dan komponen sokongan. Bagi komponen ilmu akan dikendalikan oleh pakar bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak melalui kaedah ceramah dalam kumpulan besar. Ceramah ini akan diadakan dalam dua sesi berturutan dan penyampaian adalah secara dua hala.

Komponen ini diharap akan memberi cetusan idea kepada peserta bagi menjalani komponen sokongan yang selanjutnya. Setelah peserta mengikuti komponen ilmu itu tadi, mereka akan dibahagikan kepada kumpulan kecil bagi mengikuti komponen sokongan. Komponen sokongan **My I-Projek** ini dikendalikan oleh fasilitator yang telah dilatih dalam bentuk kumpulan kecil. Komponen **My I-Projek** ini akan melibatkan perkongsian pengalaman bersama rakan peserta yang lain berdasarkan projek yang disediakan dan dipilih.

Fasilitator perlu berkeupayaan memandu arah perbincangan tersebut, menjelaskan isu yang akan dibincangkan, menjelaskan matlamat dan rumusan aktiviti (Lampiran B). Komponen ini juga dinamakan aktiviti kumpulan **My I-Projek** kerana diharap ahli peserta dapat membantu sesama mereka semasa perbincangan diadakan. Aktiviti kumpulan **My I-Projek** ini melibatkan dua kali pertemuan bagi memastikan keberkesanan modul tercapai (Lampiran A).

Sebelum memulakan projek guru perlu merancang dan memastikan beberapa perkara berikut dilaksanakan. Antaranya ialah pertama mengenalpasti minat kanak-kanak dengan memperkenalkan topik berdasarkan minat kanak-kanak, minat kanak-kanak boleh dikenalpasti melalui aktiviti perbincangan, melukis, pemerhatian, bersoaljawab dan sebagainya dan menyediakan bahan atau sumber yang dapat menarik minat kanak-kanak.

Keduanya, memastikan sumber berkaitan topik untuk aktiviti penyiasatan iaitu guru perlu meneroka sumber-sumber yang mudah diperolehi mengenai topik, mengenalpasti tempat lawatan yang bersesuaian, selamat dan menjimatkan kos. Seterusnya, membuat tinjauan awal di tapak lawatan iaitu guru perlu melawat terlebih dahulu tempat yang akan dilawati bersama-sama kanak-kanak nanti dan mengumpul bahan dan maklumat di tapak lawatan untuk dibincangkan dengan kanak-kanak dengan tujuan menarik minat mereka.

Keempat adalah mengumpul bahan rujukan dengan guru perlu mengumpul beberapa rujukan yang berkualiti dan sumber maklumat lain untuk kegunaan guru dan juga kelas semasa aktiviti projek, mengakses sumber daripada web yang sesuai berdasarkan topik dan memilih buku yang bersesuaian dengan topik dan tahap umur kanak-kanak.

Kelima adalah menghasilkan web perancangan guru iaitu web perancangan guru bertujuan untuk membantu guru merancang aktiviti dan sumber disamping menyediakan subtopik yang mungkin diasas oleh kanak-kanak, web perancangan guru mengandungi konsep, idea, maklumat dan perbendaharaan kata yang berkaitan topik, Perubahan boleh dilakukan sepanjang projek dijalankan dan perubahan ini adalah berdasarkan minat, kefahaman dan pengetahuan kanak-kanak mengenai topik.

1.4 Kepentingan Fasilitator

Fasilitator dalam program ini memainkan peranan penting dalam berkomunikasi dengan kumpulan sasaran dan membantu mereka memahami atau mengubahsuaikan pandangan dan sikap mereka. Bagi memastikan semua ini tercapai, adalah dicadangkan agar fasilitator ini terdiri daripada sukarelawan lelaki dan perempuan yang terpilih berdasarkan latar belakang seorang pendidik, kaunselor, motivator atau mana-mana sukarelawan yang berpengetahuan dalam pendidikan awal kanak-kanak, bidang psikologi dan berumur lebih daripada 30 tahun ke atas. Namun bagi memastikan keberkesanan sesebuah program, fasilitator ini perlulah dilengkapi dengan kemahiran ilmu dan kemahiran yang khusus. Oleh yang demikian, para fasilitator ini perlu menjalani satu latihan kursus dengan mengikuti modul ini sebelum menjalankan program kepada kumpulan sasaran.

1.5 Kandungan Modul

Sebanyak tiga unit telah dikenal pasti iaitu (1) Pengenalan pendekatan I-Projek (2) kepentingan pendekatan I-Projek dan fasa-fasa I-Projek (3) Aktiviti kumpulan guru My I-Projek bersama fasilitator dalam membincangkan secara terperinci setiap unit dan kesemua topik tersebut boleh dikendalikan dalam Rancangan Pembelajaran.



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Jadual 1.1 Ringkasan Tiga Unit Utama Modul

UNIT	TOPIK	OBJEKTIF	AKTIVITI
1	Pengenalan	Memberi maklumat berkaitan: 1. Apa itu Pendekatan Projek? 2. Apa itu Pendekatan I-Projek? 3. Fasa-fasa dalam pendekatan I-Projek	- Ceramah - Perbincangan - Aktiviti berkumpulan
2	Kepentingan Guru dalam meningkatkan Akhlak Murid	1. Kepentingan peranan guru penting di setiap fasa I-Projek 2. Kaedah/panduan Guru dalam membantu Murid di fasa-fasa Pengajaran I-Projek 3. Cabaran dan kaedah mengatasi halangan semasa membantu Guru melaksanakan I-Projek 4. Memastikan peserta faham dan bersedia dalam pengajaran I-Projek	- Ceramah - Perbincangan - Penilaian diri sendiri
3a	Aktiviti Kumpulan sokongan (Bahagian Pertama): berdasarkan Tajuk Projek yang dipilih	Objektif bagi peserta dalam kumpulan kecil: 1. Menyatakan tentang masalah berdasarkan projek yang dipilih 2. Menyatakan peranan mereka sebagai guru dalam menghadapi situasi tersebut 3. Menyatakan halangan dan cabaran dalam menghadapi situasi tersebut 4. Membincangkan langkah mengatasi halangan dan cabaran tersebut Objektif bagi fasilitator dalam kumpulan kecil: 1. Memastikan penglibatan setiap peserta dalam perbincangan dengan menggabungkan: - perkongsian pengalaman peserta - aplikasi dan refleksi ilmu dalam modul yang telah diberikan 2. Memotivasikan peserta dalam mempraktikkan pendekatan projek (seperti yang disarankan dalam modul) 3. Membuat kesimpulan akan peranan sokongan positif dan kepentingannya berdasarkan modul 4. Menerangkan tugas (menetapkan matlamat) dan perjumpaan seterusnya 5. Mendapatkan maklum balas peserta berkaitan program pertama ini Kesimpulan dan penilaian 1. Memberikan maklum balas berkaitan program ini penetapan matlamat untuk perjumpaan kedua	- Perbincangan dalam kumpulan kecil bersama fasilitator berdasarkan tajuk Projek yang dipilih - Penilaian pos program

UNIT	TOPIK	OBJEKTIF	AKTIVITI
3b	Aktiviti Kumpulan Sokongan Guru (Bahagian Kedua): berdasarkan : "Perkongsian pengalaman, halangan dan cadangan cara mengatasi	<p>Objektif bagi peserta dalam kumpulan kecil:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Penilaian pencapaian diri melalui: <ul style="list-style-type: none"> - pengukuran fasa-fasa yang dibuat sendiri - tahap pengetahuan dan sikap guru 2. Menceritakan pengalaman peserta berkaitan dengan: <ul style="list-style-type: none"> - sokongan murid - cabaran yang dihadapi - bagaimana menangani cabaran tersebut <p>Objektif bagi fasilitator dalam kumpulan kecil:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menggalakkan penglibatan peserta lain dalam menyelesaikan masalah antara peserta mengikut pengalaman peserta dan aplikasi daripada modul 2. Memastikan matlamat utama program tercapai dengan memandu peserta ke arah pencapaian matlamat pengajaran 3. Meningkatkan motivasi peserta bagi meneruskan pemberian sokongan yang positif untuk jangka masa yang seterusnya <p>Kesimpulan dan penilaian</p> <p>Objektif fasilitator dalam kumpulan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Membuat kesimpulan akan peranan guru dan kepentingannya berdasarkan modul 2. Menerangkan tugas dan perjumpaan seterusnya 3. Mendapatkan maklum balas peserta berkaitan program pertama ini 	<ul style="list-style-type: none"> - Perbincangan dalam kumpulan kecil bersama fasilitator berdasarkan borang penetapan dan pencapaian matlamat - Penilaian pos Program
	Keseluruhan Jangka Masa Modul	5 jam hingga 5 jam 50 minit	



1.6



**RANCANGAN
PEMBELAJARAN**



اونيفورسيتي مليسيا قهق

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

1.6 Rancangan Pembelajaran

1.6.1 Unit 1: Pengenalan I-Projek

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

Memberi maklumat berkaitan:

1. Apa itu pendekatan projek?
2. Apa fasa-fasa dalam pendekatan projek?

MASA

- 1 jam ceramah
- 15 minit perbincangan
- 30 minit Aktiviti dalam Kumpulan

BAHAN PENGAJARAN

- Komputer
- LCD Projektor
- Laser Pointer
- AVA sistem
- Video
- Power Point

STRATEGI PENGAJARAN

- Ceramah
- Perbincangan

AKTIVITI SESI PENGENALAN	RUJUKAN
<p>Penceramah mengajukan soalan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Adakah anda pernah menggunakan kaedah pendekatan projek dalam pengajaran akhlak? - Adakah anda mengetahui fasa-fasa dalam pendekatan projek? <p>Penceramah menayangkan video Pendekatan projek dijalankan.</p> <p>SESI CERAMAH</p> <p>Penceramah menerangkan secara ringkas pengenalan kepada pendekatan projek dan Fasa-fasa Pendekatan Projek</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) menerangkan maksud Pendekatan projek dan I-Projek 2) berbincang dengan peserta tentang I-Projek dalam Pengajaran dan pembelajaran akhlak 3) menghuraikan bagaimana Fasa-fasa I-Projek dilaksanakan 5) meminta peserta memberikan contoh projek-projek akhlak 6) Menjelaskan fasa-fasa pendekatan I-Projek 7) Membuat rumusan tentang Pendekatan I-Projek 	<p>Garis panduan peranan fasilitator (Lampiran B)</p>
PENILAIAN AKTIVITI	RUJUKAN
<ol style="list-style-type: none"> 1. Penilaian borang pre dan pos program 2. Penilaian dan kebolehan implementasi komponen ini dalam sesi aktiviti kumpulan sokongan 	<ol style="list-style-type: none"> i. Borang soal selidik Tahap pengetahuan (lampiran E) ii. Borang penilaian keseluruhan program (Lampiran F) iii. Borang soal selidik sebelum program bermula.

1.6.2 Unit 2: Kepentingan peranan guru dalam membantu guru-guru memahami pendekatan I-Projek

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

Memberi maklumat berkaitan:

1. Kepentingan peranan guru penting di setiap fasa I-Projek
2. Kaedah/panduan Guru dalam membantu Murid di fasa-fasa Pengajaran I-Projek
3. Cabaran dan kaedah mengatasi halangan semasa membantu Guru melaksanakan I-Projek.

Memastikan peserta faham dan bersedia dalam pengajaran I-Projek

MASA

- 10 minit isi borang soal selidik
- 30 minit Ceramah
- 15 minit Perbincangan

BAHAN PENGAJARAN

- Komputer
- LCD Projektor
- Laser Pointer
- AVA sistem
- Video
- Power Point

STRATEGI PENGAJARAN

- Ceramah
- Perbincangan
- Penilaian diri sendiri

AKTIVITI

SESI PENGENALAN

SESI PEMBUKAAN

- Penceramah meminta peserta menilai semula borang soal selidik I-Projek masing-masing yang telah diisi bagi mengetahui tahap kebolehan pengajaran masing-masing sebelum ceramah bermula (refleksi diri)
- Penceramah mengajukan soalan:
- Adakah anda telah tahu peranan guru dalam perkembangan akhlak kanak-kanak?

SESI CERAMAH

- 1) Menerangkan kepentingan peranan guru penting di setiap fasa I-Projek

RUJUKAN

- i. Power point yang disediakan bertajuk: *Kepentingan peranan Guru dalam pendekatan I-Projek* (Lampiran D)

<ol style="list-style-type: none"> 2) menghuraikan dan meminta peserta memberi contoh tentang kaedah/panduan dalam Murid di fasa-fasa Pengajaran I-Projek 3) meminta peserta menyatakan cabaran dan kaedah mengatasi halangan semasa membantu guru-guru dan murid dalam fasa I-Projek 4) Membuat rumusan tentang kepentingan guru semasa fasa I-projek dijalankan. 	<p>i. Power point yang disediakan bertajuk: <i>Kepentingan peranan Guru dalam pendekatan I-Projek</i> (Lampiran D)</p>
PENILAIAN	
AKTIVITI	RUJUKAN
<ol style="list-style-type: none"> 1. Penilaian borang soal selidik 2. Penilaian dan kebolehan implementasi komponen ini dalam sesi aktiviti kumpulan sokongan 	<p>i. Borang penilaian keseluruhan program (Lampiran G)</p>

1.6.3 Unit 3a: Aktiviti Kumpulan guru (Bahagian Pertama) berdasarkan Tajuk I-Projek yang dipilih.

OBJEKTIF PEMBELAJARAN
<p>Objektif bagi peserta dalam kumpulan kecil:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyatakan tentang masalah I-Projek yang dipilih 2. Menyatakan peranan mereka sebagai Guru dalam menghadapi situasi tersebut 3. Menyatakan halangan dan cabaran dalam menghadapi situasi tersebut 4. Membincangkan langkah mengatasi halangan dan cabaran tersebut <p>Objektif bagi fasilitator dalam kumpulan kecil:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Memastikan penglibatan setiap peserta dalam perbincangan dengan menggabungkan : <ul style="list-style-type: none"> - perkongsian pengalaman peserta - aplikasi dan refleksi ilmu dalam modul yang telah diberikan 2. Memotivasikan peserta dalam mempraktikkan sokongan Guru yang positif (seperti yang disarankan dalam modul) 3. Membuat kesimpulan akan peranan sokongan positif dan kepentingannya berdasarkan modul. Menerangkan tugas (menetapkan matlamat) dan perjumpaan seterusnya 4. Mendapatkan maklum balas peserta berkaitan program pertama ini
MASA
<ul style="list-style-type: none"> ● 60 minit perbincangan ● 20 minit penilaian dan kesimpulan
BAHAN PENGAJARAN
<ul style="list-style-type: none"> ● Borang soal selidik penetapan matlamat individu untuk perjumpaan seterusnya

AKTIVITI PENGAJARAN

Perbincangan dalam kumpulan kecil bersama fasilitator berdasarkan Tajuk I-Projek yang dipilih

AKTIVITI

SESI PEMBUKAAN

Fasilitator menerangkan:

1. Matlamat aktiviti kumpulan sokongan ini
2. Menerangkan peraturan yang perlu dipatuhi sepanjang aktiviti berkumpulan ini
3. Menerangkan proses aktiviti akan dilaksanakan

SESI AKTIVITI BERKUMPULAN

4. Masa diberikan kepada peserta selama 5 minit untuk memahami tajuk I-Projek yang dipilih dan menjawab di dalam borang yang disediakan secara individu soalan seperti berikut:

- Menyatakan tentang masalah dalam I-Projek
- Menyatakan peranan mereka sebagai Guru dalam menghadapi situasi tersebut
- Menyatakan halangan dan cabaran dalam menghadapi situasi tersebut
- Membincangkan langkah mengatasi halangan dan cabaran tersebut

5. Peserta diminta berbincang tentang proses-proses I-Projek mereka bersama ahli kumpulan dengan dibantu oleh fasilitator

6. Fasilitator memastikan penglibatan setiap peserta dalam perbincangan dengan menggabungkan :

- perkongsian pengalaman peserta
- aplikasi dan refleksi ilmu dalam modul yang telah diberikan

7. Fasilitator memotivasikan peserta dalam mempraktikkan sokongan guru yang positif (seperti yang disarankan dalam modul)

8. Fasilitator bersama peserta membuat kesimpulan akan peranan sokongan guru positif dan kepentingannya berdasarkan modul

9. Fasilitator meminta peserta mengisi borang penetapan matlamat individu untuk 2 minggu akan datang dan menetapkan tarikh perjumpaan seterusnya

i. Imbas kembali borang soal selidik yang telah diisi :
- borang soal selidik I-Projek Guru (Lampiran H)

ii. Power point yang disediakan bertajuk: Keperluan peranan Guru dalam membantu perkembangan Akhlak Murid prasekolah (Lampiran D)

PENILAIAN

AKTIVITI

1. Penilaian borang pos program
2. Penilaian dan kebolehan implementasi komponen ini dalam sesi aktiviti kumpulan sokongan
3. Mendapatkan maklum balas peserta berkaitan program pertama ini

RUJUKAN

- i. Borang soal selidik terhadap :
- Pengetahuan, Sikap & Amalan (Lampiran G & I)
ii. Borang penilaian keseluruhan program (Lampiran G)

1.6.4 Unit 3b: Aktiviti Kumpulan guru berdasarkan perkongsian pengalaman, halangan dan cadangan cara mengatasi

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

Objektif bagi peserta dalam kumpulan kecil:

1. Penilaian pencapaian diri melalui perbandingan penetapan matlamat dan pencapaian matlamat individu
2. Berkongsi pengalaman dengan ahli kumpulan dan memberikan pandangan berkaitan dengan:
 - cabaran yang dihadapi
 - bagaimana menangani cabaran tersebut

Objektif bagi fasilitator dalam kumpulan kecil:

1. Menggalakkan penglibatan peserta lain dalam menyelesaikan masalah antara peserta mengikut pengalaman peserta dan aplikasi daripada modul
2. Meningkatkan motivasi peserta bagi meneruskan pemberian sokongan guru yang positif untuk jangka masa yang seterusnya
4. Membuat kesimpulan akan peranan sokongan guru positif dan kepentingannya berdasarkan modul
5. Menerangkan tugas dan perjumpaan seterusnya
6. Mendapatkan maklum balas peserta berkaitan program pertama ini

MASA

- 120 minit /lebih bergantung atas keperluan

BAHAN PENGAJARAN

Borang soal selidik penetapan dan pencapaian matlamat individu pada perjumpaan lepas

AKTIVITI PENGAJARAN

Perbincangan dalam kumpulan kecil bersama fasilitator berdasarkan Tajuk I-Projek yang dipilih

AKTIVITI

SESI PEMBUKAAN

Fasilitator menerangkan:

1. Matlamat aktiviti kumpulan sokongan ini
2. Menerangkan peraturan yang perlu dipatuhi sepanjang aktiviti berkumpulan ini
3. Menerangkan proses aktiviti akan dilaksanakan

SESI AKTIVITI BERKUMPULAN

4. Masa diberikan kepada peserta selama 5 minit untuk mengisi borang pencapaian matlamat individu berkaitan tahap sokongan yang diberikan kepada murid dan seterusnya membandingkan perbezaan penetapan matlamat dan pencapaian matlamat.

ii. Power point yang disediakan bertajuk: Keperluan peranan Guru dalam Membantu Perkembangan Akhlak Murid Prasekolah (Lampiran D) (Lampiran K)

AKTIVITI	
<p>5. Peserta diminta berbincang bersama ahli kumpulan dengan dibantu oleh fasilitator berkongsi pengalaman berkaitan dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - cabaran yang dihadapi - bagaimana menangani cabaran tersebut <p>6. Fasilitator memastikan penglibatan setiap peserta dalam perbincangan dengan menggabungkan :</p> <ul style="list-style-type: none"> - perkongsian pengalaman peserta - aplikasi dan refleksi ilmu dalam modul yang telah diberikan <p>7. Fasilitator memotivasikan peserta dalam mempraktikkan kaedah pengajaran (seperti yang disarankan dalam modul)</p> <p>8. Fasilitator bersama peserta membuat kesimpulan akan peranan sokongan guru dan kepentingannya berdasarkan modul</p> <p>9. Fasilitator meminta peserta mengisi borang penetapan matlamat individu untuk 3 bulan yang akan datang dan menetapkan tarikh perjumpaan seterusnya</p>	
PENILAIAN	
AKTIVITI	RUJUKAN
<ol style="list-style-type: none"> 1. Penilaian borang pos program 2. Penilaian dan kebolehan implementasi komponen ini dalam sesi aktiviti kumpulan sokongan 3. Mendapatkan maklum balas peserta berkaitan aktiviti sokongan bahagian kedua ini 	<ol style="list-style-type: none"> i. Borang soal selidik terhadap I-Projek: <ul style="list-style-type: none"> - Pengetahuan, sikap dan amalan (Lampiran H & J) ii. Borang penilaian keseluruhan program

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

1.7 Huraian Pelaksanaan Pendekatan Projek dalam Tiga Fasa

i. Fasa 1

Projek boleh dimulakan berdasarkan minat kanak-kanak terhadap topik yang dibincangkan atau berdasarkan topik yang diperkenalkan oleh guru. Kanak-kanak akan berkongsi pengetahuan sedia ada mereka melalui perbincangan, main drama, lukisan dan sebagainya. Maklumat dan bahan juga boleh diperolehi melalui buku, risalah, majalah, internet dan bahan yang mudah diperolehi. Semasa perbincangan ini kanak-kanak akan menjana soalan berdasarkan topik dan merancang untuk memulakan penyiasatan awal. Aktiviti di fasa 1 adalah seperti Berkongsi pengetahuan dan pengalaman membuat pemerhatian awal, membina topik web, Membina soalan dan membuat ramalan, membentuk kumpulan mengikut topik dan Penglibatan ibu bapa.

ii. Fasa 2

Pada fasa ini, guru lebih menekankan kebolehan kanak-kanak untuk mempelajari pengetahuan dan maklumat baru. Guru akan membimbing kanak-kanak untuk menguasai kemahiran menyiasat bersesuaian dengan umur mereka. Lawatan atau pertemuan dengan orang yang pakar dalam topik yang disiasat akan diatur oleh guru supaya kanak-kanak mendapat penerangan dan maklumat lanjut tentang topik yang disiasat itu. Kanak-kanak akan meneroka maklumat baru melalui sumber-sumber yang diperolehi semasa penyiasatan dan mengasimilasikan pengetahuan baru melalui interaksi bersama pakar, rakan dan guru. Aktiviti di Fasa 2 adalah seperti berikut iaitu mengumpul data/maklumat tentang pokok, Bertemu pakar, Lawatan, Mengumpul artifak dan spesimen, Meneroka dan membuat eksperimen dan Maklum balas selepas kerja lapangan.

iii. Fasa 3

Pada fasa ini kanak-kanak akan mengukuhkan pemahaman baru mereka terhadap topik yang dikaji. Mereka akan berkongsi penemuan dan pemahaman baru bersama rakan sebaya, ibu bapa atau komuniti di sekolah. Kanak-kanak akan menggambarkan hasil penyiasatan mereka melalui nyanyian, sajak, lakonan lukisan atau persembahan 3D yang mana membantu mereka untuk menggabungkan pemahaman mereka sepenuhnya terhadap topik yang telah disiasat. Aktiviti di Fasa 3 adalah seperti menyemak semula soalan, dokumentasi dan aktiviti kemuncak.

1.8 Standard Prestasi dalam Pelaksanaan I-Projek (Murid)

Bagi setiap aktiviti yang dijalankan dalam I-Projek, selain membantu kanak-kanak mencari jawapan dari persoalan yang mereka timbulkan, ianya juga membantu pendidik untuk mengenalpasti standard prestasi kanak-kanak terutama dalam tunjang yang berkaitan dengan akhlak kanak-kanak. Standard Prestasi yang terdapat dalam KSPK boleh dijadikan rujukan dalam proses penilaian perkembangan kanak-kanak.

Contoh standard prestasi dalam tunjang Pendidikan Islam untuk standard kandungan akhlak pengukuran bagi murid

KOD	KONSTRUK	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
P1 5.1.1	Mengamalkan lafaz basmalah dan hamdalah dalam setiap perbuatan yang baik	1	Tahu beberapa asas berkaitan dengan konstruk tetapi tidak boleh buat
		2	Tahu dan boleh buat dengan bimbingan
		3	Tahu dan boleh buat dengan sendiri dengan baik secara bertatasusila
P1 5.1.2	Menunjukkan adab makan dan minum	1	Tahu beberapa asas berkaitan dengan konstruk tetapi tidak boleh buat
		2	Tahu dan boleh buat dengan bimbingan
		3	Tahu dan boleh buat dengan sendiri dengan baik secara bertatasusila
P1 5.1.3	Menunjukkan adab terhadap: ibu bapa , ahli keluarga , guru, rakan sebaya , tempat beribadah	1	Tahu beberapa asas berkaitan dengan konstruk tetapi tidak boleh buat
		2	Tahu dan boleh buat dengan bimbingan
		3	Tahu dan boleh buat dengan sendiri dengan baik secara bertatasusila

P1 5.1.4	Melafazkan doa dalam amalan harian	1	Tahu beberapa asas berkaitan dengan konstruk tetapi tidak boleh buat
		2	Tahu dan boleh buat dengan bimbingan
		3	Tahu dan boleh buat dengan sendiri dengan baik secara bertatasusila
P1 5.1.5	Menunjukkan adab masuk dan keluar tandas	1	Tahu beberapa asas berkaitan dengan konstruk tetapi tidak boleh buat
		2	Tahu dan boleh buat dengan bimbingan
		3	Tahu dan boleh buat dengan sendiri dengan baik secara bertatasusila
P1 5.1.6	Membezakan makanan dan minuman halal dan haram	1	Tahu beberapa asas berkaitan dengan konstruk tetapi tidak boleh buat
		2	Tahu dan boleh buat dengan bimbingan
		3	Tahu dan boleh buat dengan sendiri dengan baik secara bertatasusila
P1 5.1.7	Menyatakan makanan sunnah	1	Tahu beberapa asas berkaitan dengan konstruk tetapi tidak boleh buat
		2	Tahu dan boleh buat dengan bimbingan
		3	Tahu dan boleh buat dengan sendiri dengan baik secara bertatasusila
P1 5.1.8	Membincangkan kepentingan mengamalkan adab dalam kehidupan	1	Tahu beberapa asas berkaitan dengan konstruk tetapi tidak boleh buat
		2	Tahu dan boleh buat dengan bimbingan
		3	Tahu dan boleh buat dengan sendiri dengan baik secara bertatasusila

2. CONTOH-CONTOH I-PROJEK



I-Projek (SATU) AKHLAK-ADAB MAKAN



اونيفورسيتي ماليزيا قهق

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

CONTOH : PROJEK 1

NAMA PROJEK: AKHLAK - ADAB MAKAN : SANDWICH TELUR

FASA 1

Langkah 1:

Pengenalan kepada Projek:

Guru berbual dengan kanak-kanak tentang makanan harian yang mereka makan. Guru juga berbincang tentang adab makan bersama kanak-kanak. Setiap kanak-kanak diberi peluang bercerita pengalaman mereka semasa makan di rumah, di kedai atau di majlis.

Guru juga menasihati kanak-kanak tentang pentingnya adab makan terutamanya cara membasuh tangan sebelum dan selepas makan, duduk dengan tertib, tidak berebut ketika makan dan tidak bercakap semasa makanan berada dalam mulut. Kanak-kanak juga digalakkan membaca doa sebelum dan selepas makan. Beberapa ayat suci Al- Quran diperkenalkan kepada kanak-kanak, bagi meningkatkan kefahaman mereka tentang amalan makan yang baik dan bersopan.

Guru memperkenalkan ayat Al Quran dan Hadits yang berkaitan dengan adab makan

Rasulullah SAW bersabda:

“Apabila salah seorang kamu makan, maka hendaklah dia makan dengan tangan kanannya dan apabila dia minum, maka hendaklah dia minum dengan tangan kanannya, kerana sesungguhnya syaitan makan dengan tangan kirinya dan minum dengan tangan kirinya.” (HR Muslim)

Guru membacakan maksud ayat-ayat Al-Quran dan hadits ini dan menerangkan kepada murid tentang adab makan dalam menjamin kesihatan fizikal dan juga rohani manusia.

Langkah 2:

Mengumpul maklumat, idea tentang adab makan yang telah diketahui oleh kanak-kanak:

1. Kanak-kanak mengumpul maklumat berkaitan adab makan yang biasa mereka lakukan di rumah dan di luar rumah.
2. Guru menggalakkan kanak-kanak bercerita tentang adab makan ketika makan.

3. Kanak-kanak digalakkan melukis apa yang mereka tahu tentang adab makan

Lukisan murid-murid



4. Guru bertanya kanak-kanak tentang adab makan yang selalu mereka amalkan
5. Guru menyediakan graf adab sebelum, semasa dan selepas makan.

Graf adab makan murid-murid



Langkah 3:

Membina Web – Pengetahuan sedia ada kanak-kanak tentang topik

Guru dan kanak-kanak berbincang tentang pengetahuan sedia ada tentang adab makan yang selalu di amalkan oleh kanak-kanak.

Apa yang kami tahu tentang adab makan:

1. Jangan cakap masa makan.
2. Mak kata baca doa dulu!
3. Makan tak boleh tumpah.
4. Saya beli nasi di kedai.
5. Sayur ni pahit
6. Pedasnya mi ni
7. Makan dengan tangan kanan.
8. Lepas makan gosok gigi.
9. Saya suka betik.
10. Ayah saya suka sayur.
11. Kita makan kat meja.
12. Ayam best!
13. Basuh tangan.



Web tentang adab makan

Langkah 4:

Mengumpul maklumat dan idea tentang apa yang telah diketahui oleh kanak-kanak melalui penyiasatan di Tadika

1. Kanak menyediakan buku skrap untuk mencatat dan melukis maklumat



Buku skrap

2. Kanak-kanak mencatat dan melukis adab makan yang sering di amalkan oleh mereka.



Mencatat adab makan yang sering diamalkan

3. Guru bercerita tentang adab makan dan pentingnya untuk menjaga adab sebelum, semasa dan selepas makan seperti membaca doa sebelum dan selepas makan.

Langkah 5:

Kanak-kanak menulis/melukis objek atau situasi yang mereka lihat semasa penerokaan dan pengumpulan maklumat

1. Guru menayangkan video adab makan kepada kanak-kanak.
2. Kanak-kanak di minta melakonkan kembali adab makan yang telah dilihat tadi.
3. Kanak-kanak melukis apa yang mereka telah lihat dan lakonkan tentang adab makan tadi.



Kanak-kanak melukis adab makan






Lukisan murid-murid

Langkah 6:

Membina soalan berkaitan dengan topik

1. Guru bersama kanak-kanak berbincang tentang soalan yang kanak-kanak ingin tahu berkaitan adab sebelum, semasa dan selepas makan.
2. Guru membaca semula ayat Al-Quran dan hadits untuk menerangkan kepada kanak-kanak
 - a. Guru mencatat soalan kanak-kanak
 - i. Kenapa perlu basuh tangan?
 - ii. Kenapa perlu makan dengan tangan kanan?
 - iii. Kenapa masa makan tidak boleh bercakap?
 - iv. Kenapa masa makan mesti duduk?
 - v. Kenapa tidak boleh basuh tangan?
 - vi. Kenapa tidak boleh makan banyak?
 - vii. Apakah bacaan doa selepas makan?
 - viii. Kenapa perlu makan guna sudu?
 - ix. Kenapa kita perlu membaca doa?
 - x. Bagaimana cara membasuh tangan dengan betul?



Langkah 7:

Menggalakkan penglibatan ibu bapa

1. Guru memaklumkan kepada ibu bapa tentang tajuk projek pada bulan itu.
2. Guru menjemput ibu bapa untuk berbincang tentang projek dan bagaimana ibu bapa boleh membantu dan melibatkan diri.
3. Melantik jawatan kuasa untuk projek.



Langkah 8:


Menyediakan sudut pameran projek di dalam kelas

Sudut pameran yang dihasilkan oleh murid bersama-sama guru



Langkah 1:**Menyemak semula “Web” soalan**

1. Kanak-kanak dan guru menyemak semula web/senarai soalan



Web yang dihasilkan oleh murid disemak semula

Langkah 2:**Mengenalpasti soalan yang akan dibincangkan semasa sesi lawatan berjumpa pakar**

1. Guru membantu kanak-kanak memilih soalan yang sesuai untuk dijawab
2. Kanak-kanak memberi cadangan soalan yang dikumpul

Senarai soalan yang dipilih:

- i. Kenapa perlu basuh tangan?
- ii. Kenapa perlu makan dengan tangan kanan?
- iii. Kenapa masa makan tidak boleh bercakap?
- iv. Kenapa masa makan mesti duduk?
- v. Kenapa tidak boleh basuh tangan?
- vi. Kenapa tidak boleh makan banyak?
- vii. Apakah bacaan doa selepas makan?
- viii. Kenapa perlu makan guna sudu?
- ix. Kenapa kita perlu membaca doa?
- x. Bagaimana cara membasuh tangan dengan betul?

Langkah 4:

Menghubungi pihak yang akan dilawati

1. Guru menulis surat kepada pihak sekolah

Langkah 5:

Mendapatkan kebenaran ibu bapa untuk sesi lawatan

1. Guru menulis surat kepada ibu bapa untuk memaklumkan tentang lawatan yang akan diadakan

Langkah 6:

Menyediakan jadual dan senarai semak lawatan

1. Guru menyediakan jadual lawatan
2. Guru menyediakan senarai semak lawatan

Langkah 7:

Mengumpulkan maklumat semasa lawatan

1. Guru mencatat semua soalan dan jawapan yang diperolehi semasa lawatan
2. Guru mengambil gambar semasa lawatan
3. Kanak-kanak digalakkan bertanya soalan dan mengumpul semua maklumat yang ada
 - a. brosur
 - b. poster
 - c. sampel

Langkah 8:

Membawa pulang semua maklumat yang diperolehi semasa lawatan

Buku yang diperolehi semasa lawatan kanak-kanak



Kanak-kanak melukis gambar adab makan yang perlu diikuti oleh mereka.



UMP

Langkah 9:

Merancang dan menghasilkan hasil cipta/persembahan projek

1. Setelah pulang dari lawatan, kanak-kanak memberi cadangan untuk menyediakan sandwich. Kanak-kanak di minta melakonkan adab makan sebelum, semasa dan selepas. Mereka perlu mengamalkan langkah-langkah mengikut adab makan yang sebenar.
2. Guru mencadangkan kanak-kanak menyediakan senarai keperluan dan menggalakkan ibu bapa untuk membantu mendapatkan bahan-bahan untuk projek.
3. Jadual untuk menyediakan projek dirancang bersama kanak-kanak.



Langkah 1:**Menyiapkan hasil kerja:**

1. Semua bahan-bahan dikumpulkan.
2. Kanak-kanak dibahagikan tugas masing-masing.
3. Kanak-kanak menyiapkan bahan untuk membuat sandwich.
4. Namun sebelum itu, mereka perlu mengamalkan adab-adab makan.

Projek 1:**Membuat Sandwich****Bahan :**

- i. Kotak besar (kertas A4)
- ii. Kertas warna
- iii. Roti
- iv. Sardin
- v. Telur
- vi. Tomato
- vii. Timun
- viii. Alat tulis – gunting, gam, pisau, warna, dll

Cara:

1. Kanak-kanak menyediakan meja mini dari kotak
2. Membuat sandwich bersama-sama rakan dan sebelum itu, kanak-kanak mencuci tangan dahulu.



Murid-murid mengamalkan adab makan cuci tangan dahulu sebelum makan

Langkah 2:

Membuat persiapan untuk persembahan projek

1. Kanak-kanak mencadangkan untuk diadakan pameran hasil cipta mereka kepada ibu bapa
2. kanak-kanak menyediakan ruang pameran bersama guru
3. Kanak-kanak menyediakan kad jemputan kepada ibu bapa
4. Ibu bapa telah terlibat membantu menyediakan ruang pameran



Kanak-kanak bekerjasama dengan kawan-kawan dan guru untuk menyediakan sudut pameran



Ruang pameran yang disediakan dalam kelas

Langkah 3:

Membuat Refleksi dan penilaian bersama kanak-kanak

- Semasa sesi refleksi pendidik berbual dengan kanak-kanak tentang aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan berkaitan Adab Makan. Melalui perbualan pendidik secara tidak langsung telah mengetahui tahap kefahaman dan kemahiran kanak-kanak berkaitan adab makan.
- Kebanyakan kanak-kanak menyatakan yang mereka bersetuju bahawa sebagai seorang Islam, mereka hendaklah menjaga adab semasa makan, mereka hendaklah tidak membazir semasa makan dan sentiasa mengamalkan sikap yang baik seperti berkongsi makanan dan rakan, mengemas tempat makan dan membersihkan peralatan makan selepas waktu makan.
- Projek ini telah menarik minat kanak-kanak dan mereka bercadang untuk menyambung projek ini dengan persoalan-persoalan lain.

Kanak-kanak mengamalkan adab semasa makan, mengamalkan sikap yang baik iaitu berkongsi makanan dengan rakan



Kanak-kanak belajar tentang kebersihan, tolak ansur dan bekerjasama dalam kumpulan





**I-Projek (DUA)
DOA DAN ADAB NAIK
KENDERAAN**

اونيفورسيتي ماليسيا قهق

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

CONTOH : PROJEK 2

NAMA PROJEK : DOA DAN ADAB NAIK KENDERAAN

Langkah 1:


Pengenalan kepada Projek:

1. Guru membawa beberapa jenis kenderaan mainan dan ditunjukkan kepada kanak-kanak.
2. Guru bertanya nama setiap kenderaan dan ciri-cirinya
3. Kanak-kanak digalakkan untuk bercerita pengalaman mereka menaiki berbagai jenis kenderaan
4. Guru bertanya sama ada kanak-kanak pernah membaca doa semasa menaiki kenderaan
5. Guru memperkenalkan ayat al quran dan hadits yang berkaitan dengan kenderaan

Langkah 2:

Mengumpul maklumat, idea tentang apa yang telah diketahui oleh kanak-kanak:

6. Kanak-kanak mengumpul maklumat berkaitan kenderaan yang biasa mereka naiki dan lihat.
7. Guru menggalakkan kanak-kanak bercerita tentang pengalaman mereka menaiki pelbagai jenis kenderaan
8. Kanak-kanak digalakkan melukis kenderaan kegemaran mereka
9. Guru bertanya kanak-kanak jenis kenderaan yang paling mereka suka naiki
10. Guru menyediakan carta jenis-jenis kenderaan



Carta jenis-jenis kenderaan

Langkah 3:

Membina Web- Pengetahuan sedia ada kanak-kanak tentang topik

Guru dan kanak-kanak berbincang tentang pengetahuan sedia ada tentang makanan yang digemari oleh kanak-kanak



Perbincangan kanak-kanak dan guru



Web yang dihasilkan oleh kanak-kanak dan guru

Langkah 4:

Mengumpul maklumat dan idea tentang apa yang telah diketahui oleh kanak-kanak melalui penyiasatan di Tadika.

1. Kanak menyediakan buku skrap untuk mencatat dan melukis maklumat.
2. Kanak-kanak mencatat dan melukis kenderaan yang lalu di sekeliling tabika
3. Guru bercerita tentang adab, doa dan keselamatan menggunakan kenderaan



Guru menceritakan kepada kanak-kanak adab-adab menaiki kenderaan



Guru membimbing murid-murid membaca doa naik kenderaan dan turun dari kenderaan



Murid-murid melukis dan mencatat hasil lawatan sekeliling Tadika tadi



Kanak-kanak melukis apa yang diperolehi lawatan sekeliling Tadika

Langkah 5:

Kanak-kanak menulis/melukis objek atau situasi yang mereka lihat semasa penerokaan dan pengumpulan maklumat.

1. Guru menyediakan pelbagai jenis model kenderaan bersama kanak-kanak
2. Kanak-kanak mengasingkan kenderaan mengikut kategori
 - a. Kenderaan darat
 - b. Kenderaan air
 - c. Kenderaan udara
3. Guru mengulangi bacaan doa naik kenderaan dan berbincang tentang maksudnya dengan aktiviti yang dijalankan.
4. Kanak-kanak di bawa ke stesen kereta api untuk melihat cara menaiki kereta api dengan cara yang sopan dan betul.
5. Kanak-kanak melukis gambar suasana dikawasan stesen keretapi.

Langkah 6:

Membina soalan berkaitan dengan topik

1. Guru bersama kanak-kanak berbincang tentang soalan yang kanak-kanak ingin tahu berkaitan kenderaan dinaiki oleh kanak-kanak.
2. Guru membaca semula doa dan adab naik kenderaan untuk menerangkan kepada kanak-kanak.
 - a. Guru mencatat soalan kanak-kanak
 - i. Bagaimana kapal terbang boleh terbang?
 - ii. Kenapa basikal kecil daripada kereta?
 - iii. Kenapa motor ada 2 tayar?
 - iv. Sebelum naik kenderaan mengapa perlu guna kaki kanan?
 - v. Kenapa kita perlu pakai topi keledar?
 - vi. Kenapa sebelum naik kereta perlu baca doa dahulu?



Langkah 7:

Menggalakkan penglibatan ibu bapa

1. Guru memaklumkan kepada ibu bapa tentang tajuk projek pada bulan itu.
2. Guru menjemput ibu bapa untuk berbincang tentang projek dan bagaimana ibu bapa boleh membantu dan melibatkan diri.
3. Melantik jawatankuasa untuk projek.

Langkah 8:

Menyediakan sudut pameran projek di dalam kelas



Menyediakan Sudut Pameran Dalam Kelas



Landasan yang siap diletakkan disudut pameran dalam kelas

Langkah 1:**Menyemak semula “Web” soalan**

Kanak-kanak dan guru menyemak semula web/senarai soalan.

Langkah 2:**Mengenalpasti soalan yang akan dibincangkan semasa sesi lawatan berjumpa pakar**

1. Guru membantu kanak-kanak memilih soalan yang sesuai untuk dijawab.
2. Kanak-kanak memberi cadangan soalan yang dikumpul senarai soalan yang dipilih:
 - i. Bagaimana kapal terbang boleh terbang?
 - ii. Kenapa basikal kecil daripada kereta?
 - iii. Kenapa motor ada 2 tayar?
 - iv. Sebelum naik kenderaan mengapa perlu guna kaki kanan?
 - v. Kenapa kita perlu pakai topi keledar?
 - vi. Kenapa sebelum naik kereta perlu baca doa dahulu?

Terdapat soalan tambahan oleh kanak-kanak tentang keretapi:

- i. Kenapa kereta api panjang?
- ii. Kenapa kereta api tiada tayar?

Guru dan kanak-kanak bersetuju untuk menjalankan projek berkaitan keretapi.

Langkah 3:**Membuat persediaan untuk kerja lapangan**

1. Guru mencadangkan kepada kanak-kanak untuk melawat ke Stesen Keretapi yang terdekat untuk berjumpa dengan kakitangan KTMB supaya semua soalan boleh dijawab.
2. Guru juga mencadangkan kanak-kanak untuk melihat persekitaran sepanjang perjalanan bagi mengenalpasti jenis-jenis kenderaan.

Langkah 4:

Menghubungi pihak yang akan dilawati

1. Guru menulis surat kepada pihak KTMB
(lampirkan surat maklumat dalam appendix)



Guru membuat persediaan ke lapangan dengan menghubungi pihak terlibat



Perbincangan guru untuk melancarkan program

Langkah 5:

Mendapatkan kebenaran ibu bapa untuk sesi lawatan

1. Guru menulis surat kepada ibu bapa untuk memaklumkan tentang lawatan yang akan diadakan

Langkah 6:

Menyediakan jadual dan senarai semak lawatan

1. Guru menyediakan jadual lawatan
2. Guru menyediakan senarai semak lawatan

Langkah 7:

Mengumpulkan maklumat semasa lawatan

1. Guru mencatat semua soalan dan jawapan yang diperolehi semasa lawatan



Murid-murid mengamalkan adab-adab semasa menaiki kenderaan mengikut peraturan

2. Guru mengambil gambar semasa lawatan

Kanak-kanak mengamalkan akhlak yang baik semasa lawatan, bergilir-gilir, beratur dan bertolak ansur dan membaca doa selepas naik kenderaan.



3. Kanak-kanak digalakkan bertanya soalan dan mengumpul semua maklumat yang ada :
- a. Brosur
 - b. Poster
 - c. Sampel



اوتنيور رسيدي
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Langkah 8:

Membawa pulang semua maklumat yang diperolehi semasa lawatan



Kanak-kanak melukis gambar kenderaan kesukaan mereka.



Langkah 8:

Merancang dan menghasilkan hasilcipta/persembahan projek

AKTIVITI 1:



Kanak-kanak merekacipta projek keretapi, menggunting menggunakan bahan-bahan terbuang. Semua murid berkerjasama untuk menyiapkan projek.



AKTIVITI 2:



Kanak-kanak merecipta keretapi menggunakan polistren, dengan sabar dan saling bantu membantu antara satu lain

AKTIVITI 3:



Murid-murid mengamalkan adab-adab yang sopan bekerjasama untuk menyiapkan landasan keretapi

اونيورسيتي ملايسيا
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Langkah 4:

Menyiapkan hasil kerja:

1. Semua bahan-bahan dikumpulkan.
2. Kanak-kanak dibahagikan kepada 2 kumpulan.
3. Kumpulan 1 akan membuat kereta api kotak.
4. Kumpulan 2 akan menyediakan buku panduan projek saya kenderaan untuk kanak-kanak

Projek 1:

Kereta Api Saya - 3 dimensi

Bahan:

- | | | | |
|------|------------------|-------|---|
| i. | Kotak tisu/kasut | v. | Tali |
| ii. | Water colour | vi. | Lidi |
| iii. | Kertas warna | vii. | Masking Tape |
| iv. | Pensel Warna | viii. | Alatulis – gunting, gam, pisau, warna dll |

Cara membuat:

- i. Potong mounting board dan tampal pada kotak untuk kekemasan kotak.
- ii. Potong polisterin membentuk roda kereta api.
- iii. Warna roda menggunakan warna air.
- iv. Balut 3 batang lidi menggunakan masking tape.
- v. Balut semua kotak menggunakan kertas warna.
- vi. Cuduk Lidi yang dibalut tadi dibawah kotak untuk menjadikan tempat memegang roda.
- vii. Masukkan roda yang diwarna tadi kedalam lidi.
- viii. Kemaskan dengan lilin cair dan belitkan tali pada lidi untuk kekemasan roda.
- ix. Tebuk pada semua kotak dan masukkan tali.
- x. Hiaskan kotak mengikut kreativiti.



Sediakan kereta api dari kotak.



Murid-murid menyediakan landasan keretapi bersama-sama

Projek 2:



Buku Panduan Kenderaan Saya Untuk Kanak-Kanak

Bahan:

- i. Kertas A4
- ii. Kertas warna
- iii. Gambar makanan dari katalog pasaraya
- iv. Alatulis ; gunting, pisau, warna, gum

Cara membuat:

- i. Potong kertas mengikut bentuk kereta.
- ii. Tulis nama dan tarikh buku disediakan.
- iii. Potong gambar kenderaan dan tampalkan di dalam buku.
- iv. Labelkan setiap nama kereta



Guru-guru berbincang, bekerjasama, berkongsi idea untuk menyiapkan projek mereka




Kanak-kanak berkerjasama, berbincang, berkomunikasi dalam menyiapkan projek mereka

Langkah 2:

Membuat persiapan untuk persembahan projek

1. Kanak-kanak mencadangkan untuk diadakan pameran hasil cipta mereka kepada ibu bapa
2. Kanak-kanak menyediakan ruang pameran bersama guru
3. Kanak-kanak menyediakan kad jemputan kepada ibu bapa
4. Ibu bapa digalakkan untuk membantu menyediakan ruang pameran



Penyediaan ruang pameran hasil kerja murid-murid

Langkah 3:

Refleksi dan penilaian bersama kanak-kanak

Semasa sesi refleksi, guru bersama kanak-kanak telah berbincang secara menyeluruh, tentang akhlak yang perlu diterapkan semasa menaiki kenderaan. Kanak-kanak ada menyebut tentang amalan beratur semasa menaiki keretapi. Mereka menyatakan bahawa sekiranya penumpang berebut-rebut semasa menaiki kenderaan, akan berlaku kemalangan. Kanak-kanak sudah boleh membaca doa menaiki kenderaan dan memahami maksudnya secara lancar.

Murid-murid dibimbing untuk baca doa dan mengamalkan akhlak, adab-adab menaiki kenderaan. Melatih kanak-kanak bersabar, kerjasama, tolak ansur dan mengikut cara sunnah dan adab-adab menaiki kenderaan.





Murid-murid mengamalkan sikap beratur, sabar menunggu dan menerima arahan untuk menaiki kenderaan



Murid-murid berinteraksi antara satu sama lain dan bersiap sedia untuk beratur

اونيفورسيتي ماليزيا قهق
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG



**I-Projek (TIGA)
DOA MASUK DAN
KELUAR RUMAH**

اونيفورسيتي ماليسيا قهغ

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

CONTOH : PROJEK 3

NAMA PROJEK : DOA MASUK DAN KELUAR RUMAH (KEDIAMAN)

Langkah 1:

Pengenalan kepada Projek:

Guru bercerita tentang kediaman dan bertanya kanak-kanak di mana mereka tinggal. Kanak-kanak digalakkan untuk berkongsi tentang pengetahuan mereka berkaitan rumah mereka. Anis bercerita yang dia dan keluarganya tinggal di kampung. Rumahnya dibuat daripada kayu. Zaidi pula bercerita tentang rumahnya yang dimasuki air semasa banjir.

Guru menyatakan simpati kepada Zaidi dan merancang untuk membuat lawatan ke rumah Zaidi.

Guru menunjukkan video tentang berbagai jenis rumah yang di didiami oleh manusia dari dulu dan sekarang. Guru bertanya kepada kanak-kanak apa yang mereka nampak di dalam video tersebut.

Guru memberi maklumat keperluan doa memasuki rumah dan keluar rumah dan adab-adabnya

Guru memperkenalkan ayat Al-Quran dan hadith yang berkaitan dengan tempat tinggal.

1) Surat An-Nahl Ayat 80-81

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُمْ مِنْ بُيُوتِكُمْ سَكَنًا وَجَعَلَ لَكُمْ مِنْ جُلُودِ الْأَنْعَامِ بُيُوتًا تَسْتَخِفُّونَهَا يَوْمَ ظَعْنِكُمْ وَيَوْمَ إِقَامَتِكُمْ وَمِنْ أَصْوَابِهَا وَأَوْبَارِهَا وَأَشْعَارِهَا أَثَا وَمَتَاعًا إِلَى حِينٍ
وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُمْ مِمَّا خَلَقَ ظِلَالًا وَجَعَلَ لَكُمْ مِنَ الْجِبَالِ أَكْنَانًا وَجَعَلَ لَكُمْ سَرَابِيلَ تَقِيكُمُ الْحَرَّ وَسَرَابِيلَ تَقِيكُمُ الْبَأْسَ كَذَلِكَ يُنذِرُ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Dan Allah menjadikan rumah-rumah bagimu sebagai tempat tinggal dan Dia menjadikan bagimu rumah-rumah dari kulit hewan ternak yang kamu merasa ringan (membawanya) pada waktu kamu bepergian dan pada waktu kamu bermukim dan (dijadikan-Nya pula) dari bulu domba, bulu unta dan bulu kambing, alat-alat rumah tangga dan kesenangan sampai waktu (tertentu).

Dan Allah menjadikan tempat bernaung bagimu dari apa yang telah Dia ciptakan, Dia menjadikan bagimu tempat-tempat tinggal di gunung-gunung, dan Dia menjadikan pakaian bagimu yang memelihara kamu dari panas dan pakaian (baju besi) yang memelihara kamu dari peperangan. Demikian Allah menyempurnakan nikmat-Nya kepadamu agar kamu berserah diri (kepada-Nya).

Langkah 2:

Mengumpul maklumat, idea tentang apa yang telah diketahui oleh kanak-kanak tentang kediaman/rumah:

1. Kanak-kanak mengumpul maklumat berkaitan dengan rumah.
 - Terdapat pelbagai jenis kediaman yang didiami oleh manusia

● Rumah Kayu



● Rumah Teres



● Rumah Banglow



2. Kanak-kanak digalakkan melukis berkaitan rumah mereka.





3. Guru bertanya kanak-kanak apa yang ada di rumah mereka.
(lukisan perabot/peralatan dalam rumah)



Langkah 3:

Membina Web - Pengetahuan sedia ada kanak-kanak tentang kediaman

Guru dan kanak-kanak berbincang tentang pengetahuan sedia ada tentang rumah mereka.




Persoalan kanak-kanak yang ditimbulkan semasa sesi perbincangan dengan guru

Langkah 4:

Mengumpul maklumat dan idea tentang apa yang telah diketahui oleh kanak-kanak melalui penyiasatan di Rumah

1. Kanak menyediakan buku skrap untuk mencatat dan melukis maklumat berkaitan rumah mereka.
2. Kanak-kanak mencatat dan melukis apa yang ada di rumah mereka.
3. Guru bercerita tentang ruang-ruang yang terdapat di rumah kepada kanak-kanak.



Ruang makan



Bilik tidur



Dapur



Bilik air

Langkah 5:

Kanak-kanak menulis/melukis objek atau situasi yang mereka lihat semasa penerokaan dan pengumpulan maklumat

1. Kanak-kanak di bawa melawat rumah-rumah yang berhampiran TABIKA untuk melihat jenis-jenis rumah yang terdapat di kawasan tersebut.



Lawatan murid-murid dan guru sekitar Tabika Kemas

2. Kanak-kanak menyatakan jenis-jenis rumah yang terdapat di kawasan berhampiran TABIKA.
 - a. Rumah Kayu
 - b. Rumah Batu
 - c. Rumah Banglow
3. Guru mengulangi bacaan ayat Al-Quran dan hadits dan berbincang tentang maksudnya dengan aktiviti yang dijalankan.
4. Kanak-kanak melukis gambar rumah dan apa yang terdapat di rumah di dalam buku skrap



Lukisan murid gambar rumah

Langkah 6:

Membina soalan berkaitan dengan kediaman

1. Guru bersama kanak-kanak berbincang tentang soalan yang kanak-kanak ingin tahu berkaitan rumah kediaman.
 - a. Guru mencatat soalan kanak-kanak
 - i. Besar mana TV di rumah awak?
 - ii. Di mana awak tidur?
 - iii. Rumah awak ada apa?
 - iv. Siapa ada di rumah awak?
 - v. Ikan apa yang ada di akuarium?
 - vi. Rumah awak warna apa?
 - vii. Bilik awak warna apa?
 - viii. Apa yang ada di dalam rumah?
2. Guru membaca semula ayat Al-quran dan hadith untuk menerangkan kepada kanak-kanak

Langkah 7:

Menggalakkan penglibatan ibu bapa

1. Guru memaklumkan kepada ibu bapa tentang tajuk projek pada bulan itu.
2. Guru menjemput ibu bapa untuk berbincang tentang projek dan bagaimana ibu bapa boleh membantu dan melibatkan diri
3. Melantik jawatan kuasa untuk projek.

Langkah 8:

Menyediakan sudut pameran projek di dalam kelas



اونيفورسيتي ماليسيا قهق
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

B. PEBANGUNAN PROJEK

1. Menyemak semula “Web”
2. Mengenalpasti soalan yang akan dibincangkan
3. Membuat persediaan untuk kerja lapangan
4. Menghubungi pihak yang akan dilawati
5. Mendapatkan kebenaran ibu bapa untuk sesi lawatan
6. Membuat lawatan mengikut jadual
7. Mengumpulkan maklumat semasa lawatan
8. Membawa pulang semua maklumat yang diperolehi semasa lawatan
9. Merancang projek seterusnya – menghasilkan produk/buku skrap/ rekacipta/lukisan/persembahan dll

Langkah 1:**Menyemak semula “Web” soalan**

Kanak-kanak dan guru menyemak semula web/senarai soalan

Langkah 2:**Mengenalpasti soalan yang akan dibincangkan semasa sesi lawatan ke rumah Zaidi.**

1. Guru membantu kanak-kanak memilih soalan yang sesuai untuk dijawab
2. Kanak-kanak memberi cadangan soalan yang dikumpul.

Senarai soalan yang dipilih:

- i. Besar mana TV di rumah awak?
- ii. Di mana awak tidur?
- iii. Rumah awak ada apa?
- iv. Siapa ada di rumah awak?
- v. Ikan apa yang ada di akuarium?
- vi. Rumah awak warna apa?
- vii. Bilik awak warna apa?
- viii. Apa yang ada di dalam rumah?

Langkah 3:

Membuat persediaan untuk kerja lapangan

1. Guru mencadangkan kanak-kanak untuk melawat ke rumah Zaidi untuk menziarahi keluarga Zaidi yang telah terlibat dengan banjir
2. Guru juga mencadangkan kanak-kanak untuk melihat kawasan rumah yang terdapat di sepanjang perjalanan ke rumah Zaidi

Langkah 4:

Menghubungi pihak yang akan dilawati

1. Guru menelefon ibu bapa Zaidi untuk meminta keizinan membuat lawatan ke rumah mereka.

Langkah 5:

Mendapatkan kebenaran ibu bapa untuk sesi lawatan

1. Guru menulis surat kepada ibu bapa untuk memaklumkan tentang lawatan yang akan diadakan

Langkah 6:

Menyediakan jadual dan senarai semak lawatan

1. Guru menyediakan jadual lawatan
2. Guru menyediakan senarai semak lawatan

Langkah 7:

Mengumpulkan maklumat semasa lawatan

1. Guru mencatat semua soalan dan jawapan yang diperolehi semasa lawatan
2. Guru mengambil gambar semasa lawatan
3. Kanak-kanak digalakkan bertanya soalan dan mengumpul semua maklumat yang ada



Lawatan murid-murid disekitar Tabika untuk mengumpul maklumat tentang rumah



Penyiasatan yang dilakukan oleh kanak-kanak bersama-sama guru. Kanak-kanak beratur, berkomunikasi dan bekerjasama.

Langkah 8:

Membawa pulang semua maklumat yang diperolehi semasa lawatan

Kanak-kanak melukis gambar persekitaran rumah Zaidi.



Langkah 9:

Merancang dan menghasilkan hasil cipta/persembahan projek

1. Setelah pulang dari lawatan, kanak-kanak memberi cadangan untuk melukis peralatan yang terdapat di rumah Zaidi.
2. Guru mencadangkan kanak-kanak menyediakan senarai keperluan dan menggalakkan ibu bapa untuk membantu mendapatkan bahan-bahan untuk projek
3. Jadual untuk menyediakan projek dirancang bersama kanak-kanak.

C. KESIMPULAN PROJEK

1. Menyiapkan hasil projek
2. Membuat persiapan untuk persembahan projek
3. Menjemput ibu bapa/komuniti
4. Mengadakan persembahan
5. Membuat refleksi dan penilaian bersama kanak-kanak

Langkah 1:

Menyiapkan hasil kerja:

5. Semua bahan-bahan dikumpulkan.
6. Kanak-kanak dibahagikan kepada 2 kumpulan
7. Kumpulan 1 akan membuat model rumah
8. Kumpulan 2 akan membuat buku skrap

Projek 1:

Model rumah - 3 dimensi

Bahan :

- ix. Kotak
- x. Majalah
- xi. Soft board
- xii. Katalog peralatan dari kedai perabot
- xiii. Alatulis – gunting, gam, pisau, warna, dll
- xiv. Kertas warna atau pembalut hadiah

Cara:

3. Kanak-kanak menyediakan model rumah

4. Kanak-kanak memotong soft board untuk membuat tapak rumah dan mengikut saiz masing-masing



5. Kanak-kanak memotong kotak untuk membuat tingkap dan pintu



اونيفورسيتي ماليسيا قهغ
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

6. Balut kotak yang ingin dijadikan rumah dengan pembalut hadiah dan kertas warna




7. Seterusnya, gunakan kotak yang berbeza untuk dibuat bumbung rumah dan balutkan menggunakan pembalut hadiah



اونيفورسيتي مليسيا قهغ
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

8. Kanak-kanak membuat partition untuk dijadikan bilik, dapur dan ruang tamu



UMP

9. Kanak-kanak membuat dan menggantung pagar menggunakan kertas majalah



اوتنسون ملينسي قهغ
UNIVERSITI MALAYSIA RAHANG

10. Dengan menggunakan dawai hiasan, kanak-kanak membuat pokok, kolam dan bunga untuk dijadikan hiasan halaman rumah



UMP

11. Kanak-kanak menampalkan rumah dan menghias rumah sehingga cantik dan siap.



اونیورسیتی ملیسیا قهق
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Projek 2:



Buku Skrap

Bahan:

- i. Kertas A4
- ii. Kertas warna
- iii. Kotak
- iv. Plastik
- v. Gambar peralatan dari katalog kedai perabot
- vi. Alatulis ; gunting, pisau, warna, gam dan lain-lain

Cara membuat:

1. Lipat kertas warna untuk dijadikan seperti buku dan buat tajuk menggunakan kertas warna



2. Potong gambar perabot dan tampalkan di dalam buku



اونيورسيتي مليسيا قهق
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

3. Menulis doa dan tampal doa keluar dan masuk rumah



4. Menghias buku skrap



Langkah 2:

Membuat persiapan untuk persembahan projek

1. Kanak-kanak mencadangkan untuk diadakan pameran hasil cipta mereka kepada ibu bapa
2. Kanak-kanak menyediakan ruang pameran bersama guru
3. Kanak-kanak menyediakan kad jemputan kepada ibu bapa
4. Ibu bapa digalakkan untuk membantu menyediakan ruang pameran



Langkah 3:

Membuat Refleksi dan penilaian bersama kanak-kanak

1. Setiap projek akan dinilai secara bersama, samada oleh pendidik, kanak-kanak dan ibu bapa
2. Setiap penilaian adalah berdasarkan kepada perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh mengikut tunjang-tunjang pembelajaran.
3. Sekiranya projek ini menarik minat kanak-kanak ianya boleh diteruskan supaya kanak-kanak akan mendapat pengetahuan yang lebih mendalam.



**I-Projek (EMPAT)
ADAB TERHADAP IBU BAPA,
GURU & RAKAN
“SAYANGI IBU BAPA”**

اونيفورسيتي ماليسيا قهق

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

CONTOH : PROJEK 4

NAMA PROJEK : BUKU 3D "SAYANGI IBU BAPA"

Langkah 1:

Pengenalan kepada Projek:

1. Guru mengajak kanak-kanak menyanyikan lagu "Saya sayang Ibu".
2. Guru bertanya kanak-kanak adakah mereka sayangkan ibu bapa mereka
3. Guru menggalakkan kanak-kanak bercerita tentang ibu bapa mereka.
4. Guru memperkenalkan doa yang berkaitan dengan ibu bapa




Guru membacakan doa ini dan menerangkan kepada kanak-kanak tentang pentingnya menghormati ibu bapa.

Langkah 2:

Mengumpul maklumat, idea tentang apa yang telah diketahui oleh kanak-kanak:


4. Kanak-kanak mengumpul maklumat berkaitan apa yang mereka tahu tentang ibu bapa mereka
5. Guru menggalakkan kanak-kanak bercerita tentang keluarga masing-masing
6. Kanak-kanak digalakkan melukis gambar ibu bapa mereka.



APA YANG KAMI TAHU TENTANG IBU BAPA:

1. Saya panggil mama saya Umi
2. Papa saya suka pancing ikan
3. Kereta ayah saya besar
4. Mama saya cantik
5. Mama suka bagi duit kat saya
6. Ayah saya kerja di pejabat.

7. Guru bertanya kanak-kanak tentang apa yang mereka tahu tentang keluarga mereka
8. Guru menunjukkan carta salasilah keluarga



اوتورسیتی ملیسیا قهق
 UNIVERSITY MALAYSIA PAHANG

Langkah 3:

Membina Web - Pengetahuan sedia ada kanak-kanak tentang topik

Guru dan kanak-kanak berbincang tentang pengetahuan sedia ada tentang ibu bapa mereka



Langkah 4:

Mengumpul maklumat dan idea tentang apa yang telah diketahui oleh kanak-kanak melalui penyiasatan di TADIKA


1. Kanak menyediakan buku skrap untuk mencatat dan melukis maklumat
2. Kanak-kanak mencatat dan melukis apa yang ketahu tentang ibu bapa mereka
3. Guru bercerita tentang pentingnya kita menghormati dan menyayangi ibu bapa kita



Langkah 5:

Kanak-kanak menulis/melukis objek atau situasi yang mereka lihat semasa penerokaan dan pengumpulan maklumat.

5. Guru menyediakan gambar ibu & ayah
6. Kanak-kanak melakukan aktiviti membuat kolaj gambar ibu & ayah yang di edarkan guru tadi.



Aktiviti kolaj yang dihasilkan oleh murid-murid

7. Kanak-kanak melukis ahli keluarga masing-masing



Lukisan yang dihasilkan oleh kanak-kanak

Langkah 6:

Membina soalan berkaitan dengan topik

1. Guru bersama kanak-kanak berbincang tentang soalaan yang kanak-kanak ingin tahu berkaitan dengan ibu bapa
2. Guru membaca semula doa ibu bapa
 - a. Guru mencatat soalan kanak-kanak
 - i. Kenapa papa kena pergi kerja?
 - ii. Kenapa ayah saya banyak duit?
 - iii. Kenapa kita mesti sayang ibu bapa kita?
 - iv. Macam mana ibu saya boleh cantik?
 - v. Macam mana nak suruh mama & papa sayang pada saya?

Langkah 7:

Menggalakkan penglibatan ibu bapa

1. Guru memaklumkan kepada ibu bapa tentang tajuk projek pada bulan itu.
2. Guru menjemput ibu bapa untuk berbincang tentang projek dan bagaimana ibu bapa boleh membantu dan melibatkan diri
3. Melantik jawatan kuasa untuk projek.

Langkah 8:

Menyediakan sudut pameran projek di dalam kelas



B. PEBANGUNAN PROJEK

1. Menyemak semula "Web"
2. Mengenalpasti soalan yang akan dibincangkan
3. Membuat persedian untuk kerja lapangan
4. Menghubungi pihak yang akan dilawati
5. Mendapatkan kebenaran ibu bapa untuk sesi lawatan
6. Membuat lawatan mengikut jadual
7. Mengumpulkan maklumat semasa lawatan
8. Membawa pulang semua maklumat yang diperolehi semasa lawatan
9. Merancang projek seterusnya – menghasilkan produk/buku skrap/ rekacipta/lukisan/persembahan dll

Langkah 1:

Menyemak semula "Web" soalan

Kanak-kanak dan guru menyemak semula web/senarai soalan

Langkah 2:

Mengenalpasti soalan yang akan dibincangkan semasa sesi lawatan berjumpa pakar

2. Guru membantu kanak-kanak memilih soalan yang sesuai untuk dijawab
3. Kanak-kanak memberi cadangan soalan yang dikumpul

Senarai soalan yang dipilih:

- i. Guru mencatat soalan kanak-kanak
- ii. Kenapa papa kena pergi kerja?
- iii. Kenapa ayah saya banyak duit?
- iv. Kenapa kita mesti sayang ibu bapa kita?
- v. Macam mana ibu saya boleh cantik?
- vi. Macam mana nak suruh mama & papa sayang pada saya?

Langkah 3:

Membuat persediaan untuk kerja lapangan

4. Guru mencadangkan kanak-kanak untuk melawat ke Rumah Sri Kenangan, Taman Kemumin

Langkah 4:

Menghubungi pihak yang akan dilawati

5. Guru menulis surat kepada pihak Rumah Sri Kenangan, Taman Kemumin

Langkah 5:

Mendapatkan kebenaran ibu bapa untuk sesi lawatan

6. Guru menulis surat kepada ibu bapa untuk memaklumkan tentang lawatan yang akan diadakan

Langkah 6:

Menyediakan jadual dan senarai semak lawatan

7. Guru menyediakan jadual lawatan
8. Guru menyediakan senarai semak lawatan

Langkah 7:

Mengumpulkan Maklumat Semasa Lawatan

9. Guru mencatat semua soalan dan jawapan yang diperolehi semasa lawatan
10. Guru mengambil gambar semasa lawatan
11. Kanak-kanak digalakkan bertanya soalan dan mengumpul semua maklumat yang ada
 - a. brosur
 - b. poster
 - c. sampel

Menunjukkan sifat penyayang kepada orang tua





Melawat Warga Emas Di Rumah Sri Kenangan Kemumin



Sentiasa Saling Bantu Membantu Dan Mengikut Peraturan

Langkah 8:

Membawa pulang semua maklumat yang diperolehi semasa lawatan



Kanak-kanak melukis gambar keluarga masing-masing



Langkah 9:

Merancang dan menghasilkan hasil cipta/persembahan projek

4. Setelah pulang dari lawatan, kanak-kanak memberi cadangan untuk menyediakan buku 3D dan buku skrap berkaitan ibu & ayah.
5. Guru mencadangkan kanak-kanak menyediakan senarai keperluan dan menggalakkan ibu bapa untuk membantu mendapatkan bahan-bahan untuk projek
6. Jadual untuk menyediakan projek dirancang bersama kanak-kanak

اونيورسيتي ملايسيا قهق
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

C. KESIMPULAN PROJEK

1. Menyiapkan hasil projek
2. Membuat persiapan untuk persembahan projek
3. Menjemput ibu bapa/komuniti
4. Mengadakan persembahan
5. Membuat refleksi dan penilaian bersama kanak-kanak

Langkah 1:**Menyiapkan hasil kerja:**

5. Semua bahan-bahan dikumpulkan.
6. Kanak-kanak dibahagikan kepada 2 kumpulan
7. Kumpulan 1 akan membuat model rumah
8. Kumpulan 2 akan membuat buku skrap

Projek 1:**Buku Bacaan - 3 dimensi****Bahan :**

- i. Kotak besar (peti sejuk/televisyen)
- ii. Kertas warna
- iii. Kain perca
- iv. Kapas
- v. Sarung tangan
- vi. Selipar Kain
- vii. Penutup Botol air minuman
- viii. Alatulis – gunting, gam, pisau, warna, dll

Cara:

1. Kotak digunting menjadi bentuk segi empat
2. Kemudian gunting kotak menjadi bentuk bulat untuk dijadikan bentuk muka.
3. Proses menampal bentuk di atas kotak yang telah dipotong
4. Lubang ditebuk kemudian ikat riben pada lubang.

Guru menjalani latihan menyiapkan hasil kerja bersama-sama guru-guru yang lain dalam kumpulan.



Menyiapkan hasil projek dengan idea-idea yang kreatif kerjasama daripada ibu bapa, guru dan murid



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG



Menghasilkan buku skrap dan membaca doa kedua ibu bapa

Projek 2:


Buku Skrap Keluarga Saya

Bahan:

- i. Kertas lukisan
- ii. Majalah
- iii. Alatulis; gunting, pisau, warna, gum, riben

Cara membuat:

1. Lipat kertas menjadi dua
2. Lukis gambar ibu bapa dan warnakannya
3. Gunting gambar dalam majalah dan tampalkannya



Buku skrap yang dihasilkan dengan penuh semangat dan dengan penuh kasih sayang.

Langkah 2:

Membuat persiapan untuk persembahan projek

5. Kanak-kanak mencadangkan untuk diadakan pameran hasil cipta mereka kepada ibu bapa
6. Kanak-kanak menyediakan ruang pameran bersama guru
7. Kanak-kanak menyediakan kad jemputan kepada ibu bapa
8. Ibu bapa digalakkan untuk membantu menyediakan ruang pameran

Ruang Pameran Yang Disediakan Di Dalam Kelas



Langkah 3:

Membuat Refleksi dan penilaian bersama kanak-kanak

1. Setiap projek akan dinilai secara bersama, samada oleh pendidik, kanak-kanak dan ibu bapa
2. Setiap penilaian adalah berdasarkan kepada perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh mengikut tunjang-tunjang pembelajaran.
3. Sekiranya projek ini menarik minat kanak-kanak ianya boleh diteruskan supaya kanak-kanak akan mendapat pengetahuan yang lebih mendalam.



I-Projek (LIMA) ADAB SEBELUM TIDUR DAN SELEPAS BANGUN DARI TIDUR

اونيفورسيتي ماليسيا قهق

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

CONTOH : PROJEK 5

NAMA PROJEK : DOA, ADAB SEBELUM TIDUR DAN SELEPAS BANGUN TIDUR

Langkah 1:

Pengenalan kepada Projek:

1. Guru bertanya kepada kanak-kanak “adakah mereka tidur nyenyak semalam?”. Guru bercerita tentang waktu siang dan malam dan aktiviti yang dijalankan oleh manusia pada waktu-waktu tersebut.
2. Guru menunjukkan video tentang kejadian siang dan malam
3. Guru bersoal jawab dengan kanak-kanak tentang video yang mereka tonton.
4. Guru menerangkan tentang berapa ayat dalam Al-Quran yang menceritakan tentang kejadian siang dan malam

Konsep Siang Dan Malam Dalam Al-Qur'an

Al-Quran adalah mukjizat yang sangat sempurna, hanya dengan 114 surah dan 6239 ayat al-Quran mampu membahas seluruh aspek kehidupan, dan menjadi pedoman hidup yang sangat ideal. Allah melalui al-Qur'an memerintahkan manusia untuk selalu memerhatikan sekelilingnya, kerana di manapun mata memandang di situ terdapat tanda-tanda kebesaran Allah SWT.

Malam dan siang merupakan salah satu dari sekian banyak tanda-tanda yang membuktikan bahawa alam ini pasti diatur oleh suatu zat yang amat luar biasa (Allah). Di dalam al-Quran malam dan siang sering disebut dan diulang-ulang dalam beberapa ayat-ayatnya. Dan diantaranya adalah dalam surah Al-Furqan (ayat 47 dan 62), surah Yasin (ayat 37).

- a. Surah Al-Furqan ayat 47

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ اللَّيْلَ لِبَاسًا وَالنَّوْمَ سُبَاتًا وَجَعَلَ النَّهَارَ نُشُورًا

Ertinya:” Dan Dialah yang menjadikan untuk kamu malam sebagai pakaian dan tidur sebagai pemutus dan Dia menjadikan siang untuk bertebaran”.
(Al-Furqan:47)

Setelah menyebutkan bukti-bukti keesaan dan kekuasaan-Nya melalui bayangan yang dibuktikan keberadaannya oleh kehadiran cahaya matahari pada ayat sebelumnya, kini ayat di atas berbicara tentang manfaat lainnya yang diperoleh manusia dari terbit dan terbenamnya matahari, iaitu adanya siang dan malam.

Keserasian perurutan ayat ini dengan ayat sebelumnya dapat juga ditemukan jika kita menyadari bahawa kegelapan malam dari senja hingga sangat gelap, kemudian disusuli oleh sedikit demi sedikit datangnya cahaya matahari, sama juga keadaan bayangan yang didahului oleh gelap hingga ia menghilang dengan datangnya terang.

Thaba'thaba'i menulis: Keadaan manusia yang ditutupi oleh pakaian kegelapan malam, berhentinya mereka untuk beristirahat, lalu bertebaran mereka mencari rezeki apabila munculnya siang. Apa yang disebut oleh ayat ini memiliki persamaan dengan apa yang dihuraikan sebelum ini tentang kehadiran bayangan (gelap) kemudian menjadikan matahari sebagai bukti, lalu menggenggam dan menghilangkan bayang-bayang itu.

Ayat di atas menyatakan: Dan di antara bukti-bukti keesaan Allah dan kekuasaan-Nya iaitu Dialah (Allah) yang menjadikan untuk kamu sekalian malam dengan kegelapannya sebagai pakaian yang menutupi diri kamu, dan menjadikan tidur sebagai pemutus segala kegiatan kamu sehingga kamu dapat beristirahat untuk memulihkan tenaga, dan Dia juga menjadikan siang supaya kamu boleh mencari rezeki.

b. Surat Al-Furqan ayat 62

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ خِلْفَةً لِّمَنْ أَرَادَ أَنْ يَذَّكَّرَ أَوْ أَرَادَ شُكُورًا

Ertinya: "Dan Dia yang menjadikan malam dan siang silih berganti bagi siapa yang ingin mengambil pelajaran atau bagi yang ingin bersyukur." (Al-Furqan:62).

Ayat sebelumnya membahas tentang matahari dan bulan serta pancaran cahaya dan peredarannya, dan di ayat ini disinggung tentang akibat dari peredaran matahari dan kehadiran bulan. Dan Dia pula yang menjadikan malam dan siang silih berganti yang satu datang setelah yang lain. Dia yang mengaturnya seperti itu bagi yakni untuk dimanfaatkan oleh siapa yang ingin mengambil pelajaran sehingga menyadari betapa Allah Maha Esa, Maha Mengetahui dan Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana, atau bagi yang ingin bersyukur atas segala limpahan karunia-Nya.

Thahir ibn 'Asyur berpendapat bahwa ayat ini berpesan agar setiap orang berpikir tentang pergantian malam dan siang, sehingga ia dapat mengetahui bahwa dibalik pergantian itu pasti wujud yang berperan dalam mengatur semua itu.

Sayyid Quthub ketika menafsirkan ayat ini, mengutip pendapat ilmuwan yang menunjukkan betapa besarnya kuasa dan betapa teliti pengaturannya. "Bumi beredar dalam orbitnya sekali setiap dua puluh empat jam, atau sekitar seribu mil perjam. Kalaulah bumi kita hanya beredar sejauh seratus mil sejamnya, maka ketika itu malam dan siang akan lebih panjang

puluhan kali dari keadaan yang sekarang. Dan bila itu terjadi, maka matahari musim panas akan membakar semua tumbuhan di bumi disiang hari, dan membekukannya pada malam. Maka sungguh melimpah anugerah Allah SWT, kepada makhlukNya. Itulah sesuatu yang perlu direnungkan dan disyukuri oleh umat manusia.

Langkah 2:

Mengumpul maklumat, idea tentang apa yang telah diketahui oleh kanak-kanak:

5. Kanak-kanak mengumpul maklumat berkaitan dengan apa yang mereka tahu tentang malam dan siang.
6. Guru menyediakan pelbagai bahan seperti buku, gambar, video untuk kanak-kanak mendapat maklumat
7. Guru menggalakkan kanak-kanak bercerita tentang pengalaman mereka lakukan pada waktu siang dan malam.
8. Kanak-kanak digalakkan melukis apa yang mereka tahu tentang siang dan malam.



Membina web apa yang kamu tahu tentang kejadian siang dan malam

9. Guru bertanya kanak-kanak apa yang mereka lakukan pada waktu siang dan malam

Langkah 3:

Membina Web - Pengetahuan sedia ada kanak-kanak tentang topik.

Guru dan kanak-kanak berbincang tentang pengetahuan sedia ada tentang apa yang mereka tahu tentang siang dan malam.



Kanak-kanak melukis pengalaman aktiviti mereka pada waktu siang dan malam



Lukisan kanak-kanak

Langkah 4:

Mengumpul maklumat dan idea tentang apa yang telah diketahui oleh kanak-kanak melalui penyiasatan di TADIKA

1. Kanak menyediakan buku skrap untuk mencatat dan melukis maklumat
2. Kanak-kanak mencatat dan melukis apa yang mereka tahu apa yang ada tentang malam dan siang
3. Guru bercerita tentang kejadian siang dan malam



Bahan-bahan yang dikumpul menghasilkan buku skrap

Langkah 5:

Kanak-kanak menulis/melukis objek atau situasi yang mereka lihat semasa penerokaan dan pengumpulan maklumat

1. Guru menyediakan pelbagai jenis bahan berkaitan kejadian siang dan malam
2. Guru menunjukkan gambar-gambar yang berkaitan dengan siang dan malam



3. Kanak-kanak mengasingkan gambar mengikut kategori
 - a. Waktu malam
 - b. Waktu siang
4. Guru menunjukkan adab-adab semasa sebelum tidur
5. Guru mengulangi bacaan ayat Al-Quran dan hadits dan berbincang tentang maksudnya dengan aktiviti yang dijalankan
6. Kanak-kanak melukis gambar yang mereka tahu tentang aktiviti siang dan malam



Lukisan murid-murid

Langkah 6:

Membina soalan berkaitan dengan topik

3. Guru bersama kanak-kanak berbincang tentang soalan yang kanak-kanak ingin tahu berkaitan kejadian siang dan malam
4. Guru membaca semula ayat Al-quran dan hadits untuk menerangkan kepada kanak-kanak

Langkah 6:

Membina soalan berkaitan dengan topik

3. Guru bersama kanak-kanak berbincang tentang soalaan yang kanak-kanak ingin tahu berkaitan kejadian siang dan malam
4. Guru membaca semula ayat Al-quran dan hadits untuk menerangkan kepada kanak-kanak
 - a. Guru mencatat soalan kanak-kanak
 - i. Siapa yang jadikan siang dan malam?
 - ii. Kenapa sebelum tidur dan selepas tidur kena baca doa?
 - iii. Kenapa malam ada bulan?
 - iv. Kenapa selepas bangun tidur kena mandi?
 - v. Kenapa siang hari kena pergi sekolah?
 - vi. Kenapa sebelum ke sekolah kena makan?
 - vii. Kenapa siang ada matahari?
 - viii. Kenapa kena solat?

Langkah 7:

Menggalakkan penglibatan ibu bapa

5. Guru memaklumkan kepada ibu bapa tentang tajuk projek pada bulan itu.
6. Guru menjemput ibu bapa untuk berbincang tentang projek dan bagaimana ibu bapa boleh membantu dan melibatkan diri
7. Melantik jawatan kuasa untuk projek.

Langkah 8:

Menyediakan sudut pameran projek di dalam kelas



Projek yang dihasilkan oleh murid-murid bersama guru

B. PEBANGUNAN PROJEK

1. Menyemak semula “Web”
2. Mengenalpasti soalan yang akan dibincangkan
3. Membuat persedian untuk kerja lapangan
4. Menghubungi pihak yang akan dilawati
5. Mendapatkan kebenaran ibu bapa untuk sesi lawatan
6. Membuat lawatan mengikut jadual
7. Mengumpulkan maklumat semasa lawatan
8. Membawa pulang semua maklumat yang diperolehi semasa lawatan
9. Merancang projek seterusnya – menghasil produk/buku skrap/ rekacipta/lukisan/persembahan dll

Langkah 1:**Menyemak semula “Web” soalan**

Kanak-kanak dan guru menyemak semula web/senarai soalan

Langkah 2:**Mengenalpasti soalan yang akan dibincangkan semasa sesi lawatan berjumpa pakar**

2. Guru membantu kanak-kanak memilih soalan yang sesuai untuk dijawab
3. Kanak-kanak memberi cadangan soalan yang dikumpul

Senarai soalan yang dipilih:

- i. Siapa yang jadikan siang dan malam?
- ii. Kenapa sebelum tidur dan selepas tidur kena baca doa?
- iii. Kenapa malam ada bulan?
- iv. Kenapa selepas bangun tidur kena mandi?
- v. Kenapa siang hari kena pergi sekolah?
- vi. Kenapa sebelum ke sekolah kena makan?
- vii. Kenapa siang ada matahari?
- viii. Kenapa kena solat?

Langkah 3:

Membuat persediaan untuk kerja lapangan

4. Guru mencadangkan kanak-kanak untuk melawat ke Pusat sains Negara
5. Guru juga mencadangkan kanak-kanak untuk melihat matahari terbenam pada waktu petang

Langkah 4:

Menghubungi pihak yang akan dilawati

6. Guru menulis surat kepada pihak Pusat Sains Negara

Langkah 5:

Mendapatkan kebenaran ibu bapa untuk sesi lawatan

7. Guru menulis surat kepada ibu bapa untuk memaklumkan tentang lawatan yang akan diadakan

Langkah 6:

Menyediakan jadual dan senarai semak lawatan

8. Guru menyediakan jadual lawatan
9. Guru menyediakan senarai semak lawatan

Langkah 7:

Mengumpulkan maklumat semasa lawatan

4. Guru mencatat semua soalan dan jawapan yang diperolehi semasa lawatan
5. Guru mengambil gambar semasa lawatan
6. Kanak-kanak digalakkan bertanya soalan dan mengumpul semua maklumat yang ada
 - a. brosur
 - b. poster
 - c. sampel



Gambar lawatan murid-murid

Langkah 8:

Membawa pulang semua maklumat yang diperolehi semasa lawatan

Kanak-kanak melukis gambar kejadian siang dan malam

Langkah 9:

Merancang dan menghasilkan hasilcipta/persembahan projek

7. Setelah pulang dari lawatan, kanak-kanak memberi cadangan untuk menyediakan projek berkaitan dengan waktu siang dan malam.
8. Guru mencadangkan kanak-kanak menyediakan senarai keperluan dan menggalakkan ibu bapa untuk membantu mendapatkan bahan-bahan untuk projek
9. Jadual untuk menyediakan projek dirancang bersama kanak-kanak.

C. KESIMPULAN PROJEK

1. Menyiapkan hasil projek
2. Membuat persiapan untuk persembahan projek
3. Menjemput ibu bapa/komuniti
4. Mengadakan persembahan
5. Membuat refleksi dan penilaian bersama kanak-kanak

Langkah 1:

Menyiapkan hasil kerja:

1. Semua bahan-bahan dikumpulkan.
2. Kanak-kanak dibahagikan kepada 2 kumpulan
3. Kumpulan 1 akan membuat proses pengeringan kain
4. Kumpulan 2 akan menyediakan buku panduan aktiviti yang dilaksanakan pada waktu siang dan waktu malam

Projek 1:



Proses Pengeringan Ikan

Bahan :

- i. Mountinboard 2 keping
- ii. Kertas warna
- iii. Belon warna kuning
- iv. Reben
- v. Tali
- vi. Kain tuala
- vii. Alatulis – gunting, gam, pisau, warna, dll

Cara:

1. Kanak-kanak menyediakan bahan-bahan untuk membuat proses pengeringan kain
2. Membuat kolaj matahari, bulan dan bintang
3. Membuat matahari menggunakan belon
4. Membuat tampalan kolaj bulan dan bintang menggunakan kertas warna
5. Kanak-kanak mengikat tali pada mountinboard untuk menyidai kain basah dan kering
6. Kemudian mengikat tali pada mountinboard untuk menggantung hasil projek.



Persiapan penyediaan bahan-bahan



Kolaj kejadian siang dan malam

اوتليور سديني
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Projek 2:



Buku skrap aktiviti yang dijalankan pada waktu malam dan siang

Bahan :


- i. Kertas A4
- ii. Kertas warna
- iii. Gambar dari majalah
- iv. Alatulis ; gunting, pisau, warna, gum

Cara membuat:


1. Kolaj kejadian siang dan malam
2. Potong gambar dalam majalah
3. Lekatkan pada kertas warna
4. Labelkan apa aktiviti yang dilakukan
5. Asingkan mengikut waktu siang dan malam



Proses penyediaan buku skrap, murid-murid dan guru bekerjasama dalam kumpulan menyiapkan buku skrap



Murid-murid dan guru bekerjasama dalam kumpulan menyiapkan buku skrap



Contoh buku skrap murid-murid hasilkan

Langkah 2:

Membuat persiapan untuk persembahan projek

9. Kanak-kanak mencadangkan untuk diadakan pameran hasil cipta mereka kepada ibu bapa
10. Kanak-kanak menyediakan ruang pameran bersama guru
11. Kanak-kanak menyediakan kad jemputan kepada ibu bapa
12. Ibu bapa digalakkan untuk membantu menyediakan ruang pameran



Ruang pameran yang dihasilkan untuk dipersembahkan kepada ibubapa

UMP

Langkah 3:

Membuat Refleksi dan penilaian bersama kanak-kanak

1. Setiap projek akan dinilai secara bersama, samada oleh pendidik, kanak-kanak dan ibu bapa
2. Setiapa penilaian adalah berdasarkan kepada perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh mengikut tunjang-tunjang pembelajaran.
3. Sekiranya projek ini menarik minat kanak-kanak ianya boleh diteruskan supaya kanak-kanak akan mendapat pengetahuan yang lebih mendalam.



**I-Projek (ENAM)
Akhlak-**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
MULAKAN HARI DENGAN BISMILLAH

اونیورسیتی ملیسیا قهق

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

CONTOH : PROJEK 6

NAMA PROJEK : PENGENALAN BISMILLAH

Langkah 1:

Pengenalan kepada Projek:

Guru memulakan kelas dengan membaca Ummul Kitab iaitu surah Al-Fatihah, dan guru menggalakkan kanak-kanak mengikut membaca surah tersebut.

Kemudian guru membaca beberapa surah pendek dan memulakanya dengan “Bismillah..... guru bertanya kanak-kanak kenapa setiap kali kita membaca surah kita mulakan dengan bacaan “Bismillah”.

1. Adakah adik-adik tahu maksud bacaan Bismillah?
2. Apakah maksud pengasih?
3. Apakah maksud penyayang?
4. Siapakah yang adik sayang sekali?

Guru berbual dengan kanak-kanak tentang maksud kasih dan sayang.

Kanak-kanak berkongsi pengetahuan dan perasaan mereka tentang kasih dan sayang.



Murid-murid menunjukkan kasih sayang dengan menanam pokok bunga dan mulakan dengan perkataan ‘Bismillah’



Murid-murid belajar adab-adab menjaga dan menghargai ciptaan Tuhan, baca 'Bismillah' sebelum menjalankan aktiviti

Langkah 2:

UMP

Mengumpul maklumat, idea tentang apa yang telah diketahui oleh kanak-kanak:

1. Kanak-kanak mengumpul maklumat berkaitan tentang kasih sayang. Guru menunjukkan video tentang kisah.....tumbuhan....bagaimana pokok ditanam dan dipelihara supaya ia boleh tumbuh subur.
2. Guru menggalakkan kanak-kanak bercerita tentang kisah dalam video tersebut dan kaitkan dengan kasih dan sayang
3. Guru menggalakkan kanak-kanak bercerita tentang apa yang mereka sayang. Kanak-kanak berkongsi pengalaman mereka. Eka bercerita yang ibunya hadiahkan dia seekor anak kucing semasa hari lahirnya. Addin pulak bercerita yang ayahnya belikan mainan "kereta" sebab bantu ayahnya membasuh kereta. Zairil bercerita ibunya selalu masak makanan yang sedap. Eka, Addin dan Zairil amat kasih dan sayangkan ibu bapa mereka. Dan hadiah yang dberikan akan mereka jaga dengan kasih sayang. Kesemua kanak-kanak bercerita tentang pengalaman mereka dan merasakan bahawa hidup mereka disayangi.
4. Kanak-kanak digalakkan melukis gambar yang mereka sayang seperti ibu bapa, haiwan kesayangan, pokok, maianan, anak patung, dan lain-lain.



Lukisan kanak-kanak tentang apa yang mereka sayang dan kasih.

Langkah 3:

Membina Web - Pengetahuan sediaada kanak-kanak tentang topik

Guru dan kanak-kanak berbincang tentang pengetahuan sedia ada tentang kasih sayang



Langkah 4:

Mengumpul maklumat dan idea tentang apa yang telah diketahui oleh kanak-kanak tentang kasih sayang melalui penyiasatan di Tabika. Guru menggalakkan kanak-kanak membaca Bismillah, setiap kali memulakan sesuatu kerja.

1. Kanak-kanak menyediakan buku skrap untuk mencatat dan melukis maklumat berkaitan peristiwa atau objek yang mereka kasih dan sayang
2. Kanak-kanak melukis dan mewarnakan gambar
3. Guru bercerita tentang kepentingan kasih sayang dalam kehidupan manusia. Guru menerangkan selain ibu bapa dan keluarga, seseorang hendaklah kasih dan sayang kepada haiwan disekeliling kita dan pokok-pokok yang berada di perskitaran kita.
4. Kanak-kanak berkongsi pendapat tentang maksud kasih sayang yang mereka fahami:
 - a. Amin berkata dia sayangkan kucingnya yang bernama Dudu. Setiap hari dia memastikan kanak-kanak sebelum datang ke Tabika.
 - b. Rina mengatakan bahawa kita mesti sayangkan pokok dan tidak menebangnya.

Langkah 5:

Kanak-kanak menulis/melukis pengetahuan dan perasaan mereka tentang kasih dan sayang



Lukisan murid-murid

Langkah 6:

Membina soalan bersama kanak-kanak berkaitan “Kasih Sayang”

1. Guru bersama kanak-kanak berbincang tentang soalan yang kanak-kanak ingin tahu berkaitan kasih sayang
2. Guru membaca semula ayat Al-quran untuk menerangkan kepada kanak-kanak tentang perasaan kasih dan sayang. Guru menggalakkan kanak-kanak bertanya soalan dan mencatatkannya di kertas Mahjong.
 - a. Guru mencatat soalan kanak-kanak
 - i. Kenapa kena baca bismillah?
 - ii. Kenapa perlu sayang kawan?
 - iii. Kenapa kita perlu sayang ibu?
 - iv. Kenapa perlu siram pokok?
 - v. Bolehkah kita tebang semua pokok?
 - vi. Bolehkah pokok di tanam dalam bekas?
 - vii. Pokok makan apa?
 - viii. Kenapa tidak boleh bergaduh?

UMP

Langkah 7:

Menggalakkan penglibatan ibu bapa



1. Guru memaklumkan kepada ibu bapa tentang tajuk projek yang dicadangkan iaitu tentang Kasih dan Sayang pada bulan itu.
2. Guru menjemput ibu bapa untuk berbincang tentang projek dan bagaimana ibu bapa boleh membantu dan melibatkan diri
3. Melantik jawatan kuasa untuk projek.

اونيو ريسرشي ماليسيا فقه
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Langkah 8:

Menyediakan sudut pameran projek di dalam kelas (web pengetahuan sedia ada kanak-kanak, lukisan kanak-kanak, soalan yang kanak-kanak ingin tahu)

Web murid-murid



اونيفورسيتي ماليسيا قهق
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

B. PEBANGUNAN PROJEK

1. Menyemak semula “Web”
2. Mengenalpasti soalan yang akan dibincangkan
3. Membuat persediaan untuk kerja lapangan
4. Menghubungi pihak yang akan dilawati
5. Mendapatkan kebenaran ibu bapa untuk sesi lawatan
6. Membuat lawatan mengikut jadual
7. Mengumpulkan maklumat semasa lawatan
8. Membawa pulang semua maklumat yang diperolehi semasa lawatan
9. Merancang projek seterusnya – menghasilkan produk/buku skrap/ rekacipta/lukisan/persembahan dll

Langkah 1:**Menyemak semula “Web” soalan**

Kanak-kanak dan guru menyemak semula web/senarai soalan

Langkah 2:**Mengenalpasti soalan yang akan dibincangkan semasa sesi lawatan berjumpa pakar**

1. Guru membantu kanak-kanak memilih soalan yang sesuai untuk dijawab
2. Kanak-kanak memberi cadangan soalan yang dikumpul

Senarai soalan yang dipilih:

- i. Kenapa kena baca bismillah?
- ii. Kenapa perlu sayang kawan?
- iii. Kenapa kita perlu sayang ibu?
- iv. Kenapa perlu siram pokok?
- v. Pokok makan apa?
- vi. Kenapa tidak boleh bergaduh?

Guru dan kanak-kanak berbincang tentang soalan yang akan di jawab. Semua kanak-kanak bersetuju untuk membuat projek menanam pokok bagi menunjukkan rasa kasih sayang mereka kepada alam sekitar.

Projek yang dipersetujui oleh kanak-kanak adalah projek menanam pokok bunga kembang pukul 10

Guru dan kanak-kanak berbincang tentang proses menjalankan projek ini:

1. Senarai bahan yang diperlukan:
 - a. Botol mineral
 - b. Tanah tanaman
 - c. Pokok bunga
2. Kenal pasti tapak lawatan
3. Menghubungi pemilik nurseri
4. Mengadakan lawatan ke nurseri pokok bersama kanak-kanak
5. Menyediakan soalan untuk ditanya

Langkah 3:

Membuat persediaan untuk kerja lapangan

1. Guru mencadangkan kepada kanak-kanak untuk melawat ke tapak nurseri dan landskap yang terdekat

Gambar kanak-kanak semasa lawatan untuk menanam pokok bunga



2. Guru mencadangkan pihak nursery datang ke tabika untuk memberi penerangan tentang cara-cara yang betul untuk menanam pokok bunga



Gambar semasa sesi perbincangan bersama pakar

Langkah 4:

Menghubungi pihak yang akan dilawati

Guru menulis surat kepada pihak berkaitan meminta kebenaran untuk mengadakan lawatan di tempat mereka.

Langkah 5:

Mendapatkan kebenaran ibu bapa untuk sesi lawatan

Guru menulis surat kepada ibu bapa untuk memaklumkan tentang lawatan yang akan diadakan.

Langkah 6:

Menyediakan jadual dan senarai semak lawatan

1. Guru menyediakan jadual lawatan
2. Guru menyediakan senarai semak lawatan

Langkah 7:

Mengumpulkan maklumat semasa lawatan

1. Guru mencatat semua soalan dan jawapan yang diperolehi semasa lawatan
2. Guru mengambil gambar semasa lawatan
3. kanak-kanak digalakkan bertanya soalan dan mengumpul semua maklumat yang ada



Murid-murid bertanyakan soalan kepada guru dan pekerja ladang



Murid-murid dapat meneroka penjagaan pokok bunga ciptaan Tuhan

Langkah 8:

Membawa pulang semua maklumat yang diperolehi semasa lawatan

Kanak-kanak melukis dan mewarnakan gambar tumbuh-tumbuhan yang mereka lihat

اونیورسیتی ملیسیا قهق
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG



Kanak-kanak melukis pokok bunga yang dilihat semasa lawatan

Langkah 9:

Merancang dan menghasilkan hasilcipta/persembahan projek

10. Setelah pulang dari lawatan, kanak-kanak memberi cadangan untuk menyediakan projek menanam pokok bunga
11. Guru mencadangkan kanak-kanak menyediakan senarai keperluan dan menggalakkan ibu bapa untuk membantu mendapatkan bahan-bahan untuk projek
12. Jadual untuk menyediakan projek dirancang bersama kanak-kanak.



Kanak-kanak menanam pokok bunga

C. KESIMPULAN PROJEK

1. Menyiapkan hasil projek
2. Membuat persiapan untuk persembahan projek
3. Menjemput ibu bapa/komuniti
4. Mengadakan persembahan
5. Membuat refleksi dan penilaian bersama kanak-kanak

Langkah 1:

Menyiapkan hasil kerja:

1. Semua bahan-bahan dikumpulkan.
2. Kanak-kanak dibahagikan kepada 2 kumpulan
3. kanak-kanak mengambil botol dan mengisikannya dengan tanah tanaman
4. kemudian, tanam anak pokok bunga ke dalam botol yang berisi tanah tadi
5. siram pokok-pokok bunga
6. susun bunga-bunga di tempat yang disediakan

Projek 1:

Menanam anak pokok bunga kembang pukul 10

Bahan :

- i. Botol mineral (dipotong bahagian tepi)
- ii. Tanah tanaman
- iii. Anak pokok bunga
- iv. Botol mineral kecil (sebagai penyiram)



Menyediakan bahan-bahan bagi projek penanaman pokok bunga

UMP

Langkah 2:

Membuat persiapan untuk persembahan projek

1. Kanak-kanak mencadangkan untuk diadakan pameran hasil cipta mereka kepada ibu bapa
2. Kanak-kanak menyediakan ruang pameran bersama guru
3. Kanak-kanak menyediakan kad jemputan kepada ibu bapa
4. Ibu bapa digalakkan untuk membantu menyediakan ruang pameran

Langkah 3:

Membuat Refleksi dan penilaian bersama kanak-kanak

1. Setiap projek akan dinilai secara bersama, samada oleh pendidik, kanak-kanak dan ibu bapa
2. Setiap penilaian adalah berdasarkan kepada perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh mengikut tunjang-tunjang pembelajaran.
3. Sekiranya projek ini menarik minat kanak-kanak ianya boleh diteruskan supaya kanak-kanak akan mendapat pengetahuan yang lebih mendalam.



**I-Projek (TUJUH)
AKHLAK -
DOA PENERANG HATI DAN
ADAB-ADAB MENUNTUT ILMU**



اونيفورسيتي مليسيا قهق

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

CONTOH : PROJEK 7

NAMA PROJEK : DOA PENERANG HATI

Langkah 1:

Pengenalan kepada Projek:

1. Guru menggalakkan kanak-kanak membaca doa penerang hati semasa memulakan sesi pembelajaran.
2. Guru menerangkan maksud **doa** dan kenapa pentingnya membaca doa sebelum memulakan aktiviti.
3. Guru menggalakkan kanak-kanak membaca semula doa dan menerangkan maksudnya.
4. Guru memperkenalkan ayat al-quran dan hadits yang berkaitan dengan doa Penerang Hati



Hadits:

1. Hadits kewajiban menuntut ilmu:

Adapun salah satu hadits yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam shahihnya, dari hadits Abu Hurairah radhiyallahu 'anhu. Yang membahas menuntut ilmu, sesungguhnya Nabi shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda :

وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ
طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ. وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ
اللَّهِ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَيَتَدَارَسُونَ بَيْنَهُمْ إِلَّا نَزَلَتْ عَلَيْهِمُ
السَّكِينَةُ، وَعَشِيَتْهُمْ الرَّحْمَةُ، وَحَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ،
وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ

"Barangsiapa yang menempuh suatu perjalanan dalam rangka untuk menuntut ilmu maka Allah akan memudahkan baginya jalan ke surga. Tidaklah berkumpul suatu kaum disalah satu masjid diantara masjid-masjid Allah, mereka membaca Kitabullah serta saling mempelajarinya kecuali akan turun kepada mereka ketenangan dan rahmat serta diliputi oleh para malaikat. Allah menyebut-nyebut mereka dihadapan para malaikat."

UMP

2. Hadits kewajiban menuntut ilmu setiap muslim:

Hadits "Kewajiban Mencari Ilmu"

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ وَمُسْلِمَةٍ
Artinya : "Mencari ilmu itu adalah wajib bagi setiap muslim laki-laki maupun muslim perempuan". (HR. Ibnu Abdil Barr)

Guru membacakan ayat-ayat Al –Quran dan hadits ini dan menerangkan kepada kanak-kanak tentang kepentingan doa penerang hati dalam menuntut ilmu.

Langkah 2:





Mengumpul maklumat, idea tentang apa yang telah diketahui oleh kanak-kanak:


1. Kanak-kanak mengumpul maklumat berkaitan pengetahuan sedia ada tentang belajar di tabika atau di rumah.
2. Guru menggalakkan kanak-kanak bercerita tentang pengalaman mereka belajar.
3. Kanak-kanak digalakkan melukis apa yang mereka ketahui tentang belajar.

Lukisan murid-murid



4. Guru bertanya kanak-kanak apa yang mereka paling suka belajar.
5. Guru menyediakan graf minat belajar kanak-kanak.

5				
4				
3				
2				
1				
	 melukis	 mewarna	 membaca	 mengira



Langkah 3:

Membina Web – Pengetahuan sedia ada kanak-kanak tentang Doa penerang hati.

Guru dan kanak-kanak berbincang tentang pengetahuan sedia ada tentang belajar (ilmu pengetahuan) yang digemari oleh kanak-kanak.



Langkah 4:

Mengumpul maklumat dan idea tentang apa yang telah diketahui oleh kanak-kanak melalui penyiasatan di TABIKA

1. Guru bercerita tentang kepentingan belajar dan pentingnya baca doa sebelum belajar
2. Guru bercerita mengenai peralatan-peralatan yang terdapat di tabika.



Langkah 5:

Kanak-kanak menulis/melukis objek atau situasi yang mereka lihat semasa penerokaan dan pengumpulan maklumat

1. Guru menerangkan adab-adab belajar secara Islam iaitu membaca doa Penerang Hati sebelum memulakan pembelajaran
2. Guru mengajar dan mengulangi bacaan doa penerang hati dan hadits dan berbincang tentang maksudnya.
3. Guru memulakan pengajaran dengan meminta kanak-kanak melukis peralatan yang dilihat di dalam tabika.



Kanak-kanak melukis peralatan yang ada dalam Tadika

Langkah 6:

Membina soalan berkaitan dengan topik

1. Guru bersama kanak-kanak berbincang tentang soalan yang kanak-kanak ingin tahu berkaitan belajar dan kepentingan doa
2. Guru membaca semula doa penerang hati dan hadits untuk menerangkan kepada kanak-kanak
 - a. Guru mencatat soalan kanak-kanak
 - i. Kenapa kita kena belajar?
 - ii. Kenapa kita kena datang sekolah?
 - iii. Kenapa kita kena baca doa?
 - iv. Berapa kali kena baca doa?
 - v. Doa apa yang kita kena baca supaya pandai?

Langkah 7:

Menggalakkan penglibatan ibu bapa

1. Guru memaklumkan kepada ibu bapa tentang tajuk projek pada bulan itu.
2. Guru menjemput ibu bapa untuk berbincang tentang projek dan bagaimana ibu bapa boleh membantu dan melibatkan diri
3. Melantik jawatan kuasa untuk projek.

Langkah 8:

Menyediakan sudut pameran projek di dalam kelas

B. PEMBANGUNAN PROJEK

1. Menyemak semula “Web”
2. Mengenalpasti soalan yang akan dibincangkan
3. Membuat persediaan untuk kerja lapangan
4. Menghubungi pihak yang akan dilawati
5. Mendapatkan kebenaran ibu bapa untuk sesi lawatan
6. Membuat lawatan mengikut jadual
7. Mengumpulkan maklumat semasa lawatan
8. Membawa pulang semua maklumat yang diperolehi semasa lawatan
9. Merancang projek seterusnya – menghasilkan produk/buku skrap/ rekacipta/ lukisan/persembahan dll

Langkah 1:**Menyemak semula “Web” soalan**

1. Kanak-kanak dan guru menyemak semula web/senarai soalan

Langkah 2:**Mengenalpasti soalan yang akan dibincangkan semasa sesi lawatan berjumpa pegawai perpustakaan**

1. Guru membantu kanak-kanak memilih soalan yang sesuai untuk dijawab
2. Kanak-kanak memberi cadangan soalan yang dikumpul
Senarai soalan yang dipilih:
 - i. Kenapa kita kena belajar?
 - ii. Kenapa kita kena datang sekolah?
 - iii. Kenapa kita kena baca doa?
 - iv. Berapa kali kena baca doa?
 - v. Doa apa yang kita kena baca supaya pandai?

Langkah 3:**Membuat persediaan untuk kerja lapangan**

3. Guru mencadangkan kanak-kanak untuk melawat ke perpustakaan yang terdekat untuk melihat pelbagai buku di perpustakaan.
4. Guru juga mencadangkan kanak-kanak untuk melawat ke setiap sudut Perpustakaan dan bertanya kepada pegawai perpustakaan.

Langkah 4:

Menghubungi pihak yang akan dilawati

5. Guru menulis surat kepada pihak Perpustakaan

Langkah 5:

Mendapatkan kebenaran ibu bapa untuk sesi lawatan

6. Guru menulis surat kepada ibu bapa untuk memaklumkan tentang lawatan yang akan diadakan

Langkah 6:

Menyediakan jadual dan senarai semak lawatan

7. Guru menyediakan jadual lawatan
8. Guru menyediakan senarai semak lawatan

Langkah 7:

Mengumpulkan maklumat semasa lawatan

1. Kanak-kanak dibawa melawat perpustakaan yang berdekatan.
2. Di perpustakaan guru menerangkan kepada kanak-kanak yang mereka boleh mendapat berbagai maklumat dari buku-buku dan bahan media yang lain.
3. Kanak-kanak melihat pelbagai maklumat bercetak mengikut kategori
 - a. Kamus bergambar
 - b. Buku cerita pelbagai
 - c. Novel
 - d. Majalah
 - e. Surat khabar
4. Apabila pulang ke Tadika kanak-kanak melukis pengalaman mereka melawat ke perpustakaan
5. Kanak menyediakan buku skrap untuk mencatat dan melukis maklumat yang didapati dari Perpustakaan.
6. Guru mencatat semua soalan dan jawapan yang diperolehi semasa lawatan
7. Guru mengambil gambar semasa lawatan



8. Kanak-kanak digalakkan bertanya soalan dan mengumpul semua maklumat yang ada
- d. brosur
 - e. poster
 - f. sampel



Langkah 8:

Membawa pulang semua maklumat yang diperolehi semasa lawatan





Kanak-kanak melukis gambar benda-benda yang ada di Perpustakaan

Langkah 9:

Merancang dan menghasilkan hasilcipta/persembahan projek

13. Setelah pulang dari lawatan, kanak-kanak memberi cadangan untuk menyediakan Model Perpustakaan.
14. Guru mencadangkan kanak-kanak menyediakan senarai keperluan dan menggalakkan ibu bapa untuk membantu mendapatkan bahan-bahan untuk keperluan projek.
15. Jadual untuk menyediakan projek dirancang bersama kanak-kanak.

C. KESIMPULAN PROJEK

1. Menyiapkan hasil projek
2. Membuat persiapan untuk persembahan projek
3. Menjemput ibu bapa/komuniti
4. Mengadakan persembahan
5. Membuat refleksi dan penilaian bersama kanak-kanak

Langkah 1:

Menyiapkan hasil kerja:

1. Semua bahan-bahan dikumpulkan.
2. Kanak-kanak dibahagikan kepada 2 kumpulan
3. Kumpulan 1 akan membuat model Perpustakaan
4. Kumpulan 2 akan menyediakan buku skrap berkaitan ilmu pengetahuan

Projek 1:

Model Perpustakaan- 3 dimensi

Bahan :

- i. Kotak besar
- ii. Kertas warna
- iii. Alatulis – gunting, gam, pisau, warna, dll
- iv. Botol air mineral
- v. Kotak kasut

Cara:

1. Menyediakan model perpustakaan menggunakan kotak besar.
2. Membuat pelbagai model tentang apa yang kanak-kanak tahu tentang peralatan di perpustakaan.

- | | |
|--------------|------------------|
| • Buku | • akuarium |
| • rak buku | • computer |
| • meja | • pasu bunga |
| • lampu | • lampu |
| • kerusi | • bingkai gambar |
| • televisyen | • kabinet buku |

Projek 2:



Buku skrap Dan Model Perpustakaan

Bahan:

- i. Kertas A4
- ii. Kertas warna
- iii. Alatulis ; gunting, pisau, warna, gum

Cara membuat:



Membuat ukuran



Memotong kotak



Membuat bumbung model



Menampal kotak dengan kertas warna

اونيور سيتي ملايسيا قهق
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG



Membuat model peralatan di dalam perpustakaan



Menghias model perpustakaan

UMP



Menyusun model peralatan di dalam model perpustakaan

اوننيي
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Langkah 2:

Membuat persiapan untuk persembahan projek

1. Kanak-kanak mencadangkan untuk diadakan pameran hasil cipta mereka kepada ibu bapa
2. Kanak-kanak menyediakan ruang pameran bersama guru
3. Kanak-kanak menyediakan kad jemputan kepada ibu bapa
4. Ibu bapa digalakkan untuk membantu menyediakan ruang pameran



Model perpustakaan yang dihasilkan

Langkah 3:

Membuat Refleksi dan penilaian bersama kanak-kanak

1. Setiap projek akan dinilai secara bersama, samada oleh pendidik, kanak-kanak dan ibu bapa
2. Setiap penilaian adalah berdasarkan kepada perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh mengikut tunjang-tunjang pembelajaran.
3. Sekiranya projek ini menarik minat kanak-kanak ianya boleh diteruskan supaya kanak-kanak akan mendapat pengetahuan



**I-Projek (LAPAN)
KEJIRANAN -
MELAWAT NENEK AMAR
YANG SAKIT**

اونيفورسيتي ماليسيا قهق

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

PENDEKATAN PROJEK

KEJIRANAN : MELAWAT NENEK AMAR YANG SAKIT



KANDUNGAN

FASA 1

PERANCANGAN PROJEK

- MEMILIH TOPIK
- PERANCANGAN GURU
- MENGENALPASTI PENGALAMAN DAN PENGETAHUAN SEDIA ADA KANAK-KANAK
- MEMBINA ASAS KEFAHAMAN

FASA 2

PEMBANGUNAN PROJEK

- PERSEDIAAN UNTUK PENYELIDIKAN
- PENYIASATAN
- LAWATAN KE TAPAK LAPANGAN

FASA 3

PERSEMBAHAN PROJEK

- DOKUMENTASI
- PENILAIAN
- REFLEKSI/HASIL PEMBELAJARAN

A. MEMILIH TOPIK**Panduan:**

1. Pengenalan kepada Projek
2. Cerita, video atau objek digunakan untuk menerangkan kepada kanak-kanak tentang tajuk projek yang akan dibincangkan
3. Merancang "Web" untuk projek
4. Mengumpul maklumat dan idea tentang apa yang telah diketahui oleh kanak-kanak
5. Kanak-kanak melukis gambar daripada maklumat yang diperolehi
6. Membuat senarai soalan berkaitan projek
7. Menyediakan sudut pameran projek di dalam kelas

Projek:

Kejiranan - Melawat Nenek Amar Yang Sakit

Langkah 1:**Pengenalan kepada Projek:**

1. Guru bercerita tentang jiran tetangga yang terdapat dalam persekitaran kediaman manusia.
2. Guru membaca petikan hadis :
Iaitu Rasulullah SAW bersabda :
"Barangsiapa yang beriman kepada Allah, dan hari akhirat, maka janganlah ia menyakiti tetangganya."
3. Guru menerangkan maksud hadits di atas iaitu kita hendaklah tidak menyakiti hati jiran kita. Guru membacakan hadits tersebut dan menggalakkan kanak-kanak membaca hadits dan maksudnya iaitu tidak memukul, marah, mengeji , mengejek dan lain-lain yang boleh menyakiti fizikal dan emosi rakan.
4. Amar datang ke TABIKA dan bercerita yang neneknya sedang sakit. Nenek Amar tinggal berjiran dengan kelas TABIKA. Guru memberitahu rakan-rakan Amar yang neneknya sedang sakit. Wati mencadangkan supaya mereka pergi melawat nenek amar. Guru bercerita tentang pentingnya kita membantu jiran yang sedang dalam kesusahan seperti nenek Amar. Guru membacakan hadits berkaitan dengan jiran tetangga.....

4. Tayangan video mengenai jiran:

